



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):

- **Keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ)**
Berkenaan Pulau Batu Puteh
- Y.B. Tuan Salahuddin Ayub (Kubang Kerian) (Halaman 22)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2008 (Halaman 27)

Jawatankuasa:-

Jadual:-

B.1 dan B.7 (Halaman 114)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 2007 (Halaman 27)

Jawatankuasa:-

P.6

(Halaman 114)

Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 42)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Pandikar Amin Haji Mulia, P.G.D.K., P.S.M., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1(Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
4. “ Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
5. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, S.P.M.P., S.P.M.J., P.S.M., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
7. ” Menteri Pelajaran, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO
9. “ Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (Tasek Gelugor) – UMNO
10. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
11. ” Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
12. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasar Gudang) – UMNO
13. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) – UMNO
14. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
15. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina binti Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
16. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Sri Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO
17. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) –PBB

18. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
19. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
20. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO
21. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
22. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
23. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P. (Tampin) – UMNO
24. “ Menteri Kesihatan, Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) – MCA
25. ” Menteri Penerangan, Dato’ Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
26. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam (Segamat) – MIC
27. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
28. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Tan Sri Dato’ Muhammad bin Muhammad Taib – *Senator*
29. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid bin Ibrahim – *Senator*
31. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Amirsham A. Aziz – *Senator*
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRs
2. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Datuk Liew Vui Keong (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, P.G.B.K., J.B.S. (Sibu) – SUPP
6. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
7. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
8. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
9. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO

10. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Wira Abu Seman Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
11. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*
12. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB
14. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Noriah Kasnon, S.M.S., P.J.K. (Sungai Besar) – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) – MCA
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato’ Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
17. “ Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
18. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) – MCA
19. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) – PBB
21. “ Timbalan Menteri Pelajaran II, Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
23. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M. (Tangga Batu) – UMNO
24. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan S.K. Devamany, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
25. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC
26. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato’ Wan Ahmad Farid bin Dato’ Wan Salleh – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
28. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
29. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
30. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
31. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
32. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II, Dato’ Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Saifuddin bin Abdullah (Temerloh) – UMNO

34. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Panglima Lajim Ukin (Beaufort) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Maznah Mazlan – *Senator*
38. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan T. Murugiah – *Senator*

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Tuan Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato' Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Prof. Dato' Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
6. “ Dato' Abdul Manan bin Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
7. “ Datuk Abdul Wahab bin Dolah (Igan) – PBB
8. “ Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
9. “ Datuk Wira Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
10. “ Tuan Ahmad Maslan (Pontian) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) – UMNO
14. “ Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. “ Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
19. “ Tuan Chua Tee Yong (Labis) – MCA
20. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
21. “ Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah, P.G.D.K. (Batu Sapi) – PBS
22. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP
23. “ Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
24. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
25. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
26. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
27. “ Tuan Henry Sum Agong (Lawas) – PBB

28. Yang Berhormat Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
29. “ Dato' Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
30. “ Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
31. “ Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
32. “ Dato Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
33. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
34. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
35. “ Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Rembau) – UMNO
36. “ Dato Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
37. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
38. “ Dato' Haji Lilah Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
39. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) – UPKO
40. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
41. “ Tuan Matulidi bin Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
42. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
43. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
44. “ Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
45. “ Dato' Haji Mohd. Jidin bin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
46. “ Dato' Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
47. “ Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
48. “ Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
49. “ Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
50. “ Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
51. “ Dato' Sri Muhd. Leo M. Toyad, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
52. “ Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir (Jerlun) – UMNO
53. “ Puan Hajah Nancy binti Shukri (Batang Sadong) – PBB
54. “ Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman (Tanjong Manis) – PBB
55. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed (Pulai) – UMNO
56. “ Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
57. “ Dato' Seri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
58. “ Tuan Raime Unggi (Tenom) – UMNO
59. “ Tuan Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
60. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) – SUPP
61. “ Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
62. “ Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO

63. Yang Berhormat Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
64. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad (Sipitang) – UMNO
65. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
66. “ Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
67. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
68. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. “ Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. “ Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. “ Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. “ Datuk Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
75. “ Tuan William Nyallau, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
76. “ Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Haji Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
7. “ Tuan Chua Tian Chang (Batu)
8. “ Puan Hajah Fuziah Salleh (Kuantan)
9. “ Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya)
10. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
11. “ Tuan Johari bin Abdul (Sungai Petani)
12. “ Dato' Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
13. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
14. “ Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)
15. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
16. “ Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. “ Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai)
18. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
19. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
20. “ Dato' Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
21. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)

22. Yang Berhormat Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang)
23. “ Tuan S. Manikavasagam (Kapar)
24. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
25. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
26. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
27. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
28. “ Dato’ Zahrain bin Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
29. “ Dato’ Dr. Zainal Abidin bin Ahmad, D.P.M.S. (Hulu Selangor)
30. “ Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
31. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
11. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
12. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
13. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
14. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
15. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
16. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)
17. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
18. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
19. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun (Jelutong)
21. “ Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang)
2. “ Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Haji Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato' Kamarudin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali (Titiwangsa)
9. “ Tuan Haji Mahfuz bin Omar (Pokok Sena)
10. “ Tuan Mohd. Firdaus Jaafar (Jerai)
11. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli (Kuala Krai)
12. “ Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
13. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
14. “ Tuan Muhammad bin Haji Husain (Pasir Puteh)
15. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
16. “ Tuan Nasharudin Mat Isa (Bachok)
17. “ Tuan Haji Roslan Shahrarum (Bukit Gantang)
18. “ Tuan Salahuddin Ayub (Kubang Kerian)
19. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. “ Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. “ Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Dato' Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Ikmalrudin bin Ishak

CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nurul'aini binti Wahab

Siti Norhazarina binti Ali

Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri

Nur Hidayah binti Janudin

Nooruanizam binti Nasir

Siti Khadijah binti Md Nor

Hafizah binti Abu Samah

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Selasa, 27 Mei 2008

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan langkah-langkah kementerian untuk membantu Syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang sering menghadapi masalah untuk mendapatkan pinjaman bank, baik dari Bank Pertanian, Bank SME atau bank komersial. Apakah kaedah bagi memudahkan pinjaman terutama dalam sektor baru yang belum teruji seperti bio-teknologi, marin, farmaseutikal dan herba.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II [Dato' Jacob Dungau Sagan]: Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan oleh IKS adalah melalui:

- (i) penubuhan Skim Mikro-kredit di mana ciri-ciri utama skim ini adalah termasuk pinjaman diperoleh tanpa cagaran dan memerlukan dokumentasi yang minimum;
- (ii) pengenalan Skim Jaminan bagi membantu syarikat IKS yang menghadapi kesukaran mendapatkan pinjaman bank disebabkan oleh cagaran dan rekod kewangan yang kurang mencukupi; dan
- (iii) penubuhan Dana Modal Teroka bagi membangunkan perniagaan pertanian yang berintegrasi serta membiayai projek pertanian yang berteknologi tinggi.

Untuk makluman Yang Berhormat Tenggara, bagi sektor-sektor baru yang belum teruji seperti bio-teknologi, marin, farmaseutikal dan herba, kerajaan menyediakan dana-dana khas bagi menggalakkan IKS menceburi sektor tersebut yang telah dikenal pasti di dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga.

Di antara kemudahan kewangan yang disediakan oleh kerajaan melalui Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi adalah seperti berikut:

- (i) Dana Inovasi Enterprise bagi meningkatkan penyertaan IKS dalam aktiviti-aktiviti inovasi melalui pembangunan atau penambahbaikan produk, proses atau perkhidmatan sedia ada ataupun baru yang mempunyai elemen inovasi untuk dikomersialkan;
- (ii) Dana Pemerolehan Teknologi bagi menggalakkan penggunaan bidang teknologi moden dalam sektor pembuatan, pembangunan dan pemproses produk sedia ada atau baru termasuk memperoleh teknologi luar negara;
- (iii) Geran Pengkomersialan iaitu dana benih bagi membiayai kos penubuhan syarikat berteknologi dan membantu membangun serta mengkomersialkan projek berteknologi; dan
- (iv) Dana Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan bagi mempromosikan pengkomersialan produk berasaskan sains, teknologi dan inovasi yang direka dan dibangunkan oleh IKS.

Manakala Tabung Teknologi Tinggi yang diuruskan oleh Bank Pembangunan Malaysia turut menyediakan pembiayaan kepada syarikat baru dan sedia ada dalam pembangunan industri berteknologi tinggi.

Selain itu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui SMIDEC sedang menilai semula pakej geran atau insentif sedia ada bertujuan untuk memperluaskan lagi pakej sedia ada dan memperkenalkan pakej baru untuk pembangunan IKS yang lebih mampan dan berdaya saing. Sekian, terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu daripada Timbalan Menteri ini, apakah usaha MITI untuk membantu mempromosikan produk syarikat keluaran IKS keluar negara secara berkesan sehingga dapat menjadi satu *household name*? Selain daripada itu adakah MITI juga mempunyai dan memastikan dana yang mencukupi bagi promosi pengiklanan produk Malaysia melalui penerbitan majalah-majalah antarabangsa yang popular? Mohon penjelasan, terima kasih.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Yang Berhormat dari Tenggara. Saya nampak ada dua soalan yang disentuh di sini. Satu ialah dari segi mempromosikan IKS kita di luar negara. Saya rasa untuk makluman Dewan ini, MITI mempunyai satu agensi yang dinamakan MATRADE yang menjalankan banyak promosi di luar negara kita.

Mereka ini membuat beberapa promosi menerusi *exhibition*, *showcase* di tiap-tiap negara di mana terdapat pejabat mereka. Semua bahan pengeluaran produk IKS yang ada di negara kita dikeluarkan dan turut dipromosikan di kawasan tersebut dan terus dipromosikan. Bagi setiap produk yang dikeluarkan oleh negara kita, lebih-lebih lagi bagi produk-produk yang mempunyai jenama tertentu ia akan dipromosikan dengan sebetulnya.

Begitu juga dari segi dana, adakah dana itu mencukupi untuk mempromosikan. Saya rasa MITI mempunyai cukup dana untuk mempromosikan produk-produk kita yang terkenal dan berjenama di luar negara dan ini dijalankan sepanjang tahun. Program-program itu dijadualkan supaya sepanjang tahun itu kita dapat menjalankan promosi di luar negara, negara-negara yang tertentu di mana kita mempunyai pejabat dan juga perhubungan dengan negara-negara yang lain. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan kepada kita semua, berapa bilangan IKS di dalam negara setakat ini dan sumbangannya kepada perdagangan di Malaysia. Daripada dana-dana termasuk dana inovasi ini, berapakah yang telah dihulurkan secara pinjaman ataupun cara yang lain dan apakah kesannya dan hasil prestasi ini?

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kepong. Itu pun soalan yang cukup baik bagi kita semua. Saya mempunyai sedikit statistik di sini. Mulai dari tahun 2005 hingga April 2008, kita mempunyai jumlah permohonan 14,101 permohonan di bawah geran dan juga di bawah *soft loan*, *SL*.

Jadi geran yang telah diluluskan untuk kedua-dua skim ini ialah berjumlah RM768 juta dalam masa tersebut dan geran yang diberi berjumlah RM347 juta dan *soft loan* berjumlah RM427 juta. Dari segi prestasi mereka ini memang nampak memuaskan. Akan tetapi ada juga *entrepreneur* ataupun yang telah membuat pinjaman daripada IKS ini, ada juga yang mempunyai masalah.

Walau bagaimanapun, kementerian akan mengambil satu tindakan dan langkah yang sesuai di mana *loan* itu dapat di *schedule* kan. Kita tidak terus tuduh mereka dalam mahkamah tetapi kita *reschedule loan* mereka supaya dapat membaik pulihkan projek-projek mereka untuk masa hadapan. Saya rasa prestasi secara amnya memang cukup baiklah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa hadir bersama dalam Dewan yang mulia ini ialah Honorable Hashim Abdul Halim; Speaker Dewan Perundangan West Bengal India merangkap Pengerusi Executive Commonwealth Parliamentary Association (CPA), [Tepuk] dan Dr. William Shija; Setiausaha Agung CPA. Dewan ini mengalu-alukan kehadiran mereka. Semoga hubungan dan kerjasama di antara Parlimen Malaysia dan Sekretariat CPA akan terus terjalin. [Tepuk]

2. **Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah langkah-langkah untuk meningkatkan kedudukan universiti awam dalam ranking universiti dunia.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron]: Assalamualaikum dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Padang Terap, pertama sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Terap kerana berkongsi sama tentang ketidakselesaian kedudukan universiti-universiti awam kita di mata dunia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa berusaha ke arah memperkasa serta meningkatkan kedudukan universiti awam dalam ranking dunia. Kita telah menggagas Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang telah dilancarkan dan akan dijadikan panduan kepada transformasi pengajian tinggi serta, meningkatkan prestasi serta ranking kita di mata dunia.

Langkah-langkah yang telah dan akan diambil termasuklah:

- (i) menambah bilangan penyelidik dan mempergiatkan aktiviti penyelidikan serta inovasi dan menggalakkan institusi pengajian tinggi menerajui ataupun mengetuai kegiatan-kegiatan P&P, penyelidikan dan pembangunan bagi penerokaan dan penemuan ilmu baru dan termaju. Ini dipanggil *My Brain Project*;
- (ii) memperluaskan dan memantapkan jaringan global IPT dengan IPT-IPT terkemuka luar negara serta mengadakan kerjasama, kolaborasi antarabangsa dengan syarikat-syarikat multinasional dan juga pihak-pihak swasta tidak ketinggalan;
- (iii) memantapkan struktur *governance* ataupun tadbir urus IPT dengan meningkatkan keberkesanan pengurusan dan penyampaian perkhidmatan yang dinamik, berkualiti dan berintegriti;
- (iv) menyediakan, meningkatkan ruang bagi tenaga-tenaga pengajar menambah pengalaman di dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bagi siswa dan siswi dengan memantapkan kaedah pengajaran yang berinovatif, sentiasa relevan dan mengikut kehendak semasa iaitu lebih dinamik;
- (v) memantau serta menilai kemajuan prestasi kualiti kurikulum dan program pengajian secara berterusan dan berkala. Ini dipanggil 3TS ataupun tiga tahun sekali di mana pihak yang bertanggungjawab adalah pihak *Malaysian Qualification Agency*;
- (vi) menambah baik kurikulum supaya relevan di mana Jawatankuasa Kurikulum IPT diberikan fleksibiliti untuk menggubal kurikulum dan memastikan pelaksanaan ke arah pencapaian hasil pembelajaran yang ditetapkan serta menepati kehendak dan keperluan semasa;
- (vii) memantapkan sistem penilaian pembelajaran dan perkhidmatan sokongan pelajar untuk meningkatkan pencapaian hasil pembelajaran;
- (viii) menubuhkan ruang bagi universiti-universiti untuk menyertai program APEX, *Accelerated Programme for Excellence*; dan
- (ix) meneruskan pengambilan pelajar ke IPTA menerusi sistem meritokrasi berdasarkan pencapaian akademik dan ko-kurikulum serta menyediakan piawaian laluan ke IPT bagi menggalakkan fleksibiliti kursus dan kemasukan secara terbuka.

Terima kasih.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya yang pertama, apabila melihat kepada ranking universiti awam yang jatuh begitu teruk, terdapat beberapa tindakan yang dibuat oleh pihak kementerian yang saya nak tanya dalam Dewan yang mulia ini.

Yang pertama, apakah yang menyebabkan pihak kementerian memendekkan tempoh perkhidmatan naib cancellor daripada tiga tahun kepada enam bulan seperti yang berlaku di Universiti Malaya dan juga UNIMAP. Adakah tindakan yang dibuat oleh pihak kementerian disebabkan kalau kita tengok di Universiti Malaya tindakan yang dibuat oleh naib cancellor yang begitu tegas menjalankan keputusan-keputusan yang menyebabkan tergugatnya orang-orang yang mempunyai kaitan dengan parti pemerintah?

Soalan tambahan yang kedua, adakah pihak kementerian akan membenarkan permohonan Universiti Malaya di atas inisiatif sektor swasta untuk membangunkan 11 hektar tanah Universiti Malaya, yang sangat bernilai daripada segi sejarah dan sebagainya? Secara tidak langsung menyebabkan universiti hilang fokus terhadap *core business* untuk melahirkan graduan kelas pertama.

Adakah syarikat yang terlibat untuk membangunkan tanah tersebut salah seorangnya adalah merupakan Dato' Ahmad Johari Abdul Razak, yang merupakan adik Timbalan Perdana Menteri kita? Tindakan ini akan menjatuhkan lagi *ranking* universiti di peringkat antarabangsa. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ada soalan-soalan tambahan yang tidak berkaitan dengan soalan asal.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau mahu jawab boleh dan kalau tidak mahupun boleh.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengingatkan saya, yang saya pun ingat soalan-soalan agak terkeluar daripada tajuk utama. Namun begitu suka saya mengingatkan kepada Yang Berhormat juga, kita perlu melihat satu suasana itu dalam pelbagai *dimension*, dalam pelbagai sudut. Kita tidak boleh hanya menganggap satu yang buruk di hadapan kita itu, sebagai buruk selama-lamanya.

Saya tidak pasti sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak, bahawa ada beberapa cara penarafan universiti di peringkat dunia. Pertama ialah di *Times Higher Education Supplement*. Pada masa yang sama juga kita mempunyai di ARWU iaitu *Academic Ranking of World Universities Shanghai*. Kemudian kita juga mempunyai penarafan negara-negara OIC.

Tuan Yang di-Pertua, kita sendiri mempunyai cara penarafan universiti-universiti kita. Baru-baru ini telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri yang kita panggil Setara. Ada terdapat beberapa persamaan dan perbezaan di dalam penarafan ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, untuk *Times Higher Education Supplement*, untuk tahun 2007 kita berada di tahap 350 yang terbaik. Kita ada 35,000 universiti satu dunia.

Yang Berhormat Kubang Kerian senyum saja, tetapi tidak apa saya bacakanlah. Universiti Malaya - 246, Universiti Putra Malaysia - 364, Universiti Kebangsaan Malaysia - 309 dan Universiti Sains Malaysia - 307. Untuk OIC, Universiti Malaya kita di tangga 14, Universiti Kebangsaan Malaysia kita di tangga ke 12 dan untuk Universiti Sains Malaysia kita berada di tangga 41.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cara kita untuk membezakan di antara *Times Higher Education Supplement* kita telah pun mengukur diri kita dahulu. Di mana kita telah meletakkan antara domain-domain utama:

- (i) reputasi staf akademik;
- (ii) pemilihan pelajar;
- (iii) penyelidikan program.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan soalan saya.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: ...Akademik, sumber dan pengurusan. Tunggulah saya hendak beritahu. Sebab Yang Berhormat sebut kita merudum, jadi saya hendak bagi tahu kita ukur diri kita dulu. Yang Berhormat tanya soalan terkeluar daripada soalan utama saya tidak sebut pun.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Tidak terkeluar Yang Berhormat Timbalan Menteri? Ia berkaitan dengan penarafan. Apabila tindakan-tindakan yang diambil terhadap naib cancellor...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Saya dah jawab dengan panjang lebar, apa yang kita dah ambil, kita dah gagaskan PHPTN...

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Panjang lebar tapi tidak jawab.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Saya dah jawab soalan. Yang Berhormat tanya soalan terkeluar langsung tidak ada kena-mengena langsung dengan penarafan...

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Ada kaitan, iaitu Universiti Malaya kenapa tindakan naib cancellor dipendekkan tempoh. Biasanya polisi asal...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Terap.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Yang Berhormat tahukah tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri nanti dulu, duduk dulu. Tadi awal-awal saya katakan bahawa soalan itu tidak ada kaitan. Jikalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab boleh, dan timbalan menteri cuba menjawab.

Jadi saya sudah membuat keputusan, soalan itu tidak kena-mengena dengan menaik taraf akademi dalam universiti. Jadi janganlah perkara begitu apabila saya membuat keputusan dipanjangkan lagi. Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau tidak perlu panjang, jangan panjangkan.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Cuma saya ingin menyebutkan bahawa perbandingan di antara *ranking* dunia tadi...

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: *[Bangun]*

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Yang Berhormat, faham tak? Ini *floor* saya!

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Faham, faham...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Faham, duduklah!

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Naib cancellor sudah tentulah berkaitan dengan penarafan universiti...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Yang Berhormat faham tak? Kalau tidak faham saya cakap... *[Bercakap dalam bahasa Tamil]*

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Yang Berhormat Timbalan Menteri faham tak?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Tanya Ipoh Barat. Duduk!

Tuan Yang di-Pertua: Padang Terap duduk.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, dia menggunakan perkataan lucah di sini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Apa lucah?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tarik balik perkataan itu.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: *[Bercakap dalam bahasa Tamil]* Itu apa?

Tuan Yang di-Pertua: Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Cuba sebut betul-betul. Jikalau salah cuba betulkan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini bukan masa untuk belajar bahasa.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Dia tidak faham, saya suruh duduk dia tidak faham!

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh Barat, Padang Serai...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Cuba sebut.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri fahamkah?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Cuba sebut betul-betul, apa dia?

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu Ahli-ahli Yang Berhormat.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Duduk, duduklah. *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]* Duduk! Faham?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri duduk.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Saya cakap suruh duduk, dia tidak faham.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tidak dijawab, jangan buang masa.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tolong duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat sila duduk dulu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dia sebut perkataan lucu.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Cuba Yang Berhormat sebut yang betulnya apa?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat bolehkah Ahli-ahli Yang Berhormat duduk dulu.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Sebut, sebutlah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan duduk dulu, Yang Berhormat Timbalan Menteri duduk dulu. Ahli-ahli Yang Berhormat, Padang Serai tolong duduk Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Tolong duduk Padang Serai.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Nak tarik apa?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, jangan buang masa lah, kita banyak lagi soalan ni.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Curi masa ni Padang Serai. Padang Serai duduk!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Pahat duduk, Yang Berhormat Timbalan Menteri duduk dulu. Ahli-ahli Yang Berhormat duduk dulu. Duduk sekejap dulu. Macam mana saya boleh buat keputusan kalau sekali gus berdiri sampai 10 orang! Saya tidak dengar pun siapa mengatakan yang itu, mengatakan yang ini...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Itu bahasa *unparliamentary*! Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Padang Serai, mana boleh saya buat kepada satu bahasa *unparliamentary*, kalau bahasa itu saya sendiri tidak faham. [Dewan riuh] Padang Serai nanti dulu! Biar habis dulu saya bercakap Padang Serai.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri melafazkan satu perkataan yang saya sendiri tidak faham dalam bahasa apa. Jadi saya diminta untuk membuat satu keputusan sama ada itu *unparliamentary* atau tidak! Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi lafazkan balik dia suruh Padang Serai sebut apa itu, Padang Serai juga tidak mahu sebut.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya sebut boleh tapi ini bukan tempat untuk sebut. [Dewan riuh]

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Padang Serai duduk.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, tunjukkan peraturan kepada Padang Serai. Dia berdiri pun atas sebab apa, saya pun tidak tahu.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, gunakan peraturanlah, buang masa.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat tidak apa. Kita ada tiga minit lagi siaran langsung... [Ketawa] Kalaupun Ahli-ahli Yang Berhormat sengaja berdiri untuk siaran langsung itulah makanya saya biarkan, tetapi jangan buat selalu, hari-hari begini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita patut ada *point of order*...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh Barat dan Padang Serai tolong duduk.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, 36(4).

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini *comedian*lah.

Tuan Yang di-Pertua: Kinabatangan cukuplah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Di mana satu bahasa lucah digunakan. Itu mungkin dia tidak tahu apa *pronunciation*, tidak tahu janganlah digunakan, *it is very offensive*.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Ipoh Barat saya faham, saya faham.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Itu sebablah saya minta Padang Serai suruh cakap, sebut macam mana *pronunciation*. Macam mana? Cuba sebut!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Bila saya sebut boleh awak mengaku tidak?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Sebut, sebut betul-betul.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh tak Yang Berhormat Timbalan Menteri duduk dulu. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ipoh Barat, Padang Serai duduk dulu. Ipoh Barat duduk dulu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...Tertumpu kepada dia.

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh Barat duduk dulu. Ahli-ahli Yang Berhormat berapa kali sudah diingatkan bahawa jangan gunakan perkataan-perkataan yang *unparliamentary*, perkataan yang tidak elok. Namun apabila diingatkan umpamanya

hari ini saya ingatkan satu, dua jam daripada sekarang ini menggunakan lagi perkataan begitu. Ini Yang Berhormat fahamkah tidak? Jikalau faham jangan lagi gunakan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit Padang Serai. Padang Serai saya tahu bahawa perkataan lucah tidak boleh! Apa lagi perkataan lucah, perkataan di bawah 'ketiak' pun kelmarin sudah saya *ruling* tidak boleh digunakan. Akan tetapi yang tadi dihujahkan saya tidak faham perkataan itu.

Maka bagi Yang Berhormat yang faham, Yang Berhormat ingatkan kepada saya, saya ingatkan balik kepada Yang Berhormat semua. Jangan gunakan perkataan-perkataan yang boleh dipertikaikan. Termasuk menteri-menteri sendiri... *[Tepuk]* Termasuk Yang Berhormat Padang Serai sendiri.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Nasir bin Mohd Zakaria [Padang Terap]: Ini sebab ranking jatuh.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, saya suruh dia duduk. Dia tidak faham, jadi saya cakap sila duduk, maksud perkataan itu adalah "sila duduk".

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Bukan, bukan itu. *Language* yang digunakan itu salah.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, selesai. Dia sudah bagi penjelasan. Dia kata salah.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Soalan tambahan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *Point of order.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang lain duduk dulu. Ada *point of order*, saya mahu dengar dari Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, 36(4) "*Adalah menjadi kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan (biadab)*".

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah tahu itu... *[Ketawa]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dia... *see the Hansard* saya mahu Timbalan Menteri minta maaf dan tarik kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, duduk. Yang Berhormat Padang Serai sudah sebut apa itu *order*. Yang Berhormat Padang Serai suruh saya buat keputusan kepada suatu perkara yang sudah saya tidak faham, selepas itu pula Yang Berhormat Padang Serai mahu saya faham apa itu erti dia.

Saya pun tidak boleh percaya kepada Yang Berhormat Padang Serai, nanti saya terpaksa tanya orang yang lebih arif dengan perkara ini di luar Dewan nanti, tetapi kesimpulannya ialah tidak ada sesiapa...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun sambil tunduk meminta izin Tuan Yang di-Pertua] [Berjalan menghampiri Tuan Yang di-Pertua] [Membisikkan sesuatu kepada Tuan Yang di-Pertua]*

[Dewan riuh]

Beberapa Ahli Dewan: *[Bangun]*

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Peraturan, peraturan Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, tidak boleh...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bentara, kenapa tidak halang, mana boleh naik!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bentara, mana boleh dia buat macam itu?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua!

Beberapa Ahli Dewan: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa sudah jadi dengan Dewan kita ini? Ingat ini pasar malam kah?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Mana boleh Yang Berhormat Padang Serai.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Jangan dibiarkan, ini biadab!

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tolong duduk.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Kena ambil tindakan.

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Ini tindakan biadab.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, biadab.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini perbuatan biadab. Tidak pernah berlaku dalam Dewan ini.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Dia ada minta izin.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Perkara 44(2).

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*

Tuan Raime Unggi [Tenom]: Dia tidak minta izin.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mana boleh! *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: *[Bangun]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Bangun]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri, Yang Berhormat Kinabatangan, Bintulu, Padang Serai, tolong duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita mahu ajar orang yang tidak tahu peraturan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua terlampau lembut.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Bahaya itu. Tidak ikut peraturan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan duduk, semua duduk. Jangan bercakap sebelum dipanggil. Ahli-ahli Yang Berhormat, baru sebentar tadi saya umumkan bahawa dalam Dewan ini bersama kita adalah satu individu yang memegang juga jawatan sebagai Speaker di negara Komanwel.

Lepas saya umumkan lima minit sebelum itu kita tunjukkan gelagat kita seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dalam *first world* Parlimen. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa tidak boleh mengeluarkan cakap hujah yang *unparliamentarily*. Apabila saya ingatkan jangan gunakan, masing-masing berdiri dengan cakap menggunakan *unparliamentary* sehingga Yang terhormat Padang Serai pun keluar daripada tempat duduk dan membisikkan kepada saya apa erti cakap itu.

Dia tidak perlu bagi tahu kepada saya. Saya ingatkan jangan gunakan dan itu juga satu perkara *unparliamentary*. Tabiat begitu berdiri terus merujuk kepada Speaker. Lama-lama kita jadi macam Parlimen negara lain di mana pembangkang dan wakil kerajaan melempar kasut, buku, kerusi dan Tuan Yang di-Pertua pun diserang di atas.

Mujur Yang Berhormat Padang Serai dia tidak serang, dia cuma berbisik, jadi lain kali jangan lagi ulangi perkara seperti ini.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Soalan tambahan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang berhormat Kinabatangan sudahlah. Saya sudah faham semua.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya salah...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak mahu soalan tambahan. Saya sakit hati. Saya mahu *point of order*.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Saya fikir kita ada *point of order*.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli yang Berhormat, ya, *point of order*. Yang Berhormat Padang Serai duduk dulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingin membawa *point of order* 36(12) iaitu perilaku Ahli Parlimen Padang Serai yang boleh mengelirukan Dewan ini dan saya mahu Ahli Yang Berhormat ini dihadapkan ke jawatankuasa.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Dia sudah minta maaf.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Untuk diadili sebab belum pernah insiden begini berlaku dalam Dewan yang mulia ini... *[Tepuk]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya sudah tiga penggal Tuan Yang di-Pertua, inilah pertama kali wakil rakyat yang tidak tahu menggunakan Dewan Rakyat ini sebagai Dewan yang mulia...

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Dia ingat mungkin Dewan ini Dewan tempat samseng - bukan, ini Dewan yang mulia. Kena dihormati dan saya mohon sokongan rakan-rakan supaya dia dihadapkan ke jawatankuasa. Ini perkara serius kena diambil tindakan...

[Semua Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional berdiri]

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu, saya belum selesai dengan ini lagi...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Yang di-Pertua, ambil tindakan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: ...Saya belum lagi selesai dengan yang ini. Duduk dulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita tidak mahu berulang lagi.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *Standing Order* 36.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Selangor, *standing order*. Yang ini pun belum saya selesai untuk *deal*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, sejak Parlimen ini dibuka...

Tuan Yang di-Pertua: Ini *point of order*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya ingin mencelah untuk menjernihkan keadaan. Saya lihat Ahli-ahli yang Berhormat daripada parti pembangkang telah melanggar dan membuat perkara-perkara yang berbeza dari

parlimen-parlimen yang lalu. Apa yang dibuat Yang Berhormat Padang Serai sebentar tadi amat mengecewakan saya, Ahli Parlimen yang mendukung kedaulatan Dewan ini...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Apa yang dicadangkan Yang Berhormat Kinabatangan harus diberikan perhatian dan dibuat tindakan agar menjadi pengajaran kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang tidak mengikut peraturan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *Standing order* Tuan yang di-Pertua.
36.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *Standing order.*

Tuan Yang di-Pertua: Belum lagi boleh mendengar kepada *standing order* sebelum saya *deal* tadi dengan *standing order* yang dibawa oleh Yang Berhormat Kinabatangan.

Yang Berhormat Gombak duduk dulu, saya buat *ruling* kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Selepas itu siapa yang berdiri boleh berdiri.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Parti Keadilan Rakyat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bagi *ruling* dulu.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Duduk dulu. Bagi *ruling* bagi Ahli-ahli yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, nanti dulu. Saya mahu dengar pasal Yang Berhormat Gombak *chief Whip* dari Parti Keadilan Rakyat. Saya mahu dengar dulu.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, setelah saya merujuk perkara ini kepada Yang Berhormat Permatang Pauh selaku Presiden Parti Keadilan Rakyat, saya selaku Ketua Whip memohon kepada Ahli Yang Berhormat Padang Serai untuk bangun memohon maaf kepada Dewan yang mulia ini di atas tindakan yang beliau lakukan sebentar tadi dan saya berharap perkara ini tidak akan berulang lagi bagi menghormati Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya oleh kerana kekurangan itu, saya mohon maaf kerana saya buat tanpa saya sedar. Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: *[Bangun]*

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah cukuplah kalau ada *point of order*. Seperkara sudah selesai.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tanya.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang yang berdiri ini masing-masing pegang *point of order*, soalan tambahan. Okey, isu yang tadi sudah selesai. Okey, duduk dulu kalau sudah selesai.

Dato' Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu kalau sudah selesai. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Gombak. Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingatkan sekali lagi, perkara-perkara sebegini kalau kita boleh elakkan bersama demi untuk kelancaran mesyuarat kita, setiap mesyuarat tolonglah elakkan perkara-perkara yang kamu sendiri sedar akan menimbulkan kekecohan.

Kita menghabiskan masa dengan soal yang saya panggil remeh. Berat hati saya untuk lafazkan perkataan remeh, tetapi itu remeh. Saya tahu perkataan yang disebut oleh Yang Berhormat selalu, kalau di kantin sana sembang-sembang di antara

Yang Berhormat sendiri, kamu tidak akan berani sebut, kamu segan untuk sebut. Akan tetapi kalau di dalam Dewan ini seolah-olah personaliti Ahli Yang Berhormat bertukar.

Jadi sama-sama kita bersabar. Saya pun sebagai Tuan Yang di-Pertua, saya kena bersabar setiap persidangan. Jadi kita jalankan tanggungjawab bersama. Terima kasih Yang Berhormat bagi Gombak dan isu itu, saya anggap sebagai selesai dan sekarang soalan tambahan terbuka kepada soalan nombor dua.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Soalan belum habis lagi Tuan Yang di-Pertua. Soalan belum jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Menteri belum habis jawab, tetapi saya anggap sudah habis jawab. Pada saya awal-awal tadi pun ini bermakna soalan untuk nombor dua ini ada lagi satu soalan tambahan.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: *[Bangun]*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *[Bangun]*

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Soalan tambahan, Kuala Selangor.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Dia sudah...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sudah sejuk Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah sejuk?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sudah sejuk.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, sila. Keluarkan soalan yang baik-baik, jangan panjang lebar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Di Sabah, ini terlampau baik. Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang masyarakat melihat bagaimana perkembangan IPTA dipertingkatkan oleh kementerian, oleh kerajaan ke arah untuk memberi keyakinan kepada masyarakat generasi bangsa akan datang kita.

Jadi oleh kerana itu, langkah-langkah yang drastik diambil termasuk bukan sahaja memastikan *ranking*, sebab ranking ini bukanlah sesuatu yang menjadi kriteria, tetapi bagaimana kualiti mahasiswa-mahasiswa kita apabila mereka keluar daripada universiti kita. Bagaimana mereka boleh menyertai selepas mereka mendapat *degree* ataupun ijazah.

Sebab saya melihat hari ini pengangguran makin meningkat, bermakna kos ataupun kursus-kursus yang diikuti tidak mencapai ke satu tahap yang diperlukan oleh pasaran. Jadi bagaimana cara kementerian ini mempertingkatkan kualiti universiti awam kita? Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Menyampuk]*

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pihak kementerian berkongsi sama kebimbangan Yang Berhormat berkaitan dengan kebolehpekerjaan dan kebolehpenggunaan siswa dan siswi kita apabila tamat pengajian mereka di IPTA dan IPTS untuk bersama-sama dalam sistem masyarakat bagi menyumbang kepada pembangunan negara.

Oleh kerana itu di dalam pelan strategik pengajian tinggi negara, kita telah memasukkan elemen-elemen berkaitan dengan pembinaan modal yang tinggi di kalangan siswa dan siswi kita apabila mereka tamat pengajian, bukan sahaja mereka mempunyai ilmu pengetahuan dan kepakaran yang tinggi dalam bidang yang mereka kaji, tetapi mereka juga mempunyai pemikiran yang seimbang di dalam konteks pembangunan masyarakat. Ini telah dimasukkan di dalam Tujuh Teras Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3. **Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Menteri Pertahanan menyatakan, status pembelian helikopter bagi menggantikan Nuri serta jenis dan harganya.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Sri Gading, Kementerian Pertahanan telah membuat tender bagi memperoleh helikopter untuk menggantikan Nuri melalui iklan pada 7 November 2007. Tawaran ini tutup pada 12 Februari 2008.

Kementerian ini mendapati sebanyak lapan syarikat telah menghantar borang tawaran dan hanya tujuh sahaja yang layak yang membida tawaran ini. Manakala sebuah syarikat tidak layak kerana syarikat tersebut menghantar borang yang kosong.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini proses tawaran perolehan ini sedang dalam peringkat penyediaan memorandum untuk dikemukakan kepada Lembaga Perolehan 'A' Kementerian Pertahanan sebelum ianya dimajukan kepada Kementerian Kewangan untuk keputusan selanjutnya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan. Saya tidak berapa faham jenis helikopter yang terbaik. Harapan rakyat, harapan kita belilah yang terbaik walaupun mahal.

Selama ini helikopter Nuri telah mengorbankan ramai tentera sama ada tentera udara umpamanya, malahan jeneral-jeneral Tuan Yang di-Pertua. Dia sesuatu yang amat mengerikan dan amat merugikan kalau berlaku perkara-perkara kemalangan yang meragut nyawa. Malahan ada orang yang kata tentera kita lebih ramai maut, mati menemui ajal dalam kemalangan daripada bertempur dan helikopter yang digunakan ialah helikopter pengangkutan dan bukan jenis pertempuran.

Jadi harapan kita supaya Kementerian Pertahanan pilihlah helikopter yang terbaik walaupun mahal. Jangan bimbang tentang kritikan yang lain kerana yang penting keselamatan. Ini jeneral pun naik, tentera naik, malahan menteri pun naik, malahan mungkin saya pun naik. Kalau tidak selamat, so kita mahu keselamatan, pentingkan keselamatan bagaimana supaya benar-benar dapat menjamin sesiapa yang menaiki helikopter ini terjamin.

Kadang-kadang Timbalan Menteri akan naik juga. Kalau kemalangan berlaku, alangkah ruginya kita. Jadi saya haraplah ini pandangan kita, pembangkang memang tidak suka mahal-mahal ini, hendak yang murah. Walaupun agaknya naik sekali jatuh, naik sekali jatuh, akan tetapi akhirnya pihak kerajaan juga yang akan disalahkan. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading bahawa kita membeli kapal pesawat yang terbaik. Jadi memang kementerian telah pun melaksanakan perancangan dalam pembelian ini untuk yang terbaik, tetapi kalau pembangkang itu memanglah dia semuanya tidak betul. Kalau kita beli yang mahal pun...

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bersorak] [Dewan riuh]*

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Baik atas angin kata apa...

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Sabar, sabar...

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, baiklah. Berilah peluang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Yang di-Pertua, kapal terbang Nuri yang kita beli ini adalah dalam tahun 1966. Jadi sudah lebih 40 tahun. Jadi kalau kita ingat balik, kalau kita imbas kembali, tahun 1966 saya rasa itulah teknologi yang baik dan itulah yang kita beli.

Pada ketika itu, itulah kapal terbang yang terbaik. Jadi sebab itulah Kementerian Pertahanan membeli kapal terbang Nuri itu. Jadi kalau kita lihat dari segi kemalangan selama 40 tahun lebih hanya terdapat 15 kemalangan sahaja. Ini adalah disebabkan *technical human error*, daripada teknikal jentera dan sebagainya. Jadi kadang-kadang ini tidak dapat kita kawal. Ini kuasa Allah SWT.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Bangun]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Datuk Wira Abu Seman Yusop: ...Dan apa yang Kementerian Pertahanan...

Tuan Yang di-Pertua: Belum habis lagi Yang Berhormat... *[Ketawa]*

Datuk Wira Abu Seman Yusop: ...Dalam hendak memperoleh helikopter untuk mengganti kapal terbang Nuri. Kementerian sudah mengenal pasti bahawa kapal terbang yang hendak dibeli ini iaitu helikopter jenis utiliti dengan berkeupayaan untuk melaksanakan tugas mencari dan menyelamatkan.

Daripada segi spesifikasinya juga kita memang mengenakan spesifikasi yang kita rasa perlu, yang mana antaranya kita mensyaratkan supaya spesifikasi ini mestilah memenuhi di antaranya keupayaan operasi, boleh bergerak pada sebarang masa dalam suatu keadaan cuaca sama ada siang ataupun malam. Berupaya melaksanakan tugas dengan maksimum dengan tempoh penerbangan yang optimum lengkap dengan alatan misi. Rangka bentuk kokpit helikopter mempunyai ciri-ciri ergonomik bagi mengurangkan beban tugas kru ketika menjalankan operasi-operasi yang kritikal.

Keduanya dari segi penyelenggaraan. Mempunyai ciri-ciri reka bentuk yang mudah dan cepat di selenggara serta mempunyai konsep bantuan logistik yang bersepadu. Daripada segi mobiliti pula, berupaya membuat penerbangan sekurang-kurangnya sejauh 200 *nautical miles* radius menggunakan tangki bahan api sedia ada serta mempunyai kelajuan tidak kurang dari 150 kts. Berat dan saiz kapal terbang ini mestilah mampu untuk membawa sekurang-kurangnya 25 orang penumpang dan berkeupayaan membawa muatan...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Yang Berhormat Menteri, jawapan ini boleh didapati...

Datuk Wira Abu Seman Yusop: ...Tidak kurang daripada 10 ribu paun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Daripada segi *survivality* dilengkapi dengan sistem pertahanan diri serta mempunyai ciri-ciri ketahanan dan kekuatan...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Ini jawapan pun kita boleh dapat.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: ...Sektor badan yang utuh yang boleh bertahan sama ada dari akibat kesan tembakan atau meminimumkan kesan akibat terhempas. Ini dia tidak faham Tuan Yang di-Pertua...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Jawapan meleret-leret.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Cuma hendak mengacau sahaja. Jadi, dia kena dengarlah dulu apa spesifikasi yang kita hendak beli kapal terbang ini. Jadi, kita hendak memastikan supaya kita dapat kapal terbang yang terbaik walaupun kalau harganya mahal seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sri Gading itu tadi. Terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, banyak helikopter di Dewan ya. Naik turun, naik turun.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gombak. Saya beri orang depan dahulu.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Menteri. Saya mendapati jawapan Timbalan Menteri dan juga dakwaan daripada Sri Gading saya kira tidak bertanggungjawab. Sementara kos itu penting sama ada murah ataupun mahal tetapi yang lebih penting adalah ketelusan,

good governance... [Tepuk] Kita tidak mahu pembelian senjata dan peralatan pertahanan ini melibatkan komisen sampai RM530 juta.

Baru komisen, belum kos! Maka, saya hendak bertanya dengan Timbalan Menteri, apakah atas prinsip ketelusan dan *good governance* ini Kementerian Pertahanan bersedia untuk menghasilkan laporan penilaian tender yang cukup komprehensif untuk dibentangkan dalam Dewan Rakyat ini bagi perbahasan semua Ahli Dewan Rakyat sebelum sebarang keputusan dijawab oleh Kementerian Pertahanan?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sudah jawab sebelum ini.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Batu Pahat ini dia berangan hendak jadi menteri, tetapi tidak dapat. Sudah berapa penggal dah. Sebab pembentangan laporan penilaian tender ini adalah amalan yang biasa digunakan di negara-negara maju untuk dibahaskan dalam Dewan Rakyat dan Parlimen supaya ada ketelusan dan *good governance* dalam pembelian senjata tersebut...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Soalan yang kedua ialah, apakah Kementerian Pertahanan bersedia untuk memberikan satu pampasan yang cukup munasabah kepada keluarga angkatan tentera yang terkorban akibat kecuai Kementerian Pertahanan membeli senjata dan peralatan kementerian yang berkenaan? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri. Yang soalan asal status pembelian helikopter. Ada soalan-soalan itu yang tidak masuk di situ. Jadi, terpulang kepada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan mengenai pampasan itu tidak relevan Tuan Yang di-Pertua, yang mana saya tidak ingin menjawab.

Berkaitan dengan kos, kalau kita hendak barang yang baik mestilah kos dia baik. Kalau hendak...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Soalan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: ...Kos yang rendah, ambil barang yang buruk.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, kamu sentiasa teriak-teriak fasal *point of order*. Yang semua yang disebut itu sangkaan jahat. Lain kali saya tidak layan lagi *point of order*. Tolonglah.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua. Ini banyak sangka jahat ini. Berkaitan dengan kos dalam pembelian helikopter ini. Saya tidak sebut lagi berapa kos, jadi dia hendak minta bentang.

Jadi, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, dalam pembelian ini adalah kita buat tender terbuka antarabangsa yang mana kita mempelawa melalui iklan. Yang dapat respons lapan buah syarikat yang mana kita mengambil kira hanya tujuh kerana satu itu menghantar borang kosong sahaja. Jadi, ini merupakan tender terbuka. Inilah yang dilaung-laungkan oleh orang minta tender terbuka. Inilah yang kita buat ini. Jadi, mungkin dia tidak tahu. Tadi saya sudah cakap. Jadi, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

4. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta Perdana Menteri menyatakan, apakah langkah-langkah untuk membawa reformasi terhadap Badan Kehakiman.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Zaid bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong meminta menyatakan apakah langkah-langkah kerajaan untuk membawa reformasi dan perubahan terhadap badan kehakiman. Seperti yang saya maklumkan sebelum ini di Dewan ini.

Langkah pertama ialah untuk kita mewujudkan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman untuk kita mencari jalan, proses yang lebih baik untuk memilih hakim-hakim.

Perkara kedua, yang telah juga saya umumkan ialah mengenai kes tertunggak. Suatu jawatankuasa khas peringkat tertinggi untuk mengkaji bagaimana kita dapat mengatasi permasalahan kes-kes tertunggak ini telah pun ditubuhkan yang saya sendiri mempengerusikan bersama-sama dengan Peguam Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Polis Negara, Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dan lain-lain.

Kita sedar bahawa masalah kes tertunggak ini agak kronik. Kita sedar ia memerlukan penyelesaian yang cepat dan menyeluruh tetapi saya juga ingin memberi keyakinan dan kenyataan di sini bahawa banyak perkara yang perlu kita lakukan. Ia memerlukan masa untuk kita menyelesaikannya. Dari segi pelantikan hakim-hakim ataupun Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret, kita perlu mempertingkatkan. Kebanyakan kes-kes ini adalah daripada Mahkamah Rendah, *Lower Court* dengan izin. Jadi, inilah tindakan-tindakan saya atau kerajaan untuk mengatasi perkara-perkara yang ada kaitan dengan badan kehakiman.

Perkara ketiga, yang kita juga mengambil kira ialah soal *legal aid* atau bantuan guaman untuk orang-orang miskin. Kerajaan ingin meluaskan skop dan bidang dan tanggungjawab *legal aid*, Biro Bantuan Guaman. Bidang kuasanya juga akan dipertingkatkan dan akta-akta tertentu akan kita pinda untuk membolehkan lebih ramai rakyat yang tidak ada kemampuan untuk mendapat bantuan guaman.

Kita rasa bahawa dengan adanya nasihat yang lebih baik dan lebih profesional maka rakyat dapat menyelesaikan banyak perkara-perkara tanpa membawa kes-kes itu ke mahkamah dan secara langsung mengurangkan kes tertunggak. Kita juga bercadang untuk membuat satu pindaan kepada undang-undang untuk membolehkan *mediation* dengan izin, ataupun proses 'mediasi' berjaya dilaksanakan.

Walaupun perkara ini telah diperkatakan sudah 10 tahun, tetapi kita masih lagi belum membuat sesuatu keputusan. Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia bahawa kerajaan telah bersetuju untuk merealisasikan proses 'mediasi' untuk menyelesaikan kes-kes yang sesuai dengan persetujuan pihak-pihak tertentu supaya kes-kes tersebut tidak kita salurkan dalam mahkamah tetapi diselesaikan secara *mediation* ataupun 'mediasi'.

Saya juga ingin mengumumkan di sini bahawa soal *recruitment* dengan izin, ataupun pengambilan majistret dan pegawai-pegawai lain yang memerlukan kerjasama JPA, Jabatan Perkhidmatan Awam. Usaha-usaha telah pun dimulakan untuk adakan perbincangan yang lebih baik supaya proses *recruitment* ini juga dipercepatkan. Kalau kita tidak dapat mengisi kekosongan dan menambah kakitangan Tuan Yang di-Pertua, kita tidak akan dapat menyelesaikan kes-kes yang tertunggak ini.

Itulah sesetengah daripada cadangan-cadangan dan saya memberi jaminan bahawa kerajaan memang benar bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan perkara-perkara ini.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri yang datang sendiri untuk menjawab. Soalan tambahan saya, keyakinan umum adalah satu kriteria yang amat penting dalam memulihkan atau membawa reformasi kepada badan kehakiman. Jadi saya ingin tahu, hasil siasatan Suruhanjaya Diraja atas Lingam *tape*, mendapati hakim-hakim yang terbabit mempengaruhi pelantikan dan naik pangkat hakim-hakim yang sememangnya mencemarkan penghakiman mereka atau *tainted judgement*.

Apakah menteri menganggap perlunya *judicial review* ke atas kes-kes *high profile* yang lalu. Misalnya yang membabitkan Yang Amat Berhormat Ahli Bagan, Dato' Seri Anwar Ibrahim, Yang Berhormat Wangsa Maju. Apakah menteri tidak menganggap bahawa pelantikan seorang tokoh UMNO kanan iaitu Tan Sri Zaki sebagai Presiden Mahkamah Rayuan dan kemungkinan akan jadi *Chief Justice* menjejaskan imej dan kewibawaan badan kehakiman dan tidak membawa kepada keyakinan umum terhadap reformasi dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Yang Berhormat Menteri dan kerajaan pada keseluruhannya? Sekian.

Datuk Zaid bin Ibrahim: Mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan dalam laporan suruhanjaya apa yang disebut V. K. Lingam itu, perkara ini dalam siasatan. Jadi saya tidak rasa wajar dan kena untuk saya mengatakan lebih daripada itu kerana siasatan masih lagi berjalan mengenai personaliti-personaliti yang disebut dalam laporan tersebut.

Mengenai keyakinan umum, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kita perlu meningkatkan kembali atau mengembalikan kepercayaan orang ramai kepada badan kehakiman. Dari sebab itulah, perubahan yang kita lakukan ini adalah bertujuan untuk mendapat kembali keyakinan tersebut.

Mengenai soal kes-kes yang dikatakan ataupun yang disebutkan tadi yang melibatkan hakim-hakim yang disebut dalam laporan tersebut. Saya rasa soal proses *judicial review* ataupun mengkaji semula ini adalah proses yang perlu dilaksanakan oleh pihak-pihak tertentu. Ia bukanlah sesuatu yang boleh kerajaan membuat keputusan dalam hal ini.

Jadi saya rasa eloklah perkara soal *judicial review* ini terpujanglah juga kepada seperti saya katakan tadi *the parties concern* dengan izin, dan juga dalam bidang kuasa mahkamah dan bukan dalam bidang kuasa kerajaan. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Di antara reformasi badan kehakiman, yang menyentuh dasar ialah pemisahan kuasa yang diberi kepada badan kehakiman, ini perkara yang penting yang perlu dilakukan.

Sejauh mana selagi badan kehakiman ini berada di Jabatan Perdana Menteri dan tidak ada pemisahan kuasa dalam erti kata yang sebenar. Akan berlaku perkara-perkara yang meragukan, yang menghilangkan kepercayaan rakyat terhadap badan kehakiman, perkara yang mencemar seperti peristiwa V. K. Lingam, peristiwa pemecatan hakim-hakim kanan, Ketua Hakim Negara dan hakim-hakim kanan yang menjadi kemalangan kehakiman dalam negara kita. Apakah pendekatan yang diambil oleh kerajaan untuk benar-benar memberi pemisahan kuasa pada badan kehakiman ini?

Kedua, adalah tidak cukup dengan membayar imbuhan kepada hakim-hakim yang telah dipecat. Sepatutnya kerajaan menunjukkan maruah yang tinggi supaya meminta maaf atau mengaku salah. Tidak cukup kerana, maruah seseorang hakim bukan dibayar dengan harga begitu rupa. Sekian.

Datuk Zaid bin Ibrahim: Soal pemisahan kuasa Yang Berhormat Marang, kerajaan mengiktiraf soal pemisahan kuasa antara badan kehakiman atau dengan eksekutif dan *judiciary*, itu kita iktiraf. Inilah sebabnya timbul persoalan cara kita melantik hakim kerana itu adalah punca *separation of power*, pengasingan kuasa.

Oleh sebab itulah, kita mahu pelantikan itu dijalankan dengan lebih telus, dengan proses yang lebih bebas. Jika ada campur tangan berlaku pada masa-masa yang lampau, kerajaan hari ini telah membuat keputusan bahawa kita tetap mahu menjalankan proses ini untuk kita membuktikan bahawa kita terima sistem negara kita; bahawa bahagian legislatif, bahagian *judiciary* kehakiman dan eksekutif itu berbeza.

Akan tetapi saya ingin menerangkan di sini bahawa hari ini pun Jabatan Perdana Menteri tidak ada kawalan terhadap hakim-hakim. Cuma saya dan Jabatan Perdana Menteri hanya bertanggungjawab dari segi pentadbiran, pendaftaran kes-kes mahkamah, proses-proses pentadbiran. Akan tetapi dari segi hakim-hakim sendiri, cara mereka melaksanakan tugas mereka, cara proses-proses dalaman itu, kita tidak ada kaitan dengan Jabatan Perdana Menteri. Cuma hanya dari segi *administration*, pentadbiran sahaja yang disebut.

Mengenai soal pampasan atau *ex-gratia* yang tidak mencukupi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat. Ingin saya jelaskan kembali bahawa kita tidaklah memberi pampasan ataupun ganti rugi. Apa yang kerajaan bersetuju ialah membayar satu jumlah yang kita rasa untuk menunjukkan rasa kesal kita ataupun rasa terima kasih kita kepada mereka-mereka yang mengalami peristiwa tahun 1988. Sudah tentunya jumlah itu ada yang kata cukup, ada yang kata tak cukup dan sebagainya.

Bagi pihak kerajaan, kita rasa memadai dan kita perlu ingatkan bahawa ini bukanlah satu perkara yang timbul daripada keadaan di mana kita bersalah. Ia timbul dari keadaan kita sedar, kita melakukan sesuatu untuk menunjukkan rasa simpati kita kepada mereka. Jadi soal pampasan tidak timbul dalam perkara ini.

5. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bilakah pihak kementerian akan melaksanakan Projek Perumahan Rakyat atau Perumahan Kos Rendah yang telah diluluskan di negeri Sarawak bagi tujuan membasmi setinggan; dan
- (b) bilakah Projek Perumahan Rakyat sebanyak 1,000 unit yang telah diluluskan ini akan dibina di bahagian Bintulu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat dari Bintulu. Untuk makluman Yang Berhormat,

- (a) Saya ingat ini Jabatan Perumahan Negara di kementerian saya sedang dan telah melaksanakan tiga projek PPR bersepadu di bawah RMK-8 iaitu PPR Seri Wangi, Kuching 200 unit; PPR Batu Lima; Kuching 816 unit; dan PPR Kampung Batu Gong-Siburan 500 unit; PPR Seri Wangi, Kuching dan PPR Batu Lima, Kuching telah siap; manakala PPR Kampung Batu Gong, Siburan masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2009.

Bagi bahagian dua iaitu soalan,

- (b) Bagi projek baru di bawah RMK-9 untuk negeri Sarawak, sebanyak dua projek telah dikenal pasti seperti berikut iaitu PPR disewa kepada Bintulu, 1,000 unit dengan anggaran kos sebanyak RM120 juta. PPR disewa 'Siduan', Sibu 500 unit dengan anggaran kos sebanyak RM51 juta. PPR disewa kepada Bintulu dan kepada Siduan, Sibu dijangka memulakan pembinaannya pada September 2008 dan masing-masing dijangka siap pada September 2010.

Sekian.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan daripada Timbalan Menteri, Rancangan Malaysia Kelapan, tiga-tiga projek semua di Kuching. Sekarang kita di Rancangan Malaysia Kesembilan, dua projek, satu projek di Bintulu.

Di sini saya ada sedikit tidak faham kenapa dalam mesyuarat kita di Bintulu di pejabat BDA Bintulu tidak boleh meng*authoriti* dengan izin, pegawai tidak berapa ingat ataupun dia pun tidak perasan ini projek sudah pun tidak lulus. Satu.

Kedua, tanya dia bila boleh diselesaikan rancangan ini, dia macam tiada jawapan. So, saya pun banyak kali sudah dengar jawapan kata akan dilaksanakan. Jawapan ini sudah banyak kali dengar tetapi sampai hari ini belum lagi. Kali ini saya dengar lagi. Kata bulan sembilan akan dilaksanakan. Saya mahu tanya betul-betul bila dilaksanakan ataupun jawab untuk kita senang hati saja. Saya mahu jawapan.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat dari Bintulu. Biasanya dia punya kenyataan yang begitu sesuai. Untuk makluman Yang Berhormat, saya difahamkan ini ialah satu *turnkey* projek. Saya difahamkan *negotiation* ongkosnya sudah siap.

Sekarang akan hantar ke *Treasury*, dengan izin. Bilakah ini projek akan dilaksanakan? Berita yang kami terima seperti saya jawab tadi ialah kita jangka bulan September 2008. Saya pun haraplah Yang Berhormat Bintulu kerana satu projek dari kawasan saya, satu projek dari kawasan Yang Berhormat dari Bintulu. Kita doalah. Kita ini semua dua projek boleh dilaksanakan bersama. Sekian.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, mana boleh doa begitu. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah kementerian ada meletakkan syarat iaitu kuota 30% untuk rumah kos rendah bagi setiap projek perumahan yang dibangunkan oleh pemaju.

Saya ingin tahu bagaimanakah kementerian memantau pemaju-pemaju ini untuk memenuhi syarat 30% ini dan apakah ada sudah tindakan yang diambil kepada pemaju yang tidak memenuhi syarat ini dan apakah tindakan terhadap pemaju yang membuat rumah kos rendah tetapi dengan kualiti yang rendah? Apa tindakan yang telah diambil?

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun ini keluar pokok soalan. Memang sekarang ini untuk pemaju perlu membina rumah kos rendah 30% daripada projek mereka. Tentang pemantauan dan memastikan kualiti, kementerian saya telah menyediakan beberapa tindakan dan kita sentiasa memantau proses projek itu.

Saya yakin kualiti perumahan ini dan saya juga fikir tidak akan bermasalah lagi. Dulu ya, mungkin ada projek, pemaju yang mengeluarkan itu rumah dengan kualiti kurang sesuai tetapi kalau ini kami pun akan beri tindakan termasuk *blacklist* merekalah. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

6. Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan status tenaga nuklear sebagai sumber tenaga alternatif memandangkan kenaikan harga minyak yang terus melambung naik. Apakah polisi kerajaan berkenaan sumber tenaga nuklear.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Hulu Langat kerana mengemukakan serta berminat dalam aspek pembekalan alternatif melalui tenaga nuklear.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini kita masih belum ada dasar kebangsaan untuk menjadikan tenaga nuklear sebagai sumber tenaga alternatif. Walau bagaimanapun kerajaan mengikuti perkembangan semasa dunia yang menyaksikan semakin banyak negara merancang ke arah penggunaan tenaga nuklear untuk penjanaan kuasa elektrik bagi menjamin keselamatan pembekalan tenaga, kesinambungan serta kemampunan pembangunan ekonomi negara masing-masing termasuk negara jiran di rantau Asia Tenggara khususnya Indonesia, Vietnam dan Thailand.

Selain itu negara-negara Timur Tengah juga telah dilaporkan semakin cenderung untuk membangunkan program penjanaan kuasa nuklear khususnya Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Jordan, Republik Arab Mesir, Republik Arab Syria dan juga Turki. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah mengambil inisiatif untuk menyediakan satu kertas kerja yang komprehensif tentang aspek-aspek apa yang kita panggil PASTEL secara ringkasnya PASTEL iaitu politik, ekonomi, sosial, teknologi, alam sekitar, perundangan dan keselamatan.

Tentang kemungkinan penjanaan tenaga nuklear sebagai asas untuk mencadangkan satu kajian yang terperinci yang menyeluruh tentang semua aspek penyediaan yang perlu dilaksanakan sebelum Malaysia dapat membangunkan program jana kuasa nuklear di masa hadapan. Kajian ini difikirkan perlu bagi meneliti semua aspek yang berkaitan sebelum keputusan dasar boleh dibuat mengenai penjanaan kuasa nuklear di Malaysia pada masa hadapan.

Kementerian ini bersama Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi sedang bekerjasama menyediakan kertas cadangan untuk memajukan tenaga nuklear sebagai salah satu opsyen sumber tenaga negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan walaupun kerajaan belum meletakkan opsyen tenaga nuklear sebagai satu tenaga alternatif tetapi tentu sudah ada persiapan-persiapan awal yang dibuat terutama dari segi tenaga pakar atau penyelidik, dari segi persiapan tempat yang sesuai dan juga dari segi sebaran maklumat kepada awam. Jadi saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat, sebenarnya pakar dalam bidang atom kita juga dulu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua, dasar negara yang digubal dalam tahun 1979 mempunyai tiga objektif iaitu:

- (i) pembekalan - Pembekalan tenaga mencukupi terjamin dan berkesan kos ataupun *cost effective*,
- (ii) penggunaan - Pengguna tenaga berkesan serta produktif dan tidak membazir: dan
- (iii) alam sekitar - Kita kena melindungi alam sekitar kita supaya ia sentiasa terjaga dan terpelihara.

Kita sedar masa ini kita hanya memfokuskan dari segi dasar pembekalan jana kuasa kita ialah melalui petroleum, gas asli, arang batu, kuasa hidro, tenaga boleh diperbaharui dan sebagai mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Hulu Langat tadi nuklear belum dimasukkan sebagai sumber tenaga tetapi dari segi kesediaan kementerian, kita sekarang ini memang mempunyai tenaga.

Maknanya dari segi saintis, kita sudah memiliki, mempunyai 50 saintis yang memang khusus dalam bidang tenaga nuklear. Maknanya kelulusan mereka ialah dalam bidang Ph.D Keseluruhannya kita dah mempunyai tenaga pakar sejumlah lebih kurang 350 orang. Ph.D 50 orang yang memang khusus dalam bidang nuklear dan yang selebihnya ialah *master degree*.

Kita juga telah membuat kajian awal dan sebenarnya kita mempunyai satu jana kuasa nuklear yang terletak di Dengkil yang boleh membekalkan 1MG Watt kuasa nuklear. tetapi itu hanyalah untuk tujuan kajian. Pembelajaran pakar-pakar kita yang sedia ada. Sekarang ini UTM sedang merancang untuk menubuhkan satu fakulti khusus berkaitan dengan tenaga nuklear. Terima kasih.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada jawapan kementerian dan saya rasa kementerian merupakan satu badan yang mempunyai pelbagai agensi nampaknya sudah bersedia.

Kita tahu tenaga nuklear merupakan tenaga yang kedua selepas arang batu dalam penjanaan tenaga elektrik di dunia dengan lebih kurang 20%, arang batu 48%, hidro mungkin 7%, tetapi saya melihat kepada jawapan tadi satu kertas Kabinet sedang dikemukakan. Kita tahu juga ada reaksi daripada rakyat tentang penggunaan tenaga nuklear dari segi keyakinan.

Kalau hari ini banyak ditimbulkan tentang menara telekomunikasi juga boleh menjejaskan dan sebagainya. Saya tidak mahu runsingkan Yang Berhormat saya cuma hendak tahu bila kerajaan akan membuat penggunaan tenaga nuklear kerana kita tahu sumber asli di dunia ini semakin berkurangan. Terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat sebab mempunyai maklumat yang agak terkini. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini sehingga Disember 2007 terdapat lebih kurang 439 buah loji jana kuasa nuklear dengan jumlah keupayaan penjanaan kuasa elektrik 371,895 megawatt elektrik yang sedang beroperasi di 30 buah negara dan daripada 30 buah loji tadi dalam pembinaan dan 74 lagi masih dalam proses perancangan. Ini termasuklah di Asia di China, Taiwan, Jepun, Republik Korea dan India.

Dalam konteks keselamatan kalau kita melihat dengan perkembangan terbaru teknologi yang ada sekarang kita kena melihat kepada beberapa perkara kelebihan dalam bidang nuklear iaitu dari segi pembekalan tenaga. Sebagai mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Muar tadi kita sekarang ini mempunyai krisis tenaga maknanya petroleum dengan kenaikan harga. Dalam konteks kalau kita hendak menggunakan *hydropower* akan melibatkan kawasan yang luas dan alam sekitar banyak akan dikorbankan.

Kajian yang terkini kalau kita melihat daripada *European Environment Agency* yang di Copenhagen Jun 2006, tenaga sedia ada kita gunakan melalui proses menggunakan petroleum dan sebagainya. Apa yang dikatakan gas rumah hijau ataupun karbon yang dikeluarkan oleh sumber tenaga diproses yang sedia ada sekarang ini ialah lebih kurang 2.3 bilion tan setahun tapi dibuktikan melalui kajian ini bahawa kalau kita menggunakan tenaga nuklear bahawa kesan-kesan gas rumah hijau ini akan berkurangan.

Ini dapat membantu sebab nuklear proses untuk perlombongan dan proses mengeluarkan hanya akan mengeluarkan gas rumah hijau tapi bila kita menggunakan penjana kuasa nuklear kita tidak akan mengeluarkan gas-gas sampingan yang boleh membahayakan alam sekitar. Dari sudut itulah kita melihat sebab itu kebanyakan dunia sekarang berpindah ataupun beralih menggunakan kuasa nuklear.

Beberapa perkara lagi ialah berkaitan dengan kuasa yang spesifik. Nuklear kalau kita sudah proses ianya akan satu plat ataupun satu rod nuklear itu akan dapat digunakan untuk tempoh tiga hingga 20 tahun berbanding dengan minyak. Minyak kalau kita guna akan habis tapi plat nuklear atau satu rod itu kalau kita gunakan akan mampu bertahan sehingga daripada tiga tahun hingga 20 tahun. Maknanya kalau selesai digunakan barulah habis plat itu akan dicabut dan akan disimpan di tempat yang terkawal dan selamat untuk alam sekitar.

Inilah kita melihat bahawa komitmen kerajaan terutamanya kementerian untuk membuat kajian terperinci bersama-sama dengan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi untuk kita bentangkan supaya diharapkan tenaga nuklear ini akan menjadi salah satu *option* untuk negara kita supaya untuk jangka panjang negara kita lebih mampu bersaing dalam memastikan sekuriti dalam aspek pembekalan tenaga, alam sekitar terpelihara dan sudah tentu kajian yang terperinci akan kita buat sebelum ianya dilaksanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. Datuk Haji Ismail bin Abd. Muttalib [Maran] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, apakah langkah-langkah drastik kerajaan dalam membantu memperbaiki taraf hidup masyarakat luar bandar bagi menjamin sokongan kumpulan ini kepada kerajaan yang dianggap semakin terhakis.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah mengambil pelbagai langkah untuk memperbaiki kualiti dan taraf hidup masyarakat luar bandar melalui pelaksanaan program, projek pembangunan luar bandar yang berterusan.

Langkah-langkah yang diambil oleh kementerian adalah seperti berikut:

- (i) mempergiatkan pembangunan modal insan melalui pelaksanaan program-program pendidikan sepanjang hayat seperti pendidikan prasekolah dan latihan kemahiran serta kursus-kursus pengurusan kampung dan pemantapan jati diri, kepimpinan institusi sosial desa;
- (ii) membasmi sepenuhnya kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh kadar kemiskinan luar bandar daripada 5.9% kepada tahun 2010 melalui Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat, Program Agropolitan dan aktiviti ekonomi tambahan;
- (iii) memperhebatkan usaha membangunkan kawasan-kawasan terpencil, mundur dan terbiar melalui program bersepadu desa terpencil, pusat pertumbuhan desa, program lonjakan mega luar bandar dan rancangan penyusunan semula kampung;
- (iv) meluaskan liputan dan meningkatkan kualiti prasarana asas utiliti dan ameniti sosial melalui pelaksanaan program jalan luar bandar projek jalan kampung, bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar dan program ameniti sosial,
- (v) merapatkan jurang digital antara bandar dan luar bandar melalui penyediaan medan info desa peringkat daerah dan mukim serta latihan asas celik IT kepada warga luar bandar turut dilaksanakan; dan
- (vi) melonjakkan ekonomi dan industri di luar bandar melalui aktiviti pembangunan usahawan, desa seperti latihan usahawan, pameran dan promosi produk desa, penyediaan premis, gerai, bengkel dan pelancongan desa.

Selain itu, program pembangunan tanah dengan tanaman getah dan kelapa sawit diberi tumpuan sebagai usaha meningkatkan pendapatan masyarakat di luar bandar.

Datuk Haji Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan khususnya Kerajaan Barisan Nasional yang telah banyak mengeluarkan projek, bantuan program dan sebagainya yang memberikan faedah kepada kita termasuk pembangkang.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, di samping projek-projek yang dilaksanakan terdapat juga projek-projek yang tergendala, terbengkalai dan sebagainya yang tidak mencapai matlamat yang hendak kita capai dan ini menyebabkan kemarahan oleh masyarakat apatah lagi ditambah oleh keburukan yang dilemparkan oleh pembangkang kepada kerajaan.

Saya hendak bertanya kepada menteri apakah di antara faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan, terbengkalai, ketidaksempurnaan pelaksanaan projek-projek di kawasan luar bandar ini yang menimbulkan masalah kepada masyarakat luar bandar. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Tuan Yang di-Pertua, kita memang akui sememangnya ada projek-projek di luar bandar yang terbengkalai. Namun demikian pihak kementerian sedang mengenal pasti punca-punca sama ada ia merupakan kelemahan dari segi pelaksanaan ataupun berpunca daripada kurangnya koordinasi di antara satu jabatan dengan satu jabatan dan pihak kementerian sememangnya ingin melihat projek-projek yang telah diluluskan ini dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Saya mengadakan pertemuan-pertemuan dengan pegawai-pegawai termasuk pergi melawat projek-projek itu di kawasan-kawasan luar bandar dan ingin melihat sendiri apakah yang menyebabkan satu-satu projek itu boleh tergendala. Kalau ia merupakan kelemahan dari segi pelaksana maka ini merupakan tanggungjawab pihak kerajaan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan dari segi *delivery system*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pada yang berdiri, jam di depan saya 11.30 pagi, sesi soal jawab sudah berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1)

KEPUTUSAN MAHKAMAH KEADILAN ANTARABANGSA (ICJ) BERKENAAN PULAU BATU PUTEH

11.30 pg.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, saya Salahuddin bin Ayub dari Kubang Kerian akan mengusulkan supaya mesyuarat ini ditangguhkan bagi membincangkan usul yang melibatkan perkara tertentu, berkepentingan ramai dan perlu disegerakan, mengenai isu kekalahan Malaysia di Mahkamah Keadilan Antarabangsa ICJ yang telah memutuskan bahawa Pulau Batu Puteh atau sekarang dikenali sebagai 'Pulau Putih Mata' adalah hak milik Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, isu Pulau Batu Puteh yang telah berbangkit semenjak 28 tahun lalu telah berakhir dengan begitu tragis dan memilukan pada 23 Mei 2008, ekoran keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa ICJ yang telah memberikan hak kedaulatan ke atas pulau tersebut kepada Singapura. Perkara ini adalah amat penting untuk diberikan perhatian oleh Kerajaan Malaysia hari ini.

Oleh kerana kekalahan ini, telah menghilangkan kedaulatan negara kita ke atas pulau tersebut. Walaupun pada awalnya ia diserahkan kepada Kerajaan Singapura melalui British dengan kebenaran Yang Amat Mulia Sultan Johor. Sejarah telah menunjukkan dengan jelas bahawa pulau ini asalnya adalah milik kita.

Saya berdiri dalam Dewan yang mulia ini tidak bermaksud mencabar keputusan Mahkamah ICJ, tetapi kes ini sepatutnya menjadi pengajaran yang amat besar kepada Malaysia dalam beberapa aspek termasuk dalam memastikan kedaulatan negara sentiasa dijaga dengan penuh waspada. Kita masih mempunyai banyak isu tertunggak dengan Singapura yang melibatkan kedaulatan negara.

Pada awal pemerintahan, kita telah menyerah kalah dalam isu Jambatan Bengkok, kini beberapa isu lagi termasuk isu air, ICQ, KTM dan isu Pulau Api di Pulau Pisang, pencerobohan udara, pembelian pasir hinggalah masalah wang simpanan pekerja rakyat kita di Singapura. Pada hari ini rakyat sudah bercakap soal kedaulatan Iskandar Malaysia ekoran dasar kita yang terlalu longgar dengan Singapura. Kita harus mengkaji apakah punca sebenar kekalahan kita dalam kes ini.

Adakah ia berpunya daripada kelemahan hujah atau bukti yang kita kemukakan, atau kerana kelemahan persediaan kita dalam menghadapi perbicaraan ini. Kita bersetuju supaya kes ini dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa, kerana kita yang menuntut daripada Singapura. Akan tetapi kita tidak bersedia secukupnya sehingga sesuatu nampak jelas milik kita, begitu mudah terlepas ke tangan Singapura.

Rakyat Malaysia amat meragui pasukan yang diketuai oleh Peguam Negara, yang kalah dalam kes reman tanpa *bail* di Mahkamah Majistret dan Seksyen berhujah di ICJ. Satu implikasi yang harus disedari semua pihak ialah pada masa ini keluasan perairan Singapura telah bertambah dengan banyak sehingga memungkinkan mereka turut menuntut hak ke atas Pulau Spratly, kerana Pulau Batu Puteh berada di Laut China Selatan.

Singapura juga mempunyai hak untuk menambak laut di kawasan Teluk Ramunia yang mungkin boleh menjejaskan Pelabuhan Tanjung Pelepas, di samping hak-hak nelayan kita di sekitar Teluk Ramunia yang akan sama terjejas ekoran penyempitan kawasan perairan kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari masalah yang timbul ini saya bertanggungjawab dan merasakan Parlimen ini perlu ditangguhkan, kerana isu ini melibatkan kedaulatan negara, jika kita mengambil mudah keputusan ICJ ini, mengambil remeh tentang sebab-sebab kekalahan kita. Ia tidak mustahil pada masa yang akan datang kedaulatan negara kita bakal terlepas lagi selepas daripada ini. Sekian, saya mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mahkamah 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Kubang Kerian pada hari Isnin, 26 Mei 2008. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat iaitu:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya mendapati bahawa dalam soal perkara tertentu, perkara ini adalah perkara yang tertentu, dalam soal kepentingan orang ramai, ia adalah bagi kepentingan orang ramai, dan bagi ianya berkehendakkan untuk disegerakan, perkara ini tidak perlu disegerakan.

Isu ini menyentuh penghakiman ICJ yang muktamad dan Malaysia telah bersetuju untuk mematuhi keputusan tersebut. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2). Terima kasih.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Saya mahu menekankan sekali lagi kerana isu ini ialah isu negara Tuan Yang di-Pertua, dan bertanggungjawab sebagai Ahli Parlimen Malaysia ini.

Saya mengambil tanggungjawab dengan penuh kesedaran sekali lagi menggunakan Peraturan Mesyuarat 18(3)(b) iaitu berbunyi, "jika Majlis Mesyuarat tidak memberi izin, tetapi sekurang-kurangnya lima belas orang berdiri di tempatnya menyokong pembentangan itu." Saya mohon rakan-rakan yang bersetuju atas nama negara berdiri bagi kita merayu Tuan Yang di-Pertua luluskan usul ini.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: 18(3)(b), cuba Yang Berhormat baca kepada saya 18(3)(b).

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Ini kepentingan negara bukan rakyat. [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, *point of order* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian itu cuma ianya berbangkit apabila saya berpuas hati. Saya sebut tadi bahawa saya tidak berpuas hati.

Jadi, apabila saya tidak berpuas hati, maka Peraturan Mesyuarat 18(3) itu tidak berbangkit, oleh kerana saya belum puas hati. Jadi ia tidak berkehendakkan supaya disegerakan dan keputusan saya ialah sama, bahawa saya menolak usul ini di bawah 18(2). Terima kasih.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Kita hendak mempertahankan yang lain.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, macam mana hendak puaskan hati Tuan Yang di-Pertua? [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu Yang Berhormat tetapi itu keputusan saya. Jadi saya kata ia tidak berbangkit, saya tidak berpuas hati. Ada kalanya saya berpuas hati umpamanya dalam isu harga beras, saya berpuas hati perlu untuk dibahas.

Dalam soal ini keputusan telah diambil oleh ICJ. Kalaupun kita bahas keputusan sudah muktamad. Jadi lain hari ada lagi peluang kita untuk bahas soal-soal sebegini, terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Sila teruskan.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua peraturan mesyuarat. Saya menghormati keputusan Tuan Yang di-Pertua sebagai Speaker, tetapi saya sebagai Ahli Parlimen, saya tidak akan duduk untuk memperjuangkan isu ini dan saya bersedia menerima apa juga risiko, kerana pada saya ini adalah masalah keselamatan negara, kedaulatan negara.

Saya memohon untuk dibahaskan bukan untuk kita mengubah keputusan ICJ, tetapi untuk kita membincangkan kelemahan-kelemahan kenapa pasukan kita gagal. Atas nama Parlimen Malaysia mesti menulis sejarah pada hari ini. Ini isu keselamatan dan kedaulatan negara, ini bukan isu PAS, bukan isu Pakatan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. Saya...

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Ini isu negara Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: ...Saya merayu dan saya menghormati Tuan Yang di-Pertua. Saya merayu supaya izinkan kita menggunakan segenap apa yang ada dalam peraturan mesyuarat ini. Saya menggunakan Peraturan Mesyuarat 18(3)(b).

Saya merayu atas nama negara. Saya merayu atas nama rakyat. Saya merayu di atas nama kedaulatan negara. Saya merayu dalam Dewan yang mulia ini supaya isu ini dibahaskan dan biar sejarah menulis pada pagi ini, negara dan Parlimen ini amat sedih, amat terharu kerana kita hilang satu pulau yang merupakan maruah kita bersama... [Tepuk] Saya merayu Tuan Yang di-Pertua. Saya merayu atas nama rakyat, atas nama negara kita...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: ...Saya merayu dan tidak ada, saya rasa tidak ada masalah kita mengalah dalam isu ini. Tuan Yang di-Pertua juga rakyat Malaysia. Saya rakyat Malaysia. Ini Parlimen Malaysia...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: ...Saya mahu supaya perkara ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan duduk dulu. Yang Berhormat Kubang Kerian boleh duduk.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: ...Diizinkan untuk dibahaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat Kubang Kerian duduk dulu Yang Berhormat Kubang Kerian. Sebelum saya mengambil keputusan dan pohon untuk menolak Usul ini, saya juga sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab turut bersedih.

Perasaan Yang Berhormat adalah perasaan kita semua, tetapi dalam hal ini kenyataan dan hakikat yang sebenar, keputusan telah dibuat dan saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa kita perlu ambil iktibar daripada apa yang terjadi. Itu saja yang kita boleh buat pada ketika ini. Kalau Yang Berhormat juga berkeras dalam soal ini, sehingga Yang Berhormat kata, Yang Berhormat berdiri, sehingga saya membuat keputusan, ada lagi peraturan tetap Yang Berhormat boleh gunakan iaitu 43. Di mana buat lagi satu Usul untuk saya menimbang semula di bawah 43.

Namun, buat ketika ini, walaupun saya membuat keputusan bahawa saya katakan saya menolak di bawah 18(3) dan saya sarankan kepada Yang Berhormat dalam perbahasan *Supplementary Budget*, ini juga boleh dibangkitkan. Jadi peluang untuk berbahas dengan soal ini, Ahli Yang Berhormat boleh bangkitkan di lain masa untuk iktibar kita semua. Jadi kalau umpamanya kegagalan itu adalah kesilapan kita semua, kita ambil iktibar daripada itu. Saya Yang Berhormat, benar-benar turut bersedih kerana itu adalah hak milik kita dan kekalahan itu mungkin atas alasan teknikal sahaja.

Jadi di masa-masa akan datang, kita harus simpan rekod dengan cara baik. Kita buat negara ini dengan negara yang berdaulat seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat. Jadi saya mohon maaf oleh kerana saya tidak dapat layan permohonan Yang Berhormat walaupun Yang Berhormat berperasaan seperti perasaan saya juga. Terima kasih. Sila setiausaha.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 43. Saya telah membaca dengan teliti dengan Peraturan 43 ini Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya Tuan Yang di-Pertua mengizinkan satu Usul untuk dikemukakan, maka dari segi kesegeraannya ia akan hilang. Dia akan hilang kesegeraannya.

Maka saya tetap dengan pendirian saya Tuan Yang di-Pertua, dengan penuh hormat kepada Tuan Yang di-Pertua, saya merayu sekali lagi di atas budi bicara Tuan Yang di-Pertua supaya kesegeraan di atas Usul ini mesti diambil perkiraan oleh kita semua. Oleh itu saya tetap meminta supaya Tuan Yang di-Pertua mengizinkan dan apa salahnya, sekiranya Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 4.30 petang untuk kita sama-sama berbahas, mendengar jawapan daripada menteri yang berkenaan.

Apakah sebab sebenarnya? Kenapa kita kalah dan kita boleh merakamkan Parlimen yang mulia ini boleh merakamkan dalam *Hansard* ini apa sebab kita kalah dan menteri yang bertanggung jawab boleh menjawab pada petang ini. Saya merayu lagi sekali Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kubang Kerian, seperti yang saya sebut tadi. Sebelum pun saya menolak Usul ini saya timbang dengan baik apabila mengambil kira semua perasaan rakyat di negara ini, tetapi saya buat keputusan bahawa saya menolak atas dasar ketidaksegeraan.

Jadi selepas ini, Timbalan Yang di-Pertua akan mengambil alih dan mungkin Yang Berhormat akan turut berbahas dengan perbahasan *Supplementary Budget*. Jadi bolehlah Yang Berhormat mengeluarkan apa sahaja hujah mengenai soal ini dan diharapkan dimasukkan juga dalam *Hansard*.

Jadi tidak ada bezanya Yang Berhormat. Oleh sebab, kalau pun usul ini saya benarkan awal-awal, apabila dibahaskan tidak juga kita mengambil keputusan sama ada apa yang kita buat ataupun tidak, kerana itu bukan *sensitive motion*. Jadi Yang Berhormat, saya mintalah supaya Yang Berhormat dalam soal ini, pada ketika ini, kita cuma ambil iktibar mengenai soal apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat itu. Terima kasih.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Bolehlah Yang Berhormat, nanti...

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: ...Saya rasa itu bukan isunya. Kita ada banyak lagi pulau-pulau dan isu-isu yang kita berhadapan dengan Singapura dan...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak cukupkah satu perkataan...

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: ...Apabila...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak cukupkah Yang Berhormat satu perkataan, "Iktibar".

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Pada saya iktibar itu ialah mulai daripada saat ini, kita semua perlu ambil iktibar. Kalau pun nanti kita berbahas, menteri menjawab, keputusannya juga ialah kita akan ambil iktibar daripada kejadian ini. Kita semua faham. Dalam Dewan ini, kita semua rasa bersedih. Siapa yang rasa tidak sedih? Satu Wilayah yang kita punya, tempat yang kita punya, hilang begitu sahaja oleh kerana mungkin atas kecuaiannya kita.

Jadi saya tidaklah membuat spekulasi bahawa kelemahan itu, kelemahan pegawai, kelemahan oleh kerana dokumen tidak ada, sedemikianlah, kerana saya rasa semua yang hadir termasuk menteri, peguam kita yang hadir di situ sewaktu perbincangan, mereka telah membuat perkara yang *to at most, best*. Tidak ada Yang Berhormat orang yang mahu kalah. Tidak ada.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, kami tidak boleh...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Saya tidak buat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mahu dengar dulu Yang Berhormat Sri Gading. Duduk dulu Yang Berhormat Kubang Kerian. Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak ada rakyat di negara ini tidak sedih Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah bawa perkara ini pada tahun 1988 lagi Tuan Yang di-Pertua. Masa saya berucap mewakili Johor dalam Perhimpunan UMNO. Betapa sayangnya kita kepada apa yang telah pun terlepas ini tadi. Yang telah terlepas beberapa hari yang lalu.

Kita sama dengan Yang Berhormat Kubang Kerian dan semua macam Tuan Yang di-Pertua kata tadi, tapi oleh sebab Tuan Yang di-Pertua telah menolak usul ini, maka haruslah kita di Dewan ini tanpa mengganggu sedikit pun soal kecintaan kita kepada negara. Apa yang diterangkan kepada Dewan ini, kita kena patuh apa yang telah disarankan oleh Tuan Yang di-Pertua dan kalau agaknya ada lain-lain, bawa saja dalam Peraturan Mesyuarat 43, kita bahaskan di masa yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Saya harap Yang Berhormat Kubang Kerian dalam soal begini, kadang-kadang kita semua berperasaan. Kadang-kadang emosi kita meningkat. Kadang-kadang perlu kita fikir berbuat sesuatu tetapi dalam keadaan seperti ini kita harus mempunyai kematangan untuk memikirkan apa positif dan negatifnya tindakan kita. Mungkin daripada kejadian ini, timbul perkara-perkara yang positif untuk kita di masa akan datang.

Bagi saya, satu perkataan itu, kita harus ambil iktibar. Adalah cukup untuk kita semua pegang kepada itu, tidak payah kita bahas sampai satu jam. Saya iktibar apabila saya terbaca, kita tengok secara siaran langsung keputusan mahkamah, saya iktibar. Saya beritahu kepada diri saya, bahawa perkara seperti ini tidak harus berlaku.

Jadi kalau kita mempunyai azam seperti begitu, kita pegang kepada itu. Tidak ada guna untuk kita bercerita sejam, dua jam tapi tidak ada juga keazaman kita untuk memegang sesuatu. Jadi saya cukup bersimpati, saya faham perasaan Yang Berhormat Kubang Kerian, kita juga semua berperasaan begitu. Jadi kalau kita ikut perasaan itu, mungkin suatu ketika nanti kita fikir bahawa, ya, kita ikut perasaan dan bukan kebaikan.

Jadi saya minta, mohon maaf, pasal saya tidak dapat layan. Sila Setiausaha, teruskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2007) 2008

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL.2) 2007

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2008 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tujuh puluh empat juta sembilan ratus lima puluh ribu satu ratus lima puluh ringgit (RM74,950,150) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2007, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2007 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2008 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut, hendaklah disahkan.” **[26 Mei 2008]**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Machang sila sambung ucapan.

11.49 pg.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Bismillaahirahmaanirrahiim. Assalamualaikum warahmatulallahi wabarakatuh... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang menyambung semula perbahasan untuk Belanjawan Tambahan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Semalam saat saya memulakan perbincangan, saya menyentuh hal berkaitan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Saya mengajak kita belajar dari sejarah, sejarah bangsa Melayu sarat dengan suri teladan. Saya contohkan bagaimana sejarah Sultan Husin Syah di Singapura dengan menantunya Abdul Kadir bin Ahmad Shahid. Abdul Kadir berkahwin dengan puteri Sultan, namanya Tengku Andak. Abdul Kadir sangat dipercayai dan dia tinggal di istana seperti ahli keluarga sultan.

Semenjak ada Abdul Kadir, dialah yang dilebihkan, dibandingkan menteri-menteri dan pembesar yang lain. Apa kata Abdul Kadir, itulah kata Sultan. Semuanya menyembah dan duduk menghadap dia. Sultan Husin Syah tercatat dalam sejarah sebagai sultan yang sangat lemah dalam mentadbir negeri. Dek kerana terlalu sayangkan menantu dan bimbang keselamatan menantu, Sultan bahkan menghalau orang-orangnya dari istana sehingga tiada seorang Melayu pun bersamanya. Yang ada hanya orang gaji, mata-mata dan gembala kuda. Semuanya orang Keling belaka. Muka surat 329, buku *Hikayat Munsyi Abdullah*.

Tuan Yang di-Pertua, moral kisah sejarah ini ialah pemimpin yang lemah, dinasihati pula oleh penasihat yang berkepentingan, mengakibatkan rakyat terbanyak menerima mudarat. Saya juga semalam membawa kisah Khalifah Umar Al-Khattab yang menjadi contoh ikutan sebagai pemimpin yang baik. Kisah baju Khalifah dan binatang ternakan anakandanya Abdullah dengan moral kisahnya, tidak salah menegur pemimpin atas perkara kebenaran sekalipun yang menegur itu hanyalah rakyat biasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ulang supaya masuk gear dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Oleh sebab sudah panjang lebar cerita ini semalam, dan berjanji kepada saya soalan sejarah yang tidak...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terus terang sahajalah, jangan buang masa.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Keduanya, biar kita belajar daripada sejarah tidak mengapa. Tiada masalah. Dia menyentuh tentang kebudayaan dan warisan kita. Saya menghormati teguran daripada Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, pemimpin tidak boleh menggunakan kedudukan untuk memperkayakan kaum keluarga. Tuan Yang di-Pertua, bertolak dari semangat inilah, izinkan saya menyentuh khusus kepada perkara terkandung dalam butiran Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) Tahun 2008. Jabatan Perkhidmatan Awam...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, mencelah sedikit. Semalam sudah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk dahulu Yang Berhormat. Dia belum masuk gear lagi itu.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Jabatan Perkhidmatan Awam Tuan Yang di-Pertua. Isu yang saya ketengahkan ialah, pelantikan pegawai-pegawai Perdana Menteri. Pegawai-pegawai khas dan setiausaha politik yang dilantik sebagai pengarah bebas bukan eksekutif di syarikat milik penuh kerajaan ataupun syarikat berkaitan kerajaan seperti Malaysian Resources Corporation Berhad, Utusan Melayu Malaysia Berhad, Malaysian Biotech Corporation dan Ino-Bioventures Sdn. Berhad. Isunya ialah pegawai, pegawai khas dan Setiausaha Politik Perdana Menteri dilantik dalam syarikat kepentingan kerajaan.

Tanpa prejudis Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan amalan ini adalah suatu yang tidak sihat. Berpanduan hujah pertama, kehadiran pegawai-pegawai Perdana Menteri, dengan izin, *is a mockery of the government's integrity agenda*. Semua pelantikan ini dibuat selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang menjadi Perdana Menteri dan kelayakan pegawai-pegawainya untuk duduk dalam syarikat kepentingan kerajaan adalah kerana mereka pegawai-pegawai Perdana Menteri, dengan izin, *not because they are outstanding figures in that business or industries*.

Kedua, Perdana Menteri juga tidak boleh menafikan hakikat kehadiran pegawai-pegawainya dalam lembaga pengarah akan mempengaruhi sebarang keputusan dengan izin, *will influence the decision of the board and compromise the boards independence*. Ini suatu keadaan konflik kepentingan. Kepentingan Perdana Menteri samalah dengan kepentingan kerajaan.

Justeru, dalam syarikat kepentingan kerajaan ini, biasanya sudah sedia diwakili oleh pegawai-pegawai kerajaan dari kementerian-kementerian tertentu. Misalnya Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor. Kerajaan ada kepentingan dan kepentingan kerajaan diwakili dalam *board of director* daripada pegawai dalam MOF dan juga Kementerian Pengangkutan. Bukannya pegawai-pegawai politik ataupun pegawai-pegawai khas Perdana Menteri.

Apakah ini bermakna Perdana Menteri sebagai Pengerusi Institut Integriti gagal menghayati falsafah tadbir urus berintegriti? Saya merujuk *Malaysian Code on Corporate Governance*, yang diterbitkan oleh *Finance Committee on Corporate Governance* di bawah seliaan Suruhanjaya Sekuriti pada Mac 2000.

Perkara kedua, *best practices in corporate governance, section A(a). The board of directors, para 3, board balance*, dengan izin. *Non executive directors should be person of caliber, credibility and have the necessary skill and experience to bring an independent judgment to bear on the issue of strategy performance and resources, including key appointments and standard of conduct.*

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, apakah pelantikan pegawai-pegawai Perdana Menteri ke Lembaga Pengarah Pelbagai Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan dan syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Malaysia, contohnya MRCB dan sebagainya, memenuhi kriteria di atas ataupun kerana mereka semata-mata pegawai Perdana Menteri?

Saya mengajak Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, meneliti kepada jawapan bertulis terhadap soalan saya. Pegawai-pegawai khas Perdana Menteri ini terang-terang duduk dalam *board of director* syarikat kepentingan kerajaan. Saya tidak bercadang menamakan watak-watak itu satu per satu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Machang, saya memperingatkan kita membahaskan peruntukan tambahan sedemikian. Tidak boleh terkeluar dari kementerian-kementerian yang disebut dalam rang undang-undang yang berkenaan...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: ...Jadi yang dibahaskan tadi terkeluar sedikit Yang Berhormat. Saya bagi peluang oleh sebab Yang Berhormat sudah sebut. Sila Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Okey. Saya maksudkan tadi dalam kod JPA, Jabatan Perkhidmatan Awam. Tuan Yang di-Pertua, mohon sedikit kelonggaran dari segi itu. Saya juga mengajak kita meneliti *Cadbury report on Corporate Governance*, UK 1992 yang menjadi rujukan asas Malaysia.

Saya petik, "*Given the importance of their distinctive contribution non executive directors should be selected with the same impartiality, and care as seniors executive. We recommend that their appointment should be a matter for the board as a whole and that there should be a formers selection process which will reinforced the independence of non executive directors and make it evidence that they have been appoint on merit and not through any form of patronage.*"

Persoalannya, hujah apa yang boleh diberikan untuk mengatakan bahawa melantik pegawai-pegawai Perdana Menteri sebagai Lembaga Pengarah Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan dan GLC's bebas daripada bentuk *patronage*?

Tuan Yang di-Pertua, topik saya yang kedua ialah kepentingan Kementerian Pelancongan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mohon penjelasan.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Saya habiskan dahulu Yang Berhormat Batu Pahat. Kementerian Pelancongan, di antara tahun 2004 hingga tahun 2008 Tuan Yang di-Pertua, Terengganu banyak membangunkan produk-produk pelancongan seperti *Monsoon Cup* dan Masjid Kristal dan segala macam lagi.

Produk-produk ini Tuan Yang di-Pertua, menelan belanja yang cukup besar. Dari mana datangnya dana? Jawapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini membuka mata kita. Sejumlah RM7.4 bilion rupanya adalah hasil minyak yang disumbangkan kepada negeri Terengganu. Ini maklumat rasmi Parlimen.

Anehnya, bekas Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu dipetik sebagai berkata, terimaan sebenar negeri Terengganu cuma RM1.3 bilion setahun. Bermakna RM5.2 bilion untuk tempoh empat tahun. Terdapat perbezaan yang besar RM2.2 bilion yang memerlukan kerajaan mengambil tanggung jawab menjelaskannya. Kalau itu tidak cukup memeranjatkan, saya petik Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu yang sekarang dalam kenyataannya dalam akhbar *The Edge* pada 5 Mei 2008.

Dengan izin ketika disoal, *"In the past, did the state government proposed to the Federal Government the type of the projects it's wanted? Or did the Federal Government informed the state who it wanted to do, what it wanted to do?"* Jawapannya ialah dengan izin, *"There were projects that we proposed and the Federal Government approved. There were also projects from the top contractor driven. The contractor will come to us and ask us to sign on the dotted line after he has got the projects. We do not know anything about it, and this is the problem"*. Maknanya, projek datang daripada langit. Menteri Besar Negeri Terengganu cuma perlu tandatangan sahaja. Amalan apa namanya ini?

Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mohon penjelasan.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: *[Bangun]*

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Yang Berhormat Marang, minta maaf Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat Marang.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Mengikut Laporan Ketua Audit Negara 2006 didapati bahawa Projek *Monsoon Cup* tidak memberi laporan yang sewajarnya dan sepenuhnya kepada Ketua Audit Negara.

Sehinggakan menimbulkan ketegaran yang begitu tegas daripada Ketua Audit Negara dan sehingga hari ini tidak ada apa-apa jawapan daripada pihak yang berkenaan. Menunjukkan bahawa di dalam perkara ini berlakunya penyelewengan-penyelewengan yang perlu didedahkan dan perlu disiasat oleh pihak kerajaan. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya?

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Yang Berhormat Marang. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita berbahas tentang belanjawan, ini bermakna Dewan memikul tanggung jawab yang cukup besar. Setiap ringgit wang yang merupakan hasil negara wajib diagihkan dengan adil. Hal yang disebut oleh Yang Berhormat Marang cuma memerlukan reaksi saya bahawa saya cukup bersetuju dengan pandangan dan keprihatinan itu.

Tuan Yang di-Pertua, bayangkan bagaimana menteri besar yang dipilih oleh rakyat kemudiannya terpaksa akur dengan tauke-tauke besar yang mendapat habuan projek atas hasil kekayaan minyak melalui proses dengan izin, *influence peddling*.

Tergamak mereka khianati amanah rakyat dengan membolot rakus kekayaan negara. Pada masa yang sama program pembelaan rakyat ibarat melepas batuk di tangga. Pengagihannya pula tebal dengan pertimbangan politik. Agenda Melayu kah ini Tuan Yang di-Pertua?

Atas nama pembangunan, atas nama pelancongan. Atas nama membawa Malaysia ke peta dunia akhirnya yang mendapat anugerah *Personality of The Year* dalam *Christoffle Asia Boating Awards 2007*, kerana sumbangannya mempromosikan Malaysia dalam pertandingan kapal layar Monsoon Cup ialah Datuk Patrick Lim yang secara kebetulan seorang pengarah dalam syarikat *events management*, T-Best Events, syarikat yang mengendalikan acara ini. Rujuk *Monsoon Cup website*. Ini isu pelancongan...

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Penjelasan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Ya, Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak berbalik kepada isu pelantikan pengarah tadi.

Saya tahu sebenarnya bahawa pegawai-pegawai kerajaan ataupun pegawai kerajaan secara kontrak sebenarnya dibenarkan untuk dilantik sebagai pengarah di mana-mana syarikat. Ini adalah amalan yang sudah berlaku sejak sekian lama sama ada mereka itu dilantik kerana mewakili kepentingan kerajaan ataupun dilantik oleh pemilik syarikat pemegang amanah untuk mereka dilantik sebagai *board of director*, dengan izin.

Dalam kes pegawai yang disebut oleh Yang Berhormat Machang tadi, saya telah pun meneliti jawapan tersebut. Sebenarnya dua daripada mereka itu dilantik kerana mewakili kepentingan kerajaan dalam syarikat tersebut dan dua lagi dilantik oleh syarikat berkenaan sebagai pemegang amanah dan itu pun dilantik sebagai *board of director*, pengarah bukan eksekutif sebenarnya.

Jadi apa masalahnya? Tidak timbul masalah di sini kerana mereka ini pun mendapat kebenaran bertulis daripada Perdana Menteri. Jadi saya fikir bukan menjadi satu isu sebenarnya dan kalau kita lihat kepada amalan sebelum ini termasuklah yang diamalkan oleh Penasihat PKR pun berlaku juga. Bukan isu sebenarnya yang boleh dibangkitkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ringkaskan Yang Berhormat Machang sebab kita dah tertinggal perkara ini tadi.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Saya menghormati pandangan daripada Yang Berhormat Batu Pahat. Saya timbulkan ini dari segi urusan tadbir korporat. Saya timbulkan isu integriti.

Pegawai Pejabat Perdana Menteri duduk tercongok dalam mesyuarat *board*, tak setuju dia itu nanti di baca oleh Ahli Lembaga Pengarah lain sebagai Perdana Menteri tak setuju. Itu maksud saya. Ini satu permainan tanggapan. Jadi bagaimana *board of directors* boleh membuat keputusan secara bebas. Itu persoalan pokok. Bukan soal kebenaran bertulis dan sebagainya.

Saya berganjak kepada tajuk yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Monsoon Cup.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Sekejap, saya habiskan dulu. Tuan Yang di-Pertua, saya kemudiannya mengajak perhatian kita kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Tuan Yang di-Pertua, daripada risikan dan kajian yang sempat saya buat, rupa-rupanya Tuan Yang di-Pertua, dana di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini banyak. Misalnya:

- (i) Siswazah Tani;
- (ii) Funds For Food;
- (iii) GLC Fund yang diletakkan di bawah AgroBank beratus juta;
- (iv) Ministry of Agriculture Incorporated, ada lagi di bawah Kementerian Luar bandar yang diletakkan di bawah Bank Rakyat;
- (v) Dana Venture Capital;
- (vi) Dana Tax Incentive, potongan cukai, memodenkan reban ayam dan sepuluh tahun pengecualian cukai pertanian;
- (vii) Dana Franchais; dan
- (viii) Dana Belia Tani.

Itu belum termasuk RM2.5 bilion yang terbaru yang mesti dihabiskan di antara Jun sehingga akhir tahun ini di bawah pakej untuk mencukupkan bekalan makanan. Demikian besar jumlahnya Tuan Yang di-Pertua dana-dana untuk bidang pertanian ini.

Persoalannya ialah kenapa kita masih belum mampu membekalkan dan mengadakan bekalan makanan yang mencukupi untuk negara? Baru-baru ini kita berdepan dengan masalah ketidakcukupan bekalan beras dalam negara. Kita juga berdepan dengan masalah kemiskinan yang terbesar adalah rakyat yang terlibat dalam sektor pertanian. Apa sebenarnya masalah? Duit itu ada. Komitmen kerajaan ada. *Delivery system*, kita tak mempertikaikan kesungguhan pegawai kerajaan.

Saya ambil contoh misalnya pengecualian cukai bagi syarikat yang melabur dalam projek pertanian. Rupa-rupanya untuk tahun 2007, lebih daripada RM1 bilion syarikat-syarikat yang menyertai program pengecualian cukai bagi syarikat yang melabur dalam pertanian ini menikmati pengecualian cukai. Jumlah yang dilaburkan oleh mereka akan dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Misalnya, sebuah syarikat yang perlu bayar RM200,000 cukai pendapatan akan dikecualikan dari cukai pendapatan sehingga jumlah ini jika dia melabur dalam projek pertanian. Untuk tujuan ini, ia perlu menubuhkan sebuah anak syarikat. Anak syarikat ini boleh dimiliki sepenuhnya atau secara usaha sama dan anak syarikat ini akan mendapat status perintis dan diberi pengecualian cukai selama 10 tahun. Saya mendapat beberapa maklum balas daripada peserta-peserta yang berkeinginan.

Rupa-rupanya, semacam ada masalah koordinasi di antara jabatan-jabatan kerajaan. Antara Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kewangan sendiri, Lembaga Hasil Dalam Negeri, saya difahamkan cuma ada dua pegawai yang betul-betul faham tentang skim pengecualian cukai ini. Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya kerajaan dapat mengadakan *one stop centre* dengan izin, yang cekap untuk membantu pelabur mencari dan mendapatkan tanah bagi terlibat dalam skim pengecualian cukai ini.

Jadikan ini daya tarikan. Sekarang ini pelabur terpaksa ke merata tempat untuk mencari tanah. Masalah di peringkat Kerajaan Persekutuan ialah masalah tanah dan kerajaan negeri tersedia banyak tanah terbiar. Sewakan tanah barangkali pada kadar yang murah, RM100 seekor setahun katakan. Yang penting ialah menjana peluang pekerjaan dan *output* ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon untuk meminta atau mencadangkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kewangan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri dapat misalnya melantik seorang pegawai untuk *liaison* ataupun kerja-kerja koordinasi dengan *one stop center* ini. Ini dapat mengelak dari komplikasi berurusan dengan pegawai-pegawai yang mempunyai masalah dari segi memahami skim ini.

Barangkali sama dengan kerajaan-kerajaan negeri juga, boleh diambil sebagai pendekatan proaktif dengan kerajaan melakukan *homework* pada peringkat *commissioning of companies* untuk melihat *company* yang mencapai keuntungan dan mencadangkan supaya mereka memohon mendapatkan pengecualian cukai ini. Ini saya fikir boleh membantu ke arah merealisasikan hasrat kerajaan untuk memanfaatkan dana-dana yang begitu besar yang terdapat di dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan sektor pertanian.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya cuba menyinggung sedikit di bawah tajuk Kementerian Pertahanan. Saya baca Laporan Audit 2006, rupanya masalah dalam Kementerian Pertahanan ini Tuan Yang di-Pertua sangat rencam sifatnya apabila banyak kes-kes *discrepancy*, dengan izin, percanggahan. Misalnya pembekalan *webbing* dan peralatan angkatan tentera.

Ada pembekal yang dinyatakan dalam laporan audit ini yang membekalkan alat sub standard tetapi tidak didenda seperti yang dikenakan pada yang lain. Stok di depot tidak sama yang di dalam akaun. Rujuk muka surat 388 hingga 400. Ada alat sub standard yang patut di ganti pembekal, tetapi tidak diganti. Kenapa pembekal-pembekal ini dikecualikan dari tindakan dan siapa sebenarnya pemilik syarikat-syarikat ini? Sudahkan Kementerian Pertahanan membuat laporan BPR dan laporan polis?

Pada muka surat 407, Laporan Audit Negara menimbulkan persoalan kenapa projek OPV diwastakan, sedangkan tidak dipersetujui oleh tentera laut. Bantahan TLDM ternyata benar kerana akhirnya syarikat berkenaan PSC, gagal melaksanakan projek ini. Pada muka surat 414 didedahkan bahawa penyerahan *performance bond* tidak mengikut peraturan.

Pada muka surat 418, kerajaan telah membayar *for variation order* walaupun German *partner* mengatakan tidak perlu. *Voucher for 14 payments*, dengan izin berjumlah RM946.43 telah hilang. Bagaimana begitu banyak *voucher* boleh hilang, muka surat 421 dan senarainya cukup panjang.

Jikalau beginilah cara perjalanan Kementerian Pertahanan Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai mewakili rakyat dalam Parlimen ini berhak untuk melahirkan rasa kebimbangan kami. Rupa-rupanya aspek pertahanan yang penuh dengan masalah ini yang ditegur secara nyata, secara fakta, angka, kelemahannya dalam audit masih lagi belum kita perlihatkan. Apakah sebenarnya langkah yang diambil oleh kerajaan?

Akhirnya Kementerian Luar Negeri. Tuan Yang di-Pertua, percubaan sahabat saya Kubang Kerian untuk mengambil bahagian tadi dalam usul khas...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dua kali Akhir Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Kali ini mendarat sungguh Tuan Yang di-Pertua. Isu Singapura dan kemenangan mereka dalam Pulau Batu Puteh.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat merasakan prihatin itu kerana di negara kita banyak wilayah ataupun pulau yang menjadi isu tuntutan bertindih. Pulau Ambalat misalnya kita dengan Indonesia, Kepulauan Spratly, Pulau Layang-layang. Bahkan Sabah itu sendiri kita masih berdepan dengan tuntutan Filipina yang tidak pernah menggugurkan tuntutan.

Saya fikir atas alasan-alasan itulah, Parlimen adalah tempat yang paling baik untuk kita memberikan ruang waktu bagi membahaskan. Dengan penuh harapan, bahawa kita semua boleh mengambil pengajaran seperti yang telah disebut oleh Tuan Yang di-Pertua pada awalnya tadi. Prihatinnya kita Tuan Yang di-Pertua, adalah sebab sayangnya kita kepada negara ini. Di mana bumi kita pijak di situlah langit kita dijunjung.

Sebab itu perkara ini perkara yang besar. Apakah kerana tidak kompetennya *team* kita, ketika memberikan penghujahan. Ini juga perkara yang harus diteliti, sebab mereka juga bukanlah manusia yang sempurna, boleh jadi ada yang terlepas pandang. Apakah kita telah menggembleng tenaga yang terbaik atau *the best brain among us* sebelum membuat persiapan? Hanya Dewan ini yang boleh memberikan platform untuk kita membahaskannya, supaya kita tidak lagi kehilangan banyak wilayah-wilayah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengakhiri.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: [Bangun]

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa antara kelemahan yang timbul dalam isu kes di Pulau Batu Puteh ini ialah kerana kegagalan kerajaan untuk membawa peguam terkenal negara kita iaitu V.K Linggam? [Ketawa]

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Saya pun terlepas pandang. Barangkali, kalau bawa Linggam dia boleh beli semua hakim itu. Itu boleh memberi jaminan kita menang barangkali Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Dengan nada itu saya...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [Menyampuk]

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: ...Saya mengakhiri *floor* saya. Saya ucap terima kasih banyak-banyak kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: [Bangun]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sebab itu keputusan Tuan Yang di-Pertua tidak membenarkan dibahaskan betul, sebab main-main.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia pun tidak jawab betul-betul Yang Berhormat, tidak apalah.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Pontian, Pontian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Siapa yang minta Kubang Kerian, minta Pontian ada *recommendation* juga ni, lobi ke ni?

Saya bagi Kinabatanganlah dia yang tak lobi. Sila.

12.15 tgh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut melontar sedikit untuk sama-sama kita melihat bagaimana senario yang berlaku baru-baru ini, sebuah akhbar tempatan telah menyiarkan satu kemusykilan iaitu lebih kurang 1,000 buah bas yang telah menjadi besi buruk. Pada mulanya bas-bas ini dimiliki oleh dua buah syarikat iaitu Intrakota dan Park May dan menjadikannya sebuah syarikat Rapid KL.

Apa yang menjadi bahan cerita orang ramai iaitu tanya kepada kerajaan, kenapa pada peringkat awal gabungan dua syarikat ini telah tidak menggunakan bas yang sedia ada ini sedangkan pada ketika ini bas-bas ini masih boleh diguna pakai dan mereka pula kena membeli bas-bas baru berjenama Mercedes. Bas ini masih tersadai dan telah membelenggu masyarakat di sekitar yang berhampiran iaitu di Lembah Klang.

Jadi saya ingin bertanya kepada kerajaan dan saya mahu penjelasan sebab rakyat juga berkehendakkan penjelasan. Adakah apa-apa yang tidak kena dalam penjelmaan Rapid KL itu? Kalau tidak ada, kenapa bas-bas yang masih boleh diguna pakai tetapi tidak diguna pakai dan boleh mengakibatkan bukan sahaja pencemaran tetapi mengakibatkan kerugian.

Anggaran kasar kerugian dengan tidak mengguna pakai bas-bas tersebut iaitu hampir-hampir RM500 juta. RM500 juta ini kalau diguna pakai di kawasan Parlimen saya, banyak rakyat di kawasan saya yang keluar daripada belenggu kemiskinan. Oleh kerana itu kerajaan kena bertanggungjawab memberi penjelasan yang sewajarnya. Kita tidak mahu ada teka-teki. Saya mahu penjelasan yang jelas.

Kedua, saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan. Apa yang sudah berlaku dengan pembelian Bank Internasional Indonesia atau BII yang telah dilangsungkan oleh syarikat Maybank. Pembelian BII ini menampakkan tidak ada rasional langsung; di mana bank ini, pada ketika ini berada dalam satu keadaan yang begitu teruk yang mufliis dan tidak ada keuntungan langsung.

Bayangkan RM4 bilion yang diguna pakai oleh syarikat Maybank untuk membeli bank ini. Saya mendapat maklumat bahawa pembelian ini semata-mata untuk bersaing dengan bank yang lain seperti CIMB. Jikalau ini rasional dia maka lingkuplah ekonomi negara kita.

Saya bimbang Tuan Yang di-Pertua, ada urusan yang tidak betul di sebalik pembelian ekuiti BII ini. saya meminta kerajaan menyiasat sebab tidak mungkin pembelian sebegini mendatangkan manfaat kepada ekonomi negara kita. RM4 bilion ini bukan satu angka yang kecil. Jikalau dibagi untuk pembangunan di Sabah, membangun sudah negeri Sabah...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Dalam masa yang sama kita harus melihat...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Sikit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sudah cakap panjang tadi mahu lagi?

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terbaru. Terima kasih Kinabatangan. Terbaru saya terbaca Harian Tempo Online di Jakarta, Timbalan Gabenor Bank Pusat Indonesia iaitu Siti Fadjriah baru sahaja membuat pengumuman bahawa urus niaga itu memenuhi semua syarat *regulator* di sana, jadi maknanya boleh. Gambaran Yang Berhormat Kinabatangan tadi masih ada masalah. Saya hendak percaya yang mana, yang Timbalan Gabenor atau pun Yang Berhormat Kinabatangan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia Gabenor Indonesia, semuanya bisa diatur. [Ketawa] Saya ada kebimbangan, sebab apabila rakyat ada kebimbangan maka saya kena menyuarkan kebimbangan. Kita tidak mahu mana ada logik akal, ini kira logik akal sesuatu yang sudah rugi kemudian dia menyatakan untuk *long-term investment*. Bermakna pelaburan jangka panjang akan mendatangkan keuntungan. Bagaimana ada jaminan, ada keuntungan? Sedangkan pada masa yang sama sudah ada kerugian.

Dalam masa yang sama, kita juga maklum bahawa Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Bank Malaysia atau NUBE meminta majikan mereka supaya menyelesaikan permasalahan yang mereka hadapi. Iaitu antara lain persetujuan yang telah dipersetujui kenaikan gaji 30% dan juga bonus dua bulan. Sehingga hari ini belum dilaksanakan oleh pihak majikan. Kenaikan 30% hanya dibayar sebagai interim ataupun elaun 7%, sementara bonus dua bulan itu dia kata kena dilihat dulu dalam KPI, dimasukkan dulu dalam KPI dan ini apa sudah jadi?

Bayangkan bagaimana kalau pekerja semua bank di negara ini mogok, tidak mahu bekerja? Apa akan jadi dengan ekonomi negara kita? Dalam negara kita Malaysia ini tidak ada peniaga bank yang rugi. Semuanya untung berbilion-bilion tetapi mereka masih mengambil kesempatan di atas kesempitan hidup masyarakat negara kita hari ini untuk tidak membayar elaun dan kenaikan 30% tersebut.

Saya mahu campur tangan Bank Negara supaya menyelesaikan isu-isu yang dihadapi ini sebab bank kita pada hari ini selain daripada meraih keuntungan yang banyak mereka juga kena melihat bagaimana sosial obligasi itu sendiri harus diterjemahkan bersama.

Kalau tidak kita melihat beberapa buah negara bukan di negara kita, di luar negara di mana pekerja bank mereka telah melakukan tunjuk perasaan dan telah melumpuhkan ekonomi negara tersebut. Kita tidak mahu menggalakkan mereka tunjuk perasaan, tetapi biarlah majikan menggunakan kebijaksanaan mereka untuk menyelesaikan tuntutan-tuntutan yang telah dipersetujui...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak panjang cuma ada perkara yang perlu. Berapa masa yang dibagi Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kita hanya ada dua hari.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dua hari lama lagi. Kita jangan cerita soal dua hari. Kita cerita ini hari Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Belum habis lagi Yang Berhormat. Dengar Yang Berhormat, saya belum habis bercakap. Kita hanya ada dua hari dari semalam, sekarang kita ada satu hari sahaja jadi kita kena habiskan perkara dasar ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita biar habis sampai tengah malam Tuan Yang di-Pertua.

Alam sekitar, saya beralih kepada Kementerian Alam sekitar Tuan Yang di-Pertua. Ini penting. Alam sekitar ini merupakan satu ancaman baru kepada kehidupan manusia dan saya telah menyuarkan kepada kerajaan, kepada kementerian. Saya hairan dengan apa yang berlaku dalam negara kita. Sebuah negara yang papa kedana, yang miskin, Bangladesh telah melaksanakan tanggungjawab mereka memelihara alam sekitar iaitu memansuhkan penggunaan bab-bab plastik dengan menggunakan bab *biodegradable* atau pun dengan kertas.

Di negara kita, tidak ada tindakan langsung, kenapa? Saya percaya pengilang-pengilang, pemilik pengilang-pengilang plastik beg ini sudah kaya raya, mereka sudah mendapat keuntungan jadi tidak ada sebab dengan memberhentikan pengeluaran beg plastik ini mereka akan muflis. Apakah kita menggadai maruah, keselamatan bangsa, negara kita dengan menjaga kepentingan pengilang-pengilang plastik?

Beg-beg plastik ini telah memudaratkan alam sekitar, beg-beg plastik yang diedarkan dalam negara kita ini tidak mesra alam, tidak mudah lupus dan mengakibatkan pencemaran. Oleh kerana itu, saya meminta kerajaan dan kementerian ini, menteri baru bertindaklah untuk menjaga masa depan negara kita. Jangan terlambat, jangan negara kita sudah hancur, bumi kita sudah merekah, air kita sudah kering kontang baru kita berbicara soal alam sekitar. Ini perlu sebab kita semua perlu berkhidmat untuk memastikan keselesaan kehidupan kita.

Beberapa perkara lagi tidak banyak Tuan Yang di-Pertua, saya akan ringkaskan...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan, sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat sarat membahaskan dalam Dewan kalau seseorang bercakap, orang yang membuat pencilan itu hanya bertanya bukan membuat ceramah yang lain. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya ingin bertanya sahaja Tuan Yang di-Pertua sebab tadi dia menyentuh tentang isu alam sekitar ini sebab tadi saya membaca dalam akhbar mengenai dengan gempa bumi yang berlaku di Bukit Tinggi 21 kali sejak November 2007 dan hari ini, ia menyatakan bahawa walaupun dia hanyalah 3.1 skala richter, tetapi dengan kekerapan tersebut dia akan boleh meningkatkan kepada 4 skala richter tetapi saya fikir...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tanya dengan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, saya bertanya kepada beliau iaitu kalau kita biarkan, sebab itulah saya mohon supaya kita kena peka sedikit dan batalkan sahaja projek untuk membina terowong membekalkan air ke Selangor. Selangor pun tidak hendak air tersebut sebab dia hendak ambil dari Perak. Saya rasa ambil peluang ini supaya kita batalkan sebab itu pasak bumi kita. Saya harap Yang Berhormat setuju atau tidak batalkan sahajalah projek ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya bukan kata setuju atau tidak setuju cuma inilah Kerajaan Barisan Nasional ini, kita ini cukup prihatin menjaga kepentingan orang lain walaupun orang yang kita jaga itu tidak langsung menjaga hati kita. Walau bagaimanapun, terserahlah kepada kerajaan memikirkan mana yang terbaik kita ambil yang terbaik sahaja. Kita tidak mahu yang tidak baik. Terima kasih Yang Berhormat. Saya faham hasrat Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat Kinabatangan. Sila ringkaskan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, soal Kementerian Luar Negeri. Perkara ini pun saya telah cakap banyak kali. Apa sudah jadi hubungan dua hala antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Filipina?

Seperti saya katakan tadi, kita ini negara terlampau baik. Menghantar misi kita, menghantar *manpower* kita mendamaikan antara MILF dengan Kerajaan Filipina tetapi negara Filipina langsung tidak memberi apa-apa penghormatan sehingga hari ini. Tuntutan ke atas Sabah masih tidak digugurkan, bagaimana hendak menyelesaikan isu-isu pendatang daripada negara Filipina ini kalau konsulat dia di Sabah pun dia tidak hendak wujudkan.

Ini tidak akan berlaku dengan apa jalan sekalipun melainkan kerjasama di antara kedua negara, tetapi di sebaliknya apa motif Kerajaan Filipina yang tidak mahu menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Kenapa kita masih bersifat diplomasi? Kementerian Luar Negeri kena jawab. Saya mahu jawapan, sebab perkara ini telah bertahun-tahun lamanya tertangguh. Saya mahu diberi penjelasan yang sejelas-jelasnya.

Saya juga ini bertanya, bagaimana Sabah Development Corridor atau SDC membawa impak ekonomi kepada negeri Sabah secara langsung dan Kinabatangan khususnya sebab saya dimaklumkan bahawa institusi ini berlainan. Ia lebih terbuka kepada seluruh wilayah Sabah. Saya ingin tanya kerajaan, adakah Kinabatangan juga dapat tempias daripada pembangunan SDC ini? Kalau ya, dalam bentuk apa? Kalau tidak kenapa?

Saya mahu tahu sebab rakyat saya mahu tahu. Rakyat saya, bila saya balik kawasan macam jumpa Tuan Yang di-Pertua, rakyat tanya apa Yang Berhormat telah bawa untuk pembangunan di kawasan kita. Jadi bagi pihak Timbalan Yang di-Pertua pun, saya minta kerajaan sebab Sarawak pun ada koridor. Tengok di kawasan Yang Berhormat ini, adakah impak dari segi pembangunan koridor di Sabah dan Sarawak ini.

Beralih kepada 'Kementerian Pendidikan', saya terbaca kenyataan 'Menteri Pendidikan'...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Menteri Pendidikan tidak ada.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Menteri Pelajaran, saya tahu iaitu dia kata bersetuju untuk memberi peruntukan kepada PIBG yang aktif bermakna bermesyuarat, mengadakan aktiviti. Saya memang amat mengalu-alukan sebab Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahan untuk menjaga PIBG-PIBG di kawasan saya dan PIBG ini jugalah yang telah mendatangkan juga sedikit komplikasi di kalangan ibu bapa pelajar-pelajar tersebut.

Sebab dalam masa yang sama kerajaan mengumumkan bahawa semua percuma untuk datang ke sekolah. Dalam masa yang sama PIBG pula mengatakan kena bayar itu kena bayar ini tanpa ada penyelarasan dan akhirnya yang menjadi mangsa adalah wakil-wakil rakyat. Sebab ibu bapa luar bandar ini tidak ada pendapatan tetap. Kalau anaknya lima orang masuk sekolah kena bayar RM100 atau RM80 dia kena jumpa wakil rakyat. Saya kata semua percuma, dia kata tidak. Guru kata kalau tidak bayar ini tidak boleh turun sekolah. Ini masalah.

Jadi kena ada koordinasi di antara PIBG dengan pihak kementerian. Kerajaan telah bagi percuma pendidikan di negara kita ini. Jadi saya minta kementerian ini kaji betul-betul, PIBG-PIBG kena rasional sedikit memikirkan sebab yang menetapkan harga-harga ini PIBG sekolah yang tidak ada keseragamannya. Yang terakhir saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Memang cukup berkeyakinan bahawa negara kita ini mempunyai satu keinginan masa depan iaitu dengan mewujudkan Latihan Khidmat Negara. Pada saya ianya merupakan satu pendekatan yang boleh membentuk negara masa depan yang lebih cemerlang. Apa tidaknya remaja-remaja 17 tahun didedahkan dengan berbagai-bagai aktiviti, dengan berbagai-bagai teknik dengan berbagai-bagai keyakinan.

Cuma saya terkilan dengan pembangkang apabila berlaku kematian semasa Latihan Khidmat Negara ini lebih kurang 12 orang keseluruhannya. Pihak pembangkang telah meminta Program Khidmat Negara diberhentikan dan saya melihat seolah-olah apabila di jalan raya ada pemandu mati dalam kemalangan di jalan raya maka dia minta jalan itu ditutup. Ini seolah-olah begitu. Jadi ini tidak masuk akal. Apabila ada kemalangan dia kata jalan kena tutup.

Jadi pembangkang bukan semua perlu dibangkang. Kita berkehendakkan pembangkang tetapi biarlah pembangkang yang rasional, biarlah pembangkang yang boleh mencadangkan sesuatu untuk kebaikan bukan bangkang terus. Yang bulat pun dia kata empat segi. [Ketawa] Yang hitam dia kata putih. Sudah hijau, hijau lah. Jangan lagi kata biru. [Ketawa]

Jadilah pembangkang seperti negara-negara luar. Mereka juga pembangkang tetapi membangkang untuk kepentingan. Ada bangkangan ada cadangan. Ini bangkang terus. Semua tidak betul. Yang betul pembangkang sahaja. Jadi ini bukan merupakan satu senario politik yang boleh memberi gambaran bahawa kita benar-benar menjadikan negara kita ini dalam satu institusi politik yang boleh menggambarkan antara kebaikan kepada generasi masa depan kita. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Baik Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Ada lapan yang berdiri. Saya minta maaf yang lain. Saya lihat Yang Berhormat Bandar Kuching dari semalam sudah berdiri Yang Berhormat. Saya beri Yang Berhormat Bandar Kuching dahulu.

12.34 tgh.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan ringkaskan ucapan saya. Saya meneliti Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2007 secara amnya dan apa yang saya berasa hairan adalah ketiadaan satu butiran mengenai satu angka RM16,810,108,100 iaitu Butiran 12, 070000.

Dalam pembentangan anggaran perbelanjaan ini jumlah lebih kurang RM18 bilion yang telah diminta oleh Kementerian Kewangan untuk diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dan saya telah teliti ada banyak butiran yang mengandungi beberapa *million* dan ada juga beberapa ratus ribu yang telah disebutkan dalam nota penjelasan Kertas Perintah 4. Akan tetapi apa yang saya hairan adalah satu angka RM16 bilion yang merupakan lebih kurang 90% daripada jumlah anggaran perbelanjaan yang diminta oleh pentadbiran, yang tanpa apa-apa penjelasan disebutkan dalam Kertas Perintah 4A.

Oleh itu, saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri kenapa butiran 070000 tak ada disebutkan dalam nota penjelasan tetapi satu angka RM9 *million* sahaja antara lainnya pembubaran SUKUM Berhad telah dimasukkan ke dalam nota penjelasan. Saya fikir ini adalah ketiadaan penjelasan mengenai RM16 bilion satu angka yang begitu besar itu adalah melanggar prinsip-prinsip ketelusan untuk menguruskan masalah kewangan negara kita.

Oleh itu, sebelum kita boleh meluluskan anggaran perbelanjaan ini sekurang-kurangnya kita harus diberitahu dengan *detailnya*, apakah tujuan RM16 bilion yang diminta oleh pentadbiran. Apakah kegunaan wang-wang ini? Di bawah Butiran 12 ia merujuk kepada peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun dan kita mahu tahu apakah Kumpulan Wang Terkanun dan kegunaannya dan dibayar kepada siapa atau badan-badan terkanun. Siapakah yang akan menerima wang sejumlah RM16 bilion yang disebutkan di dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua? Ini perkara pertama.

Perkara kedua adalah mengenai kesihatan. Saya amat bimbang semasa saya baca dari laporan *News Straits Times* yang mengatakan bahawa ada lebih kurang 42,000 pekerja-pekerja asing yang telah gagal dalam pemeriksaan kesihatan mereka selepas mereka bekerja di negara kita. Saya ingin tahu apakah polisi Kementerian Kesihatan mengenai pekerja-pekerja asing kerana apa yang dimaklumkan kerajaan telah memberi satu konsesi kepada FOMEMA untuk meluluskan atau *satisfied* segala pekerja-pekerja asing mengenai pemeriksaan kesihatan mereka.

Hanya FOMEMA yang akan meluluskan sama ada mereka layak atau sihat untuk bekerja di negara kita. Mengikut laporan yang saya baca dalam *New Straits Times* tahun lalu, ada 16,697 pekerja asing yang telah dijangkiti *tuberculosis*. Ada 10,953 dijangkiti Hepatitis B dan 2,824 yang dijangkiti *syphilis* dan 683 yang dijangkiti HIV. Ini adalah satu kenyataan yang sangat membimbangkan kita.

Daripada laporan yang akhbar yang sama, ia menyatakan dan saya memetik dengan izinnya, "*a number of these workers, especially maids, were also certified as disease-free by the Malaysian authorities*". *Malaysian Authorities* di sini ia merujuk kepada FOMEMA. Apa yang dia kata, ada FOMEMA walaupun FOMEMA sudah mencertifikasikan mereka sebagai *disease-free*, tetapi ada jumlah yang besar yang masih dijangkiti dengan penyakit-penyakit itu masih bekerja di sini.

Saya khawatir tentang polisi kerajaan, kenapa Kementerian Kesihatan memberikan satu konsesi kepada FOMEMA untuk menguruskan perkara-perkara mengenai pemeriksaan kesihatan pekerja-pekerja asing. Konsesi ini adalah selama 15 tahun. Oleh kerana wujudnya FOMEMA itu, segala doktor dan *laboratory* harus mendapat keizinan daripada FOMEMA, sebelum mereka menjalankan pemeriksaan atas pekerja asing ataupun sebelum *the scanning result* mereka akan diakui oleh FOMEMA.

Saya pun dimaklumkan bahawa, dalam tahun lalu FOMEMA telah melantik satu syarikat *laboratory* yang dinamakan adalah *Medi Scan* yang telah dituduh ada kaitan dengan Ketua Puteri UMNO untuk menjalankan lebih kurang 30% pemeriksaan kesihatan pekerja-pekerja asing. Adakah operasi begitu bersifat kronisme? Dan adakah itu salah satu punca kenapa, walaupun FOMEMA telah meluluskan, *mencertifiedkan* pekerja-pekerja asing yang sihat, tetapi selepas itu *after the second-opinion, second medical check up, they are discover that they are unfit to work in our country*, dengan izinnya.

Dalam laporan ini ada satu *industrial resources*, ada satu trend yang dikatakan, *"In fact, there is an increasing trend of employers sending maids for second-opinion medical tests because they do not trust the screening done in the country of origin and by Malaysian's authorities."*

Oleh itu, saya menyarankan kepada kementerian supaya mereview polisi mengenai FOMEMA, supaya segala *employers* yang hendak mengupah pekerja-pekerja asing, mereka boleh pergi ke mana-mana *laboratory* atau pergi ke mana-mana doktor untuk menjalankan pemeriksaan. Tidak payahlah mereka pergi kepada doktor-doktor atau *laboratories* yang diiktiraf oleh FOMEMA sahaja. Ini akan menurunkan kos *employers* tersebut dan juga ia akan mengurangkan...

Dr. Lo' Lo Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan FOMEMA ini, kalau boleh saya menyentuh sedikitlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya sudah sebut tadi, mencelah hanya bertanya dengan Yang Berhormat penjelasan.

Dr. Lo' Lo Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ya, bertanya sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jangan beri penjelasan dengan Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tidak, bukan penjelasan. Cuma ingin bertanya. Di sini saya dapati FOMEMA ini juga ada masalahnya dari segi peruntukan kes-kes yang diambil kepada sesetengah doktor ataupun hospital begitu banyak. Sesetengah lagi didapati terlalu kurang ataupun mungkin tiada. Adakah Yang Berhormat sedar tentang amalan ini dan mungkinkah berlaku *hanky-panky*, dengan izin dalam urusan FOMEMA ini? Terima kasih

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Pada pendapat saya, kewujudan FOMEMA itu sudah bersifat *hanky-panky*. Apakah gunanya kita perlu satu FOMEMA untuk menguruskan segala perkara ini. Kita boleh melantik pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan untuk menguruskan perkara ini dan bukannya semua *laboratory* dan semua doktor mesti *diregister* atau didaftar dengan Kementerian Kesihatan? Dan apa gunanya ada sesetengah yang ada didaftar dengan FOMEMA boleh menjalankan pemeriksaan atas pekerja-pekerja asing?

Untuk menjawab dengan spesifik kepada soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Tadi, saya ada kata lebih kurang 30% daripada pekerja-pekerja asing *laboratory screening* mereka telah dialihkan oleh FOMEMA kepada *Medi Scan*. *Medi Scan* pada masa itu merupakan satu syarikat yang baru, yang tidak ada *track record*. Inilah yang saya fikir adalah satu bukti bahawa pengurusan FOMEMA untuk *distribute* kerja-kerjanya itu juga adalah *hanky-panky*. Apatah lagi *Medi Scan* itu saya dimaklumkan bahawa ia dimiliki atau ada berkaitan dengan Ketua Puteri UMNO yang menambah lagi *the cronyisms factor* dalam segala perkara ini.

Oleh itu, saya ingin mendapatkan satu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai, apakah kerajaan akan buat lanjutan daripada laporan di akhbar kerana kini berpuluh-puluh ribu ibu bapa mereka bergantung pada pembantu rumah untuk menjaga anak-anak mereka. Kita pun tahu bahawa berpuluh-puluh ribu keluarga mengupah pembantu rumah dari negara asing untuk memasak dan membantu kerja-kerja rumah.

Kita tidak mahu pembantu yang kita upah, walaupun *dicertified* sebagai sihat, tetapi akan membawa juga penyakit-penyakit yang *contagious* kepada ahli-ahli keluarga kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Yang Berhormat Marang.

12.50 tgh.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: *Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh. [Membaca doa]*

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang berkait dengan perbincangan Perbekalan Tambahan ini. Secara khusus, hanya beberapa kementerian sahaja.

Yang pertama Jabatan Perdana Menteri, yang berkait dengan Petronas. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri pada 13 Mei, kepada soalan Yang Berhormat Permatang Pauh menyatakan bahawa jumlah royalti petroleum yang dibayar kepada negeri-negeri yang disenaraikan termasuk Terengganu, khusus bagi Terengganu dibayar sebanyak RM7 bilion.

Apa yang menjadi persoalan ialah jumlah yang diterima sebagaimana yang dilaporkan dalam bajet Kerajaan Negeri bagi beberapa tahun, 2007, untuk 2008 hanya RM1.3 bilion sahaja. Ini adalah bertentangan dengan perjanjian yang dimeterai di antara petroleum dengan Petronas dan di antara Petronas dengan kerajaan negeri.

Sebagaimana yang disebut dalam perjanjian 22 Mac 1975, oleh yang demikian sebagai pembalasan bagi pemunyaan dan hak kuasa kebebasan dan keistimewaan berkenaan petroleum yang diletakkan oleh kerajaan kepada Petronas, maka dengan ini adalah dipersetujui seperti berikut:

- (i) Petronas hendaklah membayar wang tunai kepada kerajaan secara bayaran tahunan sebanyak yang setara dengan 5% daripada nilai petroleum yang didapati di Terengganu dan dijual di Petronas atau agen-agen atau kontraktor-kontraktor dalam tempoh yang diperuntukkan dalam fasal dua; dan
- (ii) nilai yang akan dipakai bagi maksud fasal kecil; fasal ini hendaklah merupakan harga FOB purata enam bulan yang diperolehi oleh Petronas atau agen-agensya.

Walaupun perkara ini telah jadi perkara mahkamah yang tidak perlu saya sentuh dengan panjang, cuma rakyat Terengganu menunggu-nunggu bilakah mahkamah hendak buat keputusan dalam masalah yang dibawa kes antara Kerajaan Negeri Terengganu dan Petronas dan Kerajaan Pusat. Sudah memakan masa bertahun-tahun, sudah hampir lapan tahun.

Yang kedua persoalannya, bagaimana pendekatan yang diambil yang dikatakan melalui dana khas yang dibayar kepada kerajaan negeri dengan jumlah begitu rupa. Adakah sudah dibatalkan sebagaimana yang dimeteraikan dalam perjanjian yang saya baca tadi mengikut yang ditulisnya oleh MTEN.

Seterusnya apa yang membimbangkan kita, terdapat bayaran dana khas yang diberi kepada kerajaan negeri dibelanjakan untuk projek-projek yang melibatkan kerajaan negeri dan juga melibatkan Kerajaan Persekutuan. Di antara contohnya ialah disebut oleh wakil Machang tadi, seperti Monsoon Cup, pembangunan Pulau Duyung, Taman Tamadun Islam, yang menelan belanja hampir RM2 bilion setelah beberapa tahun diadakan.

Kawasan projek ini adalah kawasan perkampungan nelayan. Rata-rata penduduknya ialah rakyat yang termiskin, pendapatan yang begitu terhad. Mereka tidak mendapat limpahan yang sewajarnya daripada projek yang dilaksanakan itu. Dan seterusnya membimbangkan rakyat dan boleh menghilangkan kepercayaan bahkan menghilangkan kepercayaan kepada kerajaan.

Apabila saya sebut dalam celahan saya kepada Yang Berhormat Machang tadi, bahawa Ketua Audit Negara melaporkan dan Laporan Audit Negara bagi negeri Terengganu tahun 2005 dan 2006, didapati bahawa program Monsoon Cup tidak dilaporkan sepenuhnya dan sewajarnya kepada Ketua Audit Negara.

Di sini menunjukkan adanya penyelewengan dan perkara yang tersirat dan tersembunyi yang menimbulkan keraguan dan saya harap pihak kerajaan memberikan jawapan dengan sejelas-jelasnya dalam perkara ini. Jika sekiranya berlakunya penyelewengan, maka satu tindakan yang tegas hendaklah diambil.

Satu perkara yang menarik, terdapat kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu sekarang, bagaimana dana khas ini tidak dikendalikan oleh Menteri Besar dan kerajaan negeri. Ia lebih dikuasai oleh Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu dan Ketua Perhubungan.

Ini satu amalan yang tidak patut dan boleh mewujudkan kepelbagaian cara dalam mengendalikan urusan kewangan yang diperuntukkan kepada negeri dan terdedah kepada penyelewengan-penyelewengan yang jelas.

Seterusnya saya ingin menegaskan satu perkara lagi secara ringkas. Kita dapati negeri-negeri yang mempunyai hasil petroleum seperti Terengganu, Sabah dan Sarawak termasuk negeri Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sendiri. Kadar kemiskinannya begitu meningkat dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain.

Adalah tidak patut negeri yang mempunyai hasil yang begitu lumayan, yang begitu rupa dan memandangkan kenaikan harga petroleum di pasaran antarabangsa pada hari ini dan tidak turun, bahkan makin hari makin naik dengan banyak tetapi kadar kemiskinan di negeri-negeri yang tersebut amat membimbangkan dan malang sekali.

Perlu disiasat di mana tidak kenanya? Adakah penyelewengan? Adakah tidak cukup? Kalau tidak cukup maka royalti petroleum perlu ditambah supaya negeri-negeri yang di buminya menghasilkan bahan yang berharga itu, hendaklah diutamakan daripada negeri-negeri yang lain.

Dan apa yang amat membimbangkan dan menyedihkan dalam menangani masalah kemiskinan ini, kerajaan juga perlu menyiasat dengan teliti dan rapi terutamanya dalam menangani golongan miskin yang tegar sebagaimana yang disenaraikan. Sebagai contoh di kalangan petani dan nelayan.

Di sana terdapat bantuan-bantuan melalui subsidi, subsidi pukut, bot kecil pada nelayan, subsidi baja kepada petani. Malangnya didapati terdapat mereka-mereka yang tidak berhak, yang bukan nelayan dapat bantuan nelayan. Yang bukan petani dapat baja, ini kerana kedudukan mereka yang rapat dengan JKK, dengan pemimpin-pemimpin masyarakat yang dilantik oleh kerajaan.

Dan terdapat amalan-amalan diskriminasi bukan sahaja berdasarkan kepada fahaman politik, kerana menyokong parti pembangkang bahkan berdasarkan kepada kronisme yang masih wujud dalam negara kita. Sekiranya amalan-amalan bantuan tidak sampai kepada sasaran bukan sahaja ia merupakan satu kezaliman terhadap rakyat bahkan ia adalah satu penyelewengan yang ketara yang perlu diperbetulkan oleh pihak kerajaan.

Kalau negara-negara lain, hal-hal yang seperti ini berlaku, kerajaan boleh jatuh kerana amalan demokrasinya, demokrasi yang begitu tulen. Rakyat mendapat maklumat yang betul. Apa yang menjadi masalah di dalam negara kita hari ini, rakyat tidak mendapat maklumat yang sejelas-jelasnya kerana media-media arus perdana dimonopoli oleh pihak parti yang memerintah.

Maka saluran maklumat tidak jelas kepada semua rakyat. Dalam negara yang mengamalkan demokrasi yang tulen, yang sebenarnya rakyat adalah menjadi hakim. Rakyat boleh membela diri sendiri bila berlakunya penyelewengan yang seperti ini. Kita melihat di negara lain, apabila media menjadi saksi yang adil kepada hakim rakyat secara demokrasi, maka rakyat boleh menjadi hakim yang adil melalui pilihan raya.

Hal yang sebegini tidak berlaku dalam negara kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Lagi panjangkah Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: Saya rasa itu sahaja ucapan saya dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pontian. Yang Berhormat hendak berucap tak?

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Itu saya buat keputusan Yang Berhormat, saya boleh sambung 15 minit.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau Yang Berhormat tidak berucap, saya...

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Saya hendak berucap. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila sambung ucapan Yang Berhormat pukul 2.30 petang nanti. *[Ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk sesi waktu pagi telah tamat dan kita tangguh sehingga pukul 2.30 petang nanti. Terima kasih.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Silakan, Yang Berhormat Pontian.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar, Yang Berhormat Pontian. Kita ada usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari Rabu, 28 Mei 2008."

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

[Perbahasan disambung semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Silakan sambung, Yang Berhormat Pontian.

2.34 ptg.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: *Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.* Terima kasih kerana memberi peluang untuk saya terlibat dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2008 tentang 16 Kementerian yang tersenarai melibatkan RM17.5 bilion untuk belanja mengurus dan RM74.9 juta untuk pembangunan.

Pertama, Kementerian Kewangan dalam kenaikan harga minyak yang melambung sekitar USD138 setong sekarang ini, perlu kreatif dalam menambah khazanah negara. Dalam teori ekonomi asas keluaran dalam negara kasar adalah faktor himpunan dengan izin, *consumption investment, government expenditure, export minus import* dalam formulanya $C + I + G + X - M$.

Semua aspek penggunaan, pelaburan, perbelanjaan kerajaan, peningkatan eksport dan pengurangan import hendaklah diteliti. Pakar-pakar ekonomi tempatan dan antarabangsa yang terkenal perlu dirumuskan buah fikiran mereka bagi membantu negara menjana ekonomi, mencari sumber kekayaan baru, pelaburan yang lebih berganda serta meneroka pasaran meluas di arena antarabangsa.

Kedua, Kementerian Kewangan dan EPU, JPM perlu menilai kembali bahawa hakikat Malaysia adalah antara negara yang paling banyak memberikan subsidi kepada rakyat dalam dunia ini. Bayangkan bajet pembangunan berjumlah RM40 bilion setahun ditambah dengan bebanan subsidi mencecah RM50 bilion setahun.

Bayangkan jika RM50 bilion itu digunakan untuk pembangunan, hampir pasti selesai masalah kemiskinan, selesai masalah prasarana asas di Sabah, Sarawak dan Semenanjung; selesai masalah rumah murah, selesai masalah pembangunan wilayah yang tidak seimbang dan selesai macam-macam hal *people centered development*, dengan izin, pembangunan berkepentingan rakyat. Oleh itu formula mengatur semula pemberian subsidi kepada yang berhak dan memastikan tidak berlaku kebocoran subsidi mestilah dijadikan keutamaan untuk diselesaikan segera.

Ketiga, banyak agensi dilibatkan dalam pembasmian kemiskinan. Pelbagai peruntukan diberi kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Kemungkinan berlaku pertindihan sumber yang menyebabkan pembaziran peruntukan mengurus, tenaga manusia dan masa.

Contohnya, FELDA telah pakar dalam pembangunan tanah dan pembasmian kemiskinan, ada pula projek agropolitan yang lebih kurang sama matlamatnya. Kawasan tanah terbiar berumput lebih 10 juta hektar tidak termasuk hutan di Semenanjung belum lagi Sabah dan Sarawak membuktikan kita mempunyai tanah yang mencukupi untuk meneruskan FELDA fasa kedua. Yang pentingnya peruntukan daripada pertindihan fungsi pembasmian kemiskinan itu hendaklah diselaraskan, diberikan kepada FELDA yang telah terbukti berjaya.

FELDA pula perlu proaktif, bertemu dengan kerajaan-kerajaan negeri termasuk lima buah negeri di bawah pembangkang, jangan menunggu mereka datang untuk menawarkan tanah kepada FELDA. Berlumba-lumbalah untuk mengerjakan kebaikan, berlumba-lumbalah untuk membasmi kemiskinan secepat mungkin kerana mereka telah terpenjara dalam putaran ganas kemiskinan berpuluh-puluh tahun lamanya.

Terpenjara seisi keluarga; penjara yang jauh lebih dahsyat kerana hidup daif, kais pagi makan pagi kais petang makan petang dan kadang-kadang kais pagi hingga ke petang pun tidak cukup untuk makan. Dalam penjara-penjara lain, makan diberi dan disediakan pagi, petang dan malam.

Perkara keempat, Kementerian Luar Negeri. Kedaulatan negara adalah sesuatu yang amat mulia...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Silakan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat Pontian. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat Pontian mengenai penglibatan FELDA berkenaan tanah-tanah yang tidak terpakai ataupun yang belum diterokai lagi.

Adakah Yang Berhormat bercadang bukan sahaja FELDA tetapi juga agensi-agensi kerajaan yang lain, yang terlibat secara langsung untuk membangun tanah-tanah yang *idling* terutama sekali di Sabah dan Sarawak. Misalnya FELCRA, SALCRA di Sarawak, SAFODA dan banyak lagi agensi-agensi kerajaan yang agak lembap dari segi memperkasakan usaha untuk membantu terutama sekali tanah-tanah yang bergeran tetapi tidak diusahakan oleh pemilik-pemilik terutama sekali tanah-tanah bumiputera.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Terima kasih, Yang Berhormat Putatan. Memang kita akui bahawa banyak agensi yang terlibat dalam pembangunan tanah. Namun satu hakikat yang cukup penting ialah FELDA adalah yang mengatasi dari segi prestasi dibandingkan dengan mereka yang lain.

Dari segi penempatan yang mempunyai perkampungan di sesuatu kawasan, FELDA adalah yang terbaik dan terkedepan jika di banding dengan agensi-agensi lain. Yang saya maksudkan tadi ialah pertindihan usaha untuk membasmi kemiskinan jika ia melibatkan penempatan semula, jika ia melibatkan penerokaan hutan dan tanah terbiar biarlah diserahkan kepada FELDA kerana FELDA pakar dalam bidang itu, tidak perlulah lagi kita membanyakkan lagi kos jika diberikan kepada agensi-agensi yang lain.

Perkara keempat, Kementerian Luar Negeri. Kedaulatan negara adalah sesuatu yang amat mulia, sesuatu yang amat mustahak sehingga untuk mempertahankannya rela gugur darah, keringat dan air mata. Saya difahamkan terdapat 14 buah rumah api di Semenanjung dan dua buah rumah api diurus tadbir oleh Singapura iaitu di Pedra Blanca, Pulau Batu Puteh dan di Pulau Pisang, gugusan empat pulau seluas 446 ekar di Parlimen Pontian.

Batu Puteh seluas hanya suku ekar milik Singapura sekarang dan Pulau Pisang adalah milik Malaysia. Namun kerajaan digesa untuk memberikan peruntukan segera sama ada oleh Kementerian Pelancongan atau Jabatan Perdana Menteri atau Kementerian Luar Bandar dan Wilayah atau Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi untuk membuat pembangunan asas di Pulau Pisang seperti bekalan air bersih, tenaga suria untuk elektrik, jeti dan jalan kampung sebagai tanda awal minat dan hasrat kita untuk membangunkan Pulau Pisang.

Ia boleh dijadikan satu produk pelancongan baru atau sebuah Taman Negara seperti Pulau Kukup yang tidak jauh dari situ. Jarak Pulau Pisang dari Bandar Pontian hanyalah sekitar lima kilometer, tetapi setiap kali kita melihatnya teringat kata perumpamaan jangan pisang berbuah dua kali.

Oleh itu mewakili rakyat Pontian khasnya dan seluruh rakyat negara ini yang tidak mahu berputih mata. Kementerian Luar Negeri hendaklah melihat semula perjanjian yang tidak logik walaupun ia adalah peristiwa lama, peristiwa sejarah bahawa rumah api dan tapaknya itu diurus tadbir oleh Singapura selagi ada bulan dan bintang serta selagi rumah api digunakan.

Jabatan Peguam Negara dan Wisma Putra wajar melihat terma iaitu selagi rumah api digunakan. Dalam zaman moden abad ke-21 ini, kapal-kapal menggunakan GPS (*global positioning system*), radar maritim dan pelbagai alat navigasi yang terkini. Rumah api yang seumpama itu sudah tidak berguna lagi. Hanya satu simbol cerita sejarah lama.

Itulah selain Singapura membina menara, membina rumah api di Pulau Batu Putih, mereka juga membina menara telekomunikasi dan *helipad* di Pulau Batu Puteh. Wajarlah kita juga membina pembangunan seumpama itu dengan segera di Pulau pisang. Memetik kata Menteri Luar, Datuk Rais dalam akhbar hari ini, perlu Pulau Pisang dibangunkan sebelum ada pihak kemudian hari mungkin akan mempertikai pemilihan kita itu.

Seterusnya kelima, perlu diberi peruntukan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi bagi membina premis niaga di desa-desa. Bukan hanya di bandar dan di pekan-pekan. Akan tetapi dalam kawasan-kawasan kampung, di persimpangan-persimpangan jalan yang strategik. Menteri belum menjawab hal ini dalam cadangan saya bagi meramaikan usahawan di luar bandar.

Perkara keenam, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi di cadang meluaskan tanaman jatropha ataupun pokok jarak setelah terbukti bahawa ia adalah sumber bio diesel selain daripada kelapa sawit. Bio diesel adalah jawapan utama kepada kemelut harga minyak petroleum sekarang ini.

Saya ingin memetik dalam surah Yassin, ayat ke lapan puluh bermaksud, *“Tuhan yang telah menjadikan api yang boleh didapati daripada pohon-pohon yang hijau dan segar untuk kegunaan kamu. Maka kamu pun selalu menyalakan api daripada pohon-pohon itu”*. Tafsiran terkini ayat ini adalah bahan api yang boleh didapati dari pohon-pohon hijau segar seperti sawit dan jarak atau jatropha.

Bagaimana boleh menyalakan api dari pohon yang hijau dan segar sebab api menyala dari pohon yang kering. Oleh itu sebenarnya sumber bahan api, bahan bakar daripada pohon hijau segar itu adalah bio diesel yang Tuhan telah nyatakan lebih 1,400 tahun dahulu. JAKIM perlu menyelidik dan menyebarkan banyak lagi ayat-ayat yang bernilai saintifik seperti ini.

Perkara ketujuh. Peruntukan juga wajar diberikan kepada MARDI, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk meneruskan penyelidikan terhadap satu lagi tumbuhan ajaib iaitu kenaf. Dimaklumkan bahawa gentian kenaf boleh diproses menjadi kain, menjadi kertas, menjadi *dashboard* kereta, papan lapis yang baik dan paling kurang hampasnya boleh dijadikan makanan ternakan.

Jatropha dan kenaf adalah contoh sumber kekayaan baru dan sesuai untuk pembangunan ekonomi luar bandar, sesuai untuk orang kampung menambah pendapatan mereka. Kementerian berkaitan wajar jangan berlengah-lengah lagi untuk merebut peluang ini sebelum ia direbut oleh negara-negara lain.

Perkara kelapan. Agensi kerajaan yang berkemampuan di bawah Kementerian Kewangan dan GLC selain UDA perlu membuat pelaburan hartanah di Kuala Lumpur dan Lembah Klang bagi memberi ruang usahawan bumiputera memiliki pejabat dan peluang memiliki premis perniagaan di kawasan strategik di kawasan bandar raya.

Oleh itu langkah FELDA memiliki menara di segi tiga emas berhadapan KLCC sebagai mercu tanda kejayaan adalah dialu-alukan. Nilai belian Menara FELDA yang siap ialah RM930.00 sekaki persegi berjumlah RM640.7 juta. Adalah lebih murah daripada nilai kos bangunan di sekitar yang sedang dibangunkan seperti Menara Troika, lebih RM1,800.00 sekaki persegi. Menara Glomac RM1,120.00 sekaki persegi dan Menara YNH RM1,230.00 sekaki persegi.

Usaha seperti FELDA ini boleh membantu menaikkan peratus yang kini hanya 11% saja pemilikan premis niaga dan ruang pejabat bumiputera di seluruh Lembah Klang. Dicapai juga pelaburan hartanah untuk premis perniagaan di bandar-bandar besar juga diusahakan oleh bank-bank utama seperti Maybank, Bank Rakyat, Agro Bank dan Bank Pembangunan yang di bawah kerajaan atau GLC. Kemudiannya menjual atau menyewakan kepada usahawan bumiputera.

Perkara kesembilan. Kementerian Pertahanan perlu meneruskan PLKN yang telah terbukti mendatangkan kesan yang baik. Kematian 16 pelatih adalah dikesali tetapi angkanya hanyalah 0.004% daripada jumlah pelatih 339,186 orang. Ini mungkin angka kadar kematian biasa sebab 99.996% peserta adalah hidup, 99.996% adalah hampir *perfect score* walau satu kematian pun jika boleh kita tidak mahu berlaku, tetapi teruskanlah PLKN ini.

Akhirnya perkara yang kesepuluh. JPA di bawah Jabatan Perdana Menteri, TNB, Petronas, Maybank, MARA dan Kementerian Pengajian Tinggi mestilah menambah dana untuk biasiswa kepada pelajar dari keluarga miskin dan daif tetapi cemerlang dalam pelajaran. Pelajar bijak daripada keluarga miskin tegar tanpa mengira kaum ini perlu dikenal pasti untuk dibantu, bukan dengan kaedah pinjaman tetapi dermasiswa hingga mereka berjaya di peringkat menjadi profesional atau usahawan.

Sesungguhnya pelajaran dan pendidikan telah sedang dan akan merubah taraf sosial ekonomi rakyat dengan cepat dan berkesan tanpa mengira kaum. Sekian, saya mohon menyokong. Assalamualaikum warahmatullah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tawau.

2.46 ptg.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan merujuk kepada Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2007 dan 2008. saya telah meminta Menteri Kerja Raya menyenaraikan jalan-jalan baru yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk kawasan Tawau.

Jawapan yang saya terima pada 15 Mei adalah sangat mengecewakan iaitu tiada projek jalan baru diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk kawasan Tawau. Makluman lain yang diberi iaitu pelanjutan daripada Rancangan Malaysia Kelapan berkaitan jalan Sepulut ke Kalabakan adalah di kawasan Kalabakan. Bukanlah di kawasan Tawau. Rakyat Tawau sangat kecewa dan sedih atas keterpinggiran ini.

Tawau sebagai bandar besar yang ketiga di Sabah telah menyumbangkan banyak dari segi cukai pendapatan dan kos iaitu *cooking oil* subsidi skim untuk negara kita. Namun rakyat Tawau nampaknya telah diabaikan dari segi pembangunan jalan raya yang sepatutnya sangat diperlukan secara cemas kerana kesesakan jalan raya telah berlaku di beberapa tempat yang merupakan *bottle-neck* dengan izin, akibat peningkatan bilangan kenderaan atau *traffic volume* di atas jalannya.

Jalan Sin Onn dengan lebih daripada 15 buah taman perumahan, sebuah sekolah rendah, sebuah pasar dan penduduk yang berjumlah 40,000 orang masih menggunakan jalan lama dua lorong yang dibina dalam zaman 70-an. Rakyat Tawau memerlukan jalan raya dengan dua lorong setiap hala atau *dual carriageway* untuk melicinkan lalu lintas yang terlalu sesak.

Rakyat Tawau juga memerlukan jejantas-jejantas di Jalan Chong Thien Vun dan Jalan Apas Batu 5½ di mana terdapat beberapa buah sekolah dalam persekitaran ini supaya murid-murid boleh melintasi jalan secara selamat. Setakat sekarang, rakyat Tawau masih tidak pernah menikmati faedah kemudahan sebuah jejantas lagi. Projek pembangunan jalan raya lain yang diperlukan adalah berlanjutan lebuh raya, *coastal highway* yang dapat mengeluarkan sebahagian besar trafik dari pusat bandar serta menyediakan satu lagi *excess* tambahan ke Lapangan Terbang Tawau.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkataan, kalau tidak ada ikan, udang pun boleh. Namun di Tawau ikan bilis pun tidak ada. Bagi pihak rakyat Tawau, saya berharap menteri baru akan meluluskan cadangan-cadangan di atas secepat mungkin, atas sebab rakyat Tawau telah terlepas peluang pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 dan Ke-9.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan saya kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkenaan sebab-sebab kehilangan nama-nama pemilik kawasan Tawau dari senarai pemilik dalam pilihan raya umum baru-baru ini. Jawapan yang diberikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya SPR tidak menyentuh dakwaan lebih kurang 100 nama pemilik kawasan Tawau dalam pilihan raya umum baru-baru ini.

Saya berasa hairan dan terkejut kerana SPR tidak menyedari bahawa begitu banyak nama pemilih didapati hilang dari senarai pemilih. Nama-nama berkaitan adalah orang ramai yang telah banyak kali memilih dalam pilihan raya-pilihan raya yang lalu. Saya hairan juga, orang yang hidup nama pemilih sudah hilang, tetapi orang yang sudah meninggal banyak nama pemilih-pemilih masih diwujudkan. Untuk menjaga kesulitan butir buku pemilih, saya akan mengemukakan satu senarai nama pemilih lengkap dengan nombor-nombor kad pengenalan untuk maklumat menteri menyediakan sebahagian kemudahannya.

Sebahagian rakan saya wakil-wakil rakyat dari Sabah dan Sarawak juga menghadapi masalah yang serba sama. Saya ingin mengetahui sama ada SPR telah edit semula senarai pemilih sebelum pilihan raya umum yang lalu. Adakah tersedia sebarang sistem penyemakan dua kali atau *double checking system* dengan izin, supaya memastikan semua pemilih yang layak tidak terlepas peluang membuang undi.

Satu masalah yang lain yang didapati adalah sebahagian pemilih telah dipinda tanpa pengetahuan mereka di kawasan lain yang tidak mengikut alamat yang ditunjukkan dalam kad pengenalan mereka. Seinggakan mereka ini tidak tahu di kawasan mana mereka perlu pergi untuk membuang undi. Saya ingin mengetahui bagaimana perkara-perkara ini telah berlaku sehingga kami tidak dapat memberi penjelasan kepada rakyat. Saya ingin mencadangkan bahawa SPR menjalankan operasi pendaftaran semula pemilih secepat mungkin untuk membetulkan semua kesilapan dalam senarai pemilih.

Tuan Yang di-Pertua, krisis makanan dunia dan kemungkinan kekurangan beras di negara kita serta kenaikan harga minyak dunia telah meletakkan negara kita untuk memikirkan tentang Program Keselamatan Makanan atau *Food Security Programme*, dengan izin. Kita mengalu-alukan rancangan kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran makanan domestik terutamanya dalam penanaman padi. Saya berharap program keselamatan makanan ini merupakan satu langkah atau strategik untuk jangka masa panjang di mana kerajaan dapat menambah baik serta meningkatkan bekalan makanan terutamanya untuk Malaysia dan mencukupi untuk kegunaan negara

Untuk mencapai tujuan ini, kerajaan perlu menyegerakan rancangan ini dalam masa terdekat. Saya bersetuju dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani selain memberikan subsidi yang besar kepada petani. Perkara lain yang perlu iaitu memfokus kepada pertanian yang lebih intensif, menggunakan pengetahuan dan teknologi pertanian moden serta mengadakan modal insan yang berkemahiran.

Subsidi yang berjumlah RM4 bilion untuk tujuan pengeluaran makanan di Sarawak terutamanya dalam penanaman padi sangatlah dihargai. Subsidi tanaman padi di Sabah juga dapat menampung lebih kurang 26,500 hektar untuk menanam padi. Sebahagian besar bekalan beras Sabah adalah diimport dan jumlah bekalan ini berada di bawah kuasa eksekutif Padiberas Nasional Bhd. atau BERNAS.

Saya ingin menyeru kepada pihak Kerajaan Pusat untuk mengambil inisiatif segera, kerana sudah tiba masanya satu dasar keselamatan bekalan makanan terutamanya untuk negeri Sabah disediakan. Sama ada melalui skim subsidi atau skim bantuan kewangan. Ini perlu kerana negeri Sabah mempunyai kawasan yang luas untuk projek penanaman padi daripada hanya bergantung kepada BERNAS untuk bekalan berasnya.

Baru-baru ini sebuah akhbar tempatan telah melaporkan bahawasanya Sabah hanya mempunyai tujuh minggu bekalan beras untuk keperluan penduduknya. Bukankah sudah sampai masa untuk kementerian membenarkan Sabah untuk mengimport berasnya sendiri daripada hanya bergantung kepada BERNAS. Pada pendapat saya dasar yang lebih terbuka dalam isu pengimportan beras ini akan dapat meningkatkan daya saing dan kualiti beras secara keseluruhan dan ini akan memberikan keyakinan kepada rakyat Sabah. Saya berharap bahawa kerajaan memberi...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Puchong bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat di mana Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa di Sabah khususnya di Tawau terdapat banyak masalah berkenaan dengan pengundi. Saya hendak tanya di sini, walaupun kamu tahu bahawa terdapat banyak masalah berkenaan dengan pengundi nama yang telah pun meninggal masih ada nama yang masih hidup tidak ada. Adakah sebarang usaha...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan guna perkataan kamu. Yang Berhormat, pakai Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat, tidak ada. Adakah Yang Berhormat membuat sebarang laporan kepada SPR berkenaan dengan perkara-perkara ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Khususnya kami semua tahu bahawa di Sabah terdapat ramai daripada pengundi-pengundi yang didaftarkan khususnya untuk tujuan memastikan bahawa Barisan Nasional mendapat sokongan yang kuat dalam pilihan raya yang ada. *[Tepuk]* So, saya hendak tahu sama ada Yang Berhormat telah pun buat kepada SPR dan sekiranya ada, apa tindakan yang diambil oleh SPR untuk mengatasi masalah ini. Ini penting, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Yang Berhormat dari Puchong, saya Yang Berhormat bagi Tawau.

Walau apa pun yang dikatakan, saya fikir ini adalah satu perkara yang kita akan sama-sama serah kepada Suruhanjaya Pilihan Raya kerana mungkin ini bukan satu masalah berlaku di Sabah atau Sarawak, tetapi di seluruh Malaysia kerana parti pembangkang pun menang di lima buah negeri. Kita berharaplah Suruhanjaya Pilihan Raya akan mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan perkara ini.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya hendak tanya adakah laporan di buat dalam perkara ini atau pun belum kerana kalau tidak dibuat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat kena minta jalan Yang Berhormat. Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Tidak.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Adakah itu bermaksud Barisan Nasional pun tidak yakin kepada Suruhanjaya Pilihan Raya untuk siasat perkara itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tapi tak jawab pun soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apalah. Dia bukan menteri. Teruskan Yang Berhormat Tawau.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Okey, terima kasih dan saya berharap bahawa kerajaan memberi pertimbangan serius kepada permintaan rakyat Sabah ini untuk kebajikan penduduk Sabah untuk jangka masa panjang. Dengan itu, sekian. Saya memohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: 12 orang telah berucap Yang Berhormat dan tujuh adalah daripada sebelah sini, lima daripada sebelah sini. Saya kena panggil, *we'll go by the number* Yang Berhormat. Saya panggil Yang Berhormat Ledang.

3.01 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan mengambil masa lama. Sikit sahaja hanya perkara-perkara penting. Tuan Yang di-Pertua tentang Parlimen, kita selalu bersidang sehingga ke malam daripada pukul 10 pagi hinggalah ke malam tidak menjadi masalah. Hari ini sampai pukul 9.30.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, ada satu kumpulan kecil yang bersama-sama dengan kita selain daripada pegawai-pegawai kerajaan ialah pemandu-pemandu sama ada pemandu menteri, timbalan menteri dan beberapa wakil rakyat termaksud pegawai-pegawai yang terbiar di luar, yang saya fikir kita tidak pernah bincang tentang mereka tetapi saya simpati kerana mereka mengeluh mereka terpaksa menunggu di luar daripada pukul 10 pagi sampai 10 malam atau 12 malam.

Isunya ialah tidak ada tempat yang sesuai, bukanlah selesa sangat tetapi sesuai untuk mereka berehat. Kadang-kadang mereka berehat bawah pokok, berehat dalam kereta yang suasananya tidak selesa untuk mereka. Dan saya percaya kita prihatin kepada mereka kerana mereka adalah pemandu-pemandu kepada mereka-mereka yang membayar gaji kepada mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohonlah supaya Parlimen untuk masa akan datang, menyediakan satu peruntukan khas bagi membina satu ruang yang sesuai kepada mereka supaya mereka tidaklah menerima kesan yang tidak baik, dan sekali gus dapat memberi jaminan kepada keselamatan mereka yang menggaji mereka. Itu yang penting Tuan Yang di-Pertua, mungkin termasuk pemandu Tuan Yang di-Pertua.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, satu ketika dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyebut tentang *Little Napoleon* dalam beberapa jabatan. Saya membangkitkan perkara ini Tuan Yang di-Pertua ialah apabila saya berfikir semula sama ada selama ini kerajaan telah memantau dan mengambil tindakan dengan berkesan. Sekiranya telah dipantau dan telah diambil tindakan apakah hasilnya?

Bilangan yang dapat dikesan, bilangan yang dapat diambil tindakan dan sebagainya kerana Tuan Yang di-Pertua saya menerima beberapa aduan ataupun cerita daripada satu pihak yang benar-benar mengalami peristiwa di mana seorang kontraktor contohnya diberikan satu jaminan hanya boleh mendapat satu projek sekiranya disubkan projek tersebut kepada orang-orangnya. Sekiranya tidak berjaya, mereka akan pujuk sekali lagi. Sekiranya ingkar mereka berjaya juga atas sebab-sebab lain.

Beberapa tindakan berikutan dalam usaha menyusahkan orang ini, kontraktor yang berjaya ini, akan dibuat selanjutnya. Saya yakin Tuan Yang di-Pertua daripada banyak maklum balas yang diterima banyak lagi kejadian yang berlaku yang sebenarnya kita sebut yang dipanggil dulu sebagai sebahagian *Little Napoleon*.

Tuan Yang di-Pertua walaupun perkara ini bukanlah satu kejadian yang besar dalam negara kita tetapi saya yakin, yang kecil-kecil ini bila berlaku di beberapa tempat telah menjejaskan beberapa jabatan-jabatan dan akhirnya menjejaskan nama baik kerajaan. Sedangkan yang melakukan adalah orang-orang tertentu, di peringkat tertentu tidak melibatkan peringkat atasan tetapi ia telah menjejaskan keseluruhan sistem dan akhirnya nama baik kerajaan.

Walaupun kita ada BPR dan ada Biro Pengaduan Awam Tuan Yang di-Pertua, tetapi mereka sangat licik. Mereka sangat cekap kerana mereka amat memahami peraturan, amat memahami undang-undang, mereka ada kuasa dan mereka boleh lari daripada dikesan. Jadi Tuan Yang di-Pertua persoalan saya ialah pada peringkat awal tadi. Sejauh mana kerajaan dapat mengesan dan memantau dan adakah satu komiti khas, jawatankuasa khas di peringkat jabatan itu sendiri untuk mengambil tindakan ke atas mereka?

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, ini sedikit sahaja. Akhir-akhir ini kita perhatikan banyak projek besar yang dijalankan, yang dibangunkan yang tidak perlu saya sebutkan satu persatu. Termasuk juga projek-projek perhiasan yang berlaku di seluruh negara terutamanya di bandar raya- bandar raya, di bandar-bandar besar yang bernilai berjuta-juta ataupun mungkin sampai ke tahap bilion. Akan tetapi pada masa sama Tuan Yang di-Pertua, masih banyak lagi perkara yang perlu mendapat perhatian yang lebih serius terutamanya seperti rumah orang miskin yang banyak lagi perlu dibela. Banjir kilat di kampung-kampung, bukan di bandar-bandar. Bandar-bandar satu bablah.

Di kampung-kampung di mana mereka ini tidak diberi perhatian secara meluas yang perlukan pembelaan misalnya Tuan Yang di-Pertua paritnya sumbat, jambatannya kecil dan sebagainya. Kesemuanya perlu di ambil tindakan Tuan Yang di-Pertua tetapi saya menyebut di sini peruntukan untuk pemerhatian dan tindakan kepada orang-orang miskin dan kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi yang banjir dan sebagainya terlalu kurang. Sedangkan pada masa sama banyak projek-projek besar, banyak projek-projek perhiasan termasuk landskap yang dibina di sana sini, yang berulang-ulang, yang bernilai berjuta-juta tidak mendapat pembelaan yang seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sengaja membangkitkan perkara ini supaya pihak kerajaan lebih prihatin kepada soal-soal yang penting seperti yang saya sebutkan tadi supaya kita tidak tenggelam hanya kepada projek-projek yang besar, projek perhiasan yang berulang-ulang sedangkan ramai lagi yang perlu dibela.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan pada petang ini mengalu-alukan kehadiran pemimpin masyarakat dari Kelebang Kecil Parlimen Tangga Batu.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua ialah kesan daripada harga barang yang meningkat masa ini. Cuma satu saja saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, saya yakin cadangan ini mungkin telah ada tetapi perlu diperluaskan iaitu sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, perlunya kita memperluaskan jaringan pemantauan harga selain daripada, *sorry* ulang semula... Jaringan kepada pemantauan dan kefahaman tentang kenaikan harga ke seluruh negara. Satu bab pantau, kedua kefahaman.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat daerah kita ada majlis tindakan daerah, di peringkat mukim kita ada Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Mukim, di peringkat kampung pun ada jawatankuasa yang lebih kurang sama. Jadi saya mencadangkan supaya jaringan ini digunakan sepenuhnya dalam usaha untuk sama-sama memantau dan memberikan kefahaman tentang kenaikan harga yang sekarang ini berada pada tahap yang membimbangkan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Siput.

3.13 ptg.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membangkitkan tiga isu berkaitan anggaran perbelanjaan tambahan yang memohon lebih daripada RM18 bilion sebagai tambahan untuk bajet.

Isu yang pertama, ialah Kementerian Kesihatan akan dapat RM200 juta daripada peruntukan tambahan ini. Saya ingin mengesyorkan kepada Kementerian Kesihatan supaya jangan membazirkan duit rakyat dalam usaha mempromosi pelancongan kesihatan ataupun *health tourism*, dengan izin. Ini merupakan satu polisi yang menyusahkan rakyat biasa.

Tuan Yang di-Pertua, pada takat ini hanya 30% daripada doktor pakar di negara kita masih berkhidmat di sektor awam. Jumlah 70% daripada doktor pakar bertugas di sektor swasta. Manakala pada masa yang sama, 75% daripada pesakit yang memerlukan rawatan dalam hospital iaitu *in-patient* dengan izin, mereka pergi ke hospital awam, hospital kerajaan.

Inilah satu punca utama mengapa rawatan di hospital kerajaan tidak terjamin kerana wujud situasi di mana doktor siswazah, *house officer* dengan izin, ataupun doktor-doktor muda, *medical officer* terpaksa merawat pesakit-pesakit tanpa bantuan atau bimbingan oleh doktor yang lebih berpengalaman, doktor pakar. Kekurangan doktor pakar telah melemahkan kualiti rawatan yang diterima oleh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pelancongan kesihatan ataupun *health tourism* dengan izin, akan mempercepatkan lagi penghijrahan doktor ke sektor swasta. Perkembangan sektor swasta akan menarik lagi doktor pakar kerajaan ke swasta. Jadi untuk keselamatan dan kebaikan rakyat Malaysia, saya memohon Kementerian Kesihatan jangan lagi mempromosi pelancongan kesihatan. Tujuan utama Kementerian Kesihatan adalah untuk menyediakan satu sistem kesihatan yang baik untuk rakyat kita dan bukan untuk mencari mata wang asing untuk ekonomi kita.

Isu kedua yang ingin saya bangkitkan adalah satu skim baru untuk menjamin rumah rakyat biasa semasa kegawatan. Daripada dokumen-dokumen yang telah kami terima, lebih kurang RM16.8 bilion telah diperuntukkan kepada Kementerian Kewangan. Saya ingin mengesyorkan segelintir kecil daripada jumlah besar ini, diguna pakai untuk mewujudkan satu dana khas untuk membantu lapisan miskin dan yang sederhana semasa kegawatan. Bila berlakunya kegawatan ekonomi, ramai pekerja biasa dibuang kerja dan ramai di antara mereka tidak dapat membayar pinjaman perumahan kepada bank dan ramai di antara mereka juga akan kehilangan rumah dia. Bukan sahaja kerja tetapi rumah.

Kerajaan harus menubuhkan satu dana khas yang boleh menghulurkan pinjaman tambahan bagi pekerja yang dibuang kerja supaya bayaran pinjaman perumahan mereka boleh diteruskan walaupun pekerja itu tiada kerja pada masa itu. Pinjaman tambahan ini boleh dibayar balik kepada kerajaan selepas dia dapat kerja. Jadi saya harap ini akan dipertimbangkan oleh Kementerian Kewangan.

Isu akhir yang ingin saya bangkitkan ialah mengapakah keperluan peruntukan tambahan ini, adakah kos-kos projek yang telah pun dicadangkan dulu naik dalam anggaran dia, ataupun adakah projek-projek baru dicadangkan. Bila kita meneliti dokumen yang diberikan kepada kita, daripada jumlah RM18.7 bilion yang diminta dalam peruntukan baru ini, sejumlah RM16.8 bilion adalah daripada satu kementerian iaitu Kementerian Kewangan. Bolehkah Dewan yang mulia ini diberitahu, mengapa bajet tambahan sebanyak RM16.8 bilion ini perlu untuk Kementerian Kewangan? Adakah ini projek baru ataupun projek lama yang kosnya meningkat?

Tuan Yang di-Pertua, ini RM18.7 bilion merupakan tambahan 15% daripada jumlah bajet yang diluluskan tahun lalu. Ini satu jumlah yang besar. Adalah harus, adalah wajar kita diberitahu kenapa kos ini berlaku? Adakah kos projek memungut ke, projek baru kah? Sebelum kita sokong ini, harus kita diberitahu secara lebih terperinci. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Silam.

3.16 ptg.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut sama membahaskan iaitu dalam tajuk Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Apabila kita melihat peruntukan tambahan yang dipohon dan ini jelas membuktikan bagaimana kerajaan ini mengambil berat akan peranan perladangan dan komoditi ini sebagai suatu aktiviti ekonomi yang perlu diambil perhatian dan diambil berat bagi memastikan segala perancangan dan pembangunan yang akan dirancang oleh kerajaan itu dapat dilaksanakan dan dapat merangkumi semua kawasan.

Apabila kita melihat dari segi jumlah perladangan terutamanya di kawasan negeri Sabah dan kita melihat supaya penyelidikan peringkat hiliran pemasaran produk kenaf juga perlu dibuat ataupun dicadangkan di negeri Sabah dan khususnya di kawasan-kawasan yang mempunyai keluasan tanah dari segi penggunaan dan kita dapati terutamanya bermula dari kawasan Sandakan sampai ke kawasan Tawau juga termasuk ke kawasan saya, terdapat aktiviti seumpama ini.

Ini jelas terbukti apabila kita melihat bagaimana MPOB yang diwujudkan di kawasan Silam merupakan satu contoh cadangan kerajaan yang telah dilaksanakan untuk memastikan supaya kegiatan perladangan dan peningkatan kepada pengeluaran komoditi dapat ditekankan. Saya berharap supaya MPOB yang berada di kawasan saya dapat dipertingkatkan lagi ke arah pewujudan kawasan *research and development* dengan izin, supaya kita dapat sama-sama mengkaji akan peranan dan tanggungjawab kementerian ini dalam memajukan Industri Perladangan dan Komoditi.

Seterusnya juga saya ingin mencadangkan kepada kerajaan iaitu berhubung dengan peranan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Bila kita melihat butiran projek yang akan dicadangkan di sini, dalam peruntukan tambahan ini ialah membina bangunan baru Arkib Negara, Cawangan Negeri Sabah. Kita sangat mengalu-alukan, sebab apabila kita melihat bagaimana Kerajaan Negeri Sabah terutamanya, kita lihat dari segi kepelbagaian kaum itu, memang salah satu aspek menjadi kunci dan kekuatan iaitu dari segi sektor pelancongan.

Kalau kita hubung kait dengan peranan kebudayaan ini, sebab keunikan yang ada di negeri Sabah yang terdiri daripada pelbagai kaum. Dan contoh perpaduan yang terbaik yang perlu menjadi teladan kepada kita semua bukan hanya di negeri Sabah, tetapi di negeri-negeri di tanah Semenanjung supaya mengambil modal ini. Jadi kita berharap dengan peruntukan tambahan ini, bukan hanya dibuat di cawangan negeri Sabah sahaja.

Akan tetapi kalau boleh kita mencadangkan di Dewan yang mulia ini, supaya peruntukan tambahan ini dipecahkan kepada aktiviti mewujudkan muzium-muzium di peringkat kawasan-kawasan tertentu, supaya kita dapat mempromosikan kebudayaan setiap etnik ataupun masyarakat yang terdapat di negara kita ini. Ini kerana kita akur dan mengakui bahawa inilah keunikan bangsa Malaysia.

Dan kita memastikan supaya kebudayaan dan kesenian serta warisan ini menjadi satu produk, menjadi satu *trademark* kepada bangsa Malaysia untuk menjadikan kita sebuah negara yang bersatu padu. Saya sangat mengalu-alukan, mudah-mudahan supaya kerajaan bukan hanya di peringkat mukim di sebelah Kota Kinabalu kita mencadangkan pembinaan baru Arkib Negara ini juga di kawasan-kawasan Pantai Timur Sabah, supaya kita dapat memperbanyakkan lagi ataupun meluaskan lagi program pembangunan itu secara menyeluruh sebab ini sesuai dengan dasar kerajaan sekarang ini yang mahu membangunkan semua tempat tanpa mengecualikan.

Ini juga terdapat di dalam *Sabah Development Corridor* yang menjelaskan supaya pembangunan itu dapat diagihkan dengan semua kawasan. Dengan cara ini, kita dapat memerhatikan dan memastikan supaya rakyat itu sama-sama mendapat pembangunan, dan saya mencadangkan di sini supaya pembinaan arkib ini dapat diperluaskan ke kawasan-kawasan lain.

Saya juga ingin menjelaskan di sini, peruntukan tambahan Kementerian Kerja Raya. Bila kita melihat jalan-jalan yang terdapat di kawasan Parlimen Silam, terutamanya di Daerah Lahad Datu. Sebab ia telah pun wujud iaitu sejak Perang Dunia Kedua. Apabila kita melihat, sebab Lahad Datu dan Parlimen Silam ini adalah terletak di antara perjalanan antara timur dan barat, iaitu antara Kinabatangan dan Semporna. Jadi bila kita melihat perjalanan daripada Tawau ke Kota Kinabalu yang mengambil masa lebih kurang tujuh jam dan daripada kawasan saya ke Kota Kinabalu, kalau melalui jalan darat, jadi lima jam setengah.

Jadi dari segi ini kita melihat bagaimana kita berharap supaya Kementerian Kerja Raya Malaysia mengambil berat, dan saya memohon serta mendesak dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dalam *Mid Term Review* dengan izin, supaya dapat memasukkan pembinaan jalan raya utama di kawasan Bandar Lahad Datu, yang menghala daripada Lahad Datu ke Tawau dan daripada Lahad Datu ke Sandakan. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kubang Kerian.

3.21 ptg.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya turut membahaskan belanjawan tambahan yang ada menyentuh tentang Parlimen. Saya ingin melanjutkan lagi perbahasan tentang peranan Parlimen ini, di mana saya ingin menyentuh tentang isu *federalisme* ataupun semangat *federalism*, yang saya yakin dan percaya bahawa di Parlimen inilah kita telah menubuhkan negara ini, mendaulatkan rang undang-undang di dalam negara kita.

Dan kita telah menerima pakai apa yang dikatakan perkongsian kuasa di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri, yang boleh saya perkatakan pada hari ini dalam negara yang mengamalkan sistem persekutuan ini, kuasa dibahagi kepada tiga, iaitulah kuasa-kuasa pusat yang dikenali sebagai *Federal List*, kuasa negeri-negeri yang dikenali sebagai *State List* dan juga kuasa-kuasa bersama, *Concurrent List* yang dikenali dalam perlembagaan kita sebagai Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama.

Saya ingin menyatakan Tuan Yang di-Pertua dan membawa isu ini, kerana saya rasa telah sampai masanya apabila dengan izin, *the people has spoken*. Selepas pilihan raya pada 8 Mac yang lalu, di mana ada lima buah negeri di dalam negara kita ini telah bertukar tangan, di mana Pakatan Rakyat sekarang sedang memerintah dan sudah tentu ia melibatkan banyak perkara yang menyentuh tentang semangat *federalism* ini.

Oleh itu, ada kemungkinan negeri dan persekutuan yang dikuasai oleh Parti Pakatan Rakyat ini dari parti yang berbeza, maka masalah hubungan ini akan timbul. Sekarang lima buah negeri dikuasai oleh pembangkang, dan bibit perbalahan pusat negeri sudah mula ketara. Saya ingin mempertegaskan kembali tentang prinsip-prinsip yang seharusnya diperakui oleh sejarah dan diperakui oleh Parlimen ini sendiri suatu waktu dahulu.

Apa yang penting ialah, apabila timbulnya isu-isu baru di mana rakan-rakan kita daripada Sabah dan Sarawak mula dengan begitu lantang menyatakan tentang perasaan tidak puas hati mereka terhadap pelbagai layanan, terutamanya pengagihan ekonomi yang didakwa tidak adil terhadap negeri-negeri yang dahulunya dikenali sebagai negeri Malaysia Timur. Saya berharap kita tidak akan mempopularkan lagi istilah itu pada masa-masa yang akan datang.

Di antara prinsip persekutuan ialah Kerajaan Pusat bertindak sebagai penyelesaian isu-isu di antara Kerajaan Pusat dan negeri. Misalnya isu air di antara Selangor dan Pahang sekarang ini. Dahulu pernah berlaku sebagai contoh, hak ke atas sumber air di Kedah dan Pulau Pinang. Bila kita melihat kepada contoh-contoh negeri yang telah mengamalkan sistem yang sama ataupun hampir sama.

Di India, apabila kita merujuk kes negeri Karnataka yang berkrisis dengan negeri Tamil Nadu kerana sebab yang sama. Kes ini diselesaikan dengan bijak oleh Kerajaan Pusat. Maknanya, rohnya dan semangatnya, Kerajaan Persekutuan perlu memainkan peranan untuk menyelesaikan dan bukannya memihak kepada negeri yang dikuasai oleh parti mereka semata-mata. Negeri yang mempunyai kuasa penuh ke atas tanah, galian dan pentadbiran yang lebih rendah daripada kerajaan negeri.

Dalam kes tanah sebagai contoh, Kanun Tanah Negara telah memberi kuasa kepada kerajaan mengambil tanah yang agak luas sehingga timbul masalah tanah rizab Melayu yang tidak diganti. Ini menjadi isu di dalam negeri Johor sebagai contoh dan negeri-negeri yang tidak sempat saya sebut satu per satu dalam masa yang terhad ini.

Yang timbul ialah isu tentang galian. Negeri-negeri bersetuju memberi hak kepada persekutuan untuk menguasai petroleum menerusi Petronas dan negeri mendapat royalti seperti mana yang telah dijanjikan. Di Terengganu, hak royalti ditarik balik apabila PAS memerintah. Ini suatu pencabulan dan melanggar semangat *federalisme* yang diperakui sejak dahulu dan tidaklah keterlaluan saya mengatakan, itulah di antara perkara-perkara yang sangat penting untuk dijaga oleh kita pada hari ini. Adakah Persekutuan menyangka mereka mempunyai tanah termasuk dasar lautan? Bukankah semua itu hak negeri yang bertanggung jawab?

Dalam kes ini Tuan Yang di-Pertua, seharusnya kita mengambil pelajaran yang banyak apabila negeri ini diperintah oleh PAS pada tahun 1999, maka royalti ini ditarik balik dan sampai ke hari ini menjadi rintihan. Suatu tangisan oleh rakyat negeri Terengganu di mana Menteri Besarnya yang ada pada hari ini walaupun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Salak bangun.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Adakah saya ada masa panjang Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak panjang tetapi...

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tidak panjang, saya tidak beri laluanlah. Saya ada banyak ini. Masa pendek, minta maaf. Kita debat di lain forum.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sikit sahaja, sedikit sahaja. Terima kasih. Menyebut perkara tanah ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat. Baru-baru ini Ketua Menteri Pulau Pinang pada sehari dua yang sudah, ada menyebut iaitu beliau akan mengubah dasar dari segi tempoh pemilikan tanah negeri daripada 30 tahun kepada 90 tahun. Ada juga ura-ura untuk memberi geran kekal kepada semua. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan apa yang hendak dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Beri penjelasan sedikit, sedikit juga. Pertanyaan sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kubang Kerian saya hendak bertanya, baru-baru ini Ketua Pengarah KEMAS membangkitkan isu tanah di Kelantan untuk mereka membina pusat kegiatan KEMAS yang tidak diluluskan sehingga ke hari ini. Jadi, macam mana itu dari segi isu *federalisme* yang dibangkitkan tadi? Sebab tidak ada kerjasama.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, di atas pertanyaan-pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak dan Yang Berhormat Batu Pahat, saya rasa itu terpulang kepada budi bicara kerajaan negeri yang telah pun dipilih oleh rakyat, seperti mana peribahasa Inggeris menyebut, "*When in Rome, do as the Romans do*".

Itu saya rasa satu perkara yang kita perlu pakai dan saya rasa kepada mereka yang layak. Jadi saya rasa itu tidak punya masalah dan terpulanglah kepada kebijaksanaan kerajaan negeri untuk mengagih-agihkan masalah tanah ini...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Implikasinya?

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Implikasinya kita boleh melihat. Itu tiada masalah selagi ketelusan berlaku, selagi *transparency* berlaku. Saya rasa tidak timbul masalah kerana kita boleh bagi tanah kepada mereka yang berhak.

Yang Berhormat Batu Pahat tadi, tentang isu...

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: Baling.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Sekejap Yang Berhormat Baling. Isu tentang tanah yang dikatakan tidak mendapat kerjasama daripada kerajaan negeri. Negeri Kelantan berhak untuk melihat dan menapis setiap permohonan yang dikemukakan oleh mana-mana pihak, bukan saja KEMAS dan setiap pihak ataupun badan-badan yang memohon ini akan diurus tadbir oleh kerajaan negeri.

Mana yang layak akan diberi, mana yang tidak layak tidak akan diberi. Jadi kalau ada sebarang salah laku, sebarang yang boleh dikatakan ada unsur rasuah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan sentiasa mengatakan bahawa pintu rumahnya dan pintu pejabatnya 25 jam dibuka untuk siasatan. Sila Yang Berhormat Baling.

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Penjelasan mengenai dengan *federalism* iaitu apakah Yang Berhormat rasa pelaksanaan terhadap persetujuan Persekutuan ini benar-benar berjalan apabila di kawasan saya sejumlah RM24 juta projek di bawah agropolitan ini dibatalkan apabila Kerajaan Kedah dah bertukar. Terima kasih.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Itu yang saya sebut sebentar tadi sahabat saya daripada Baling. Kita mengharapkan supaya semangat Persekutuan ini dapat disuburkan. Tidaklah maknanya kita membuat satu-satu dasar itu, dasar yang *flip flop, touch and go* begitu saja. Jadi kalau sudah ada satu kajian yang menyeluruh dan pihak-pihak yang terlibat contohnya Unit Perancangan Ekonomi telah pun mempersiapkan kertasnya yang begitu kompeten sebagai contoh. Saya mengharapkan projek-projek ini dapat diteruskan tanpa mengira parti atau pihak manakah yang memerintah negeri tersebut.

Saya lanjutkan lagi Tuan Yang di-Pertua, dalam kes negeri Alberta, Kanada...

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Kubang Kerian, satu. Satu saja. Kuala Krau tak pernah mencelah.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Saya tak cukup masa. Minta maaf. Dalam kes negeri Alberta ini di Kanada, kerajaan negeri enggan memberi hak petroleum kepada Kerajaan Persekutuan termasuk membantu negeri-negeri yang lain. Jika negeri di Malaysia ini mengambil sikap seperti itu sebagai contoh, banyak negeri miskin akan rugi. Bagaimana pula nasib negeri Perlis dan negeri-negeri yang lain yang tidak cukup belanjawan bulannya seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Saya ingin memperlihatkan Tuan Yang di-Pertua, sebagai ingatan kepada kita semua. Kalau dalam isu kita mengambil pengajaran yang banyak dalam isu Pulau Batu Puteh. Bekas Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan pun ada di hadapan saya pada hari ini dan kita perlu meneliti dan menekuni setiap aspek walaupun sebesar zarah daripada kaca mata sejarah. Kita perlu melihat sejarah kenapa kita mempelawa dulu negeri Sabah dan Sarawak untuk bersama dengan kita. Ada perkara 20 yang telah menjadi suatu perkara yang kita ikat bersama.

Negara sebagaimana rakyat adalah suatu entiti yang dinamik. Negara dan rakyat bukan suatu entiti yang jumud, beku buat selama-lamanya. Negara terus dinamik, rakyat juga pemikirannya terus dinamik dan rakyat tidak boleh dibodohkan pada semua masa. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan daripada Sabah begitu vokal, lantang menyuarakan hak mereka. Secara rasional sebagai seorang yang boleh berfikir anugerah Tuhan kepada kita yang ada pada hari ini, tidakkah boleh melihat bahawa rintihan ini sebenarnya telah sampai pada satu tahap yang mereka mahukan satu kepastian, jaminan yang telus dan ikhlas daripada Kerajaan Pusat.

Melalui saluran mana lagi untuk mereka memperjuangkan nasib mereka. Kita bersetuju tidak ada ruang untuk mereka menggunakan senjata, kita tak bersetuju. Menggunakan keganasan, kita tak bersetuju. Kita memerangi keganasan. Kita selalu bercakap dalam Dewan yang mulia ini kita tak suka kepada apa yang dikatakan tindakan-tindakan yang boleh membawa kepada kehancuran negara.

Oleh itu, sahabat-sahabat daripada Sabah dan Sarawak telah bercakap dalam Dewan yang mulia ini. Saya mungkin sebagai budak yang berumur baru setahun jagung dalam Dewan yang mulia ini. Telah ada yang jauh lebih *senior* daripada saya dalam Dewan yang mulia ini yang telah berkali-kali... ini bukan mengapi-api. Ini *facts*. Sesiapa pun boleh membaca *Hansard* saya sama ada saya mengapi-apikan atau tidak. Saya bercakap dari sudut sejarah.

Kalau orang boleh mengungkit dengan satu surat pada tahun 1953 sama ada ditulis dengan penuh tanggungjawab ataupun di sebaliknya dan hujah itu yang digunakan di ICJ yang memperlihatkan pada hari ini kita berputih mata ke atas Pulau Batu Puteh. Apa beza dengan setiap patah perkataan yang ditulis dalam *Hansard* pada hari ini tentang ucapan rakan-rakan kita daripada Sabah dan Sarawak, tentang ekonomi mereka, tentang kampung mereka, tentang sekolah mereka dan seumpamanya.

Jadi saya mengharapkan supaya kerajaan yang ada pada hari ini perlu melihat perkara ini dengan serius dan mengamalkan sikap dan semangat ini. Saya tidak membawa suatu ideologi dan fikrah yang lain dalam Dewan yang mulia ini. Saya tidak membawa satu pemikiran yang asing dalam Dewan yang mulia ini. Saya bercakap tentang *federalisms*, bercakap tentang semangat yang telah *that is enshrine in our Constitution*, yang telah diterima pakai oleh Perlembagaan dalam negara kita.

Jadi kerajaan, *the government of the day* mesti menjaga perkara ini. Saya tak mahu esok oleh sebab kesilapan kita, kealpaan kita, kecuaiannya kita, rasa tidak endah kita ini akan berlaku perkara-perkara yang boleh menghasut mereka mengambil satu tindakan yang lain. Oleh itu kita mesti mengajak semua orang menggunakan semua sistem yang ada, *within the system* bukan dengan menggunakan cara yang lain tetapi Parlimen Malaysia juga mesti belajar bila undang-undang tidak didaulatkan, penguatkuasaan diabaikan, perlembagaan tidak dihiraukan.

Ini pernah berlaku dan telah berlaku dalam negara-negara Amerika Latin Tuan Yang di-Pertua. Awas kalau apa yang dikatakan "*when people take law into their own hand*", ini akan menjahanamkan negara yang telah dibina selama ini. Sila.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya. Merujuk kepada persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat mengenai masalah tanah di negeri Kelantan, KEMAS tak dibenarkan, tak diluluskan untuk membina bangunan dan sebagainya.

Jawapan Yang Berhormat Kubang Kerian mengatakan terpulang kepada pemerintah negeri masing-masing. Bercakap dalam satu sudut yang lain, Yang Berhormat minta supaya Kerajaan Persekutuan juga mengamalkan sikap untuk meneruskan apa yang telah diluluskan. Adakah jawapan yang sama terpakai kepada Kerajaan Persekutuan. Terpulang kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengambil tindakan sebagaimana jawapan yang telah diberikan kepada Yang Berhormat Batu Pahat terhadap kerajaan-kerajaan negeri yang telah dipimpin oleh parti pembangkang atau Pakatan Rakyat. Terima kasih.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Yang Berhormat, sahabat saya daripada Kuala Krau. Dalam kawasan saya di Parlimen Kubang Kerian ada banyak tadika KEMAS. Tidak terusik mereka ini, jangan bimbanglah. Insya-Allah. Sehelai bulu roma murid-murid KEMAS pun tidak akan dijejaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masih panjang lagi ucapan Yang Berhormat?

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Dalam lima minit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, tidak payahlah buat perbandingan Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Insya-Allah. Oleh itu janganlah bandingkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payah bagi pencelahan.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Baik Tuan Yang di-Pertua. Jadi tidak payahlah bandingkan tanah KEMAS dengan royalti. Epal dengan epallah, oren dengan orenlah. Jadi isu yang saya bangkitkan ialah isu tentang contohnya royalti. Ini perkara yang telah termaktub dipersetujui, suatu yang mesti diberikan.

Saya amat terbuka, mahkamah mesti memutuskan. Hari ini rakyat Terengganu berhak mendapatkan hampir RM5 bilion di atas 5% yang diberikan. Rakyat Sabah minta, berikan. Mereka rasa tidak cukup kerana apa tidak cukup? Kalau 5% tidak cukup berikan, untuk apa? Kerajaan Pusat memiliki segala-galanya, *all the facilities* dengan izin. Peguam Negaranya, Akauntan Negaranya untuk memperincikan setiap sen yang akan dibelanjakan demi kepentingan rakyat.

Jadi saya rasa perkara ini perlu untuk kita terus melihat supaya Parlimen, saya mengambil topik Parlimen ini sebab Parlimen ini tempat lahirnya negara ini, tempat lahirnya undang-undang yang kita pertahankan ini mesti menjadi suatu yang boleh dipertanggungjawabkan oleh kita pada masa yang akan datang.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan supaya kita kembali melihat apa yang diperjuangkan oleh rakan-rakan kita yang bertugas di Parlimen ini, pegawai-pegawai yang bertugas di Parlimen ini dan kehendak mereka supaya dikembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen ataupun *Parliamentary Services Act*. Ini yang akan menjadikan Parlimen kita ini punya kuasa-kuasa dengan izin, *the close department*, mereka boleh menghala tujuan, pegawai-pegawai dan pelantikan-pelantikannya akan dapat diberikan jaminan yang lebih baik dalam hal ini.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Mohon laluan Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Akhir Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Apabila Yang Berhormat membangkitkan soal *Parliamentary Services Act* dengan izin, Akta Perkhidmatan Parlimen.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat, kerana ianya menyentuh tiga bidang utama iaitu *separation of powers* yang sepatutnya tidak mempunyai bidang tugas yang masing-masing tahu tugas dan tanggungjawabnya. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat, kerana Akta Perkhidmatan Parlimen ini ketika ianya dibubarkan saya rasa kalau tidak silap biasanya dibahaskan oleh Ipoh Timur pada masa itu tahun 1980-an.

Pada masa kita, di kalangan Ahli-ahli Dewan setengahnya masih lagi bersekolah pun apabila akta ini dibubarkan. Dengan sedikit tujuan tertentu oleh Tuan Yang di-Pertua pada masa itu yang menyebabkan kita melihat seolah-olah pegawai-pegawai yang berkhidmat di Parlimen ini tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya. Terutamanya mereka yang mempunyai kelulusan undang-undang yang seperti mana disyaratkan dalam peraturan dan Perlembagaan dalam *Parliamentary Services Act*.

Jadi pandangan Yang Berhormat, adakah akta ini patut diteruskan ataupun kita terus bergantung kepada Jabatan Perkhidmatan Awam bagi melantik pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan Parlimen ini?

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Saya bersetuju 100% dengan sahabat saya dari Arau tentang perkara ini. *I'm not in the position* untuk menjawab soalan ini, sebab saya bukan menteri. Jadi pandangan yang baik itu akan saya masukkan dalam ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat satu pembetulan fakta Yang Berhormat, bukan 80-an tetapi 1992.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: 1992 ya, tetapi Akta Saraan Parlimen yang kita harap menteri yang bertanggungjawab. Kita hanya boleh mencadangkan dan terpulang kepada menteri yang bertanggungjawab untuk memikirkan kebijaksanaannya. Yang Berhormat sebut tadi tentang sejarah, kalau itu tidak betul tidak mengapa kita belajar daripada sejarah, kesilapan itu betulkan demi kepentingan semua.

Saya mahu lihat rakan-rakan, pegawai-pegawai di dalam Parlimen ini diberikan mereka suatu hak. Itu hak mereka! Biarlah mereka tumbuh subur di dalam Parlimen ini, perkhidmatan mereka untuk kebaikan rakyat keseluruhannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat kita ada berapa orang lagi?

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Banyak lagi Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kita hendak habiskan hari ini juga Yang Berhormat. Jadi berapa orang? 17 orang.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Seorang lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payah lima minit kalau 10 minit boleh habis. Boleh setuju Yang Berhormat?

Beberapa Ahli: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi saya akan memulakan tidak kira, saya buat macam itu sahaja Yang Berhormat akan mendapat peluang semua. Insya-Allah, kita membuat keputusan 17 orang ini akan berucap, 10 minit seorang. Jadi yang baru-baru datang itu minta maaf.

Jadi Yang Berhormat saya mulakan dengan Yang Berhormat Pasir Salak selepas itu pergi ke sini, akan saya satu persatu Yang Berhormat. Insya-Allah.

3.46 ptg.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyokong Usul Tambahan Belanjawan 2007.

Ini kerana saya mendapati bahawa bagi kita untuk menjayakan segala program pembangunan yang telah dirancang perlulah kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan diperuntukkan dengan peruntukan yang secukupnya. Tidak mungkin jabatan-jabatan dapat menjalankan kerja mereka tanpa peruntukan kewangan yang secukupnya.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil kesempatan ini sebagai Ahli Dewan yang mulia ini memainkan peranannya sendiri iaitu sebagai *check and balance* kepada pihak eksekutif jabatan kerajaan, termasuk juga Kabinet berhubung dengan pelaksanaan projek-projek yang hendak dilaksanakan. Wang yang cukup sahaja kadang-kadang tidak mencapai matlamat kalau perkara-perkara lain tidak dibuat dengan betul.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menegur seorang menteri iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang memegang portfolio undang-undang. Pada masa penggulungan beliau minggu sudah, beliau sudah menyampaikan jawapan-jawapan. Satu keadaan di mana saya rasa beliau terasa tertekan. Perasaannya itu di bawa keluar daripada Dewan dengan membuat kenyataan yang amat mendukacitakan tidak melambangkan sikap seorang menteri ataupun ahli eksekutif yang boleh menerima peranan yang dimainkan oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini.

Saya ingin merujuk kepada surat khabar *New Straits Times* bertarikh 25 Mei. Di mana beliau telah menyebut di sini bahawa UMNO ataupun Barisan Nasional mesti bertindak terhadap Ahli-ahli Dewan yang menentang kerajaan dan juga memalukan Perdana Menteri, tidak menyokong dasar kerajaan dan sebagainya.

Di sini disebutkan oleh beliau apabila ditanya oleh pemberita siapa Ahli-ahli Dewan tersebut? Dia kata dengan izin, saya sebut di sini "*Zaid said, that he had heard statement by Jerlun MP Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir and Pasir Salak Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman*". Saya ingin menafikan dengan sekeras-kerasnya yang saya ada membuat ucapan pada waktu itu.

Apa-apa juga ucapan yang berbau ataupun boleh ditakrifkan sebagai menghina Perdana Menteri ataupun menentang dasar-dasar kerajaan. Waktu itu, saya tidak diberi laluan oleh beliau untuk mencelah ataupun mendapatkan penjelasan. Jadi bagaimana beliau boleh buat kesimpulan bahawa saya pada hari itu menghina Perdana Menteri dan menentang dasar-dasar kerajaan? Ini dibawa keluar secara publik, membuat tuduhan kepada saya dan mendesak pihak berkuasa di dalam BN dan juga UMNO untuk mengambil tindakan terhadap saya.

Kalau beginilah sikapnya dan ini bukan sahaja keluar dalam *New Sunday Times* tetapi juga dalam *Mingguan Malaysia* secara besar-besaran. Jadi di sini melambangkan sikap seorang menteri yang tidak, pertama sekali tidak bertanggungjawab dengan kenyataan yang beliau buat dan keduanya beliau tidak faham apakah peranan Ahli-ahli Dewan.

Ahli Dewan sebagai kita pembuat undang-undang *we are legislates, this is legislative assembly* dengan izin. Kita punya peranan adalah untuk menegur dan memberi pandangan kepada apa juga yang dilakukan kerajaan, membuat teguran-teguran yang membina. Teguran tidak semestinya datang daripada pihak pembangkang sahaja, *backbencher* juga mempunyai tanggungjawab dan yang hairannya dalam kes ini belum pun saya membuat teguran dan pandangan sudah dianggap saya menjadi orang yang menentang Perdana Menteri.

Jadi, saya hendak sebut di sini, Tuan Yang di-Pertua, menteri ini apabila dilantik oleh Perdana Menteri sebagai menteri, banyak orang yang meragukan kewibawaan beliau tetapi kita akur dengan prerogatif atau budi bicara Perdana Menteri dalam melantik menteri-menteri. Jadi kita terima pelantikan itu dengan baik, dengan hati yang terbuka dan mengharapkan beliau akan menjalankan tugas dengan baik dan bertanggungjawab, tetapi kalau beginilah sikap yang ditunjukkan, saya merasakan kita minta Perdana Menteri untuk menyemak semula pelantikan beliau sebagai menteri...
[Tepuk]

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: [Bangun]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hendak bagi tahu kalau dia beri laluan dahulu untuk saya berucap, saya hendak memberi pandangan berhubung dengan rancangan kerajaan untuk membentuk Suruhanjaya Pelantikan Hakim-hakim. Suruhanjaya ini belum lagi tertubuh, baru cadangan. Apakah tidak boleh bagi kita untuk memberi pandangan terhadap cadangan untuk menubuhkan suruhanjaya ini.

Saya menyokong untuk kita berlaku telus, kita hendaklah juga tidak mahu badan kehakiman kita dicemari oleh sebarang apa juga perkara yang tidak baik namun begitu ada perkara yang saya hendak bagi pandangan. Siapa, Yang Berhormat Labuan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak payah. Jadi saya hendak memberi pandangan bahawa kita dalam bahasa kita untuk menentukan bahawa pelantikan hakim-hakim boleh dibuat dengan cara baik. Kita tidak mahu juga kuasa Perdana Menteri hilang begitu sahaja. Saya tidak setuju.

Saya rasa Pakatan Rakyat juga kalau jadi kerajaan esok, Perdana Menteri dia mahu berkuasa, dia tidak mahu Perdana Menteri dia hilang kuasa. Siapa yang hendak membentuk kerajaan dengan tidak ada kuasa? Saya hendak tanya, siapa yang hendak menjadi Perdana Menteri kalau dia tidak ada kuasa? Kuasa Perdana Menteri mesti ada, kuasa kerajaan mesti ada tetapi kita hendak Perdana Menteri dan juga kerajaan melaksanakan kuasa itu dengan penuh tanggungjawab, bukan disalah gunakan.

Saya percaya Perdana Menteri kita yang ada pada hari ini dan kerajaan pada hari ini berkemampuan untuk bertanggungjawab, beramanah dalam segala tindak tanduk mereka. Ini yang hendak saya sampaikan. Bagaimana boleh ini kalau saya sampaikan pun boleh diiktiraf atau ditakrif sebagai menentang Perdana Menteri? Saya hendak sebut di sini Tuan Yang di-Pertua, 36 tahun saya di dalam Barisan Nasional, dalam UMNO daripada muda sekali saya mempertahankan kerajaan, mempertahankan Perdana Menteri sehingga saya masuk dalam tahanan ISA sekalipun.

Ini, boleh sebut nama? Tidak boleh sebut. Menteri ini berapa lama dia di dalam Barisan Nasional, berapa lama dia di dalam UMNO dan saya dapat tahu masa pilihan raya ini pun beliau tidak ada di kawasan, beliau bercuti di luar negeri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat, satu minit lagi. Sedikit lagi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Pembangkang suka dia!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi saya hendak bagi tahu di sini iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh menyemak balik, hendak cari orang yang pakar undang-undang ramai dalam UMNO, dalam Barisan Nasional ramai tokoh-tokoh Menteri Luar kita ini pun PhD *in law*.

Saya ingatkan dulu dialah yang menjadi Menteri Undang-undang, orang lain pula. Kita punya juga seorang dari Yang Berhormat Padang Rengas. Yang Berhormat Padang Rengas yang juga berkelulusan undang-undang, banyak lagi yang telah lama dengan Barisan Nasional, lama dengan parti, lama berjuang kepada rakyat, yang mempunyai kelulusan dan kelayakan dan pengalaman dan lebih berwibawa lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi kesimpulannya, menteri adalah sebahagian ahli eksekutif. Mereka mesti menerima teguran-teguran yang membina dan positif sama ada daripada pembangkang ataupun daripada pihak *backbenchers*.

Saya boleh bersetuju dengan beberapa pendapat pembangkang tidak bermakna saya menjadi pembangkang, saya tidak semestinya bersetuju bersama rakan-rakan kalau dalam perkara-perkara yang tidak membawa kebaikan kepada kerajaan dan juga untuk rakyat. Jadi dengan sebab itu, saya minta menteri yang berkenaan supaya tarik balik dan minta maaf kepada saya di atas kenyataan yang dibuat secara *public* ini.

Pagi tadi dia ada, saya bercakap tetapi kalau saya bercakap dia jawab. Ini dia tidak ada tidak boleh jawab. Sekian, terima kasih... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Saya selang seli Yang Berhormat, saya selang-seli. Saya bagi Yang Berhormat Rasah. 10 minit Yang Berhormat Rasah. Yang Berhormat Rasah cuba rujuk kepada rang undang-undang dan jangan terkeluar daripada rang undang-undang.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih, B.1 dan B.7 Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil peluang dalam Perbahasan Rang Undang-undang Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 2007.

Terlebih dahulu saya mengalu-alukan kehadiran beberapa rakan Ahli-ahli Yang Berhormat ADUN dari Negeri Sembilan yang bersama-sama mengikuti persidangan pada petang ini. Mudah-mudahan Parlimen akan menunjukkan satu contoh Parlimen *first world Parliament* kepada mereka. Mudah-mudahan mereka akan balik ke Dewan Undangan Negeri, menjadikan Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan sebagai satu *first world* Dewan Undangan Negeri.

Kita banyak membicarakan *first world Parliament* dalam perbahasan dalam dua tiga hari ini. Tadi Yang Berhormat Kubang Kerian juga ada sentuh berkenaan dengan Parlimen. Kalau kita hendak menjadikan *first world Parliament* Tuan Yang di-Pertua, saya rasa keefisienan perjalanan dalam Parlimen itu perlu dititik beratkan.

Dua minggu yang lepas dalam soalan tambahan saya kepada Menteri Pertahanan berkenaan dengan Latihan Khidmat Negara. Saya ada pohon diberikan senarai secara terperinci senarai pentadbir-pentadbir Kem Latihan Khidmat Negara dan senarai pembekal-pembekal kontrak dalam Latihan Khidmat Negara. Hampir dua minggu saya belum mendapat jawapan lagi, saya belum mendapat jawapan bertulis di atas meja saya lagi. Adakah ini menunjukkan keefisienan kementerian dan juga perjalanan Parlimen?

Saya rasa saya ingin menyeru kepada urus setia pentadbiran Parlimen memastikan segala janji yang telah dibuat oleh menteri atau timbalan menteri berkenaan dengan notis jawapan bertulis, perlulah diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat secepat mungkin kerana itu saya rasa satu pentadbiran, satu kerja yang senang sahaja dalam masa sehari dua hari boleh diselesaikan dan diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kerana saya rasa kalau hendak tunggu satu jawapan dua minggu, itu tidak melambangkan satu keefisienan dalam pentadbiran kerajaan mahupun pentadbiran Parlimen.

Yang kedua, berkenaan dengan soalan bertulis. Dalam tiap-tiap persidangan, kita dibenarkan bertanya 10 soalan lisan dan 5 soalan bertulis. Sehingga ke hari ini, kita hampir ke penghujung persidangan, saya belum mendapat jawapan bertulis. Saya difahamkan oleh senior-senior MP saya bahawa adakala jawapan bertulis itu tidak diberikan dalam persidangan yang sama tunggu sampai persidangan akan datang baru dapat jawapan bertulis.

Sekurang-kurangnya di Dewan Undangan Negeri Sembilan, kita mendapat jawapan bertulis pada hari pertama persidangan dan saya harap ini dapat dititik beratkan oleh pihak urus setia Parlimen supaya ini memastikan semua soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu dapat dijawab dan diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat secepat mungkin.

Terakhirnya berkenaan dengan Parlimen. Dalam urusan peraturan mesyuarat kita ada satu mekanisme untuk mengemukakan usul tergepar, tetapi kita tidak ada mekanisme untuk mengemukakan soalan tergepar kerana macam sekarang kita selesai persidangan Parlimen hari Khamis ini, hari Isnin kita perlu menghantar soalan untuk persidangan akan datang. Kalau untuk persidangan bajet bulan Ogos, kita perlu menghantar soalan pada bulan Julai.

Maksudnya kalau soalan yang dihantar pada bulan Julai kemungkinan soalan itu hanya akan dijawab pada bulan Disember semasa penghujung Parlimen. Maksudnya kalau satu-satu soalan itu dibahagikan sampai ke penghujung Parlimen, maksudnya kita kena tunggu empat bulan baru mendapat jawapan itu. Mungkin soalan itu sudah menjadi soalan basi Tuan Yang di-Pertua.

Saya harap Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan juga pentadbiran Parlimen dapat melihat perkara ini. Supaya kita dapat mengkaji semula apakah mekanisme yang kita boleh pakai supaya kita meletakkan dalam peraturan mesyuarat itu, perlu ada satu mekanisme membenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat meletakkan ataupun menanya soalan-soalan tergepar. Kalau terdapat syarat-syarat yang dapat dipenuhi, maka soalan itu dapat didahulukan dalam *Order Paper* kita setiap hari. Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh mempertimbangkan perkara ini.

Yang kedua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:

Yang Berhormat, sebagai penjelasan kita mempunyai jawatankuasa yang bakal ditubuhkan selepas ini yang mana aduan-aduan sebagaimana Yang Berhormat sebutkan itu boleh dibawa oleh ahli-ahli jawatankuasa pada mesyuarat tersebut untuk dipertimbangkan Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Saya berharap jawatankuasa dapat mempertimbangkan perkara itu. Saya harap tambahan satu minit Tuan Yang di-Pertua, tadi mengambil masa...

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Yang keduanya berkenaan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Pontian tadi, menambahkan peruntukan untuk biasiswa JPA ini, supaya kesemua pelajar yang cemerlang yang datang dari keluarga miskin tanpa melihat latar belakang kaum dan agama mereka dapat diberikan peruntukan biasiswa JPA ini kerana ramai yang telah belajar bersungguh-sungguh dan mendapat keputusan yang cemerlang, tetapi tidak mendapat biasiswa JPA untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Perkara ini berlaku setiap tahun. Ini *annual event* Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa ada pelajar-pelajar sekarang mereka mengambil 14 subjek, 15 subjek sehingga ada maksimum 25 subjek ambil satu tahun dalam SPM. Namun kalau ambil 25 subjek tidak cukup lagi, kerana setiap tahun sampai ke tahap ini mereka perlu duduk satu lagi *paper*. *Paper* bagaimana membuat rayuan kepada JPA melalui pemuda MCA. Ini saya rasa adalah sesuatu yang memecahbelahkan perpaduan negara kita. Apa maksudnya ada perpaduan, kalau kita ada pelajar-pelajar cemerlang tidak mendapat bantuan biasiswa JPA untuk melanjutkan pelajaran mereka walhal mereka adalah modal insan yang sangat cemerlang untuk negara kita.

Saya ingin memohon kepada JPA, kepada kerajaan supaya mengkaji semula kerana dalam surat akhbar *New Straits Times* hari ini ada beberapa berita berkenaan dengan SPM *achiever* yang dinafikan *scholarship*. Dengan izin, saya membaca, seorang pelajar Lishaliney Uthrapathy yang ingin menjadi doktor mendapat 14A dan mendapat purata mata 92.5% untuk aktiviti kokurikulum beliau.

Dengan izin, saya membaca, "*She had pinned all her hopes in getting the scholarship because her father, the family's sole bread-winner, is a factory worker and does not have the means to finance her entire tertiary education.*" Said her mother, Amutha Subramaniam: "*When my daughter chose the 14 subjects, I told her that if she studied hard, she could rest assured that her future would be taken care of. But our family's aspirations for Lishaliney have been shattered. The rejection is unfair and my daughter has lost all faith that what we taught her to believe is true,*" said Amutha.

Ini melambangkan banyak keluarga pelajar-pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang, tetapi apabila keputusan JPA mengatakan bahawa permohonan untuk mereka mendapat biasiswa itu ditolak, apakah perasaan mereka Tuan Yang di-Pertua? Ada seorang lagi yang menulis *Letters To The Editor's* pada hari ini, Keshminder Singh dari Sungai Petani "*Not Good Enough For An Award*". Beliau mendapat 12A iaitu 10 A1 dan 2 A2 untuk Sijil Pelajaran Malaysia dan banyak lagi beliau mendapat berkecimpung dalam aktiviti kokurikulum dan sebagainya, permohonan tidak dapat.

Saya juga ada satu kes di Seremban yang bernama Khoo Alvin. Beliau mendapat *examinee student, and best student in co-curriculum activities 2002*, Juara Muda 2003, *best student*, pelajar cemerlang SPM, *Tan Sri Dato' Chan Choon Tuck Award, best for the award*, 11A dalam SPM 2007. Bukan itu sahaja, beliau merupakan ahli sukan yang mewakili Negeri Sembilan ke SUKMA mendapat *champion*, mendapat *first runner-up* dalam *Langkawi International Regata Perdana 2002*, *Razer Radio*, *participant SUKMA*, *first second runner-up* dan pelbagai lagi. Baik sukan, baik aktiviti kokurikulum, baik keputusan, semuanya cemerlang. Bukan sahaja JPA tidak dapat, hendak minta kerusi dalam matrikulasi juga tidak dapat, juga ditolak.

Saya tidak faham apakah dasar kerajaan berkenaan dengan perkara-perkara ini. Saya cukup sedih kerana perkara-perkara ini setiap tahun berlaku. Perkara ini sudah lama dibincangkan. Saya tahun pertama dalam Dewan yang mulia ini, saya yakin dan percaya setiap tahun ada Ahli Yang Berhormat yang membincangkan perkara-perkara ini, tetapi tidak selesai juga.

Dahulu Setiausaha Kebangsaan Pemuda MCA, Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam sekarang sudah jadi Timbalan Menteri, setiap tahun beliau banyak berdialog dengan pelajar-pelajar, tetapi setiap tahun perkara yang sama berlaku. Setiap tahun ratusan pelajar perlu pergi ambil peperiksaan di ibu pejabat Pemuda MCA macam mana hendak membuat rayuan. Saya rasa itu sesuatu yang sangat memalukan negara kita, yang sangat mendukacitakan para pelajar kita.

Sekarang sudah sampai masanya semua kaum baik di Sabah, baik di Sarawak, baik di Kelantan, baik di mana-mana, kalau mereka mendapat keputusan cemerlang, daripada keluarga yang tidak mampu untuk menghantar mereka ke institusi pengajian tinggi, maka kerajaan perlulah memberikan bantuan biasiswa kepada mereka tanpa mengira kaum dan agama... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat bagi Rasah.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Satu minit, tadi Yang Berhormat mengambil satu minit daripada saya.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Saya hendak kerajaan mengkaji semula mekanisme-mekanisme. Sekarang saya melihat tulisan dalam akhbar *Sunday Star* hari itu mengatakan bahawa 70% untuk permohonan biasiswa JPA itu berdasarkan kepada keputusan peperiksaan mereka.

10% latar belakang keluarga mereka sama ada mereka berada dalam golongan yang berpendapatan rendah, 10% kokurikulum dan 10% *interview*, temu duga. 10% temu duga itu begitu subjektif, bagaimana seseorang itu boleh tahu berapa markah yang boleh mereka dapat, apakah kriteria yang diberikan kepada orang yang *interview* itu memberikan markah. Saya rasa itu perlu dikaji semula...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Saya berharap kerajaan ada satu mekanisme, ada satu dasar supaya memastikan semua pelajar yang cemerlang, semua pelajar yang layak tanpa mengira kaum dan agama, tanpa mengira daripada negeri mana, baik dari negeri Barisan Nasional, baik dari negeri Pakatan, baik dari Sabah, baik dari Sarawak, saya harap semua pelajar Malaysia yang cemerlang diberikan biasiswa.

Ini kerana mereka adalah modal insan yang paling utama kepada kita, aset yang paling utama kepada negara kita. Kalau kita tidak bagi, maka kita akan hilang kepada Singapura, kita akan hilang kepada Australia, kita akan hilang kepada United Kingdom dan sebagainya. Saya harap kerajaan akan mengkaji dengan sebaik-baiknya supaya memastikan keadilan berlaku kepada semua pelajar yang cemerlang ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kuala Krai.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Bersabarlah Yang Berhormat, ramai yang berdiri. Sabar Yang Berhormat.

4.09 ptg.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin sama-sama membahaskan Belanjawan Tambahan 2008 ini. Kita sudah dengar dua keluhan satu daripada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mengenai kehilangan sebahagian daripada bumi kita dan juga daripada Yang Berhormat bagi Rasah.

Kedua-duanya harus diambil berat dan kalau diperlukan, kalau kerajaan berhasrat untuk menambah peruntukan bagi JPA membiayai lebih ramai pelajar kita membuat mengikuti kursus-kursus yang kritikal seperti perubatan ini, kita di barisan sebelah sini sedia menyokong sepenuhnya. Kerana kita prihatin terutamanya dalam konteks menyediakan doktor-doktor dan pakar-pakar perubatan yang lebih baik, yang lebih selamat.

Kita dengar semalam, Yang Berhormat Kapiti mempertikaikan mengenai ada kursus-kursus perubatan kita yang dikendalikan oleh pensyarah-pensyarah yang datang daripada negara-negara dunia ketiga minus. Bukan dunia ketiga sahaja, negara ketiga minus lagi seperti daripada Myanmar. Saya meyakini pensyarah-pensyarah ini dipilih mengikut keupayaan dan mereka ini ada meritnya untuk mengajar di universiti kita. Ertinya mereka layak.

Walaupun mereka daripada Myanmar, mereka mengikuti kursus perubatan, mereka membuat kepakaran. Selalunya pensyarah-pensyarah Myanmar ini membuat kepakaran di United Kingdom. Ertinya mereka telah melalui proses-proses pendidikan dan sesuai untuk diterima menjadi pensyarah sebab itu saya hendak mengingatkan kita, walaupun ada pensyarah-pensyarah kita datang daripada negara yang kurang majunya daripada negara kita, kita jangan tersalah anggap.

Apabila mereka telah melalui proses pendidikan dan telah teruji dari segi kepakarannya mereka layak untuk diberikan peluang untuk mendidik anak kita. Namun, tentulah kita menjadi lebih yakin kalau pensyarah-pensyarah ini datang daripada institusi pendidikan yang lebih hebat di merata dunia ini.

Ini menjadi perkara yang menjadi satu naluri kita sebab itu jugalah tidaklah sampai kita hendak mengambil seorang pensyarah dengan dibayar gaji sampai RM16,000 sebulan untuk meyakinkan kita bahawa dia pensyarah yang baik. Namun, munasabahlah kalau mereka ini diberikan satu kedudukan dengan tidak menganaktirikan pensyarah-pensyarah tempatan kita supaya mereka dapat memberikan penilaian ataupun pengajaran yang baik.

Saya rasa, pelajar-pelajar kita yang keluar daripada semua institusi perubatan di dalam negara kita ini, memang mempunyai kelayakan yang sesuai, malah hebat untuk mengendalikan kes-kes dalam negara kita sendiri kerana kita dilatih, dididik dalam *environment* dengan izin, tempatan kita, kita lebih memahami lebih faham dan lebih mahir. Saya biasa tengok dalam peperiksaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Krai, saya peringkatkan bahawa pendidikan tinggi dan pelajaran tidak termasuk dalam...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Hendak kaitkan kesihatan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi, kalau kesihatan itu ada...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Hendak masukkan kesihatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dalam kualiti daftar dan sebagainya, jadi pendidikan itu tidak ada Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *Line* itu hendak masuk kesihatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau tidak kita merayau ke lautan teduh pula nanti.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, kita hendak masuk kesihatan sebenarnya. Mereka ini memang layak dan pernah kita lihat pelajar-pelajar kembali daripada universiti yang tidak diiktiraf dengan ramai sekali, masuk peperiksaan *group session 13* iaitu pelajar-pelajar tidak diiktiraf ini. Mereka ramai juga yang lulus, tetapi kebanyakan mereka hendak membuat pemeriksaan mata dengan satu alat yang dipanggil oftalmoskop pun tidak pandai.

Namun akhirnya itu tidak diberikan satu penilaian yang tinggi tetapi boleh bercakap, pandai bercakap kerana *viva oral exam* ini, siapa yang pandai bercakap dia boleh lulus. Namun, dari segi tekniknya pelajar-pelajar kita di Malaysia ini jauh lebih baik sebab itu, yakinlah dengan doktor-doktor yang ada di Malaysia ini. Saya yakin mereka telah mengendalikan negara kita dengan baik.

Masuk kepada topik kesihatan, seperti saya sebutkan dalam beberapa pandangan yang lain dahulu, kita telah berjaya mengurangkan, telah memperbaiki taraf kesihatan kita menjadi antara yang terbaik. Kalau dalam negara Komanwel, kita menjadi antara contoh yang terbaik. Saya hendak menyebut di sini bahawa usaha-usaha yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan bagus. Mana yang baik itu kita puji.

Antaranya seperti dalam mengendalikan hospital-hospital kita, kita diberitahu bahawa ada 19 hospital swasta dan 52 hospital kerajaan yang mendapat akreditasi. Saya semalam ada mendengar Yang Berhormat Batu Pahat mempertikaikan tidak ada hospital kita. Saya telah *check* maklumat bahawa hospital kita ini memang mempunyai ataupun menepati standard-standard minimum dari segi perkhidmatan, *facilities*, prasarana, pengurusan, kualiti dan keselamatan dan mengikuti beberapa standard akreditasi yang diterima oleh antarabangsa.

Jadi, banyak rupanya hospital kita yang telah diakreditasi. Daripada 59 yang di *investigate*, 52 melepasi. Swasta daripada 34, 19 melepasi. Jadi, kita berharap baki-baki hospital yang belum mendapat akreditasi ini diberikan perhatian oleh Kementerian Kesihatan supaya mereka juga mencapai tahap kualiti minimum yang diperlukan bagi memastikan pesakit-pesakit kita diberikan rawatan yang terbaik.

Kita juga telah diberitahu dalam salah satu soalan saya yang dijawab secara bertulis bahawa doktor-doktor swasta kita boleh terus memberikan ubat di klinik-klinik mereka sendiri kerana dahulu ada hasrat supaya doktor-doktor ini tidak dibenarkan, hanya farmasi sahaja yang dibenarkan.

Saya juga bersetuju dan menyokong pandangan ini kerana ini satu tindakan yang boleh merapatkan lagi rakyat kita dengan doktor. Saya sedih semasa saya melawat beberapa tempat di kawasan saya di Kuala Krai sana. Ada di antara rakyat kita ini yang takut ke hospital. Mempunyai satu penyakit yang tersangat mudah untuk dirawat. Dengan hanya pergi ke hospital, mendaftarkan diri dan mengambil satu jadual. Bukan penyakit yang berbahaya, tetapi penyakit tahi lalat sebesar penumbuk di muka. Yang boleh dirawat dengan mudah tetapi umurnya telah mencapai 50 lebih baru bertanya 'boleh buang atau tidak?'

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa sudah habis Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, seminit lagi ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak ada.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Gulung. Jadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Gulung, beri setengah minit sahaja.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Maksud saya itu apabila kita di Kementerian Kesihatan, doktor-doktornya dan hospitalnya menjadi lebih *friendly* maka rakyat akan lebih terdidik dan mereka boleh datang dengan rasa lebih berani kepada kita sebab itu saya mencadangkan supaya hospital-hospital kita diberikan satu motivasi supaya mereka pergi kepada program-program *outreach* kepada rakyat supaya dapat menarik minat rakyat mendapatkan rawatan di peringkat awal supaya mereka dapat menjalani hidup yang lebih baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Hulu Terengganu. Sila Yang Berhormat. 10 minit Yang Berhormat.

4.18 ptg.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang saya bercakap. Saya rasa geram ini sebab semalam pun baru bercakap, disuruh duduk balik. Tadi pun hendak mintak bercakap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jangan buang masa Yang Berhormat. Sila bercakap Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: ...Kata masih belum masuk gear, saya hendak ulas sedikit tentang apa yang dicakapkan semalam, pagi tadi oleh Yang Berhormat dari Machang berkenaan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Machang berhubung dengan kelemahan Sultan Hussein atau Tengku Long yang dituliskan oleh Abdullah Munsyi yang mana untuk pengetahuan Yang Berhormat-Yang Berhormat, bahawa penulis tersebut merupakan tali barut kepada Inggeris, Raffles dan Farquhar.

Tulisannya itu untuk menghalalkan kepada pihak Inggeris untuk mengambil pulau Singapura. Sebab itulah penulis mengandaikan dan mengatakan bahawa raja-raja Melayu merupakan raja-raja yang lemah yang membolehkan Inggeris mengambil alih negeri-negeri Melayu. Jadi, janganlah kita terpengaruh dengan penulis-penulis yang seumpamanya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Machang melalui sindirannya bahawa kelemahan sultan berhubung dengan dikuasai oleh menantu yang mengatakan kerajaan yang lemah apatah lagi telah dicelahkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena. Tingkat berapa? Tingkat empat ke? Rasa berderau darah saya.

Saya nampak bahawa kroni, nepotisme bukan yang kita suka, bukan yang kita cuba popularkan tetapi kita semua tidak suka kepada perkara-perkara seumpama itu termasuklah dalam bidang politik. Saya tengok sebelah sini, saya nampak Yang Berhormat Menteri Johor Bahru bertanding calon Barisan Nasional. Saya cuba tengok orang lain, ada tidak lagi adik-beradik. Rupa-rupanya ada tetapi yang adik itu di sebelah sini, dari Shah Alam.

Saya tengok lagi ada tak nepotisme politik ini, saya tengok kepada wakil Jerlun, hebat orangnya, tampan, gagah, pandai bercakap, boleh masuk ke Dewan ini pun setelah ayahandanya tidak lagi bertanding. Namun di sebelah sana saya nampak nepotisme yang berlaku dalam DAP ada dua pasangan, dalam PKR ada satu pasangan. Cuma saya rasa orang PAS tak *jealous* ke ataupun belum sampai masanya nak juga anak-beranak ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bercakap berkenaan dengan JPA ini tentang pelanjutan umur persaraan yang diumumkan oleh Perdana Menteri kita baru-baru ini. Saya amat menyokong tentang pelanjutan tersebut tetapi sokongan saya bukanlah sokongan 100%. Kita setuju lanjutan umur persaraan dilanjutkan dari 56 tahun kepada 58 tahun.

Akan tetapi kita minta supaya lanjutan itu diambil kira dari segi kesihatannya dan dari segi prestasinya. Kalau pegawai-pegawai kerajaan yang sudah tidak larat bekerja ataupun yang dianggap sebagai kayu mati, maka janganlah pegawai-pegawai ini diteruskan berkhidmat sehingga 58 tahun kerana ianya bukan sahaja membebankan kepada organisasi tetapi juga merugikan wang rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian berkenaan dengan Penilaian Tahap Kecekapan. Saya amat yakin dan saya amat percaya bahawa perbelanjaan untuk PTK ini adalah satu perbelanjaan yang sangat besar sebab saya sendiri pun pernah terlibat di dalamnya. Oleh itu saya minta supaya pihak kerajaan mengkaji semula tentang Penilaian Tahap Kecekapan ini kerana kesan dan impaknya tidak seberapa.

Adalah tidak munasabah kita memberi penilaian kepada pegawai-pegawai kerajaan sama ada menerusi peperiksaan ataupun menerusi kursus kerana pencapaian tentang prestasi pegawai-pegawai kerajaan bukan kita ukur dalam masa tertentu sahaja. Ia harus diukur berdasarkan sepanjang tahun beliau bekerja dalam nilai prestasi tahunannya. Oleh itu kita minta supaya PTK ini dikaji semula, kalau boleh kita buatlah penilaian berasaskan kepada nilai laporan prestasi tahunan. Cuma kita minta supaya ketua-ketua jabatan memberi penilaian yang sewajarnya yang tidak berasaskan kepada emosi dan perasaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kementerian ini merupakan kementerian yang sangat penting yang bukan sahaja bertanggungjawab untuk merombak belunggu kemiskinan di kalangan petani-petani kita tetapi untuk memberi jaminan kepada usahawan-usahawan muda bahawa bidang pertanian ini merupakan satu bidang yang menjamin masa depan mereka.

Akan tetapi yang berlaku pada hari Tuan Yang di-Pertua, bahawa kenaikan harga barang-barang pertanian seperti racun, baja dan yang seangkatan dengannya boleh dikatakan keluhan petani kalau tak naik tiap-tiap minggu pun, mungkin naik tiap-tiap bulan. Harga baja yang begitu tinggi, harga racun yang begitu mahal menyebabkan petani dalam kegelisahan. Oleh yang demikian, kalaulah wang untuk PTK yang diuruskan oleh kerajaan, dialihkan kepada petani ini saya rasa lebih bermanfaat. Juga saya dapati dalam bidang pertanian ini, kita kena ambil kira tentang musuh-musuh pertanian.

Di kawasan saya di Hulu Terengganu, walaupun hulu dekat dengan bandar tetapi Tuan Yang di-Pertua, monyetnya ramai, babi hutan pun banyak, gajah pun ada. Petani-petani di daerah saya menghadapi masalah yang sangat berat ketika ini bahawa mereka bukan sahaja kehilangan hasil-hasil pertanian akibat daripada musuh-musuh yang saya sebutkan tadi termasuklah babi hutan yang tidak dibenarkan ditembak secara sewenang-wenang. Saya rasa Kerajaan Negeri Selangor, bolehlah pergi ke daerah saya, saya akan tunjukkan untuk ambil babi-babi hutan bawa balik ke Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan bahawa kerajaan bersungguh-sungguh untuk mengatasi masalah gajah ini. Orang-orang kampung bukan sahaja hilang hasil pertanian tetapi mereka tidak berani lagi untuk ke kebun-kebun mereka kerana ancaman gajah ini. Tindakan yang diambil oleh pihak Perhilitan hanya buat sementara, hari ini mereka tangkap, esok mereka bawa ke pulau, kemudian minggu hadapan gajah ini datang lagi dan datang mengancam kehidupan petani-petani di Hulu Terengganu. Oleh yang demikian, kita minta sungguh-sungguh supaya masalah musuh tanaman ini diberi perhatian oleh pihak kerajaan kerana berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut berkenaan dengan kedatangan pendatang-pendatang tanpa izin termasuk juga yang diizinkan. Sebenarnya masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh penduduk-penduduk di Sabah dan di Sarawak tetapi juga saya nampak ianya berkeliaran di Selangor dan di Kuala Lumpur. Bila kita pergi ke pasar Chow Kit, kita nampak bahawa orang-orang inilah yang menguasai dan memerintah di kawasan tersebut. Adakah kita hendak biarkan perkara ini berlanjutan?

Oleh yang demikian, pihak kerajaan harus bertegas supaya kedatangan mereka ini tidak akan mengancam dan mengganggu kehidupan orang-orang tempatan. Rakyat negeri ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat ...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: ...Yang perlukan kepada pembelaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Terengganu, masa dah habis Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Hulu Terengganu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Hulu Terengganu.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Satu lagi, satu minit lagi walaupun saya nampak perkara ini mungkin tidak berapa berkaitan tapi saya nak sebut jugalah sebab menteri yang berkenaan tidak menjawab dibangkitkan pada masa penggulangan dulu iaitu berkenaan dengan PTPTN, perbadanan ini. Saya minta supaya perbadanan ini termasuklah perbadanan-perbadanan lain, GLC termasuk TNB, termasuk Petronas, termasuk perbadanan ini supaya tujuan yang ditubuhkan ini bukanlah bertujuan untuk mencari kekayaan untuk badan tersebut.

Tujuan asasnya adalah untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat, tidak wajar sama sekali Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional bermegah kerana mereka mempunyai kewangan yang besar tetapi tidak memberi khidmat yang baik kepada pelajar-pelajar kita. Saya mencadangkan supaya caj yang dikenakan kepada pelajar yang meminjam sebanyak 4% itu tidak lagi dikutip dan berilah pinjaman percuma kepada anak-anak kita, insya-Allah budi baik kita ini akan mereka ingat dan mereka bayar balik sebanyak mana yang mereka pinjam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat, masa dah habis Yang Berhormat. Dah lebih seminit dah.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sudah dapat melepaskan geram saya. Sekian. *Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.*

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Geram, dia geram... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bukit Gelugor.

4.29 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua, tiga tajuk ke atas saya akan memberikan perbahasan.

Pertama adalah Tuan Yang di-Pertua, pagi ini soalan saya ada disenaraikan asalnya sebagai nombor 12 tetapi menjadi 70, saya pun hairan kenapa itu terjadi. Soalannya ialah mengenai penukaran nama Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan di Putrajaya daripada *Palace of Justice* kepada Istana Kehakiman.

Saya ada tanya apa sebab-sebabnya bagi penukaran nama tersebut. Jawapan adalah seperti berikut; "*Sebab utama nama bangunan di mana letaknya Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan di Putrajaya ditukar adalah kerana kerajaan berpendapat bahawa bangunan-bangunan utama kerajaan seperti bangunan mahkamah tersebut patut dinamakan dalam bahasa kebangsaan*".

Namun Tuan Yang di-Pertua, dari asalnya kenapa dinamakan Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan sebagai Mahkamah Keadilan? Itu nama asal yang diberi kepada kedua-dua mahkamah utama ini.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Selepas itu nama itu telah ditukar daripada *Palace of Justice* kepada yang ada sekarang iaitu Mahkamah Istana Kehakiman. Saya bacakan lagi yang ada dalam jawapan kepada soalan saya. *"Tambahan pula kerajaan berpendapat bahawa nama baru bangunan tersebut iaitu Istana Kehakiman lebih mencerminkan fungsi bangunan tersebut. Oleh yang demikian, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lanjutan daripada Mesyuarat Jemaah Menteri pada 15 Ogos 2007, Jemaah Menteri bersetuju untuk menukarkan nama bangunan di mana letaknya Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan daripada Palace of Justice kepada Istana Kehakiman. Penukaran nama baru ini berkuat kuasa pada bulan September 2007."*

Jika saya tidak silap, Tuan Yang di-Pertua, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan diletakkan di Putrajaya lebih daripada tujuh atau lapan tahun. Kenapa? *Why Palace of Justice* dalam bahasa Inggeris? Pada masa itu pun bahasa kebangsaan adalah bahasa Malaysia, kenapa *Palace of Justice*?

Terdahulu daripada itu apa yang dikatakan tadi ialah asalnya Istana Keadilan. Adakah oleh kerana ada Parti Keadilan, oleh itu namanya ditukar kepada *Palace of Justice*? Baru sahaja kerajaan sedar bahawa keutamaan harus diberikan kepada bahasa kebangsaan. Saya ingin mendapat tahu penjelasan daripada menteri apabila menteri menjawab.

Tuan Yang di-Pertua, tajuk yang kedua. Dalam *The New Sunday Times* baru-baru ini, kelmarin dulu jika saya tidak silap, ada gambar-gambar mengenai Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini merokok dalam kantin dan di tempat-tempat di mana merokok adalah dilarang. Walaupun nama tidak diberikan oleh akhbar *The New Sunday Times*, tetapi di dalam gambar terus terang gambar siapa Yang Berhormat ini yang mencemarkan nama baik Dewan ini. Adakah Dewan ini akan mengambil tindakan ke atas orang-orang ini yang memberi satu teladan yang tidak baik kepada semua?

Di antara Ahli-ahli Yang Berhormat ini adalah seorang daripada pembangkang yang menjadi ahli Bebas, dia merokok. Terus terang gambarnya ada dalam akhbar *The New Sunday Times*. Ada yang lain-lain juga, tidak payah diberi nama kerana wajah Ahli-ahli Yang Berhormat ini terus terang boleh diidentify without any difficulty.

Tuan Yang di-Pertua, tajuk yang ketiga. Ini adalah mengenai dua orang Ahli Jemaah Menteri yang ada masuk ke Dewan yang mulia ini daripada Dewan Negara masuk melalui *back door* kepada Dewan ini. Ini adalah Yang Berhormat Menteri dalam... tidak berapa tepat, tetapi saya ingat dia ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Senator Zaid Ibrahim dan yang seorang lagi ialah Senator yang apabila dia pergi ke Australia dia mengatakan bahawa dia tidak faham langsung bahasa Inggeris. Tidak payahlah sebut nama orang ini. Inilah orang yang dikatakan *cash and carry*.

Adakah wajar dalam Dewan yang mulia ini mengadakan Senator-senator dalam Dewan ini sebagai menteri-menteri? Tidakkah Kerajaan Barisan Nasional ada orang lain yang dipilih oleh rakyat untuk memegang jawatan menteri-menteri? Saya ingin mendapat penjelasan ke atas tajuk yang ketiga juga, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Bukit Gelugor. Saya beri peluang dahulu kepada wanita. Jarang-jarang kita mendengar wanita. Silakan Yang Berhormat Batang Sadong.

4.35 ptg.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian untuk membincang Anggaran Perbelanjaan Pengurusan Tambahan Kedua 2007. Tuan Yang di-Pertua, sebagai orang baru dalam Dewan ini saya ingin merujuk kepada perbelanjaan bekalan yang melibatkan Parlimen. Kita nampak ada sebanyak RM1.6 juta tambahan terutama sekali untuk Forum IAPA. Namun demikian sebagai orang baru saya banyak memerhati keadaan kita di dalam dan juga di luar Dewan ini.

Saya nampak di luar sana terutama sekali di *lobby* ramai orang di luar sana sehingga kita tidak tahu apa yang berlaku di luar sana. Saya rasa ini adalah peluang yang amat baik kita melakukan satu perubahan, di mana kalau boleh alangkah eloknyanya kalau mereka ini ditempatkan di ruang-ruang yang lebih baik supaya kita nampak seperti orang Sarawak kata "berterabur" di sana sini. Ia terlalu ramai. Kita tidak tahu apakah tujuan mereka masing-masing. Saya percaya mereka ini mempunyai tugas yang begitu penting untuk membantu dalam melancarkan lagi tugas semua yang terlibat dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, saya berharap supaya pihak-pihak yang berkenaan memberi keutamaan kepada mereka yang memerlukan ruang-ruang agar legar kita menampakkan imej sebuah institusi yang dihormati dan disegani.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Parlimen, seharusnya kita mengekalkan imej Parlimen yang menjalankan *business* yang lebih serius. Namun lain halnya yang berlaku di *lobby* kita. Terdapat aktiviti yang tidak seharusnya dilakukan di Parlimen dilakukan di luar sana, kalau kita bandingkan dengan parlimen-parlimen di negara-negara yang lebih maju, dan kalau kita hendak diklasifikasikan sebagai sebuah negara yang maju.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya memerhati juga, sebagai orang baru saya sentiasa memerhati sebab itu saya tidak banyak melibatkan diri kerana masih belajar. Sebagai seorang budak yang baru belajar, saya memerhati kawasan yang dilabel sebagai *MP Lounge*, dengan izin. Bukan mudah untuk kita mendapat gelaran sebagai Ahli Yang Berhormat. Kita ada proses pilihan raya, malah ada yang bertanding sehingga lima penjurong hanya untuk mendapat tempat di Dewan yang mulia ini. Ramai juga orang hendak tahu, apakah keistimewaan seorang yang bergelar Ahli Yang Berhormat dan kita telah disediakan ruang khas misalnya di *MP Lounge*, dengan izin untuk membolehkan kita sesama Ahli Dewan Rakyat menikmati *privacy*, dengan izin, berbincang sambil menikmati jamuan.

Namun demikian kita dapati di kalangan kita sendiri melanggar peraturan yang ada. Nampaknya kita tidak menghargai keistimewaan dan penghormatan yang diberi kepada kita sendiri. Kalau kita perhatikan orang-orang yang bukan dari kalangan Ahli-ahli Dewan Rakyat pun menggunakan kemudahan yang diberikan kepada kita semua. Mereka ini dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri.

Kemudian kita lihat suasana di dalam Dewan yang dianggap mulia ini, tetapi tidak melambangkan kemuliaannya terutama sekali semasa perbahasan berjalan. Tuan Yang di-Pertua, kita menyaksikan sendiri bagaimana Tuan Yang di-Pertua mengendalikan kerenah Ahli-ahli Yang Berhormat semasa menyuarakan pandangan mereka.

Kita perlu ingat, Parlimen mengambil tempat yang terpenting dalam sesebuah negara. Anggotanya melaksanakan tugas untuk berbincang permasalahan negara. Kita dituntut hadir bersidang di Dewan Parlimen tetapi apa yang berlaku di dalam Dewan yang mulia ini masih kurang menampakkan imej seorang ataupun sebuah institusi yang istimewa, terhormat dan berwibawa.

Dalam pemerhatian saya juga, masing-masing mahu bersuara. Malah ada yang menggunakan peraturan mesyuarat dengan *raising point of order* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kita menegur rakan kita yang lain yang tidak mematuhi peraturan mesyuarat tetapi dalam proses menegur itu, kita juga tidak mematuhi peraturan mesyuarat yang ada sehingga Tuan Yang di-Pertua sendiri terpaksa berulang kali meminta Ahli-ahli Yang Berhormat untuk duduk. Kita baru saja menyaksikan senario ini pagi tadi. Perkara seperti ini seharusnya tidak lagi berlaku dalam Parlimen yang kita hendakkan seperti mana yang saya dengar ada yang mengatakan mahukan Parlimen, *world class Parliament*.

Tuan Yang di-Pertua, sambil saya mengingat diri saya, saya ingin mengingatkan semua Ahli Yang Berhormat yang berada dalam Dewan yang mulia ini bahawa tempat duduk di Dewan mulia ini amat diminati ramai dan ramai ingin mengetahui bagaimana kita mewakili kawasan kita dalam Parlimen. Setiap hari di Parlimen kita menerima pelawat. Ada di kalangan mereka terdiri daripada pelajar yang bakal memimpin generasi kita di masa hadapan. Saya sendiri sebagai orang baru juga ingin melihat ataupun menyaksikan sendiri siapakah *role model* dengan izin, di dalam Dewan yang mulia ini namun setakat ini belum ada saya nampak. Saya berharap kita semua boleh memelihara nama baik Dewan yang mulia ini dengan mengamalkan budaya yang bernilai murni. Saya rasa ini masih belum terlambat.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya berharap agar kita bersama-sama memelihara kewibawaan, keistimewaan dan kedaulatan Dewan yang mulia ini. Kalau kita sendiri tidak menghormati sistem yang diwujudkan oleh kita sendiri, siapa lagi? Sama-samalah kita memudahkan tugas Tuan Yang di-Pertua kerana tanggungjawab kita bersama adalah untuk rakyat kita. Semoga kita boleh menampilkan imej baru yang melambangkan personaliti Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanggungjawab, dihormati dan berwibawa. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya seronok dengar ucapan begitu walaupun tiada kaitan dengan apa yang dibincangkan... [*Dewan riuh*] [*Ketawa*] Saya kalau dia mahu tadi tambah lagi lima minit saya akan kasi dia tambah lima minit... [*Dewan riuh*] [*Ketawa*] Namun, tepat pada masa dia duduk ada lagi empat lima minit. Terima kasihlah. Gombak.

4.43 ptg.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk bersama-sama mengambil tanggungjawab membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) sebanyak RM17,545,171,800.

Tuan Yang di-Pertua, dalam merancang bajet negara, prinsip asas yang perlu kita terima pakai ialah menyediakan bajet berimbang. Pada tahun 2007, bajet negara sudah pun berada dalam keadaan defisit. Maka pertambahan RM17 bilion ini akan menyebabkan bajet defisit semakin kritikal. Sebagai peringatan berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2006, kerajaan mengalami defisit dana sebanyak RM10.61 bilion. Dalam konteks mengurus bajet negara, ada dua komponen penting yang harus kita perhatikan iaitu peruntukan mengurus dan peruntukan pembangunan.

Perbahasan hari ini ialah untuk mendapatkan kelulusan bagi perbekalan tambahan untuk peruntukan mengurus. Ini bermakna apabila peruntukan ini digunakan untuk tujuan mengurus, maka peruntukan untuk pembangunan projek-projek bagi kepentingan rakyat akan terkorban. Kenaikan gaji yang diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional pada bulan Jun 2006 dibuat secara unilateral untuk mendapat undi dan sokongan daripada pegawai-pegawai kerajaan dan pentadbir, seramai lebih kurang satu juta orang sedangkan lebih lima juta masyarakat bekerja yang lain dipinggirkan.

Bagi mengurus bajet mengurus Kerajaan Barisan Nasional sering kali melebihi bajet pembangunan untuk rakyat. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2007 berjumlah RM159.4 bilion yang mana daripada jumlah ini RM112.9 bilion ataupun 70.8% adalah untuk mengurus dan hanya 29.2% diperuntukkan untuk pembangunan. Justeru itu saya mengajak rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat supaya prinsip pertanggungjawaban dan *financial discipline* ini dengan izin, adalah penting dipatuhi oleh perancang kewangan dalam kerajaan untuk memastikan tidak berbelanja lebih daripada kemampuan dan memastikan jumlah variasi itu tidak terlalu besar.

Malangnya sudah menjadi trend Kerajaan Barisan Nasional sama ada di peringkat Pusat mahupun di peringkat negeri, setiap tahun memohon peruntukan tambahan. Saya akur bahawa proses menyediakan bajet kadang kala terdapat faktor luaran yang tidak boleh dikawal tetapi pastikan jumlah yang dipohon mestilah munasabah. Biasanya variasi ini tidak melebihi 5% tetapi jumlah yang sedang kita bahaskan pada petang ini hampir 15.6% daripada peruntukan asal iaitu RM112 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan yang mulia ini kepada Laporan Ekonomi 2007 di mana Kementerian Kewangan menjangkakan defisit fiskal akan terus dikurangkan kepada 3.1% daripada KDNK pada tahun 2008. Namun seperti yang saya nyatakan tadi, peruntukan perbelanjaan tambahan sebanyak RM17 bilion ini untuk perkhidmatan yang merupakan penambahan sebanyak 15.6% daripada peruntukan asal, pastinya akan memberikan kesan defisit yang lebih besar kepada negara kita dan ini akan bertambah kritikal apabila diambil kira subsidi petroleum dan diesel yang terpaksa ditanggung akibat harga minyak yang semakin melonjak.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memohon pembekalan tambahan sebanyak RM200 juta. Persoalannya ialah bagaimana prestasi Kementerian Kesihatan? Sukar untuk saya berdiri di sini menyokong permohonan ini apabila kita melihat banyak pembaziran yang berlaku dalam Kementerian Kesihatan.

Sebagai contoh, Hospital Serdang yang mempunyai peralatan kesihatan yang canggih dan terkini tetapi sebahagian besarnya masih belum dimanfaatkan. Sebahagian besarnya masih lagi berbungkus tidak digunakan kerana tidak mempunyai pakar-pakar yang mencukupi untuk menyelia peralatan tersebut. Saya mendapat maklumat bilik pembedahan di Hospital Serdang, masih belum beroperasi selama hampir dua tahun sedangkan peralatan yang terancang dan terkini sudah pun siap dipasang.

Sikap pengurusan hospital juga harus dipertingkatkan supaya tidak hanya mementingkan keuntungan tetapi juga memiliki sikap tanggungjawab sosial untuk rakyat terbanyak. Dua hari yang lalu Hospital Selayang, menerima seorang pesakit di kalangan pelajar IPTA yang disahkan mengidap demam denggi. Namun pihak Hospital Selayang enggan menerima kemasukan pesakit tersebut semata-mata kerana menuntut pembayaran dibuat terlebih dahulu.

Tidak mungkin keluarga berkenaan memberikan *guarantee letter* kepada pihak hospital pada pukul 12.30 tengah malam sehinggalah berlaku pertengkaran untuk membenarkan pesakit tersebut dimasukkan dalam Hospital Selayang. Akhirnya persetujuan dicapai pada lebih kurang pukul 2.00 pagi untuk membenarkan pesakit tersebut dimasukkan ke dalam wad.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta tambahan satu dua minit. Kementerian Luar Negeri memohon RM46.08 juta tapi bagaimana prestasi Kementerian Luar Negeri.

Saya berharap prestasi pegawai-pegawai di kedutaan ialah untuk menjaga kedaulatan negara kita dan mempromosi negara dan bukan bersubahat dengan ejen-ejen pelobi Yahudi untuk menjamin kelangsungan kuasa politik UMNO dan Barisan Nasional. Sejumlah USD1.2 juta telah dibayar kepada pelobi Amerika Syarikat yang bernama Jack Abramoff untuk mengatur pertemuan Tun Dr. Mahathir dengan Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush.

Dalam perbincangan terhadap Jack Abramoff, telah terbongkar satu invois yang dikeluarkan oleh *American International Centre* yang dikuasai oleh Jack Abramoff kepada Kedutaan Malaysia berjumlah USD300,000. Melalui hasil siasatan selanjutnya Kedutaan Malaysia telah mengeluarkan cek bertarikh 6 Mac 2002 kepada Jack Abramoff berjumlah USD300,000.

Berhubung isu Pulau Batu Puteh. Kita menerima keputusan ICJ dengan rasa amat dukacita seperti yang dizahirkan oleh Tuan Yang di-Pertua pada pagi ini. Pulau yang hanya jauhnya 7.7 batu nautika dari Johor terlepas kedaulatannya kepada Singapura yang jauhnya 24 batu nautika, kerana kita gagal mengemukakan alasan perundangan yang kuat dan hanya mengemukakan hujah sejarah. Pasukan penghujahan yang diketuai oleh Ghani Patail cukup lemah.

Singapura mempamerkan pasukan perundangan yang berwibawa dengan menampilkan Profesor Ian Brownlie sebagai ketua pasukan perundangan. Beliau juga merupakan *Chairman of United Nations International Law Commission* dan merupakan pakar perundangan dari sudut geopolitik. Pasukan perundangan tempatan Singapura pula selain menampilkan Profesor S. Jayakumar yang merupakan pakar undang-undang, mereka menampilkan Ketua Hakim Singapura Mr. Chan Sek Keong dan Profesor Tommy Koh pakar undang-undang laut yang juga pernah dilantik sebagai *President of 3rd United Nations Conference on the Law of the Sea*. Kita dapat lihat Singapura mempertaruhkan barisan pasukan perundangan yang terbaik, memastikan mereka memperoleh hak kedaulatan terhadap Pulau Batu Puteh.

Sebaliknya Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional meremehkan prinsip perundangan. Barisan perundangan diketuai oleh Tan Sri Ghani Patail yang kewibawaannya dipersoalkan. Kesungguhan Ghani Patail untuk mendapatkan perintah membatalkan ikat jamin di depan majistret pun kalah dan tewas kerana kewibawaannya yang tidak terserlah. Apatah lagi difahamkan *defense team* dengan izin, Malaysia turut dibantu oleh anak dan ahli keluarga kepada Tan Sri Ghani Patail.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan yang memerlukan tambahan RM10 juta, dan saya kira ada kaitan dengan Kempen Tahun Melawat Malaysia 2007. Saya ingin mengetahui apakah pulangan daripada pelaburan dengan izin, *Eye on Malaysia* dan keberkesanan jutaan ringgit yang telah dilaburkan.

Eye on Malaysia telah dibawa ke Malaysia dengan kos perbelanjaan sebanyak RM30 juta. Kementerian dilaporkan membeli sebanyak 500,000 tiket percuma bernilai sejumlah RM5.7 juta sebagai wang ihsan kepada syarikat yang bertanggungjawab untuk mengurus *Eye on Malaysia* iaitu MST@Suria Sendirian Berhad. Saya ingin mengetahui berapakah jumlah jualan tiket *Eye on Malaysia* dan bagaimanakah prestasi program ini untuk menarik pelancong ke dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Seminit lagi Yang Berhormat. Yang ini pun sudah masuk masa tambahan Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan dalam konteks kerajaan untuk mendapatkan kutipan yang lebih besar bagi menampung perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan melihat semula dan merujuk kepada *Windfall Profit Levi Act 2008* di mana kerajaan boleh mengutip cukai daripada industri kelapa sawit apabila sudah melebihi harganya RM2,000 per tan metrik.

Hari ini harga kelapa sawit sudah melonjak naik tetapi setelah hampir 10 tahun akta ini diluluskan, saya belum nampak kesungguhan kerajaan untuk memungut hasil cukai daripada industri kelapa sawit. Apakah ini akibat kecuaiannya ataupun minat kerajaan Barisan Nasional untuk menjaga kepentingan tauke-tauke besar dan bukan kepentingan rakyat?

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menolak rang undang-undang yang dikemukakan oleh kerajaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya ingin mempamerkan maksud kepimpinan melalui teladan. Tadi saya tersilap terhadap kenyataan saya kepada ucapan Yang Berhormat Batang Sadong. Saya ingat tidak ada kaitan, tapi apabila saya *check* balik rupa-rupanya B.1 Parlimen, ada kaitan di situ RM1,630,000. Jadi bagi Yang Berhormat Batang Sadong saya mohon maaf. Jadi sekarang dada saya lega sedikit oleh kerana saya buat kesilapan. Tidak salah Yang Berhormat, kalau tersilap minta maaf.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam jangan terlampau panjang kerana bos tadi sudah ambil masa.

4.57 ptg.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Okey, insya-Allah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan cuba 10 minit...

Tuan Yang di-Pertua: Maksud saya tadi Yang Berhormat Gombak.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Ya, saya sebutkan tadi 10 minit. Saya ingin menceritakan keadaan semasa saya sebagai *head of operation* di sebuah syarikat yang merupakan anak syarikat kepada syarikat yang *listed* dan bila pihak diri saya dengan CEO bertemu dengan *board of directors* dengan izin, meminta bajet tambahan *chairman board*, pengerusi lembaga itu menyatakan sama ada kamu ini tak pandai buat bajet, ataupun kamu tak pandai hendak kawal perbelanjaan.

Lalu dalam keadaan pada hari ini walaupun tadi disebut hanya 15%, sebenarnya tambahan keseluruhan pada bajet bila diambil kira tambahan yang pertama dan ini merupakan tambahan yang kedua adalah seperti mana yang disebut oleh Ketua Pembangkang melebihi 20% daripada bajet yang asal.

Jadi di sini saya ingin kembali kepada persoalan KPI yang perlu dikenakan kepada kerajaan dan kepada menteri-menteri dan adalah amat diharapkan bahawa di dalam bajet yang akan datang untuk tahun 2008 ini, insya-Allah ianya akan ditentukan berdasarkan perkiraan-perkiraan yang lebih tepat dan tidak ada perbelanjaan-perbelanjaan yang luar biasa, yang disebabkan oleh kepentingan-kepentingan yang tertentu.

Yang kedua, saya hendak bawa kepada isu Kementerian Pertahanan. Pagi tadi ada soalan berhubung dengan soalan pembelian helikopter Nuri. Yang mana Timbalan Menteri Pertahanan telah menyebut bahawa proses tender sedang berjalan untuk membeli helikopter-helikopter untuk mengganti helikopter Nuri yang telah dibeli pada tahun 1966. Ini merupakan kapal terbang ataupun helikopter yang berusia lebih daripada 40 tahun, baru hendak beli yang baru.

Itu pun dalam perbahasannya dia menyebut bahawa dalam tempoh 40 tahun ini, hanya 15 kemalangan sahaja yang telah dialami. Sebenarnya saya bangun untuk meminta supaya dia lebih berhati-hati dengan kenyataannya, kerana 15 kemalangan itu telah kemungkinan menyebabkan kehilangan berpuluh nyawa daripada angkatan tentera kita.

Mungkin inilah antara sebab mengapa persoalan yang diungkit ataupun yang telah dibangkitkan oleh saudara Yang Berhormat daripada Lipis semalam. Dia kata kenapa orang tidak nak masuk tentera, kenapa ini satu masalah? Adakah orang tidak lagi patriotik dan sebagainya tetapi saya rasa ini adalah persepsi yang telah sekian lama wujud di kalangan masyarakat bahawa orang yang masuk ke tentera ini dia rugi. Dia menggunakan masa muda dia, zaman muda dia untuk berjuang, untuk berkhidmat tetapi dari segi pampasan, dari segi jagaan, dari segi peralatan, kelengkapan ianya tidak digunakan ataupun tidak ditadbir dan diurus dengan cara yang cukup bertanggungjawab.

Walaupun sekarang ini mereka sibuk tentang soal pembelian yang terbaik tidak kisah apa harga tetapi malangnya sikap yang sedemikian melemahkan lagi moral daripada Angkatan Tentera kita kerana kelihatan bahawa seolah-olah Kementerian Pertahanan dengan pembelian senjata-senjata ini bersikap bahawa ianya merupakan satu *gold mine* yang mana dengan pembelian senjata-senjata yang canggih, yang spesifikasinya tidak dijelaskan dengan jelas untuk kita boleh buat perbandingan.

Maka diberikan alasan-alasan untuk membeli kapal selam dan kapal jet pejuang Sukhoi dengan harga yang jauh lebih mahal daripada yang biasa. Ini sebenarnya melemahkan moral Angkatan Tentera kita dan di sini soal moral ini adalah di antara yang terpenting dan saya ingin menjawab jugalah teguran daripada Yang Berhormat Batu Pahat dan juga Yang Berhormat Lipis yang mengatakan bahawa umat Islam di Afghanistan, di Palestin semua dah kalah.

Sebenarnya mereka belum kalah lagi walaupun mungkin bagi wakil-wakil rakyat daripada UMNO, Barisan Nasional mereka menganggap bahawa sudah kalah. Sebenarnya perjuangan itu berterusan dan sepertimana dikatakan oleh seorang Jeneral daripada Angkatan Tentera Amerika Syarikat, dengan izin, "*You can win, but can you hold?*" Ini mungkin satu soalan yang sesuai ditujukan kepada Barisan Nasional juga.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam ada lagi kait sikit.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sikit sahaja... [Ketawa]

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, iaitu berhubung soal Pulau Batu Puteh. Betul ia merupakan satu perkara yang amat menyedihkan tetapi sambil itu saya ingin membaca daripada *concept paper* berhubung dengan Wilayah Iskandar Malaysia ataupun Wilayah Pembangunan Iskandar dulu asal namanya sekaranganya Wilayah Iskandar Malaysia di mana kawasan pembangunan itu adalah tiga kali ganda saiz Pulau Singapura.

Dan konsep di sebalik pembangunan ataupun wujudnya kawasan itu, saya bacakan di sini di antaranya dengan izin, "*Singapore has nearly reach the physical limits of both sea front land and sea space. It's strategy is believed to be to transfer the development of its more labor and land intensive and lower value added industries to Johor.*" Ianya dengan secara jelas menunjukkan kepada kita bahawa kawasan yang dikenali sebagai Wilayah Iskandar Malaysia disediakan dengan tujuan untuk menampung pembangunan yang ingin dilakukan oleh Singapura yang tidak mampu mereka lakukan di atas pulau mereka, di dalam negeri Johor.

Di dalam kawasan itu amat jelas dan ini perlu diberikan penjelasan oleh menteri yang berkenaan. Amat jelas bahawa dasar-dasar yang sering diungkit-ungkit oleh golongan yang kononnya golongan kebangsaan nasionalis Melayu tidak akan diguna pakai untuk menentukan bahawa pelaburan daripada Singapura itu akan dapat diperolehi.

Keempat, persoalan dalam Kementerian Dalam Negeri iaitu persoalan masalah dadah. Kita tahu pagi tadi isu dadah ini disebut kalau tidak silap saya pagi tadi ataupun semalam...

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Minta maaf sepuluh minit, tidak ada masa ya. Bagaimana masalah dadah ini, kalau saya habiskan boleh. Bagaimana dadah ini, proses ataupun usaha-usaha pemulihan tetapi saya tidak puas hati Tuan Yang di-Pertua, di mana usaha pencegahan?

Masalah ini telah berada dengan kita dah hampir 40 tahun tetapi jelas kelihatan bahawa masalah dadah ini tidak dapat ditangani dan tidak dapat dihapuskan sehingga ada kertas ataupun satu tesis yang dikemukakan oleh profesor di universiti tempatan yang mengemukakan satu pandangan yang cukup sinis yang mengatakan bahawa ianya dilihat sebagai satu perniagaan kerana setiap Pusat Pemulihan yang mempunyai penagih-penagih dadah yang jumlahnya seluruhnya beribu.

Maka setiap hari ianya mendatangkan keuntungan kepada syarikat-syarikat tertentu. Maka kenapa masalah dadah ini tidak dapat ditangani dengan secara yang berkesan. Jangan sekadar cakap pasal pemulihan, saya mahu dengar daripada Menteri Dalam Negeri, apakah tindakan-tindakan untuk membasmi masalah dadah ini. Bukan sebagai satu retorik tetapi dia punya program-program.

Akhirnya, oleh kerana masa tidak mengizinkan saya hendak cerita sedikit berhubung dengan soal pendapatan, berhubung dengan bajet.

Tuan Yang di-Pertua: Yang cerita sikit ini masa panjang.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua, di mana dalam soal bajet ini selain daripada perbelanjaan, pendapatan. Kami di negeri Selangor sepertimana yang telah didedahkan oleh Yang Berhormat Menteri Besar di negeri Selangor. Kita telah mendedahkan bagaimana kebocoran dan ketirisan yang telah berlaku di negeri Selangor.

Sebanyak 32 projek-projek usaha sama yang bernilai RM36 bilion telah dilakukan dengan satu cara yang merugikan *potential* dan peluang yang ada. Keuntungan untuk negeri Selangor telah diabaikan di mana usaha sama itu dilakukan secara 70% kepada pihak usahawan, 30% kepada syarikat negeri Selangor. Hanya dengan 30% itu, sedangkan tanah negeri Selangor. Sebanyak 12 ribu ekar diserahkan kepada usahawan-usahawan ini untuk membangunkannya dan sekiranya mereka mencapai keuntungan, 70% daripada keuntungan itu akan diperolehi oleh mereka. Bukan oleh kerajaan negeri Selangor.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya mengharapkan bahawa keadaan yang sebegini tidak berlaku di peringkat yang lebih besar, ini baru sekadar di negeri Selangor sahaja. Apatah lagi di peringkat pusat, apatah lagi di kawasan negeri-negeri yang lain yang mana di bawah Kerajaan Barisan Nasional.

Sekiranya insya-Allah apa yang dijangka dan apa yang diharap-harapkan berlaku maka saya cukup yakin bahawa keadaan ketirisan dan kebocoran yang seperti ini akan juga dapat kita temui dan akan juga dapat kita banteras dan dapat kita tangani supaya masalah bajet yang seperti ini yang tidak lagi 'a *balanced budget*' sudah pasti akan tidak lagi dihadapi oleh negara kita. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sepanggar.

5.08 ptg.

Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus, seperti yang kita ghairahkan di mana pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang yang memakan belanja RM4.3 bilion akan disiapkan sebelum tahun 2011. Satu projek yang begitu agak mewah sekali.

Akan tetapi apa yang kita bincang ataupun apa yang kita khuatir di sini ialah kita begitu ghairah sekali untuk membangun satu projek tetapi apa yang kita telah ketepikan, seolah-olah diketepikan ialah pembangunan di negeri-negeri lain seperti negeri Sabah khususnya. Di mana begitu banyak dan begitu besar sekali yang perlu di bangun contohnya jalan-jalan raya yang begitu daif sekali. Ini tidak kita ghairahkan. Saya mohon di sini supaya berilah tumpuan kepada jalan-jalan yang begitu daif sekali di Sarawak dan Sabah contohnya. Oleh kerana kalau kita lihat, kita begitu banyak sekali pembangunan mega-mega tapi orang-orang kampung, orang-orang di desa yang miskin tambah daif dan miskin.

Oleh kerana tidak mempunyai kemewahan seperti yang kita sedia diberikan kepada penduduk-penduduk di bandar. Begitu juga saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, di mana saya difahamkan pada hujung bulan ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan mengumumkan harga-harga barangan harian untuk diselaraskan di seluruh negara kita. Tentu sekali ini akan membanggakan kita semua.

Apa yang kita sedang khuatir di sini ialah oleh kerana ini ada kaitan dengan pengangkutan khususnya pengangkutan perkapalan. Di mana polisi Cabotag ini yang hanya untuk menguntungkan kepada Persekutuan Pengangkutan Perkapalan. Di mana ia hanya boleh diguna pakai di Pelabuhan-pelabuhan Persekutuan contohnya di semenanjung dan satu di Bintulu Sarawak. Di Sabah kita tidak mempunyai Pelabuhan Persekutuan.

Apa yang membimbangkan di sini ialah walaupun mungkin kita diberi keseimbangan harga seperti di semenanjung di Sabah dan Sarawak tetapi akhirnya disebabkan pengangkutan yang begitu tinggi sekali, yang tidak begitu diperluaskan kepada negeri Sabah, tentu sekali kita rakyat di negeri Sabah juga akan mendapat keburukannya disebabkan kenaikan harga semua ini.

Begitu juga kita minta supaya polisi Cabotag ini, kalau pun tidak dibatalkan, kita minta supaya dikaji semula agar pelabuhan-pelabuhan di Sabah boleh juga diguna untuk perkapalan antarabangsa. Begitu juga saya ingin menyentuh mengenai *control item* ataupun bahan-bahan binaan. Di mana kita tahu bahawa bahan-bahan binaan ini begitu mahal, harganya begitu tinggi melambung di negeri Sabah. Kita tidak mampu untuk membina apa jua yang kita rancangkan sekiranya harga-harga melambung ini masih lagi kita dapati di negeri Sabah.

Balik kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, yang aneh sekali, saya telah pun bersuara di Dewan yang mulia ini sejak saya dipilih pada Penggal Parlimen Kesebelas, tapi sehingga sekarang kita tidak dapat sebarang tindak balas daripada kementerian ini. Contohnya, penduduk di negeri Sabah yang begitu melambung tinggi sekali sehingga mencecah 285% peningkatannya, sedangkan di negeri-negeri lain hanya lebih kurang 105, yang paling tinggi 105% kenaikannya.

Apa yang aneh sekali kita dapati bahawa pada tahun 1970, kita di Sabah mempunyai 636,431 orang penduduk. Pada tahun 2000, kita sudah mencecah kepada rekod di mana penduduk di negeri Sabah 2,449,389 orang penduduk. 285% peningkatannya. Tidak ada di negara-negara lain yang begitu tinggi sekali peningkatan seolah-olah seorang ibu akan melahirkan anak tiga dalam satu tahun.

Adakah tidak hairankan kita sehingga begitu besar sekali peningkatan penduduk ini? Maka memang ada sesuatu yang tidak kena. Oleh kerana kita dapat lihat pendatang-pendatang tanpa izin di negeri Sabah ini, begitu berleluasa dan sekiranya ini, saya percaya ini juga telah pun mengakibatkan pelambungan penduduk ini di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi Yang Berhormat.

Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]: Saya minta supaya kerajaan betul-betul mengambil tindakan yang serius terhadap perlambungan penduduk ini yang begitu mencecah tinggi. Begitu juga saya ingin menyentuh sedikit Kementerian Kerja Raya.

Pada tahun 2005, saya diberitahu bahawa Jalan Kokol yang dianggar RM36 juta pembinaannya. Selepas diberi peruntukan dan telah diluluskan, saya juga diberitahu bahawa setakat ini harga untuk membina Jalan Kokol sejauh 17 kilometer itu mencecah kepada RM54 juta. Mereka tidak dapat bermula untuk membina. Ini seolah-olah untuk mementingkan pemborong ataupun kontraktor-kontraktor daripada projek yang kita pohon itu.

Saya mohon kepada kerajaan supaya ambil serius terhadap perkara ini. Bukan untuk mementingkan kepada pemborong-pemborong ataupun kontraktor-kontraktor tetapi pentingkanlah kepada projek yang kita kehendaki demi untuk rakyat kita di desa-desa ini. Banyak lagi yang perlu kita minta supaya dapat kita jalankan perjalanan kita supaya penduduk kampung dapat menjual hasil-hasil pertanian mereka ke bandar.

Maka itu sebab, saya rasa bagi Dewan yang mulia ini, bukan sahaja untuk kita menyuarakan semata-mata untuk menyuarakan tetapi pihak kerajaan dan khasnya kepada pegawai-pegawai ambillah tindakan yang secepat yang mungkin terhadap apa yang kita keluhkan pada negeri Sabah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Siapa? Ya, timbalan presiden.

5.19 ptg.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan di sini terutamanya yang berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri.

Perkara pertama yang saya ingin bangkitkan adalah tentang Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman yang bakal ditubuhkan nanti. Saya ingin mengemukakan soalan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri. Adakah dalam suruhanjaya yang bakal ditubuhkan itu nanti, ianya akan turut dianggotai oleh Badan Peguam, *Bar Council*?

Ini kerana saya melihat isu ini besar sedangkan peguam merupakan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan pentadbiran keadilan dan mereka ada berkepentingan. *Bar Council* sendiri mengikut maklumat yang kita perolehi telah mencadangkan hampir empat anggota Suruhanjaya Kehakiman dari kalangan peguam.

Ini rasa saya adalah amat tidak wajar kerana dalam kes pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman Profesor Badariah Sahamid di mana tiga orang Hakim Mahkamah Persekutuan telah menempelak sikap *Bar Council* yang hanya memfailkan bantahan apabila pelantikan Profesor Badariah sebagai Pesuruhjaya Kehakiman dibuat, sedangkan apabila Profesor Visu Sinadurai dilantik terus menjadi Hakim Mahkamah Tinggi pada tahun 1990an dahulu, *Bar Council* berdiam diri.

Kedua-dua mereka tidak pernah beramal sebagai peguam dan cadangan adalah lebih wajar sekiranya anggota suruhanjaya itu dilantik dari kalangan pakar akademik dalam bidang undang-undang, seperti mereka yang merupakan pakar undang-undang yang senantiasa meneliti dan mengkaji pandangan dan hujah undang-undang yang dikemukakan di mahkamah. Melantik dari kalangan profesor undang-undang yang sudah matang dan tiada minat untuk menjadi hakim. Inilah praktis yang kita lihat yang telah berjaya menghasilkan keputusan yang memihak kepada pihak Singapura dalam kes Pulau Batu Puteh yang baru sahaja kita semua menjadi mangsa.

Yang kedua juga berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri. Ingin saya mendapat penjelasan tentang sebuah syarikat yang bernama 'Kasih Dia' yang *business* utamanya adalah mempromosi industri halal. *Business* yang berkaitan dengan industri halal ini khasnya yang berkaitan dengan pensijilan barang-barang halal yang sebelum ini diberikan kepada JAKIM tetapi telah diambil oleh HDC.

Mengikut maklumat yang kita terima, *launching grant* kepada HDC berjumlah RM25 juta sudah pun habis dalam tempoh tidak sampai dua tahun. Khabarnya sekarang ini ada lagi permohonan baru dari HDC untuk mendapatkan peruntukan baru bagi meneruskan program pensijilan halal yang mereka ambil alih daripada JAKIM dan juga daripada jabatan agama Islam negeri-negeri.

Sijil halal pertama yang HDC beri adalah kepada pengeluar Colgate sebagai contohnya dari Thailand yang sebelum diberikan kepada HDC, mengikut maklumat kita, ketika diuruskan oleh JAKIM, sijil halal itu tidak diberikan kepada syarikat yang berkenaan tetapi apabila sahaja diambil alih oleh HDC, tiba-tiba sahaja perkara yang sebelum ini tidak ada sijil halal telah menjadi halal.

Isu ketiga yang telah saya bangkitkan ialah berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan yang telah mengenakan kadar *test* ataupun ujian kepada pemandu-pemandu teksi khususnya dan saya mewakili persatuan pemandu-pemandu teksidi kawasan saya dari kawasan Bachok yang meminta untuk kita bangkitkan isu ini di Parlimen. Di mana *test* pertama, mereka terpaksa membayar RM40.00, tambahan daripada harga yang sebelum daripada ini.

Dalam ujian ulangan terpaksa membayar pula RM55.00, sedangkan kadar tambangan yang mereka peroleh daripada pelanggan-pelanggan masih tidak berubah dan mereka juga terus dibebani dengan kenaikan harga minyak dan juga alat-alat ganti. Harapan kita adalah agar kadar *test* ini tidak dinaikkan dan dikekalkan kepada harga yang ada sekarang bagi membolehkan pemandu-pemandu teksi ini dapat menjalankan urusan perniagaan mereka dengan lebih baik dan juga mendapat hasil keuntungan yang munasabah bagi industri yang bersifat sederhana itu.

Perkara yang seterusnya saya ingin bangkitkan ialah, peruntukan yang berkaitan dengan Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sedia maklum, sudah banyak kali kita diungkit dan kita mendengar bagaimana perlunya kita mengangkat Parlimen kita ini menjadi sebuah institusi yang sifatnya *world standard*. Ada banyak perkara yang berkaitan dengan Parlimen ini yang perlu rasanya diberikan perhatian khusus untuk membolehkan benar-benar peranan Parlimen ini sampai kepada peringkat *world class*, sebab ada banyak benda-benda hatta yang bersifat fizikal yang mungkin ringan dilihat, tetapi saya ada berbincang dengan beberapa orang rakan.

Contohnya, kebolehan ataupun keupayaan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua yang duduk di peringkat sana untuk memerhatikan kita yang duduk di sudut-sudut yang tertentu di Parlimen ini pun menghadapi kesusahan kerana banyak kekangan-kekangan yang mengakibatkan ramai di kalangan Ahli Parlimen kita yang masih belum dapat bangun untuk bercakap. Penggunaan contohnya yang agak mudah dibangkitkan oleh ramai kalangan Ahli Parlimen kita yang melihat.

Walaupun benda ini kecil, tetapi sebagai imej Parlimen, *sign* nama yang ada di hadapan kita ini tidak langsung menampakkan satu tanda kita ini berada di satu tahap yang kita boleh banggakan, *photostat copy* begini sahaja Tuan Yang di-Pertua, yang khabarnya keseluruhan pengerusi kita apabila kami duduk di sini, tidak akan dapat melihat wajah-wajah kita.

Jadi seperkara lagi yang perlu juga dibangkitkan ialah tentang keselamatan Parlimen itu sendiri. Di mana mutakhir ini telah banyak kita baca dalam surat khabar, telah banyak dibangkitkan oleh ahli-ahli ataupun orang-orang di luar sana tentang integriti dan *solemnity* Parlimen kita ini yang sudah banyak disebut tentang hilang akan peranannya dan tugasnya sebagai sebuah institusi yang sepatutnya kedudukannya adalah amat tinggi di dalam negara kita tetapi sudah menjadi satu medan yang banyak dipertikaikan masyarakat di luar sana.

Dalam masa yang sama, kita tidak boleh menafikan hak rakyat untuk datang ke Parlimen. Sesiapa sahaja sepatutnya boleh diberikan akses kepada Parlimen ini sebab mereka itu yang mengundi kita, yang melantik kita menjadi wakil-wakil rakyat tetapi dalam masa yang sama, sekuriti yang berkaitan dengan Parlimen ini haruslah juga diberikan perhatian dan yang paling penting ialah integriti premis Parlimen ini yang sepatutnya juga diberikan perhatian dengan peruntukan-peruntukan yang tertentu.

Saya rasa itu sedikit *point* yang ingin saya bangkitkan. Empat perkara yang berkaitan dengan Parlimen, Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Saya akan mengambil ingatanlah, apa yang disebutkan tadi mengenai dengan *signage* dan sedemikianya. Kalau itu di bawah bidang kuasa saya sebagai Tuan Yang di-Pertua, itu nanti kita akan usahakan untuk kita ganti dan saya akan runding dengan pegawai-pegawai yang berkenaan. Sila, Yang Berhormat Tenom.

5.27 ptg.

Tuan Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin menyentuh sedikit sahaja dan tidak mengambil masa yang panjang. Terima kasih kerana telah memberi peluang dalam menyokong Akta Perbekalan Tambahan 2007-2008 di Dewan Rakyat yang mulia ini.

Saya ingin menyentuh perkara di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan soal 40,000 kakitangan awam kontrak dan juga 88,527 orang pendaftar dalam sistem pemadanan kerja ataupun *Job Clearing System* (JCS) setakat 15 Mei 2008 lalu adalah antara golongan penganggur.

Apa yang menarik perhatian saya Tuan Yang di-Pertua, ialah berdasarkan kepada maklumat yang saya peroleh, jumlah kekosongan jawatan di bawah 28 kementerian yang masih belum dipenuhi sehingga 1 Januari 2008 adalah sebanyak 170,380 kekosongan. Kalau kita campurkan Tuan Yang di-Pertua, jumlah kakitangan awam dan juga penganggur pendaftar di bawah JCS ini ialah sebanyak 128,527 orang. Ini bermakna sekiranya jumlah yang memerlukan pekerjaan tetap sudah dapat memenuhi 170,380 kekosongan jawatan dalam sektor awam.

Jika soal ini berjaya dapat diselesaikan, saya percaya pihak kerajaan telah berjaya menyelesaikan dua isu besar iaitu berjaya menerapkan kesemua kakitangan awam yang bertaraf kontrak tidak kira apa gred pun ke jawatan tetap dan pihak kerajaan juga telah berjaya menyelesaikan isu pengangguran yang telah sekian lama berlaku di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi apa yang menghairankan kita ialah mengapa isu ini masih lagi berterusan? Saya melihat bahawa pihak JPA tidak mempunyai kesungguhan dalam menangani dua isu berkenaan bagi memenuhi kekosongan jawatan. Mungkin mereka kata, ada penganggur yang tidak layak menjawat jawatan dalam sektor awam. Berdasarkan kepada statistik yang saya peroleh, daripada jumlah 88,527 orang sekurang-kurangnya 84,672 orang adalah mereka yang mempunyai sijil antara SPM hinggalah Ijazah Kedoktoran. Selebihnya, bilangan pengangguran yang mempunyai tahap akademik SRP, PMR, sekolah rendah dan tidak bersekolah hanyalah lebih kurang 3,848 orang sahaja.

Jadi agak mustahil sekiranya pengurusan Jabatan Perkhidmatan Awam tidak boleh menyerap mereka yang sesuai dan juga layak dalam memenuhi 170,380 kekosongan jawatan di bawah 28 kementerian ini. Malah saya tidak mahu kelak 40,000 kakitangan kontrak ini akan berhadapan dengan risiko hilang pekerjaan berikutan sekarang tiada mekanisme khusus untuk menyerap mereka sebagai kakitangan tetap kerajaan.

Mereka ini perlu juga diberikan kelonggaran. Tidak salah kalau mereka ini diberikan keistimewaan kerana kakitangan kontrak awam ini adalah terlatih dan berpengalaman untuk diserap dalam kekosongan jawatan di bawah 28 kementerian berkenaan. Jadi mengapa tidak kakitangan kontrak ini diserapkan saja, kita boleh rugi sekiranya pengalaman mereka ini tidak dapat digunakan sebaik mungkin. Jadi saya berharap pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dapat mengambil kira dan serius dalam soal ini.

Yang akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Di Sabah khususnya di kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, pada setiap bulan April kita telah menyambut Pesta Kalimantan yang mana telah diadakan di Pusat Kebudayaan Murut. Saya melihat bahawa pihak kementerian juga telah memberi sedikit peruntukan untuk menyambut Pesta Kalimantan yang diadakan pada setiap tahun. Biasanya Pesta Kalimantan ini Tuan Yang di-Pertua adalah antara agenda dan juga tumpuan pelancong di luar dan juga dalam untuk melihat lebih dekat tentang kebudayaan suku kaum Murut, kesenian dan juga kraf tangan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Cuma apa yang saya mohon Tuan Yang di-Pertua ialah Pesta Kalimantan ini supaya pihak kementerian dapat melihat untuk dapat diberi keutamaan ataupun dapat dinaiktarafkan oleh pihak kementerian untuk diketengahkan lagi di peringkat kebangsaan. Sekian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, 28 orang telah berucap dalam usul ini. Saya rasakan bahawa kita akan bagi 3, 4 orang lagi kemudian tutup untuk menteri menjawab. Saya bagi Yang Berhormat Sik.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: *Assalamualaikum*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, 'tuan-tuan' dan 'puan-puan'. Terima kasihlah kerana nampak Sik ini. Saya berbincang dengan kawan-kawan tadi, kalau tidak, nak minta kepada Tuan Yang di-Pertua sediakan satu *torchlight* kerana kami ini tak nampak sangat. Duduk di belakang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nampak Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Nampak! Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, 'tuan-tuan' dan 'puan-puan' terutama sekali terima kasih diberi kesempatan untuk turut serta membincangkan peruntukan ataupun bajet tambahan ini. Ada beberapa perkara yang saya nak timbulkan.

Pertama sekali saya nak minta pada Perdana Menteri kalau boleh kita lihat sejak akhir-akhir ini nama-nama kementerian ini sentiasa berubah. Bila perubahan berlaku, saya rasa macam-macam interpretasi timbul yang amat menyusahkanlah. Kadangkala kita sendiri Ahli-ahli Parlimen terutama kami yang baru ini terkeliru. Begitu juga rakyat jelata juga terkeliru kerana nama-nama kementerian yang sentiasa berubah ini membawa kepada fungsi juga berubah dan kadangkala kita menghubungi kementerian yang bukan kita kehendaki. Insya-Allah kalau kita lihat di negara-negara maju pun nama-nama kementerian ini boleh kita kenali dan tak selalu berubah.

'Tuan-tuan' dan 'puan-puan', saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bukan tuan-tuan dan puan-puan, Yang Berhormat...

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Tuan Yang di-Pertua maaf, tersasul sedikit. Walaupun Kementerian Belia dan Sukan tidak minta peruntukan tetapi saya nak bercakap sedikit mengenai Kementerian Belia dan Sukan kerana dia duit banyak. Kita tengok apa-apa pun dia bagi kat CYC peruntukan sampai RM17 juta. Dah bayar dah pun separuh. Jadi apa yang saya nak sebutkan di sini ialah kita lihat Kementerian Belia dan Sukan ini peranannya walaupun kita lihat penting tetapi apa yang saya lihat penumpuan mereka hanya kepada sukan dan juga hiburan semata-mata.

Kalau dulu zaman awal kemerdekaan dulu kita lihat belia-belie kita aktif di dalam kegiatan ekonomi dan aktif di dalam pertanian dan sebagainya, persatuan, aktiviti-aktiviti seni tetapi hari ini kita lihat belia-belie kita telah hanyut. Apa yang hanya dilakukan oleh belia hari ini cuma menumpang kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh badan-badan lain.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat, apa yang kita lihat belia-belie hari ini cuma turut merayakan perayaan-perayaan yang diadakan oleh badan-badan lain, *Sure Heboh* misalnya. Belia kita ramai tapi mereka sekadar meramaikan majlis-majlis berkenaan dan mereka tidak memainkan peranan dalam melaksanakan tugas atau terlibat secara langsung di dalam persembahan yang diadakan.

Kita lihat dari semasa ke semasa, belia-belie kita kurang aktif. Tak ada lagi belia-belie yang terlibat dengan persembahan-persembahan kebudayaan yang dianjurkan oleh badan-badan belia sendiri. Begitu juga di dalam bidang-bidang lain kita lihat penyertaan belia-belie kita sedikit atau kurang sekali. Jadi saya haraplah Kementerian Belia dan Sukan yang juga hari ini, peranan ini separuhnya dimainkan oleh kementerian baru kesenian yang termasuk dalam peruntukan yang kita bagi hari ini, yang diminta hari ini. Jadi saya mintalah supaya peranan belia-belie ini diaktifkan supaya mereka tidak lagi semata-mata menjadi penyokong kepada sebarang aktiviti hiburan yang diadakan oleh pihak-pihak lain saja.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat peruntukan yang diminta sebagai tambahan ini terlampau banyak sebagaimana yang telah dinyatakan oleh rakan-rakan kita tadi. Hal ini bertentangan sekali dengan dasar perbelanjaan berhemah yang selalu disebut oleh Perdana Menteri dan menteri-menteri kita. Apa yang jelas kepada kita jika hampir ataupun lebih kurang 20% belanja ataupun peruntukan tambahan yang diperlukan kepada perbelanjaan telah dibuat, jelas sekali kepada kita bahawa perbelanjaan yang dibuat itu adalah perbelanjaan yang tidak berhemah.

Perbelanjaan ini seolah-olah tidak ada perancangan yang rapi. Projek atau program tambahan dibuat sesuka hati dan kita juga masih waswas adakah program-program besar sebagaimana wilayah pembangunan yang diisytiharkan di seluruh negara baru-baru ini ia benar-benar telah dirancang kerana ia melibatkan ratusan bilion ringgit. Kalaupun projek ini tidak dirancang dan dibuat secara spontan maka bahayanya agak besar dan kita akan lihat bahawa kemungkinan satu hari nanti bajet tambahan yang akan diminta akan melebihi bajet asal yang telah diperuntukkan kepada program-program yang berkenaan.

Kita juga mengharapkan walaupun ada perancangan, ada kementerian-kementerian yang mempunyai perancangan yang rapi bila melaksanakan sesuatu projek atau program tetapi yang jelas kepada kita kadangkala pelaksanaannya tidak betul-betul diteliti, pelaksanaannya selalunya dibuat sambil lewa. Keadaan inilah menyebabkan kita lihat ada program-program yang pada mulanya dilihat dilaksanakan secara bersungguh-sungguh tetapi akhirnya menjadi lali, kurang bermaya dan akhirnya ditinggalkan begitu saja.

Kita pernah lihat beberapa rancangan yang telah dijalankan akhirnya ditinggalkan begitu saja. Pembasmian cermin gelap misalnya suatu ketika dulu dilaksanakan secara bersungguh-sungguh hilang begitu saja dan sehari dua ini isu ini timbul kembali. Begitu juga kita lihat isu-isu mengenai kenderaan-kenderaan awam yang telah dikuatkuasakan pada satu ketika tertentu. Baru-baru ini telah berlaku banyak kemalangan, isu ini diperkuatkan semula tetapi kita bimbang kalau ianya tidak dilakukan secara bersungguh-sungguh ianya akan hilang begitu sahaja.

Begitu juga isu kenaikan harga barang. Oleh kerana hari ini terdapat desakan oleh semua pihak, hal ini juga telah dilaksanakan secara bersungguh-sungguh. Namun kita takut, kita bimbang kalau ianya menjadi makin kurang, ianya akan hilang begitu sahaja dan ianya akan timbul kembali bila ada masalah-masalah lain yang timbul kemudian. Saya mengharapkan janganlah menteri-menteri pada mulanya menjadi menteri, tetapi apabila isu itu menjadi besar ianya kembali kepada Perdana Menteri menjadi pengerusi.

Misalnya isu harga barang akhirnya Perdana Menteri menjadi Pengerusi kepada Jawatankuasa Harga Barang. Begitulah kita lihat banyak benda yang akhirnya memerlukan Perdana Menteri menjadi pengerusi, arahan Perdana Menteri barulah sesuatu isu itu dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Saya yakin dan percaya kalau semua menteri melaksanakan tugas dengan baik, masalah yang timbul, yang kita hadapi ini akan dapat kita atasi dengan sebaik mungkin.

Akhir sekali saya hendak menyentuh mengenai Kementerian Pelajaran. Akhir-akhir ini kita lihat pegawai-pegawai pendidikan, resah dengan kemasukan pegawai-pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan juga ke sekolah-sekolah. Walaupun isu ini kita lihat isu biasa dan tidak timbul kita katakan ketegangan kerana guru ini selalunya baik. Sebagai bekas guru, kita kadang-kadang menerima kemasukan pegawai-pegawai JPA ini.

Namun sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian, guru-guru tidak menerima kemasukan pegawai-pegawai JPA ke dalam pendidikan. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kita ada lebih daripada 300,000 guru yang hanya mengharapkan kenaikan pangkat dalam bidang perguruan. Jikalau peluang-peluang kenaikan pangkat ini kita berikan kepada pegawai-pegawai JPA sudah semestinyalah peluang untuk guru-guru naik pangkat hilang dan ini menimbulkan keresahan.

Keresahan ini akan ditanggung oleh kerajaan sendiri sebagai satu manifestasi daripada perasaan tidak puas hati guru-guru. Saya harap benda-benda ini dapat diperhalusi sebagaimana juga program-program lain yang tidak menyenangkan guru-guru. Saya rasa perlulah diberi pertimbangan kerana reaksi guru selalunya akan memberi kesan kepada anak-anak kita di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat terima kasih kerana peluang yang diberikan. Assalamualaikum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Labuan.

5.43 ptg.

Datuk Haji Yussof Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya peluang walaupun agak jauh di sini. Apa yang saya akan *highlight*kan atau ketengahkan adalah masalah kesihatan yang mana berlaku di daerah-daerah di sekitar Sabah, Sarawak dan Labuan.

Saya akan fokus untuk Wilayah Persekutuan Labuan Tuan Yang di-Pertua. Wilayah Persekutuan Labuan telah pun menjadi salah sebuah wilayah sejak hampir 25 tahun dan tahun depan wilayah akan menyambut Jubli Perak yang ke-25.

Masalah kita di Labuan adalah masalah kesihatan. Di mana setiap ada masalah yang serius kita harus menghantar pesakit-pesakit di waktu kecemasan harus dihantar ke Kota Kinabalu. Cuba bayangkan kalau masa itu berlaku di tengah malam. Ini kita harus tunggu sampai esok pagi, itu pun kalau ada penerbangan yang *available*, kalau tidak kena tunggu lagi waktu petang.

Jadi apa yang kita harapkan dengan adanya peruntukan bajet tambahan 2007 ini diharapkan peruntukan itu dapat sedikit sebanyak disalurkan ke pulau yang diwartakan sebagai wilayah. Di mana kalau boleh hospital yang ada sekarang dapat *diupgrade*, dengan izin supaya menjadi satu hospital yang dapat menampung dan juga mengendalikan pesakit-pesakit di kawasan Pulau Labuan. Bukan Pulau Labuan sahaja Tuan Yang di-Pertua, yang mana sekiranya hospital di Labuan dapat kita *upgrade* lebih bagus lagi.

Ini akan dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk sekitar Pulau Labuan, iaitu daripada pedalaman Sabah dan pedalaman Sarawak, umpamanya seperti Menumbok dan kawasan Mempaku dan Kuala Penyu. Begitu juga kawasan-kawasan di Sarawak seperti Limbang dan juga Lawas, di mana cuma menyeberang Pulau Labuan mereka dapat berubat di pulau tersebut. Contohnya kalau daripada Kuala Penyu ke Kota Kinabalu akan mengambil masa dalam satu setengah jam, tetapi kalau dari Kuala Penyu ke Labuan hanya mengambil masa setengah jam dengan bot ekspres yang laju. Jadi ini adalah satu kebaikan juga untuk penduduk-penduduk di sekitar Wilayah Labuan.

Labuan juga telah diwartakan sebagai *oil and gas hub* di kawasan Sabah dan Sarawak. Jadi dengan adanya *expatriate* yang datang ke Labuan, ini secara tidak langsung dapat menunjukkan keperluan untuk kesihatan di Labuan itu sendiri. Jadi ini yang kita harapkan daripada Pulau Labuan supaya peruntukan ataupun tambahan yang ada itu dapat sedikit sebanyak dialihkan ke Wilayah Persekutuan Labuan.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya perelaskan seperti mana yang saya nyatakan yang lalu. Sistem pengangkutan antara Labuan dan Sabah masih belum begitu mantap, walaupun kementerian telah pun menjawab tetapi kita dari Pulau Labuan belum begitu berpuas hati dengan jawapan tersebut. Ini kerana pada saat ini seperti mana yang saya nyatakan dulu, cuma satu operator sahaja yang melaksanakan operasi feri pengangkutan kenderaan untuk Labuan dan Menumbok.

Kita mengharapkan supaya Kementerian Pengangkutan dapat mengkaji semula yang mana sistem monopoli yang telah pun diberikan kepada salah sebuah syarikat di Pulau Labuan supaya diberikan kepada satu atau dua syarikat lain, supaya sekiranya ada *competition*, dengan izin ini akan dapat memberikan khidmat dengan lebih sempurna. Jadi kita harapkan benda ini dapat kita kaji semula supaya masalah-masalah sistem pengangkutan di antara Labuan dan juga tanah besar Sabah dapat kita atasi.

Ketiga, iaitu mengenai jalan-jalan yang ada di Labuan. Walaupun di saat ini seperti mana yang kita maklum jalan-jalan di Labuan telah pun dapat diperbaiki dan dihalusi dengan baik. Namun ada yang saya akan suarakan, satu jalan yang *dual carriageway* antara Tamu dan Kampung Pohon Batu kalau saya tidak salah, yang mana telah pun diaward kepada kontraktor dua tahun yang lalu. Namun sampai saat ini tidak ada kerja-kerja yang dibuat.

Jadi apakah masalah sebenarnya yang dihadapi oleh kontraktor mahupun Jabatan Kerja Raya. Ini harus kita perhatikan juga Tuan Yang di-Pertua, kerana benda ini telah lama berlarutan, di mana orang ramai masih bertanya-tanya adakah kontraktor ini tidak dapat melaksanakan kerja tersebut ataupun masalah di Kementerian Pengangkutan melalui JKR itu sendiri.

Jadi apa yang saya suarakan ini adalah hasrat daripada orang-orang Labuan semoga kementerian yang berkenaan dapat memberikan pertimbangan dan dapat diperhalusi serta diperbaiki sebaik mungkin. Sekian, terima kasih. Saya turut menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai.

5.49 ptg.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana diberi ruang untuk berbahas dalam sesi rang undang-undang. Saya terkilan bila mendengar rakan-rakan daripada Sabah dan Sarawak yang selalu menceritakan tentang apa yang berlaku di Sabah dan Sarawak.

Pernah saya dari Ranau ke Tambunan lebih kurang tujuh tahun dulu, saya berdoa berharap agar keadaan bukan seperti yang saya lalui seperti hari itu. Dari Ranau ke Tambunan, saya sampai di Tambunan seluruh badan saya, setiap tulang di badan saya sakit.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Tuan di-Pertua, minta penjelasan. Tidak payahlah Yang Berhormat Padang Serai cerita soalan yang sama. Cerita untuk diri sendiri.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini di dalam perpaduan dan rang undang-undang. Jadi negara kita cukup bertuah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kenapa sakit badan Yang Berhormat?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kerana jalan raya dari Ranau ke Tambunan itu memang tidak boleh dilalui dengan kereta biasa. Perlu ada pacuan empat roda. Saya tersilap naik kereta. Ini *federal road*, *Federal Highway* masa itu. Tahun...

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Tahun berapa itu Yang Berhormat?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tolong jangan ganggu saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Tahun berapa?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tujuh lapan tahun dahulu, bukan abad lalu, bukan zaman lalu. Jadi saya berharap keadaan itu tidak wujud hari ini dan saya akan pergi pada 30 hari bulan saya harap saya akan melalui dengan ini.

Jadi apa yang saya mahu kata di sini Tuan Yang di-Pertua, negara kita cukup bertuah, kita adalah pengeluar kelapa sawit nombor satu dunia, kita adalah pengeluar getah nombor satu dunia. Lebih RM100 bilion daripada minyak dan negeri-negeri ini, Sabah, Sarawak, Terengganu adalah pengeluar minyak tetapi Kerajaan Pusat tidak kongsi hasil minyak dengan negeri-negeri ini.

Walaupun negeri-negeri ini mengayakan negara ini tetapi rakyat di negeri-negeri ini sama seperti rakyat Melayu, Cina, India di Padang Serai. Di satu pelosok Padang serai kita boleh melihat mereka yang dipanggil bumiputera Melayu, merempat di kawasan Bagan Sena. Inilah hadiah Kerajaan Barisan Nasional 50 tahun tetapi sebaliknya berlaku, hari ini saya hadir satu persembahan oleh Maybank.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, perkataan merempat itu dihalusi sedikitlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah Yang Berhormat. Itu boleh digunakan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Mereka cukup daif Tuan Yang di-Pertua, kalau saya cakap tersilap saya minta maaf, tetapi mereka cukup daif, masjid-masjid, surau-surau, tokong-tokong Hindu, tokong Cina, semuanya kebanyakannya kayu dan bukan batu bata, cukup buruk dan daif.

Ini di Padang Serai, 31 hari bulan nanti saya akan ke Sabah, saya mahu lihat sendiri mungkin di Sabah lebih elok daripada Padang Serai sebab itu rakan kita di situ selalu merungut. Apa yang ingin saya katakan Tuan Yang di-Pertua, mesti ada perkongsian, mesti ada seorang Perdana Menteri yang cukup prihatin, bukan membawa projek-projek besar, projek-projek mega, bukannya perlu koridor sini, koridor sana yang perlu adalah penelitian daripada Perdana Menteri kita dan juga Kabinet kita. Mereka setiap hari duduk di Parlimen tetapi rakyat di situ macam mana?

Macam mana saya di sini, apabila saya baik kampung, rakyat kata "Tolonglah balik ke Parlimen hari Isnin, tolonglah bahas tentang kenaikan harga beras". Kenaikan harga beras hari ini kita berhadapan dengan satu rang undang-undang, mahu bahas tentang RM16.8 bilion dan RM18 bilion. Kita mahu bahas kenaikan ini.

Namun, rakyat di kampung, di Padang Serai, rakyat di Sabah, Sarawak mereka melaung-laungkan, turunkan harga beras. Apakah kerajaan ini tidak dapat turunkan harga apakah kita di sini boleh gembira apabila rakyat kita di situ susah? Jadi saya betul-betul tidak sokong kenaikan peruntukan ini. Saya minta kerajaan berhatilah, ingat sama rakyat, ingat sama mereka yang hari ini susah.

Tuan Yang di-Pertua, Hindraf. Mereka turun ke jalanan kerana mereka tidak puas hati dengan kerajaan. Hari ini pimpinan Hindraf dan 80 lebih lagi ditahan di bawah ISA. ISA harus dimansuhkan di negara ini Tuan Yang di-Pertua. ISA ini tidak boleh diguna pakai dalam zaman moden ini.

Seperti kata Menteri Dalam Negeri hari itu, kalau kita tidak suka ISA, saya perlu pergi ke mahkamah dan menteri yang sama, kerajaan yang sama, mereka boleh gunakan mahkamah yang sama untuk memastikan bahawa sekiranya mereka yang ditahan di bawah ISA ini salah, mereka dihukum di mahkamah, dihukum melalui mahkamah, sumbat mereka ke dalam, beri keadilan kepada mereka dan hari ini saya dihujani panggilan-panggilan telefon.

Tuan Yang di-Pertua, panggilan-panggilan telefon ini daripada keluarga-keluarga yang menangis anak-anak mereka dapat 13A, 12A, 11A, 10A. Apabila saya berjumpa dengan Menteri Pelajaran, Menteri Pengajian Tinggi kata, "Oh! ini tidak sangkut paut dengan kita, ini kena pergi jumpa dengan pengarah JPA". Tidak ada satu orang menteri kah yang bertanggungjawab, apabila rakyat meminta anak-anak mereka untuk belajar, mereka mengatakan kepada anak, kamu jangan takut.

Ini negara kerajaan Barisan Nasional, anak-anak kamu belajar cemerlang, kamu dapat A semua, kamu akan dapat tajaan biasiswa. Akan tetapi di kalangan mereka-mereka yang dapat ada yang dapat kurang 9A dan beratus-ratus yang dapat lebih 10A tidak dapat, yang dapat kurang mereka ada. Ini ada pilih kasih di pihak pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab dan kerana pegawai-pegawai ini juga, saya hari ini menuduh Barisan Nasional tidak melakukan kerja mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional janji mereka berbagai-bagai janji tetapi mereka tidak laksanakan. Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menjanjikan bahawa apabila dia menjadi Perdana Menteri, rakyat yang miskin, pendidikan di negara ini, semua orang boleh mendapat pendidikan percuma kerana negara kita kaya, getah, kelapa sawit, minyak RM100 lebih bilion, duit itu kalau diguna pakai dengan betul, bukan sahaja pendidikan, bukan sahaja perubatan malah semua lain-lain boleh diberi percuma.

Mengapa tidak kepada rakyat yang hanya 25 juta? Negara-negara lain yang ada rakyatnya berbilion-bilion, mereka bukan pengeluar getah atau kelapa sawit nombor satu dunia, pendapatan mereka daripada hasil mineral bukan seperti negara kita tetapi mereka boleh memberikan satu sistem pendidikan, mereka boleh memberi satu sistem pendidikan yang lebih baik daripada kita untuk rakyat mereka.

Sebab itu, apabila pilih pemimpin, pilihlah mereka yang berjiwa rakyat. Pilihlah mereka yang sudah ada *track record* memikirkan kepentingan-kepentingan rakyat dan saya juga pilih untuk bersama-sama Dato' Seri Anwar Ibrahim kerana beliau selalunya memilih untuk memberikan yang terbaik dan sekarang pun beliau menjanjikan yang terbaik.

Tuan yang di-Pertua, saya berharap bahawa kerajaan akan teliti, akan teliti ISA dan biasiswa untuk penuntut-penuntut miskin ini. Biarlah kerajaan atau Menteri Pengajian Tinggi ataupun Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini memanggil semua penuntut-penuntut yang mendapat lebih 10A, apa salahnya?

Kerajaan kita hari ini, mereka boleh membayar 4.6 kali lebih nilainya untuk membeli satu bank di Indonesia yang belanjanya RM8 bilion lebih. Apa salah kalau duit sebanyak itu, macam itu, boleh digunakan untuk mendidik anak-anak kita yang hari ini menangis-nangis? Yang Menangis bukan sahaja anak-anak India, anak-anak Cina pun ada, anak-anak Melayu, anak-anak Sabah, Sarawak semua menangis kerana kerajaan kita tidak prihatin. Janji-janji manis sahaja, apabila sudah dapat jawatan, apabila sudah duduk atas kerusi, lupa semua. Tengok, mereka memberi satu bayangan pilih kasih.

Kita sudah dengar daripada rakan-rakan Sabah hari itu, betapa pilih kasihnya Kerajaan Barisan Nasional hari ini, mereka sendiri duduk dalam Dewan yang mulia ini meluahkan perasaan mereka dan saya dengar di program pukul 12.30 tadi dengan Maybank, Ketua *Backbencher* sendiri, Yang Berhormat Bintulu macam menangis terhadap CEO daripada Maybank.

Betapa mereka tidak prihatin tentang pelanggan-pelanggan Maybank. Di situ pelanggan-pelanggan Maybank, di sini rakyat-rakyat yang telah mengundi. Saya memohon Dewan yang mulia ini, supaya lebih teliti apabila berhadapan dengan dasar-dasar negara ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Satu minit Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Dasar-dasar negara ini di sinilah kita menjaganya. Ada kalanya kita membawa rakyat kita ke sini. Kalau kita tidak membawa rakyat ke sini, mahu bawa ke kubur? Inilah tempatnya, saya mewakili 59,000 orang. Kerusi Padang Serai ini. 59,000 orang punya, bukan kepunyaan N. Gobalakrishnan seorang.

Saya dipanggil Padang Serai kerana saya mewakili 59,000 orang. Bila mereka sudah sampai ke *gate*, tak kan saya hendak bagi tahu mereka balik ke Padang Serai. Tidak boleh! Saya perlu melakukan tanggungjawab saya. Kalau boleh ada tempat yang kosong, saya hendak panggil 59,000 datang. Namun apakan daya, lobi ini adalah lobi yang diberi oleh mereka. Mereka memberikan lobi ini kepada kita Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Memang betul memang tidak boleh ada program-program lain, tetapi apakan daya saya. Apabila pengundi saya, apabila rakyat kita, apabila pembayar cukai, dia sudah sampai ke Dewan ini, dia kata saya mahu meraikan hari jadi saya di sini. Tidak akan hendak mengusir seorang anak enam tahun, tidak akan saya mahu usir...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, apakan daya kita Yang Berhormat. Masa sudahpun habis, kena gulung Yang Berhormat. [Ketawa]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya simpulkan. Jadi anak yang berumur enam tahun ini, dari sinilah kita kena mendidik dia. Tidak salah melaungkan *Happy Birthday To You, Happy Birthday*. Jadi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih... *Om Nama Shivaya, Subam, Subam Guru Guru Shivaya Nama Om*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Apa makna Yang Berhormat?

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: [Bangun]

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *[Bangun]*

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: *[Bangun]*

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Itu doa saya, doa untuk kebaikan kita semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya minta Yang Berhormat bagi Tumpat dan selepas itu saya minta Timbalan Menteri untuk menggulung.

6.02 ptg.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat ini tidak adil. Panjangkan masa untuk...

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: DAP tidak dapatlah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: ...Sejak semalam berdiri sampai sekarang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: ...Saya ingat bagi peluanglah kepada pembangkang. Panjangkan sedikit...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...Yang Berhormat, hari itu kita turunkan masa hingga 10 minit. Ada di kalangan Yang Berhormat juga tidak bersetuju, makanya tidaklah setiap *bill* itu, setiap usul itu, setiap Ahli Yang Berhormat berpeluang untuk berucap. Banyak lagi *bill* kita. Selepas ini kita boleh berucap secara terperinci dalam peringkat Jawatankuasa Yang Berhormat. Tidak apa Yang Berhormat.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, daripada petang tadi tidak ada wakil daripada DAP yang berucap, tidak nampak langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya ada rekod Yang Berhormat. DAP juga, kita kira daripada semalam, DAP ada peluang berucap Yang Berhormat.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Daripada petang, tidak ada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apalah Yang Berhormat. Lepas ini nanti peringkat Jawatankuasa, Yang Berhormat bagi berucap secara terperinci.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, kita siapkan teks ini untuk perbincangan rang undang-undang yang dibentangkan. Ini ada berkait terus, tidak akan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat kena belajar, itulah sebahagian daripada *constrain*. Saya duduk di sana lapan tahun begini juga Yang Berhormat. *Constrain* sebagai Ahli Parlimen, kena belajarlah dan kena terima hakikat. Ya Yang Berhormat bagi Tumpat.

6.04 ptg.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2007 ini dan saya mengucapkan terima kasih.

Saya tidak berhajat untuk berucap panjang, pertamanya saya rasa amat seronok mendengar ucapan Yang Berhormat sahabat saya Padang Serai tadi, yang amat bagus ucapannya. Membuktikan bahawa kebolehan beliau bukan sahaja untuk naik ke pentas Tuan Yang di-Pertua Dewan ini, tetapi lebih penting lagi untuk memberi ucapan-ucapan yang baik dan bernas seperti mana yang kita dengar tadi... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mendengar ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Labuan dan saya sebagaimana Yang Berhormat Padang Serai sebutkan tadi juga, amat prihatin terhadap keadaan yang berlaku kita dengar daripada Sabah, daripada dari Sarawak, daripada Labuan dan juga dari Padang Serai tadi.

Ini bererti bahawa negara kita Tuan Yang di-Pertua, telah menjadikan banyak tempat seolah-olah seperti Pulau Batu Puteh. Mereka dan tempat-tempat ini tidak diberikan tumpuan, tidak dijaga, dan tidak dianggap sebagai sebahagian daripada negara kita yang sebenar-benarnya. Kita berjanji, jika kita diberikan kedudukan, peluang dan amanah untuk mentadbir negara kita ini tidak lagi Sabah dijadikan seperti Pulau Batu Puteh, tidak lagi Sarawak dijadikan seperti Pulau Batu Puteh, tidak lagi Padang Serai dijadikan sebagai Pulau Batu Puteh.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini ialah untuk memohon kelulusan perbelanjaan tambahan bagi kali kedua untuk tahun 2007. Saya amat bimbang, kita dalam bulan Mei sahaja sudah pun kali kedua ditambah. Ini hendak menunggu kepada Belanjawan Tahunan yang rasanya akan dibentangkan dalam bulan September atau Oktober. Ini tambahan yang terpaksa kerajaan pohon daripada Dewan ini sebelum lagi masalah harga barang naik, harga beras naik, harga makanan naik, harga minyak naik.

Jadi saya amat bimbang bahawa defisit perbelanjaan negara, defisit yang kita yakin dan kita dijanjikan adalah amat kecil sebagai nisbahnya kepada KDNK, nampaknya dengan pertambahan yang pertama, pertambahan yang kedua, dan mungkin pertambahan yang ketiga akan meningkatkan lagi belanjawan negara ini. Dengan itu menjejaskan dan sebenarnya merosakkan janji pihak kerajaan tentang pertambahan, perbelanjaan, defisit yang nisbah kepada KDNK negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh tentang kedudukan Parlimen. Seperti sahabat-sahabat saya daripada kedua-dua belah pihak ini ingin dan sayang sangat kepada Dewan Parlimen yang mulia ini. Saya seperti juga Tuan Yang di-Pertua, dapat diberikan keyakinan oleh rakyat untuk menjadi anggota Dewan yang mulia ini untuk masa yang agak lama juga. Kita amat berterima kasih kepada rakyat yang mengundi kita, tetapi kita juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Dewan yang mulia ini benar-benar memainkan peranannya seperti yang diharapkan oleh rakyat.

Kita lihat bahawa dalam Parlimen yang ke-12 ini walaupun kelihatan kadang-kadang berlaku perkataan-perkataan yang dianggap agak tidak lunak untuk Dewan yang mulia ini, dan ada cabar-cabar untuk menarik dan tidak menarik dan sebagainya tetapi saya menyaksikan dalam pengalaman saya bahawa Parlimen yang ke-12 ini, hampir-hampir merupakan suatu *level playing field* antara ahli-ahli daripada pihak kerajaan dan penyokong-penyokongnya dan juga anggota daripada parti-parti pembangkang yang begitu bersemangat dan menyuarakan pandangan-pandangan mereka dengan bernaas dan berani.

Saya berharap keadaan ini dijaga oleh kerusi Tuan Yang di-Pertua Dewan ini. Saya berharap bahawa keadaan yang mana membolehkan pihak pembangkang juga menyuarakan pandangan mereka bagi pihak rakyat yang 50% seluruh negara mengundi kami juga diberikan tempat dan tempatnya tidak lain dan tidak bukan daripada Dewan yang mulia ini... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebutkan dengan ringkasnya agaknya dua hari yang lalu, tentang pentingnya selain daripada Dewan ini, kita juga menghidupkan dan memperkasakan institusi-institusi lain dalam Dewan Rakyat Parlimen kita ini. Saya sekali lagi ingin mengulang cadangan supaya Jawatankuasa Pilihan Khas dihidupkan dan diperbanyakkan lagi.

Inilah tempatnya untuk isu-isu penting negara dilihat secara lebih teliti oleh sebahagian daripada anggota-anggota Dewan ini supaya masalah-masalah besar negara dapat diselesaikan dalam suasana lebih kecil, dalam suasana di mana Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai, penasihat-penasihat, perunding-perunding dan sesiapa pun yang dijemput oleh Jawatankuasa Pilihan Khas itu berpeluang untuk merumuskan cadangan-cadangan yang baik untuk negara kita ini.

Saya ingin mencadangkan supaya Tuan Yang di-Pertua Dewan dan ketiga-tiga yang berjawatan memimpin Dewan yang mulia mengambil inisiatif ini supaya memastikan Dewan kita ini mewujudkan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas itu tadi. Saya ingin menyarankan supaya diwujudkan suatu Jawatankuasa Pilihan Khas Tentang Isu Palestin yang mana Palestin ini merupakan rakyat, negara, bumi yang dihormati, disanjung oleh semua agama-agama dalam dunia ini.

Kita ingin supaya negara kita dan Parlimen kita memainkan peranan yang lebih penting, lebih berkesan, lebih tegas, lebih berani dalam isu Palestin ini. Maka dengan sebab itulah saya ingin mengesyorkan bahawa satu Jawatankuasa Pilihan Khas tentang Palestin diwujudkan

Tentang hal-hal lain, hak asasi, perlu juga diwujudkan Jawatankuasa Pilihan Khas. Maka, saya ingin supaya Dewan ini mengambil ingatan di atas cadangan saya itu. Satu lagi cadangan saya kepada kerusi Yang di-Pertua Dewan ini ialah tentang yang juga dikaitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, yang merujuk kepada suasana, ramainya orang yang datang, ada perkara-perkara yang dilakukan.

Pada saya, ini sekalilah perkembangan yang menunjukkan bahawa Parlimen kita untuk penggal Kedua Belas ini menjadi balik, hidup dan menjadi tumpuan kepada rakyat jelata datang untuk melihat kita. Saya ingin merujuk khusus kepada taklimat-taklimat yang diberikan dalam Parlimen ini bukan dalam Dewan yang mulia ini tetapi di bilik-bilik mesyuarat dan dewan-dewan taklimat. Saya menyertai sudah dua kali dalam mesyuarat kali ini iaitu pertamanya minggu lalu oleh Yang Berhormat Menteri Luar tentang isu Pulau Batu Puteh dan beberapa orang anggota khususnya pemimpin-pemimpin Parti Pembangkang dijemput. Saya ingin menyarankan bahawa bukan sekadar pemimpin-pemimpin tetapi lebih ramai lagi daripada pembangkang dijemput.

Hari ini pula, saya mengalami jemputan oleh Menteri Kewangan Kedua untuk mendengar taklimat tentang Maybank. Yang saya ingin tegur dan minta supaya kerusi Tuan Yang di-Pertua Dewan ini mengambil sedikit perhatian ialah dalam pembentangan dan taklimat tadi tidak ada pimpinan politik kementerian atau kerajaan yang hadir. Menteri tidak hadir, timbalan menteri tidak hadir. Yang hadir sebagaimana yang kita dengar daripada Padang Serai dan saya sendiri terlibat tadi ialah CEO Maybank.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini, kita tuan rumahnya. Wakil-wakil rakyat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang lain pada takrifnya tetamu-tetamu kita. Mereka datang, mereka duduk di sini menyaksikan kita sebagai tetamu-tetamu kita. Jadi, saya fikir salah dari segi atur cara kita di Parlimen ini mengarahkan CEO Maybank untuk datang memberi taklimat dan disoal, ditegur, ditanya, dikritik oleh wakil-wakil rakyat tanpa kehadiran kepimpinan kerajaan dalam majlis-majlis seperti itu.

Jadi, saya harap Tuan Yang di-Pertua membincangkan dengan pimpinan Dewan ini supaya ada sedikit peraturan yang jelas supaya tidak timbul keadaan di mana CEO atau Ketua Setiausaha diserang oleh wakil-wakil rakyat yang mana sebenarnya wakil rakyat ini medannya untuk menyerang ialah Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri dalam Dewan yang mulia ini. Bukannya kita melayan tetamu kita yang hadir untuk memberi penjelasan. Walaupun kita tidak bersetuju tetapi sebenarnya yang perlu kita tujukan pandangan, kritikan, teguran kita ialah kepada pemimpin-pemimpin politik dan bukannya CEO atau pegawai-pegawai kerajaan sebab kita memandang bahawa pegawai kerajaan adalah penting untuk perkhidmatan negara ini.

Kita yakin pegawai kerajaan akan sama taat pada kita jika menjadi kerajaan nanti. Oleh sebab itu, kita tidak mahu menganggap bahawa pegawai kerajaan yang bersalah. Jika pegawai kerajaan yang bersalah, ada caranya, ada kaedahnya, ada undang-undangnya untuk mengatasi masalah tersebut. Kita di dalam Dewan yang mulia ini, apabila kita ingin menegur, kita tegur menteri atau timbalan menteri ataupun mereka juga menjawab dan menegur kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada satu lagi perkara iaitu sebagaimana yang disebut oleh rakan kita Padang Serai tadi tentang masalah Hindraf ini. Kita dengar dan kita tahu dan saya berpeluang bertemu dengan Pengerusi Hindraf Encik P. Waythamoorthy di London baru-baru ini dan isu bagaimana beliau melaporkan bahawa beliau dalam perjalanan balik daripada Geneva dalam suatu pertemuan dengan Pimpinan Bangsa-bangsa Bersatu telah ditahan di Lapangan Terbang Gatwick di London dan dimaklumkan oleh pegawai imigresen United Kingdom di Lapangan Terbang Gatwick itu bahawa pasport beliau telah dibatalkan.

Mengikut tulisan beliau dengan izin, "...*That the Malaysian Government had revoked my passport.*" Ini saya fikir adalah isu yang penting walaupun akhir ini kita dengar Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri telah menyatakan tidak berlaku perkara itu tetapi oleh kerana Waythamoorthy ini walaupun penentang kerajaan, pembangkang dan sebagainya ialah masih lagi rakyat Malaysia.

Maka, saya fikir adalah tanggungjawab kerajaan untuk tidak menjadikan beliau dilayan sedemikian rupa di masa beliau tidak ada dalam negara ini dan jika kerajaan menganggap beliau sebagai penganas, maka ada caranya, ada undang-undangnya tetapi cara untuk dianggap oleh Kerajaan United Kingdom sebagai telah menarik balik pasport beliau adalah suatu perbuatan yang salah. Jadi, saya ingin mendesak supaya pihak kerajaan runding, berbincang dan menjelaskan kepada Kerajaan United Kingdom bahawa perkara ini tidak berlaku. Jika benar-benar perkara ini tidak berlaku. Jika tidak, maka kita dalam keadaan tidak menentu sama ada Kerajaan Malaysia yang bercakap benar ataupun Kerajaan United Kingdom yang bercakap benar.

Ini saya fikir penting untuk kita memastikan yang negara kita berkeadaan yang dihormati oleh seluruh dunia dan rakyat kita walau memihak kepada mana-mana parti dan kerajaan sekalipun adalah rakyat Malaysia, walau apa sekalipun keadaannya. Itulah yang saya ingin sebutkan Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih dan saya ingin sekali lagi menyokong apa yang disebutkan oleh Ketua Pembangkang bahawa kita tidak bersetuju dengan belanjawan tambahan yang kedua ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:

Baik.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Lo' Lo Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Pinta beri peluang untuk Jelutong untuk bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:

Saya sudah buat keputusan, selepas ini menteri tetapi untuk makluman statistik sekarang ini Pakatan Rakyat 18 orang Ahli Parlimen sudah berucap. Barisan Nasional 13 orang. Pecahan daripada 18 itu, DAP 4, PKR 7, BEBAS 1, PAS 7. Mungkin DAP kurang sedikit, tetapi jawatankuasa nanti kita akan ambil perhatian untuk wakil daripada DAP untuk berucap Yang Berhormat.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: DAP itu perwakilan kedua terbesar dalam pakatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:

Yang Berhormat saya kira dari sedikit besar ke negeri besar. BN 13, Pakatan Rakyat 18 orang sudah berucap. Ini bukan yang akhir Yang Berhormat. Selepas ini peringkat jawatankuasa.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Nampaknya DAP dipinggirkan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:

Saya sudah cakap Yang Berhormat...

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Saya sepanjang 14 hari saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:

Yang Berhormat...

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: ...Duduk berdiri, duduk berdiri macam ketampi tetapi tidak dapat peluang juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:

Tetapi kena belajar untuk ikut peraturan juga Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kita sudah buat keputusan ya.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Biar saya celah sedikit ya. Tadi sebab Tuan Yang di-Pertua tadi ada buat *ruling*.

Dr. Lo' Lo Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] Minta perhatian, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang lain duduk dahulu Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] ...Gelap, kenapa keadaan ini berlaku..., tidak diberi perhatian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sistem masih berjalan Yang Berhormat. *Sound system* masih ada dan masih nampak.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya rasa, pihak Parlimen ambil perhatian.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: ...Tadi ada buat *ruling*... [*Bercakap tanpa pembesar suara*] Sesiapa yang berdiri telah mendaftarkan diri untuk berucap. Tadi Jelutong dengan Kota Melaka ada berdiri. Jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apalah Yang Berhormat. Peringkat jawatankuasa nanti kita kan beri perhatian untuk memberi lebih sedikit wakil daripada DAP untuk mengambil bahagian. Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

6.18 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, ada 31 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Saya ingat oleh kerana ramai yang terlibat saya tidak akan menyebut tiap-tiap seorang Ahli Parlimen tersebut.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih bagi pihak Kementerian Kewangan kerana penglibatan mereka di dalam perbahasan tersebut. Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, ada isu-isu yang terkeluar daripada perbekalan ini. Ia tidak berkaitan perbekalan ini. Saya tidak akan sentuh. Ini akan disentuh di peringkat jawatankuasa nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Saya akan sentuh perkara-perkara yang terlibat dengan soal dasar, melibatkan Rang Undang-undang ini. Pertama Yang Berhormat Permatang Pauh menyentuh tentang RM16.8 bilion iaitu satu jumlah yang besar untuk menjadi pertambahan kepada perbekalan tahun 2007. Beliau menyatakan bahawa ini meningkatkan peratusan perbekalan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh dan juga Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu ini.

Duit RM16.8 bilion itu bukannya bertujuan untuk meningkatkan, menambahkan perbelanjaan pembangunan. Ia sebenarnya dari segi keperluan, dari segi peraturan *accounting* iaitu untuk memindahkan wang daripada akaun yang disatukan yang terdiri daripada tiga akaun iaitu akaun hasil, akaun pinjaman dan akaun amanah. Jadi duit sebanyak RM16.8 bilion ini adalah untuk dipindahkan daripada hasil kepada untuk tujuan pembangunan, itu sahaja. Ia bukannya pertambahan kepada belanjawan. Nilai yang benar-benar menjadi pertambahan kepada perbekalan adalah sebanyak RM1.214 bilion iaitu pertambahan kepada Belanjawan 2007.

Kemudian, Yang Berhormat Permatang Pauh dan beberapa Ahli Yang Berhormat meminta perinciannya. Perinciannya adalah wang ini digunakan untuk pembangunan bagi Belanjawan 2007. Belanjawan 2007 berjumlah RM44 bilion, jadi perinciannya ialah di bawah Belanjawan 2007 yang telah diluluskan oleh Parlimen ini. Jikalau kita lihat dari segi belanjawan, sebenarnya bila kita buat *reconciliation* pada hujung tahun, tidak semua perbelanjaan akan digunakan. Apabila kita buat kajian tersebut, kita dapati bahawa dari segi perbelanjaan untuk mengurus, penggunaannya ialah sebanyak 99% manakala untuk perbekalan sebanyak 89%. Akan tetapi *surplus* bagi satu kementerian itu tidak boleh dipindahkan kepada kementerian yang lain.

Kedua, Yang Berhormat Permatang Pauh menyentuh tentang bagaimana kita mengurus kewangan. Kita mengurus kewangan berteraskan kepada beberapa kaedah. Pertama dari segi perancangan kita, proses perancangan ini melibatkan kepada belanjawan tahunan yang melibatkan satu dialog di antara Kementerian Kewangan dan kementerian lain dan juga *stake holders* kita daripada pelbagai persatuan, memberikan maklumat kepada kita.

Kemudian, bagaimana pula kita membelanjakannya? Membelanjakannya melalui satu proses perbelanjaan, kita ada pekeliling dan berdasarkan pekeliling tersebut. Apabila satu perbelanjaan untuk bekalan hendak digunakan, ia akan melalui satu proses dari jawatankuasa teknikal, kemudian dinaikkan kepada beberapa pihak, kemudian barulah kita membuat satu keputusan.

Prosesnya agak panjang di sini melibatkan antara lainnya, pertama ada pekeliling-pekeliling mengenai dengan kelulusan-kelulusan dan siapa yang mempunyai kuasa untuk meluluskan. Kemudian ada *flow chart* yang melibatkan pihak-pihak seperti mana saya kata nombor satu ada perunding, jabatan teknik, kemudian penyediaan dokumen tender, pembelian syarikat, kemukakan kepada Lembaga Perolehan, seterusnya naik ke atas. Itu proses kita meluluskan sesuatu perbelanjaan.

Jadi bagaimana kita nak menilai sama ada perbelanjaan itu satu perbelanjaan yang efektif atau tidak. Ada tiga prinsip yang kita pegang, satu, *due economy* yang melibatkan soal perbelanjaan sama ada perbelanjaan itu tepat atau tidak untuk keperluan sesuatu matlamat tersebut. Dalam erti kata lain, perbelanjaan tersebut mestilah tepat, kita tak boleh kata oleh sebab kos yang murah, yang itu paling baik. Ia tidak macam itu, ia mesti tepat kepada satu ukuran yang telah dibuat oleh pihak teknikal.

Kemudian kita lihat dari segi keberkesanan, *effectiveness*. *Effectiveness* ini bermakna bahawa outputnya kalau kita banding dengan tahun-tahun sebelumnya, ia meningkat.

Ketiga, kita lihat dari segi *efficiency*, melibatkan soal output dan input. Ia ada formulanya sejauh mana *efficiency* yang telah diperolehi ini akan dibuat perbandingan dengan projek-projek lain. Kemudian seperti mana saya katakan tadi, ada beberapa pekeliling. Jadi ini adalah untuk mencetuskan apa yang kita katakan sebagai *value for money*.

Kemudian Yang Berhormat Permatang Pauh menyentuh mengenai dengan Universiti Malaya. Dimasukkan dalam warisan sejarah negara, beliau menyatakan ada 50 Warisan Kebangsaan yang telah mempunyai senarai.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Penjelasan, penjelasan sikit Timbalan Menteri.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Sekejap, saya habis yang ini ya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *Point* yang itu tadi.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Nanti saya bagi. Jadi ada 50 Warisan Kebangsaan dan beliau minta supaya Universiti Malaya dimasukkan. Rundingan dengan Universiti Malaya telah dibuat jadi menunggu masa saja untuk dimasukkan dalam senarai tersebut. Sila.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.. Yang Berhormat Menteri cakap tentang input dan output tadi. Boleh tak kiranya dapat Yang Berhormat Menteri menjelaskan apa kedudukan kita dari sudut *efficiency* pelaburan ataupun penggunaan-penggunaan dana ini secara lebih tepat, secara lebih *in the quantum of percentage*. *Is it to do with the capital output ratio* ke ataupun *every expenditure* yang kita buat itu? Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, setiap kementerian mempunyai cara dan kaedah mereka membuat penilaian ke atas projek-projek atau atas perbelanjaan yang mereka lakukan, saya tidak mempunyai statistik itu sekarang.

Kemudian Yang Berhormat Permatang Pauh dalam konteks beliau berbincang mengenai dengan mengurus perbelanjaan, beliau menyentuh tentang perolehan kapal Sukoi, perkara ini telah disentuh oleh Timbalan Perdana Menteri tempoh hari. Jadi saya tidak perlu untuk melanjutkan perkara tersebut. Kemudian, isu tentang kenaikan harga barangan, ini telah kerap kali disentuh.

Pertama mengenai dengan indeks inflasi. Tentang isu apakah indeks inflasi ini menggambarkan kedudukan sebenarnya atau tidak? Indeks inflasi kalau kita lihat sekarang turun kepada dua perpuluhan berapa peratus dan kepada rakyat biasa, ini tidak menggambarkan situasi kenaikan harga di dalam negara kita.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa indeks harga pengguna ini kita buat berdasarkan kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu untuk semua negara. Di mana tiap-tiap negara mesti meletakkan beberapa produk di dalam satu *basket* dan kita meletakkan 12 '*subsektor*' produk sehingga mencapai hampir 500 produk dan kita dapat seperti mana yang saya nyatakan, kita dapat sesuatu kadar tersebut.

Dari segi makanan dan minuman, sumbangannya dalam *basket* tadi ialah sebanyak 59.1% tetapi untuk tujuan pentadbiran, yang tadi kita memenuhi peraturan yang ditetapkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Berdasarkan kepada peraturan Bangsa-bangsa Bersatu inilah dibuat perbandingan dengan lain-lain negara. Negara ini dapat berapa kadar, negara kita berapa kadar, akhirnya kita buat perbandingan.

Dari segi pentadbiran kerajaan, apa yang kita buat, kita akan lihat dari segi sub sektor. Umpamanya sub sektor makanan dan minuman. Berapakah peratusan pertambahan, kadarnya, pada bulan April kita dapati 5.7%. Jadi dengan adanya kadar berasaskan sub sektor ini, kita akan membuat dasar-dasar. Atas maklumat yang kita perolehi itulah kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa Kabinet mengenai dengan inflasi. Makna kita tidak menggunakan semata-mata indeks pengguna yang kita buat berdasarkan kepada peraturan yang ditetapkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: [Bangun]

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [Bangun]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Kemudian, Yang Berhormat daripada Lipis menyentuh pelbagai aspek mengenai dengan ketenteraan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Gombak dan Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Ok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut soal CPI atau *Consumer Price Index*, dengan izin.

Cuma saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa perhitungan indeks harga pengguna yang diguna pakai oleh kerajaan hari ini ialah di mana komponen perhitungan itu juga mengandungi barang-barang kawalan ataupun *control items*, dengan perhitungan seumpama ini maka CPI kita tidak menggambarkan corak perbelanjaan sebenar harian oleh rakyat Malaysia. Kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan beberapa peratus komponen harga barang-barang kawalan ini yang diguna pakai dalam perhitungan CPI tersebut. Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tambah sedikit. Yang Berhormat. Berbanding... - Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Berbanding dengan negara-negara jiran kita CPI kita cukup mengagumkan. Hanya baru-baru ini sahaja yang melonjak kepada 3%, terdahulu daripada ini 2.9%, sementara negara-negara jiran seperti Singapura 6.7%, Indonesia 9%, Vietnam 21.4%, China 83% dan India 76%.

Persoalannya di sini kembali kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak, apakah benar-benar we are *comparing an apple to an apple* dan soalan yang kedua ialah apakah perlu satu formula dan cerakinan baru yang perlu dimajukan oleh kementerian. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya telah jelaskan tadi, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, ini kita menggunakan peraturan yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Ini kita akan *maintain*, kita tidak akan keluar daripada itu. Mengikut peraturan itulah kita dapat inflasi kita pada bulan April pada 3%, Indonesia 8.96%, Thailand 6.2% dan Filipina 8.3%.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini, apabila kita membuat indeks harga pengguna, kita bukan membuat sekadar kita mengikut peraturan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mempunyai pejabatnya di Bangkok dan badan ini akan memantau sejauh mana kewibawaan kita menyediakan indeks harga pengguna ini dan kita tahu subsektor yang mana. Seperti mana yang saya katakan tadi kita ada 12 subsektor.

Ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai dengan barang-barang terkawal - kita ada sembilan barang-barang yang terkawal. Saya minta maaf kerana saya tidak ada mempunyai peratusannya, tetapi peratusannya tidak banyak. Saya tidak mempunyai peratusannya buat masa ini dan saya akan berikan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Saya tadi menyentuh mengenai Yang Berhormat Lipis yang menyentuh mengenai soal tentera. Beliau mengeluarkan satu falsafah bahawa kekuatan berketenteraan ini mesti berdasarkan kepada beberapa dimensi; dimensi sumber manusianya dari segi kemahiran, kemampuan dan kita ada dari segi dimensi kemudahan-kemudahan. Ini mesti dicantumkan. Kita mesti mempunyai kemudahan-kemudahan yang canggih supaya negara kita menjadi kuat dari segi pertahanan. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada beliau. Untuk makluman beliau, salah satu daripada komponen pertambahan perbekalan ini adalah untuk membayar kenaikan gaji oleh anggota tentera kita.

Kemudian, Yang Berhormat daripada Indera Mahkota. Beliau bercakap tentang cukai yang dilepaskan. Beliau bertanya kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, memandangkan *election* kita adalah pada tahun 2008, adakah sesuatu yang tersembunyi bilamana kerajaan membayar balik lebih cukai kepada syarikat-syarikat dan juga individu yang beliau katakan banyak.

Untuk makluman Dewan, cukai yang dibayar balik kepada pembayar cukai individu ialah sebanyak RM1.5 bilion. Ini melibatkan 371,404,002 orang. Manakala syarikat sebanyak RM3.9 bilion melibatkan 29,318 orang. Kalau kita ambil secara purata dari segi individu, tiap-tiap individu akan dipulangkan balik sebanyak RM4,000 manakala syarikat sebanyak RM133,000. Jadi, jelas di sini, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota tidak pakai kerana...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Penjelasan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Cukai yang dibayar balik yang berjumlah RM500,000 ke bawah itu ditentukan oleh kakitangan Jabatan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Maksud Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ialah cukai yang dipulangkan tetapi yang dibangkitkan seperti jawapan yang telah diberi dalam soalan lisan pada sesi ini ialah berkenaan dengan cukai yang telah dihapus kira. Mengikut jawapan tersebut tahun taksiran 2007 merupakan tahun yang sangat signifikan berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya di mana cukai yang dilepaskan telah berjumlah lebih daripada 1,800%.

Dari jumlah kes-kes yang dilepaskan tersebut kita dapat lihat daripada 40,000 kes pada tahun 2007 berbanding cuma 8,000 dan 1,000 sahaja pada tahun-tahun berikutnya. Soalan saya yang hendak diperjelaskan di sini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah kes-kes pelepasan cukai ini kesemuanya hanya terletak di bawah seksyen 129, subseksyen A, B dan C yang hanya ditakrifkan sebagai alasan atau *ground*, dengan izin, kemiskinan dan kemanusiaan.

Takkanlah tahun 2007, atas sebab kemiskinan dan kemanusiaan sehingga 40,000 kes diambil atas *ground* ini dan ini hanya merujuk kepada cukai langsung dan tidak termasuk lagi cukai tidak langsung. Begitu juga ketaranya keputusan dibuat berbanding pada tahun-tahun sebelumnya dan juga Yang Berhormat merujuk kepada tahun 2003 juga menampakkan satu paten yang hampir sama.

Satu perkara lain yang berkaitan dengan seksyen 129 yang diberi kuasa mutlak kepada menteri untuk melangsungkan penghapusan cukai ini juga kuasa yang telah diberikan untuk memberi konsesi-konsesi cukai iaitu di mana jumlah cukai yang telah ditaksir dan hanya menunggu keputusan atau langkah mengutip di kalangan peniaga ataupun pembayar cukai telah diklasifikasikan sebagai keputusan untuk memberi konsesi.

Saya harap keputusan untuk memberi konsesi ini diberitahu kepada Dewan bagaimana keputusan untuk mengiktiraf konsesi-konsesi cukai terutama kepada organisasi perniagaan yang telah pun terkena cukai dan harus dikutip tetapi akhirnya dibenarkan menerima konsesi yang banyak dan apakah *consideration*, dengan izin, pertimbangan yang diberi terhadap kes-kes konsesi cukai yang kita lihat menjangkau jumlah hampir RM1 bilion pada tahun 2007. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, tentang konsesi ini saya tidak ada *figure* di sini untuk saya beritahu dengan Yang Berhormat. Saya ada *figure* tentang cukai yang belum berbayar dalam bentuk kalau kita panggil dari segi *banking, non performance loan*, tetapi kalau dari segi ini kita katakan cukai yang belum dibayar dan kita sedang memikirkan bagaimana cukai belum bayar yang mengikut *edging* yang begitu jauh - yang kita hendak buat macam mana.

Yang Berhormat Pasir Mas membangkitkan tentang soal Pulau Batu Puteh. Yang ini saya ingat kita dah sentuh banyak kali dan kita minta kementerian berkenaan untuk memberi butiran mengenai dengan perkara itu. Begitu juga dengan Gunung Pulai. Saya faham Gunung Pulai ini adalah satu kawasan yang diberi perlindungan keselamatan. Jadi tidak dibenarkan sesiapa pun masuk.

Mengenai dengan harga minyak naik, beliau menyentuh tentang prasarana RapidKL. Apa yang berlaku dalam konteks industri pengangkutan kita tahu bahawa industri pengangkutan Kuala Lumpur berhadapan dengan situasi yang tidak begitu baik. Jadi pada tahun 2003, kerajaan telah menubuhkan Prasarana. Prasarana bertujuan untuk mengambil alih perkhidmatan LRT dan juga perkhidmatan bas. Di sini timbulnya cerita Intrakota dengan ada dua syarikat, bergabung. *I mean* bukan bergabung tetapi dua syarikat diambil alih oleh Prasarana. Apa yang berlaku Prasarana menjadi satu badan yang menjadi pemilik kepada aset manakala kerajaan telah menubuhkan RapidKL dan RapidKL ini satu badan yang menjalankan operasi ke atas aset yang dimiliki oleh Prasarana.

Pada masa pengambilalihan tersebut ada 1,294 bas daripada dua-dua syarikat ini dan pada tahun 2005 diambil alih oleh RapidKL menggunakan bas tersebut. Didapati bahawa bas-bas yang dimiliki oleh Intrakota dengan syarikat yang satu lagi itu umurnya lebih 10 tahun. Ada sampai 15 tahun. Jadi secara *gradual*, pihak Prasarana melepaskan bas tersebut digantikan dengan baru. Akhirnya Prasarana memiliki sebanyak 1,000 buah bas yang dijalankan oleh RapidKL.

Kemudian Yang Berhormat Kinabatangan bertanya pula apa jadi dengan 1,294 bas tersebut. Bas tersebut sekarang ini di dalam depoh di Sungai Buaya dan juga di Serendah. Pada tahun 2007, Prasarana dan juga RapidKL telah membuat keputusan bahawa bas ini tidak akan digunakan lagi. Jadi apa yang dibuat oleh Prasarana ialah membuat satu kajian teknikal apa nak buat dengan bas ini. Jadi pihak RapidKL berkata mereka perlu 150 dibuat kajian didapati bahawa 150 ini boleh dipakai. Ini pihak Prasarana akan melakukan *overhaul* ke atas 150 buah bas manakala yang lain akan dijual secara tender. Jual enjin dengan *transmission system*. Tender akan dibuka pada bulan Julai dan akan ditutup pada bulan September.

Mengenai dengan kedudukan RapidKL, dari segi pendapatan daripada KL apa dipanggil Monorel KL. KL apa..., yang kereta api itu?...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Monorel.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Kereta api..., komuter tu. Yang itu mereka memperoleh keuntungan, yang bas ini tidak. Masalahnya kerana untuk, dia sebenarnya bas ini ialah satu *support system* pada LRT tadi. Jadi apa yang dibuat oleh RapidKL adalah untuk memberi kemudahan kepada rakyat. Jadi dia telah menambahkan taman yang dia pergi dengan harga yang murah. RM1, RM2 sekali naik. Macam mana pula kata di Pasir Mas bagaimana RapidKL menghadapi masalah *cash flow* ini.

Apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, di antara Prasarana dengan RapidKL ia ada perjanjian. Perjanjian tersebut RapidKL mesti bayar kepada Prasarana mula-mula 15%, sekarang 17% dan akhir esok 20% berdasarkan kepada *gross turnover* kepada Prasarana. Apa yang berlaku sekarang ini Prasarana tidak mengutip duit tersebut. Jadi *cash flow* buat masa ini ditampung oleh duit yang sepatutnya dibayar kepada Prasarana.

Kemudian Yang Berhormat Pasir Mas juga menyentuh mengenai dengan kapal terbang VIP. Ada lima buah, empat buah milik kerajaan, satu disewa oleh kerajaan. Diguna untuk kegunaan rasmi oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Selain itu atas persetujuan kerajaan boleh digunakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan dan ketua-ketua negara asing. Kos penyelenggaraan bagi kelima-lima pesawat tersebut ialah sebanyak RM13.7 juta.

Beliau juga bertanya adakah benar bank di Malaysia menaja Universiti Oxford dan Cambridge sebanyak RM300 juta. Kita telah membuat penyemakan dengan Bank Negara dan didapati tidak ada maklumat. Maknanya tidak ada, tidak ada penajaan dibuat. Kemudian Yang Berhormat Pasir Mas juga bertanya mengenai dengan FELDA. Membeli Menara FELDA di *Golden Triangle* berdekatan dengan KLCC dan ini disokong oleh sahabat saya bahawa daripada Pontian kalau saya tidak ingat.

Beliau menyatakan bahawa kita mesti melakukan *paradigm shift*, berhadapan dengan masa depan, bumiputera mesti memiliki bangunan di dalam kawasan tersebut. Jadi dari segi FELDA mereka membeli bangunan tersebut atas dasar untuk FELDA bergerak di peringkat dunia memerlukan satu imej yang tinggi dan mereka dapati pembelian tersebut merupakan satu pelaburan yang baik dari segi harga berpatutan dibandingkan dengan tempat lain dan kita tahu di kawasan *KLCC asset depreciation* pada masa akan datang begitu tinggi.

Kemudian Pasir Mas menyentuh tentang FTA dengan US. FTA dengan US ini seperti mana kita sedia maklum masih lagi belum dimuktamadkan. Malah rundingan masih berjalan di peringkat awal. Walaupun telah beberapa kali perundingan diadakan tapi pihak Malaysia dengan US masih lagi belum mendapat persefahaman mengenai dengan terma-terma yang akan dilakukan. Apa yang berani saya nyatakan bahawa kerajaan tidak terikat dengan keputusan yang dibuat oleh Amerika Syarikat. Kita buat keputusan berdasarkan kepada kehendak kita. Kedua, sebelum kerajaan kita membuat keputusan untuk mengadakan rundingan dengan Amerika Syarikat, kita telah membuat *cost benefit analysis*. Kita dapati bahawa ada *advantage* kita di situ.

Ketiganya untuk menyatakan dari segi *sovereignty* negara kita. Apabila isu-isu seperti paten yang melibatkan soal kenaikan harga ubat, kita tidak bersetuju. Kerajaan telah menyatakan awal tidak bersetuju. Yang melibatkan kepada *procurement*, kerajaan telah menyatakan tidak setuju dan banyak aspek-aspek yang kita tidak setuju. Walau bagaimanapun saya berharap Yang Berhormat Pasir Mas akan akses kepada *website* Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan melihat dari segi rundingan apa terma-terma yang sedang dibincangkan.

Jikalau tidak berpuas hati, saya berpendapat bahawa sebagai Ahli Parlimen mewakili rakyat, kita boleh memberi pandangan kita. Sekarang orang menggunakan sistem internet untuk berkomunikasi. Jadi kita boleh berkomunikasi dengan kementerian tersebut menggunakan sistem internet. Namun saya berani menyatakan bahawa kita akan terus berunding sehingga pada satu peringkat kita tidak akan mencapai kata sepakat. Jadi kita putus-putus kita tidak akan tandatangan. Kita bukan dipegang oleh Amerika dan kita mesti bersetuju dengan terma-terma yang mereka buat.

Kemudian, Yang Berhormat Bukit Mertajam menyentuh soal biasiswa...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Menteri, boleh dapat sedikit penjelasan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana perkara-perkara yang dibincangkan itu adalah cukup penting dan kritikal bagi kepentingan rakyat. Apakah boleh kiranya kementerian dalam hal-hal FTA ini dibuka ruang atas dasar *transparency* dan *accountability* kepada rakyat supaya ada berlaku di sana *public consultation* paling tidak. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Saya ingat kerajaan kita ada sikap keterbukaan. Sebenarnya dalam apa-apa rundingan kita *stakeholder* terlibat. Dari segi FTA saya tahu, sebab saya dahulu di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, kita melibatkan bukan sahaja kementerian dan agensi-agensi kerajaan, tetapi dari segi mereka dalam industri. Ada 100 lebih persatuan-persatuan. Kemudian di samping itu ada badan-badan NGO yang menghantar surat kepada kita dan kita jawab.

Saya tengok dalam konteks sekarang ini seperti mana saya nyatakan dari segi rundingan kita dengan Amerika, bukan kita membuat rundingan itu mesti *face by face*, bersemuka. Kita juga melalui *video conferencing*. Jadi saya berpendapat bahawa kita boleh gunakan sistem tersebut. Kita mungkin tidak ada *video conferencing system*, tetapi melalui internet kita akses dan kita bagi pandangan kita. Kementerian akan menerima pandangan-pandangan tersebut. Tidak ada masalah untuk kementerian menerimanya.

Yang Berhormat Bukit Mertajam menyentuh mengenai dengan biasiswa. Berdasarkan maklumat yang beliau beri, saya rasa tidak senang hati saya dengar ada kaum yang tidak mendapat biasiswa dan perkara itu sebenarnya tidak patut berlaku. Justeru pada tahun ini kerajaan telah memutuskan semua pelajar SPM yang mendapat 9A diberi biasiswa secara automatik dan sekiranya ada Yang Berhormat menyatakan tadi tidak dapat ini boleh dimaklumkan kepada kerajaan, sepatutnya dapat. Kategorinya dua. 2,000 daripadanya kita akan hantar ke luar negara dan kita dapati ada 15,220 yang dianggap cemerlang tersebut.

Daripada itu 2,000 akan dihantar belajar luar negara dan selebihnya di dalam negara. Mengapa 2,000 dan tidak semua? Kita kena sedar bahawa kos belajar di luar negara begitu tinggi, kecuali dalam bidang-bidang kritikal kita akan hantar ke sana yang tidak ada *course* di sini, kita akan hantar keluar negara, tapi kalau ada di sini kita hantar di sini sebab begitu mahal kosnya. Kalau kita hendak buat *medical* di setengah negara belanjanya sampai RM1 juta. Jadi begitu mahal dan kita melihat kepada realiti sumber kewangan yang kita ada...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta penjelasan. Yang pertamanya bagaimanakah kerajaan menentukan kalau ada lebih daripada 2,000 calon yang layak. Bagaimanakah kerajaan menentukan yang pelajar-pelajar layak itu diberikan keadilan?

Nombor duanya, saya rasa ada banyak kekeliruan yang timbul kerana apa yang telah diumumkan oleh Ketua Setiausaha Negara pada tempoh hari, mengatakan bahawa mereka yang mendapat 10A ke atas dalam SPM akan diberi biasiswa. Saya rasa itu telah menimbulkan banyak kekeliruan kerana banyak kes. Ini bukannya *isolated case* yang dalam surat khabar, itu bukan *isolated case*. Saya rasa ratusan kes malah melebihi 1,000 mungkin mereka yang mendapat 10A ataupun 11A.

Tadi saya ada kata satu kes yang bukan sahaja tidak dapat biasiswa hendak masuk matrikulasi pun tak dapat. Saya rasa itu telah menimbulkan banyak kekeliruan. Saya harap kerajaan memberikan pertimbangan yang serius kepada perkara ini.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Kedua soalan Yang Berhormat kemukakan kita akan beri perhatian. Apa kriteria kita untuk pergi luar negara. Ada empat kriteria. Satu, kita gunakan kelulusan SPM kita ambil 70% daripada keseluruhan markah. Kemudian kegiatan kokurikulum 10%, latar belakang keluarga 10% dan prestasi temu duga 10% menjadikan 100%.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Sedikit. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi bahawa ada 2,000 tempat memenuhi syarat-syarat yang telah dikenal pasti. Maksud saya ialah kalau ada 2,000 lebih yang mempunyai kelayakan yang sama dari segi pendapatan keluarganya, dari segi keputusannya, dari segi aktiviti kokurikulumnya. Kalau ada lebih 2,000 apakah dasar kerajaan untuk memberikan keadilan kepada semua pelajar?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, yang itu Yang Berhormat membuat *assumption*. *Assumption* apabila kita mengadakan *interview*, markahnya sama itu *assumption*. Saya ingat kita tunggu keputusannya macam mana mereka mendapat 2,000 ini daripada kita membuat satu keputusan yang kita tidak tahu. Bila *interview* saya tidak percaya terlampau orang markahnya sama. Tentu ada perbezaan markah. Biarlah kita sampai ke situ jadi baru kita *deal* dengan perkara tersebut.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [Bangun]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Yang Berhormat Bukit Mertajam menyentuh juga tentang inflasi. Perkara ini telah saya sebut. Beliau mencadangkan supaya dalam *midterm review* ada kenaikan peruntukan-peruntukan untuk orang-orang miskin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Seperti kata Yang Berhormat Rasah tadi saya percaya itu bukan *assumption*. Sebab saya sendiri mendapati bahawa ramai yang mengadu bahawa mereka mendapat 10A, 12A dan ada di antara *classmate* mereka yang hanya dapat 5A atau 6A yang mendapat ini, tapi kita mahu perhatian yang lebih daripada pihak kementerian supaya memastikan bahawa lebih adil bukan pilih kasih.

Oleh sebab sudah nampak macam pilih kasih, kerana yang mengadu itu bukan satu orang dua orang tapi beratus orang. Telefon setiap hari paling kurang enam tujuh orang telefon kepada kita. Kalau saya seorang Yang Berhormat boleh menerima enam tujuh panggilan sehari bagaimana dengan yang lain-lain dan ini kita berbincang tentang murid-murid yang cemerlang, *exemplary students* semua A. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Saya telah...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Sedikit lagi.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: ... Nyatakan tadi...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Perkara yang sama. Saya berharap pihak kementerian walaupun ini bukan di bawah Kementerian Kewangan, tetapi saya berharap Jabatan Perkhidmatan Awam boleh memberikan pertimbangan ataupun lebih proaktif kepada kes-kes yang telah tersiar dalam media. Saya rasa apa yang telah dikatakan dalam surat khabar itu, kalau melihat latar belakang itu memang jelas mereka layak. Saya harap JPA boleh turun ke bawah untuk mencari pelajar-pelajar ini supaya berlaku keadilan kepada mereka.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya nyatakan pelajar cemerlang semua dapat biasiswa. Kemudian Yang Berhormat daripada Rasah bertanya saya tentang kriteria untuk pergi keluar negara yang 2,000 itu. Itu yang saya sebut kepada Yang Berhormat tadi, pertama kelulusan kecemerlangan itu diambil hanya 70% daripada keseluruhan markah. Ada 100%, 70% dari segi kecemerlangan akademik. Kemudian 10% daripada kegiatan kokurikulum. Lepas itu latar belakang keluarga 10% prestasi kepada temu duga 10%. Jadi akan diadakan temu duga, akan dibuat kajian. Daripada situ nanti akan dipilih top 2,000.

Yang Berhormat Rasah tadi tanya saya, macam mana kalau ramai dapat markah yang sama. Itu yang saya kata pada masa ini kita *assumption*. Jadi biar mereka buat *interview* sama ada akhirnya ada ataupun tidak orang yang markahnya sama sahaja. Terlampau ramai sampai lebih 2,000. Jadi masa itu kementerian tersebut akan membuat keputusan. Saya tak tahu bagaimana keputusan tersebut akan dibuat. Kemudian Yang Berhormat...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta maaf Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata semua budak cemerlang dapat. Saya percaya semua dapat tapi yang pergi luar negara dan yang mahu belajar di dalam negara yang dapat biasiswa untuk belajar tingkatan enam itu tak payahlah, sebab tingkatan enam memang percuma. Tingkatan enam tak perlu biasiswa untuk belajar.

Sekolah bagi percuma dan ini nampak gaya macam satu alasan mengatakan bahawa semua yang cemerlang dapat yang pergi luar negara dapat, yang dalam negeri dapat. Dalam negeri *form six* dengan izin, tingkatan enam tak perlu. Jadi ramai yang mengatakan kita mahu biasiswa kerana kita 12A, 11A kita mahu biasiswa untuk luar negara, kerana yang kurang macam kata pencapaian empat kategori itu, saya percaya ramai, yang hari itu seorang budak dari Padang Serai datang dia cemerlang kokurikulum, prestasi bagus cemerlang 12A, tapi kita tak tahu yang 10% *interview* itu macam mana.

Sebab itu kita mohon perhatian yang lebih, mohon supaya yang cemerlang ini, apa salah kalau Kementerian membuat lebih tindakan supaya mereka ini mungkin boleh ditambahlah.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, mencelah sikit. Saya hendak tanyalah Yang Berhormat Padang Serai atau Yang Berhormat Rasah ini pernah pergi ke sekolah ke tidak, mengajar ke tidak dengan murid ini? Saya ini 31 tahun jadi cikgu. Sebenarnya kalau kita andaikan bahawa Tingkatan 6 tidak perlu biasiswa kerana percuma, itu tanggapan yang salah.

Kalau tidak diberi biasiswa anak-anak kita pun tidak dapat bersekolah walaupun percuma. Mereka perlu lagi bantuan-bantuan lain. Jadi andaian mengatakan bahawa supaya biasiswa Tingkatan 6 itu dialihkan untuk luar negeri, itu satu pendapat yang tidak betul. Kedua kalau kita andaikan bahawa menulis di surat khabar itu diberikan perhatian utama. Belum lagi betul sebab ada yang boleh membeli surat khabar, anak di kampung tidak boleh membeli surat khabar. Jadi andaian itu mungkin tidak betul. Ketiga, kita jangan bercakap, bahawa mengikut pengalaman saya yang dimaklumkan oleh murid...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Nanti dulu, nanti dulu...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Memang *you* jawab macam Menteri juga tapi saya mahu daripada Menteri...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Ya, saya beritahu pengalaman saya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Mungkin tujuan Yang Berhormat Hulu Terengganu boleh terus kepada Menteri jangan pada saya. Kalau hendak pergi sekolah, mengajar di sekolah, saya memang tahu Yang Berhormat nampak macam orang yang betul-betul pernah mengajar 30, bukan 30 tahun, 50 tahun.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai, nasib baik nampak saya. Saya tidak nampak pun Yang Berhormat Padang Serai itu, saya dengar suara sahaja. Saya juga ingin mencelah mengikut pengalaman saya...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Tarik balik Tuan Yang di-Pertua, ini krisis ini.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Okey, saya tarik balik.

Seorang Ahli: Tarik balik apa?

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Dia cikgu kata orang tidak pergi sekolah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Padang Serai dah tarik balik sudah.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Dah tarik balik dah. Tidak apalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Hulu Terengganu tolong jangan...

Tuan Lim Lip Seng [Segambut]: Minta maaf, minta maaf.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Sebab dia kata saya 50 tahun mengajar. Saya 50 tahun, adakah betul saya mengajar 50 tahun. Takkan umur saya 5 tahun dah menjadi cikgu. Saya pun pulang balik paku buah keras kepadanya, salahkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kalau kita buat debat macam ini, payahlah Menteri hendak habiskan.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Bukan, saya hendak beri pengalaman. Pengalaman saya ada murid kita yang memberi tahu bahawa dia aktif itu, aktif ini tetapi sebenarnya tidak. Kalau dia boleh *approve* kan dengan surat daripada...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua sekarang bukan ucapanlah. Bukan ucapan minta penjelasan sahaja. Ini dia bagi ucapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat duduk Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]: Sudah, sudah.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Okey, jadi Timbalan Menteri setuju tidak bahawa bukan semua yang dikatakan oleh semua murid itu, okey terima kasih.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua fahamlah saya mengapa Yang Berhormat Jelutong tidak dapat hendak cakap sebab di orang cakap celah-celah macam itu dan Tuan Yang di-Pertua bagi peluang sampai tidak habis-habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat jangan buat tuduhan kepada Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat. Saya bersikap adil Yang Berhormat tapi jangan Yang Berhormat buat tuduhan yang bukan-bukan kepada kerusi sini. Yang Berhormat sila.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Saya faham apa Yang Berhormat Padang Serai nyatakan. Kita mesti memastikan yang terbaik memperoleh. Keduanya dari segi tempatan, kita tidak cakap dalam konteks tingkatan 6 sahaja. Ada universiti-universiti yang diiktiraf di negara kita yang menawarkan ijazah untuk pelajar-pelajar lepasan daripada SPM ini pun kita ambil tahu.

Kemudian mengenai dengan Yang Berhormat Pokok Sena menyentuh antara lain mengenai dengan info teks dan ini kita ambil maklum. Kemudian menyentuh mengenai dengan *Halal Development Corporation*. *Halal Development Corporation* di mana kita tahu adalah untuk mengerakkan industri halal di negara kita supaya menjadi hak kepada dunia, itu matlamat dia. *Halal Development Corporation* tidak akan mengeluarkan sebarang produk tetapi akan bekerjasama dengan MATRADE untuk mempromosi produk.

Apa yang dilakukan oleh kerajaan baru ini adalah untuk memindahkan pengeluaran Sijil Halal JAKIM supaya *Halal Development Corporation* yang melaksanakannya atas tujuan halal *certification* ini satu perkara yang penting. Bukan sahaja untuk kita, *certification* halal ini Sijil Halal ini bukan sahaja dikaitkan dengan halal. Halal dalam konteks bahawa produk-produk yang di keluar itu dari segi hukum adalah halal.

Akan tetapi juga dikaitkan dengan ISO, jadi ini yang penting. Dua-dua aspek ini dikaitkan untuk tujuan membina kapasiti syarikat-syarikat Malaysia terutamanya dan juga untuk sijil halal dan ISO ini juga digunakan di luar negara. Jadi kerajaan berpendapat bahawa JAKIM lebih baik menumpu kepada isu-isu yang berbentuk ilmuwan tentang soal agama. Kita tahu sekarang antara perkara-perkara yang dibincangkan. Macam mana Yang Berhormat Kepong duduk situ pula? Tidak hendak mintak *floor* di situ...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Saya ingat hendak minta *floor* di situ.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apa Yang Berhormat Menteri, sila.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Jadi antara aspek yang kehendaki oleh kerajaan untuk diselesaikan adalah salah faham agama. Jadi di antara agama Islam dengan agama-agama lain yang banyak berlaku yang mencetuskan perasaan emosi. Jadi JAKIM perlu mempertingkatkan tahap kepakaran mereka dalam bidang-bidang itu manakala Halal Development Corporation lebih berbentuk ekonomi. Jadi dia akan menjalankan projek-projek ekonomi.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Timbalan Menteri, tadi ada Yang Berhormat mengatakan bahawa HDC tidak terlibat dalam *production*. Cuma saya tidak bawa keratan akhbar baru-baru ini yang saya sebut iaitu antara Tabung Haji bersama dengan HDC dan juga Dubai Halal Investment kalau tidak silap saya, telah pun membuat satu tandatangan perjanjian usaha sama untuk mengeluarkan produk-produk halal.

Maknanya secara langsung dan tidak langsung juga HDC telah terlibat dalam industri produk untuk keluar barangan halal itu saya berhujah mengatakan bahawa rasional apa sebagai pengeluar, tiba-tiba dalam masa yang sama dia juga memberikan label ataupun pensijilan halal itu kepada barang dikeluarkan oleh dia sendiri jadi ini yang saya persoalkan.

Kedua yang saya hendak minta juga penjelasan pada petang ini ialah adakah HDC ini telah dari segi bidang kuasa ini, bagi saya bahawa apa yang telah dipersetujui antara JAIN, Jabatan Agama Islam Negeri telah membawa kepada tindakan meminda perkara perihal dagangan di bawah Kementerian Hal Ehwal Pengguna ini iaitu Perintah Perihal Dagangan Penggunaan Perbahasan Halal 1975, Perintah Perihal Dagangan Penandaan Makanan 1975.

Jadi bila di serahkan HDC sedangkan pensijilan itu ialah pensijilan yang telah pun ada kaitan dengan undang-undang pensijilan yang telah pun diletakkan di bawah JAKIM. Jadi bagaimana selepas ini bila berlaku sesuatu apakah tindakan boleh diambil kepada HDC ataupun kepada JAKIM kerana dari segi register pensijilan itu dengan pindaan kepada perintah-perintah saya sebut tadi ialah berkaitan dengan soal bidang kuasa JAKIM dan juga JAIN.

Dr. Dzulkiefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tambah sikit, boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Atas perkara yang sama Yang Berhormat?

Dr. Dzulkiefly Ahmad [Kuala Selangor]: Atas perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila.

Dr. Dzulkiefly Ahmad [Kuala Selangor]: Dalam memberikan pengagihan tugas kerja ataupun *job spec* yang telah dipindahkan pensijilan ataupun *the right certification* daripada JAKIM kepada HDC, apakah sebenar-benarnya kriteria dan perhitungan yang dibuat oleh Kementerian kerana buat selama hari ini persoalan pensijilan adalah cukup penting yang melibatkan bukan hanya persoalan teknikal tetapi perkara-perkara lain juga.

Jadi dengan ringkasnya kalau Timbalan Menteri boleh menerangkan dalam Dewan ini, apa sebenar-benarnya di sebalik keputusan yang telah dibuat itu di samping hanya perkara yang disebutkan sebentar tadi, *the details please*.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua ini isu *rationalization*. Kita berkehendakkan *specialization* kerana kalau letak bawah JAKIM dengan bawah ini kita harap bahawa HDC oleh kerana ia merupakan satu entiti ekonomi, pengeluarannya lebih efisien.

Kita tahu pengeluaran sijil halal ini melibatkan beberapa proses. Pertama permohonan kemudian dibawa ke makmal untuk diperiksa kemudian baru buat kelulusan. Malah bukan setakat itu badan-badan perlu buat audit di syarikat-syarikat, di premisnya sama ada pekerja Islam atau tidak dalam *kitchen* nya. Jadi perkara-perkara ini dilihat begitu penting dan penting dibuat oleh HDC kerana ia merupakan satu badan ekonomi.

Keduanya, kita tidak melihat Sijil Halal dalam konteks kekuatannya dalam negara kita. Sijil Halal boleh dibawa pergi ke luar negara. Kita tahu antara negara yang menghasilkan daging yang paling baik adalah Argentina dan juga Brazil. Negara-negara ini sekarang, Sijil Halal ini dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang tidak diiktiraf oleh sesiapa pun. Jadi kalau boleh kita hendak penembusan sijil ini ke negara lain. Makna penembusan sijil ini melibatkan kepada ISO dan juga melibatkan kepada makmal. Jadi ini satu perkara besar yang kita rasa *Halal Demo Cooperation* boleh melakukannya dan tidak di bawah JAKIM.

Kemudian Yang Berhormat Pokok Sena menyentuh mengenai dengan pindaan ke atas rang undang-undang Yang Berhormat sebut tadi. Apa yang berlaku sebelum ini, di dalam rang undang-undang tersebut, kuasa untuk mengeluarkan sijil terletak kepada syarikat sendiri. Kemudian itu tidak betul. Jadi kita memutuskan bahawa sijil ini mesti dikeluarkan oleh hanya satu sijil sahaja iaitu sijil JAKIM dan sijil ini boleh dikeluarkan oleh negeri-negeri.

Negeri-negeri Kelantan, Perak dan Terengganu akan mengeluarkan sijil tetapi akan menggunakan satu sijil. Sebabnya apabila kita bercakap tentang produk halal dan sijil, kalau kita tiap-tiap negeri ada sijil masing-masing, jadi dia akan *delude* kekuatan sijil tersebut. Jadi Jabatan Agama Islam Negeri akan mengeluarkan sijil mengikut kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan tetapi sijil ini adalah Sijil JAKIM.

Berkenaan dengan undang-undang siapa yang akan *accountable* ke atas pengeluaran tersebut, saya rasa ini biarlah kita serahkan kepada kementerian berkenaan untuk menjawab. Saya tidak boleh lebih daripada itu. Di dalam jawatankuasa ini, Yang Berhormat boleh bangkitkan macam mana kita hendak mengatasi masalah tersebut. Saya percaya dari segi undang-undangnya boleh. Kalau katalah kita buat andaian tidak boleh, kerajaan akan menukar peraturan-peraturan dalam undang-undang tersebut.

Kemudian Yang Berhormat menyentuh tentang...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya persoalan juga walaupun diberikan alasan bahawa JAKIM seharusnya menumpukan kepada persoalan-persoalan hubungan antara agama dan sebagainya.

Akan tetapi bagi sayalah bahawa tidak ada kesalahan untuk JAKIM menerokai pensijilan halal itu ke luar negara. Kalau kita memberikan peruntukan yang cukup dan sebagainya oleh kerana kemampuan dan keupayaan JAKIM telah pun terserlah dan diperakui dan menjadi *role model* kepada Thailand dan juga Indonesia untuk menerokai bidang yang sama. Malah hasil daripada mereka melihat keupayaan yang dibuat oleh JAKIM, lalu mereka lebih maju, boleh dikatakan maju daripada pensijilan kita.

Namun bagi saya persoalannya ialah apa halangan sebenarnya untuk membenarkan JAKIM terlibat dalam pensijilan di peringkat antarabangsa? Kerana ini satu pengiktirafan kepada kita. Saya masih mempersoalkan bahawa sebab dalam Mesyuarat Kabinet pada 9 Ogos 2006, telah pun dipersetujui bahawa JAKIM menjadi agensi tunggal untuk mengeluarkan pensijilan halal.

Tiba-tiba hanya dalam tempoh beberapa tahun, timbul idea untuk ini. Begitu juga pada 6 September 2006, Mesyuarat Jemaah Menteri juga telah pun menyebut bahawa JAKIM diberi kuasa sebagai badan tunggal pengeluaran pensijilan dan logo halal di negara ini. Pensijilan halal persendirian tidak dibenarkan kata Mesyuarat Jemaah Menteri.

Jadi saya pun dok hairan macam mana tiba-tiba keluar benda ini dan ini yang kita ragukan sebab umpama macam disebut oleh rakan saya daripada Bachok tadi. Masa di bawah JAKIM yang mengendalikan, *Colgate* telah memohon untuk mendapat pensijilan dan memang JAKIM tidak memberikan kelulusan itu kerana saya difahamkan tidak mematuhi piawai yang telah ditentukan, standard yang telah ditentukan oleh JAKIM.

Apabila HDC ambil alih, ini yang saya lihat bahawa serta-merta dan saya tak tahu, saya difahamkan bahawa tak ada pun Pegawai Bahagian Halal JAKIM ini yang dikatakan di...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ...Pindahkan ke HDC itu pergi melawat ke kilang *Colgate* itu sendiri. Jadi saya tak tahu macam mana tiba-tiba pensijilan itu boleh dikeluarkan kepada *Colgate*. Ini menunjukkan bagi saya, bahawa ada macam lebih kepada *commercial life*. Bukan untuk melebar luaskan pensijilan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya tengok parameter pemikiran Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen pada satu skop yang sebesar itu. Kerajaan melihat daripada parameter yang lebih luas. Jadi kerajaan telah membuat kajian bahawa supaya kita mempercepatkan proses sijil halal ini dan ISO itu dikeluarkan dan kita yakin HDC mampu membuatnya. Itu yang dapat saya nyatakan. Tidak ada atrium motif.

Saya ingat jangan kita tanamkan satu atrium motif kerana apabila kita tanamkan satu atrium motif, jadi segalanya tak eloklah Tuan Yang di-Pertua. Cuba kita tengok secara positif kerana tidak ada yang negatif. Hanya kerajaan percaya kita buat *rationalization*, kita buat *specialization*, ini akan mencapai hasrat kita supaya halal ini menjadi satu produk. Malaysia menjadi *halal hub for the world*. Jadi saya ingat tak payah kita bincangkan perkara ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Boleh Yang Berhormat berikan kepada saya siapa pegawai halal yang di bawah JAKIM dipindahkan ke HDC...

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Yang itu...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ...Terus dihantar untuk membuat *check list* dan mereka inilah yang meluluskan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: ...Yang Berhormat ya, isu-isu kelulusan itu bukan dibuat oleh pegawai. Itu dibuat di peringkat atasan. Satu kajian, bukan pegawai yang buat. Pegawai tidak buat. Kelulusan tersebut dibuat oleh pihak atasan yang berdasarkan kajian merasakan ini lebih lagi utama.

Buat masa ini Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu status sekarang ini, bilakah *Halal Demo Cooperation* mula mengeluarkan sijil itu. Saya tidak ada status tersebut. Jadi dari segi konsepnya, saya tahu. Jadi itu sebab saya kata Yang Berhormat hendak tanya, tanya kepada pihak berkenaan dalam jawatankuasa nanti.

Yang Berhormat Batu Pahat menyentuh mengenai dengan isu-isu yang melibatkan dana untuk kelulusan bagi bantuan-bantuan perubatan dan kemudian mengenai klinik-klinik luar bandar, naik taraf kesihatan, hospital-hospital dan juga soal pemberian ubat-ubatan. Jadi cadangan-cadangan ini semua cadangan yang kita ambil maklum. Ini merupakan cadangan-cadangan daripada beliau. Bukan beliau tanya kita untuk penjelasan tapi lebih merupakan kepada cadangan-cadangan untuk menaikkan kecekapan sektor kesihatan untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat.

Kemudian Yang Berhormat Machang menyentuh mengenai dengan isu satu analogi daripada satu cerita dan dikaitkan dengan kerajaan sekarang. Saya ingat tak perlu kita bincang. Saya ingat tidak relevan ya. Zaman berubah, dimensi ekonomi juga berubah. Zaman Rom itu zaman yang ekonominya kecil. Apabila berlaku *industrial revolution* abad ke-18, ke-19, GDP dunia tiba-tiba meningkat tinggi. Jadi dimensinya berbeza dan saya rasa tidak perlu dibincangkan.

Kemudian beliau bercakap mengenai dengan JPA, melantik pegawai-pegawai di dalam badan-badan GLC seperti mana kata rakan saya daripada Batu Pahat, itu bukan menjadi satu kesalahan. Malah apa yang ingin saya bangkitkan adalah bahawa perkara-perkara ini adalah mengikut peraturan dan individu-individu yang dilantik, mereka mempunyai kepakaran.

Untuk makluman Parlimen bagi tahun 2006, keuntungan bersih pendapatan daripada GLC adalah lebih daripada RM2 bilion. Iaitu keuntungan KHAZANAH lebih daripada RM2.4 bilion pada tahun 2006 dan nilai-nilai aset bersih KHAZANAH pada tahun 2004 bernilai RM50.9 bilion meningkat pada tahun 2007 bulan Jun sebanyak RM88.8 bilion. Maknanya badan ini mempunyai kewibawaan dan pelantikan lembaga pengarah mestilah memenuhi kepada keperluan-keperluan mereka.

Kemudian Yang Berhormat juga menyentuh mengenai dengan dana-dana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi Yang Berhormat sebut mengenai keuntungan untuk Khazanah. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita, adakah betul bahawa pihak Khazanah akan menarik balik daripada pelbagai GLC? Penyertaan saham-saham di dalam pelbagai GLC, Khazanah akan menarik balik atau pun menjualkan saham-saham ini. Kalau itulah dasar sekarang, setakat manakah pihak kerajaan akan melaksanakan untuk melepaskan tanggung jawab Khazanah daripada GLC dan sebagainya?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai maklumat tersebut tetapi saya berani menyatakan bahawa Khazanah melalui GLC memainkan peranan penting di dalam Bursa Malaysia. Jadi saya tidak nampak, tiba-tiba dia hendak mengeluarkan duit. Ini akan menjejaskan komposit indeks.

Apa Yang Berhormat nyatakan itu, maklumat tersebut maklumat yang baru, saya terima kerana saya sendiri tidak mempunyai maklumat. Kemudian Yang Berhormat juga menyentuh mengenai dengan sumber kewangan untuk badan-badan untuk pinjaman-pinjaman yang diadakan oleh kerajaan. Pelbagai pinjaman dan beliau menyentuh mengenai dengan pertanian. Beliau menyatakan kita perlu menunjukkan *efficiency* yang lebih dalam pemberian pinjaman kerana beliau menyatakan bahawa industri makanan adalah industri yang telah diiktiraf oleh kerajaan dalam konteks untuk *security* negara. Kita hendak buka lebih banyak kawasan padi dan beliau mencadangkan supaya ada *one-stop-centre*.

Untuk maklumat Yang Berhormat, kerajaan telah menubuhkan *Agri-Food Business Development Centre* di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan ini merupakan satu *one-stop-centre* yang merangkaikan hubungan dengan kementerian-kementerian lain yang terlibat dalam konteks pembangunan industri makanan dan juga dana-dana yang kita ada. Kemudian Yang Berhormat daripada...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Penjelasan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya pohon penjelasan Yang Berhormat. Pemberian subsidi yang dibuat oleh kerajaan selama ini terutamanya yang terbaru sekali ialah dalam usaha untuk menstabilkan pasaran harga beras di peringkat 15% iaitu beras 15% kandungan hancur itu daripada harga RM16.50 sen yang melibatkan jutaan ringgit. Kita lihat sasaran yang sampai kepada pengguna-pengguna ialah begitu kurang.

Jadi tidakkah kerajaan bercadang dalam keadaan kita menghadapi kemelut seperti ini, untuk kita pastikan pusat jualan setempat sama ada melalui agensi-agensi kerajaan yang telah diberi tanggung jawab untuk menunaikan amanah ini dapat melaksanakan perkara ini. Kita tidak mahu perkara ini tidak sampai kepada rakyat terus kerana kita lihat sekarang ini, secara tidak langsung apa juga subsidi yang diberikan oleh kerajaan seperti subsidi minyak diesel, minyak petrol dan sebagainya. Kita lihat seolah-olah dinikmati oleh orang lain.

Contohnya *transshipment* yang berlaku bagi import dan eksport antara Thailand dan Singapura tetapi mereka menggunakan minyak kemudahan subsidi yang disediakan oleh kerajaan kepada rakyat negara kita. Jadi kita tidak mahu ini berlaku dan tidak pernah berlaku pun di mana-mana dunia. Jadi biarlah subsidi kerajaan itu terus sampai kepada rakyat supaya tidak ada orang lain yang mengambil kesempatan di atas apa yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Mengenai dengan subsidi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa sebagaimana Dewan maklum, kita mempunyai satu jawatankuasa Kabinet mengenai dengan inflasi yang membincangkan soal subsidi.

Kita sedang merangka satu cara pemberian subsidi yang kita rasakan lebih saksama dari segi penerimanya. Sekarang kita memberi subsidi keseluruhannya berdasarkan tahun 2007 sebanyak RM43 bilion untuk menyokong harga petrol dan diesel, kemudian untuk dari segi untuk utiliti tenaga, dan satu lagi untuk barang-barang lain termasuklah makanan dan sebagainya.

Jadi saya percaya jawatankuasa tersebut akan membuat pengumuman tidak lama lagi dan ini akan memberi kelebihan. Pertama kepada rakyat Malaysia dari segi penggunaan petrol dan diesel. Keduanya untuk memberi kelebihan kepada mereka yang berpendapatan rendah. Di samping itu, apa yang dibuat oleh kerajaan mengenai dengan diesel tadi, apabila Yang Berhormat menyatakan bahawa orang yang tidak patut mendapat subsidi memperoleh subsidi tersebut.

Di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, menggunakan apa yang dikatakan *nano-tech*. *Nano-tech* ini satu sistem di mana satu jumlah diesel dibagi kepada satu syarikat. Ia dihantar ke depot dan depot tersebut semestinya hantar diesel tersebut kepada pengguna yang sepatutnya memperolehnya. Jadi bila dihantar, apa yang dibuat oleh kementerian, kementerian akan pergi buat *checking*. Kalau dia *checking*, dia letak titik minyak itu bertukar warna, maknanya minyak tersebut adalah minyak yang disubsidikan. Jika pergi kepada tangan orang lain, bermakna pembeli ini telah melakukan kesalahan dan tindakan-tindakan diambil.

Jadi, pandangan Yang Berhormat mengenai dengan depot, yang ini biar kita bagi kepada kementerian... *[Menoleh ke tempat duduk kementerian di belakang]* Hilang? Semasa dalam jawatankuasa nanti, Yang Berhormat bangkitkan. Saya tidak mempunyai autoriti untuk menyatakan ia ataupun tidak. Okey Yang Berhormat ya? Terima kasih.

Kemudian Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Lagi panjangkah Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Ada, ada lagi. Hendak suruh saya pendekkan? Tidak mengapalah, saya lihat masa kita ada. Jadi biarlah kita selesaikanlah. Tentang ICJ di mana saya nyatakan, kita tidak perlulah bincang. Yang Berhormat Kinabatangan menyentuh soal bas.

Tadi saya telah pun bercakap mengenai dengan bas yang 1,294. 150 akan di *overhaul* dan bakinya 1,000 lebih akan dijual. Beliau juga menyentuh mengenai dengan Persatuan Pekerja Bank meminta kepada NUBE, *National Union of Bank Employee*. Minta kepada bank-bank untuk meningkatkan, menyelaraskan gaji mereka kepada tahap yang lebih tinggi. Kedua-dua pihak, NUBE dan bank telah mengadakan rundingan.

Akhirnya buntu, minta kepada Bank Negara untuk menjadi orang tengah juga buntu, dan mereka telah bawa isu ini ke Mahkamah Perusahaan sekarang ini. Jadi Mahkamah Perusahaan akan menetapkan keputusan nanti. Beliau juga menyentuh mengenai Filipina. Filipina membuat tuntutan ke atas Sabah, perkara ini dalam perbincangan. Perkara ini, kita sedar dan kita percaya Filipina tidak akan buat tuntutan dari segi jangka panjang pada masa akan datang.

Kemudian, Yang Berhormat juga menyentuh tentang Sabah Koridor. Sabah Koridor, sejauh mana ia memberi manfaat kepada rakyat Sabah? Perkara ini telah saya sentuh semasa menjawab soalan dahulu bahawa Sabah Koridor dan juga Sarawak Koridor. Ini dua koridor yang amat penting dibangunkan oleh kerajaan bersama-sama dengan koridor yang dibangunkan oleh kerajaan di koridor-koridor yang lain.

Saya telah pun menyatakan bahawa inisiatifnya adalah inisiatif dua pihak. Inisiatif dari pihak kerajaan dan juga sektor swasta. Di mana dari segi Sabah, di mana kita maklum Sabah ini, tiap-tiap koridornya mempunyai tumpuan bidang. Dari segi Sabah akan menumpukan kepada bidang-bidang pelancongan, pertanian, pengeluaran, pembuatan, bidang infrastruktur dan pembangunan sumber manusia.

Saya ingin menyentuh sedikit Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap dalam konteks pembangunan kapasiti manusia, tentang kemiskinan, bagaimana kita hendak mengeluarkan individu daripada kedudukan kemiskinan. Adakah kita perlu bergantung 100% kepada kerajaan ataupun ada cara lain. Dari segi kerajaan, selain daripada memberi bantuan kepada individu dan mengadakan pembangunan, kerajaan mengadakan sistem persekolahan dan ini boleh melepaskan kita daripada kemiskinan. Saya rasa ramai di sini kalau kita *reflect* balik kehidupan kita dalam generasi yang baru, kita dalam keadaan yang begitu daif.

Dalam satu generasi kita telah sampai kepada peringkat bahawa kita dah duduk rumah batu; malah banyak negara dunia menyatakan inilah salah sebuah negara dalam satu *generation* kita dapat berubah daripada keadaan yang daik kepada keadaan yang lebih sempurna lagi. Banyak negara-negara yang tidak dapat menikmatinya.

Selain daripada kerajaan, pembangunan sesuatu kawasan itu akan menjadi lebih cepat jika ia melibatkan sektor swasta. Apabila sektor swasta mengadakan satu projek, katalah projek pembuatan kemudian akan ada peluang-peluang pekerjaan, pembangunan infrastruktur. Jadi dalam konteks ini kedua-dua pihak penting memainkan peranan, barulah proses pembangunan satu-satu kawasan itu menjadi lebih cepat.

Jadi koridor ini bertujuan untuk memperoleh, itu sebab koridor ini melibatkan kerajaan dan juga swasta. Ini supaya kawasan-kawasan yang tidak menikmati pembangunan yang pesat ini mendapat peluang daripada koridor supaya kawasan-kawasan tersebut dibangunkan melalui kerajaan dan juga pihak swasta.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Bila sebut fasal Koridor Sabah dan juga penglibatan kerajaan serta penglibatan sektor swasta. Sektor swasta punya penglibatan di Sabah kebanyakannya adalah ladang-ladang besar; di mana sistem jalanman belum sempurna tetapi peluang yang banyak diberikan kepada ladang-ladang besar. Apabila ladang-ladang yang besar ini dibina, pengangkutan semua lori, macam-macam masuk tapi jalan raya yang 20-30 tahun dulu sampai sekarang belum.

Peratus pembangunan berlipat ganda dalam ratusan peratus dan apabila ladang-ladang besar ini dibuka orang-orang tempatan tidak diberi peluang. Malahan sebelum ladang dibuka mereka memohon supaya di bawa masuk pekerja-pekerja asing. Apabila rakyat tempatan pergi ke ladang-ladang ini untuk minta kerja, mereka ditindas. Apakah peranan kerajaan dalam merancang rancangan sebelum pembangunan ini dicadangkan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, kita maklum yang pembangunan ini satu evolusi dan bukan satu yang berlaku secara sekelip mata. Jadi pada masa lalu, pembangunannya Sabah berteraskan kepada pertanian seperti mana Yang Berhormat nyatakan.

Sekarang kerajaan merancang supaya di bawah koridor ini Sabah mempunyai beberapa bidang utama dalam pembangunan seperti mana yang saya nyatakan tadi. Jadi pembangunan untuk infrastruktur itu akan dijalankan oleh pihak kerajaan. Pembangunan dalam bentuk industri ini dijalankan oleh pihak swasta dan cantuman daripada dua pihak ini saya percaya pada masa akan datang Sabah akan membangun begitu tinggi.

Di samping itu pula, saya lihat dari segi Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan untuk Sabah dan Sarawak begitu tinggi. Jumlah peruntukannya adalah daripada Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM16.9 bilion untuk Sabah dan Sarawak RM15.1. Ini belakang wilayah dengan Selangor saja, di depan daripada tempat-tempat lain. Jadi ini kita nampak proses bahawa kerajaan sedang berusaha untuk membangunkan Sabah dan juga Sarawak.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di sini untuk memberi penjelasan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Padang Serai. Saya ingat perlu dijelaskan. Yang Berhormat telah menyatakan bahawa ini mengenai dengan pekerja asing dan tempatan, dalam konteks pembangunan ladang kelapa sawit dan sebagainya.

Adalah tidak benar pekerja-pekerja tempatan ini ditindas. Tuan Yang di-Pertua, saya mempengerusikan satu ladang kelapa sawit yang besar - di mana kita berhabis, berusaha untuk mengambil orang tempatan tetapi keadaan yang sebenarnya dengan hormat orang tempatan ini tak begitu berminta untuk bekerja di ladang. Jadi kita terpaksa mengambil pekerja daripada luar. Jadi berkaitan dengan jalan raya pula...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat ini nak bagi penjelasan ataupun nak bagi sila kepada Timbalan Menteri.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri tapi saya jelaskan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Padang Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ringkaskan penjelasan Yang Berhormat. Biar timbalan menteri buat penjelasan.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Sebenarnya lori-lori mengangkut sawit ini tidaklah begitu memburukkan keadaan jalan raya sebab kita ada badan-badan kerajaan seperti JPJ untuk mengawal. Ini hanya terlibat di luar kawasan jalan raya *public*.

Jadi mengenai dengan pembangunan koridor di Sabah ini, cabaran yang paling besar saya ingat Yang Berhormat ialah kehadiran pendatang tanpa izin di mana ia *contribute* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kepada kadar kemiskinan di mana di Sabah ini kita merekodkan 23% kemiskinan. Kami percaya bahawa peratusan ini adalah disumbangkan oleh pendatang tanpa izin. Dalam konteks untuk memajukan *Sabah Development Corridor* ini, pembangunan insan adalah penting. Jadi dengan kehadiran pendatang tanpa izin adalah satu cabaran kepada kerajaan.

Mengenai dengan pihak manakah yang lebih memainkan peranan penting sama ada swasta atau kerajaan dalam konteks Sabah, saya ingat di Sabah ini tak banyak *local based company* yang dapat menyumbang. Kita perlu suntikan daripada syarikat-syarikat daripada Semenanjung seperti Petronas yang mengaut keuntungan yang banyak di Sabah. Kita perlu sumbangan daripada Petronas. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Terima kasih Yang Berhormat. Kita sedar apa Yang Berhormat katakan itu dari segi penglibatan swasta di mana saya nyatakan pada tempoh hari akan melibatkan lebih kurang untuk Sabah sebanyak RM57.9 bilion berbanding daripada Kerajaan Pusat sebanyak RM42 bilion.

Ini adalah usaha kerajaan untuk merancang masa hadapan, malah kalau kita lihat dari segi strategi pembangunan mana-mana negara pun saya sebenarnya hairan kerana tidak banyak negara yang mempunyai rancangan pembangunan masa hadapan. Saya telah banyak terlibat dengan banyak negara, lebih 60 buah negara. Tak banyak negara yang begitu, sebahagian besar negara-negara dunia hanya ada belanjawan tahunan saja.

Kita ada rancangan lima tahun, rancangan pelan induk dan sebagainya dan kita ada koridor untuk pembangunan masa hadapan. Jadi maknanya proses evolusi kita akan melalui satu *path, route* yang lebih teratur lagi.

Kemudian Yang Berhormat Kinabatangan juga menyentuh mengenai dengan beg plastik. Beg plastik ini memang kerajaan menggalakkan syarikat-syarikat atau individu tidak menggunakan beg plastik. Kemudian Yang Berhormat Bandar Kuching, beliau menyentuh mengenai dengan RM16 seperti yang telah saya nyatakan tadi. Yang Berhormat ada ke tadi?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya ada di sini dan saya teliti apa yang telah diujikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ia adalah mengenai satu pindaan akaun daripada Akaun Hasil Disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

Apa yang kita nak tahu adalah walaupun itu merupakan satu pindahan akaun, pindahan wang daripada satu akaun kepada akaun yang lain. Selepas ia diluluskan dalam Dewan yang mulia ini, wang di dalam akaun Kumpulan Wang Pembangunan akan dapat dibayar kepada sesiapa saja oleh kerajaan tetapi takkan diluluskan dalam Dewan ini.

Ini kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata apa maklumat terperinci mengenai projek-projek pembangunan telah disenaraikan dalam anggaran tahunan lalu. Anggaran Perbelanjaan Tahunan 2007, sejumlah RM46 bilion telah di luluskan dan projek-projek telah disenaraikan dalam anggaran 2007. Di manakah wang RM16 bilion akan dapat kita cari dan dibayar kepada apa-apa projek yang terperinci yang kita boleh *tracekan* wang itu akan dibayarkan. Itu yang kita hendak tahu.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, kita perlu jelas tentang sistem *accounting* kerajaan. Tiap-tiap hasil yang diperoleh dia akan letak di dalam akaun. Seperti mana yang saya nyatakan tadi Akaun Disatukan atau *consolidated account* atau dari segi ekonomi dia panggil *central fund*.

Ada mempunyai tiga akaun, hasil, pinjaman dan amanah. Semua hasil diperoleh diletakkan di situ, ini tidak perlu kelulusan. Yang kita minta kelulusan ini yang dalam belanjawan kita adalah akaun perbelanjaan. Akaun perbelanjaan ini melibatkan dua elemen:

- (i) elemen pengurusan; dan
- (ii) elemen pembangunan.

Dari segi keperluan *accounting* kita buat dia panggil konsep *reconcile* duit ini telah dibelanjakan, *reconciliation*. Maknanya setiap lebih daripada *revenue account* dalam *consolidated account* tadi ditolak dengan perbelanjaan mengurus tadi dia akan di *balance*.

Balance ini tetapi hujung tahun baru kita *reconcile* kita tahu jumlahnya adalah RM16.8 bilion yang digunakan untuk RM44 bilion tadi yang telah kita luluskan. Baki daripada itu makna RM44 bilion tolak RM16.8 bilion bakinya RM28 bilion kita pinjam luar, itu dia. *It's accounting, technical* bukan ada melibatkan pertambahan. Jadi bermakna duit RM16.8 bilion tadi dengan pinjaman yang diperoleh oleh kerajaan tadilah yang digunakan untuk pembangunan membiayai kos pembangunan untuk Belanjawan 2007. Itu dia Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan. Jikalau begitu kenapa kita perlu Dewan ini untuk meluluskan RM44 bilion yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini dalam anggaran perbelanjaan 2007? Apa yang dikatakan RM44 bilion itu *diffinance* oleh pinjaman dan sebahagiannya *diffinance* oleh perbelanjaan mengurus. Maka apakah gunanya untuk kita meluluskan RM44 bilion untuk pembangunan dalam anggaran perbelanjaan 2007?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Yang Berhormat perlu jelas. Saya ingat Yang Berhormat perlu belajar *accounting* Yang Berhormat. Yang Berhormat perlu jelas apa dia Bajet? Bajet ada dua perbelanjaan:

- (i) mengurus; dan
- (ii) pembangunan

Pembiayaan mengurus dan pembangunan datang daripada mana? Daripada *consolidated account* yang saya kata tadi ada tiga, *revenue*, pinjaman dan juga amanah. *Revenue* tadi akan membiayainya. Jadi *revenue* setelah tolak yang telah kita luluskan mengurus ia ada baki yang itu dibiayai pembangunan. Bukannya dia biayai dia menjalankan sekarang pada masa itu tetapi untuk keperluan. Kita tengok keadaan syarikat bila dia tutup akaun, dia tutup akaun bila? 31 Disember. Ia bentang dalam AGM dalam bulan enam. Jadi serupa, kita tiap-tiap tahun buat mungkin Yang Berhormat tidak sedar yang kita buat perkara ini tiap-tiap tahun.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: [Bangun]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Maknanya Belanjawan yang dibentangkan di Dewan ini adalah dibuat atas tuntutan Perlembagaan negara dan juga pemindahan itu juga atas tuntutan yang dibawa di dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Yang Berhormat Timbalan Menteri *you* katakan RM16 bilion itu adalah baki daripada pengurusan. Namun dalam carta ini ditulis di bawah perbelanjaan pengurusan juga. Ia macam satu peruntukan tambahan untuk pengurusan. Daripada *explanation* yang dibagi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah baki daripada pengurusan kita bawa kepada pembangunan tetapi daripada carta ini ia di dalam kolum..

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tidak apa Yang Berhormat. Saya baca, ini dia pembentangan tempoh hari [Merujuk kepada dokumen]

"Anggaran tambahan perbelanjaan berkala telah dipohon untuk diluluskan di bawah fasal 2 rang undang-undang dibentangkan adalah sebanyak RM17, 545.2 juta iaitu sebanyak RM16,81.1 juta adalah pindahan lebih daripada Akaun Hasil Disatukan 2007 ke Kumpulan Wang Pembangunan. Ini telah saya bentang, ini dia pembentangan yang saya buat tempoh hari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Yang Berhormat Bandar Kuching menyentuh tentang FOMEMA. Ada beberapa kelemahan Yang Berhormat nyatakan, yang ini kita akan minta kementerian untuk membuat siasatan agar dapat diperkukuhkan. Mengapa kita bagi hanya kepada satu badan sahaja, untuk memastikan kualiti pemeriksaan dibuat begitu baik. Ini tidak melibatkan soal kroni Yang Berhormat ya.

Kemudian Yang Berhormat menyentuh mengenai dengan laporan akhbar mengenai dengan perkara-perkara yang menjadi *loophole* masyarakat. Ini kita sambut baik dan kerajaan selalu melihat laporan akhbar itu sebagai *feedback* kepada sumber penting kepada kerajaan.

Mengenai Yang Berhormat Marang menyentuh mengenai royalti ke Terengganu. Perkara ini dalam kes mahkamah, biarlah mahkamah yang menentukan tentang perkara tersebut.

Yang Berhormat Pontian menyentuh mengenai dengan subsidi. Ini telah saya sentuh tadi, di mana kerajaan sedang mengadakan satu sistem yang baru yang akan diumumkan oleh Jawatankuasa Kabinet Membendung Inflasi.

Kemudian Yang Berhormat menyentuh tentang kemiskinan. Yang Berhormat mengatakan adalah lebih baik kita adakan FELDA untuk mengatasi masalah kemiskinan. Perkara ini saya ambil maklum dan kementerian berkenaan akan mengkaji perkara ini. Ini satu pandangan yang kita ambil maklum.

Kemudian Yang Berhormat menyentuh mengenai dengan Pulau Pisang, di mana saya nyatakan pada penggugungan usul tempoh hari bahawa kes Pulau Batu Puteh ini menjadi satu teladan kepada kita. Kita akan lebih berhati-hati untuk menjaga pulau di sekeliling negara kita.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai dengan projek kenaf ini kita bagi perhatian dan ambil maklum. Kemudian GLC, UDA mengadakan pembangunan di kawasan strategik. Kita ambil maklum akan perkara ini dan akan berbincang dengan pihak UDA. Malahan Menteri Kewangan pun telah pun mengarahkan saya sendiri untuk mengadakan perbincangan dengan UDA kerana UDA adalah dibiayai oleh Kementerian Kewangan. Operasi adalah di bawah Pembangunan Usahawan.

Yang Berhormat juga menyokong program PLKN. PLKN seperti mana kita maklum ia bukan sahaja melibatkan soal perbelanjaan dan output yang kita peroleh tetapi apabila dibuat kajian menerusi ibu bapa peserta boleh juga tenaga pengajar serta juga kepada mereka yang terlibat. Mereka memberikan pandangan yang begitu positif, kesannya tidak dapat kita lihat sekarang pasal projek ini baru dijalankan. Kita akan hanya dapat lihat pada masa akan datang.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih. PLKN ini sudah membawa satu imej yang terlalu negatif terhadap rakyat Malaysia masa kini. Terlalu banyak kematian, terlalu banyak rungutan daripada penuntut-penuntut. Mengapa tidak tutup sahaja PLKN ini?

Sebab semua PLKN *centre* yang saya hadiri kebanyakannya di persekitaran dan di dalamnya semua sub standard. Kantin-kantin yang menyediakan makanan selalunya tidak standard untuk penuntut-penuntut yang tidak tinggal di rumah. Mereka duduk di kawasan itu makanan pun tidak sempurna dan saya percaya tender-tender yang diberikan cuma diberi kepada kroni-kroni dan beberapa mereka yang hanya ada pilih kasih sahaja. Saya ingat Yang Berhormat Menteri lebih baik tutup sahaja PLKN ini.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Boleh sambung pasal PLKN? Tadi saya ada menyentuh bahawa data, saya ingin mengulang bahawa Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan. Seramai 339,186 pelatih jika boleh mendapat pandangan daripada timbalan menteri, 99.96% pelatih hidup, yang mati cuma 0.004%. Adakah 0.004% kadar kematian biasa? Itu minta pandangan, sedikit sangat, hampir *perfect score*.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada satu *benchmarking* untuk kita kata yang mati ini dia punya tanda arasnya adalah tinggi ataupun rendah. Namun kita mesti lihat dari segi mengapa PLKN ini diadakan. Kita bercakap tentang integrasi nasional, kita bercakap tentang masalah sosial, kita bercakap tentang individu yang tidak mahu bersekolah, jadi apa salahnya kerajaan adakan satu program, program yang kerajaan telah membuat kajian daripada ibu bapa, peserta sendiri dan juga jurulatih bahawa mereka perlu kepada projek ini.

Jadi ada kematian Yang Berhormat nyatakan tadi, 13 orang meninggal semasa program tersebut dan lima orang selepas itu makna ada 18 orang meninggal dan ini juga mempunyai sebab tentang masalah kesihatan mereka yang tidak dapat diketahui oleh pihak PLKN. Jadi, bagilah peluang kerajaan untuk mengadakan...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, perkara ini boleh dibangkit dalam masa jawatankuasa Yang Berhormat. Jawapan terperinci saya ingat menteri daripada Kementerian Kewangan mungkin tidak...

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Akan tetapi satu Yang Berhormat, saya tengok kadang-kadang kita tengok secara negatif dan akhirnya kita kata ada kroni tidak mahu. Kalau saya ambil Edward de Bono kata apabila kita berbincang, kita mesti lihat kepada pelbagai sudut, saya terima itu sebagai satu idea yang negatif dan yang negatif ini kita cantumkan dengan positif akhirnya kita kata kita buat yang positif.

Namun satu yang saya lihat Tuan Yang di-Pertua, ada apa yang dikatakan *Theory of Forms*. *Theory of Forms* ini adalah satu proses pembentukan fikiran dan pemikiran manusia. Jadi yang berteraskan kepada konsep jika kita bercampur dengan dunia yang negatif akhirnya kita jadi negatif. Jadi saya hendak ajak semua, jangan kerana beberapa orang mati, tutup semua dan kemudian kita *by association*. Kita kata projek ini adalah kroni, tutup semua, tidak boleh macam itu. Negara kita tidak akan bangun jadi negara yang kita capai sekarang ini kalau dunia kita penuh kroni, dunia kita penuh penyelewengan, kita tidak dapat sampai peringkat yang kita perolehi sekarang ini.

Kemudian Yang Berhormat daripada Tawau, beliau menyentuh mengenai dengan projek-projek di kawasan beliau. Saya berharap bahawa Yang Berhormat akan *follow-up*, tidak ada. *Follow-up* kepada kementerian berkenaan dalam *midterm review* nanti projek-projek yang melibatkan kawasan Yang Berhormat. Saya percaya boleh dilaksanakan oleh kerajaan dari segi jalan serta jejantas.

Kemudian beliau menyentuh pula krisis makanan dunia. Memang betul, Tuan yang di-Pertua, kita menyalahkan banyak pihak dalam negara atas kenaikan harga makanan. IMF dan World Bank dalam laporan menyatakan bahawa dalam tempoh berapa tahun lalu ini beras, gandum dan juga jagung harganya naik 50% disebabkan oleh dua faktor. Satu faktor daripada permintaan negara-negara seperti India dan China yang kedudukan ekonomi begitu tinggi. Mereka sudah memerlukan makanan yang lebih banyak dan juga makanan yang lebih berzat. Kemudian negara Afrika kalau dulu dia makan *cuscus*, sekarang dia ini dia makan nasi jadi permintaan telah bertambah.

Faktor kedua, faktor penawaran. Kita tahu banyak negara oleh kerana penggunaan perindustrian telah tutup kawasan-kawasan pertanian. Kemudian *global warming*, banyak tempat-tempat yang berlaku ribut macam di Myanmar. Myanmar sebuah negara yang mengeksport beras tetapi oleh kerana ribut yang kuat jadi habis tidak ada.

Jadi perkara ini berlaku di seluruh dunia, jadi kos makanan tinggi. Semasa saya hadir Yang Berhormat sekejap. Semasa saya hadir mesyuarat IMF dan World Bank lebih kurang tiga empat minggu lalu, ada seorang gabenor daripada sebuah bank dia menyatakan *we must not be trapped*. Jangan kita terperangkap dalam satu suasana yang kita memikirkan bahawa harga makanan akan menjadi murah pada masa akan datang.

Jadi maknanya harga makanan akan menjadi tinggi pada masa akan datang disebabkan oleh faktor-faktor tersebut. Jadi apa yang cuba dilakukan oleh kerajaan menggunakan subsidi macam mana hendak kawal harga. Kemudian kalau dahulu negara kita...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Penjelasan.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: [Bangun]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Dari segi *rice efficiency*, *rice sufficiency*. Sekejap. Lebih kurang 80% dahulu, 76%. Jadi dengan bukannya di Sarawak ini kita akan lebih daripada itu, kemungkinan besar kita akan eksport pula beras ke negara-negara lain tetapi proses itu memerlukan kepada masa. Ini kerana penyiapan tapak, kemudian operasinya dan kemudian infrastruktur lain dalam *supply chain* itu akan memakan masa tetapi dari segi *planning* kita telah mula membuatnya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya mengakui bahawa terdapat beberapa faktor termasuk di dalam dan di luar negara yang menyebabkan harga komoditi seperti beras meningkat. Adakah Yang Berhormat sedar di dalam beberapa tahun ini hampir tiap-tiap kali bangkitnya masalah iaitu bekalan beras, saya ada membangkitkan sama ada itu strategi untuk menanam 70% dan mengimport 30% itu adakah wajar atau pun tidak?

Tiap-tiap kali kerajaan mengatakan bahawa, Tuan Yang di-Pertua pun tahu kata ini memang betul. Cara yang dibuat itu betul, sekarang ini kita nampak sudah tidak betul, yang hendak itu 100% sekarang. Akan tetapi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa apabila kita dalam lebih 20 dekad yang dulu, pihak Kerajaan Barisan Nasional waktu itu menetapkan 70% itu tanam sendiri kemudian 30% itu bukan kita import. Dia kata mesti mempelbagaikan jenis makanan, ubi-ubi, jagung dan sebagainya. Itulah maksudnya bukannya kita import 30% tetapi apakah yang terjadi dengan dasar itu?

Saya nampak dia keliru sedikit. Bolehkah Yang Berhormat...

Dato' Ismail Kassim [Arau]: Jawab sekali.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Jawab sekali ya,...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Gopeng.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau hendak jawab sekali Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Gopeng, Yang Berhormat bagi Arau. Yang Berhormat bagi Gopeng dahulu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memang soalnya ada berkaitan, kalau kita lihat rekod daripada dahulu memang ada tanda-tanda di mana harga beras ini akan melambung naik. Ini memang hakikat dan kita tidak akan menafikannya.

Cuma apa yang kita tidak puas hati adalah bahawa kementerian yang berkenaan tidak mengambil tindakan yang sesuai untuk mengelakkan daripada memerlukan import 30% beras ini. Apabila masalah ini menjadi besar, tergesa-gesa untuk menubuhkan jawatankuasa dan membuka 1,000 hektar tanah yang baru. Perkara-perkara demikian sepatutnya dibuat dua tahun ataupun tiga tahun yang lalu, bukan tidur sampai sekarang.

Dato' Ismail Kassim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di samping kita berusaha untuk meningkatkan produktiviti beras di dalam negara kita, tidakkah boleh kita membuat cadangan untuk *reverse investment*, iaitu dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita cuba melabur dan membuka kawasan padi di luar ataupun di kawasan-kawasan yang kita rasakan bersesuaian yang belum diterokai, iaitu di sekitar negara-negara ASEAN ini. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Saya berpendapat bahawa pemikiran Yang Berhormat Arau memang boleh dipakai. Pasal kita lihat dalam konteks *comparative advantage*. *Comparative advantage* ini membolehkan bahawa ada tempat-tempat kalau kita tanam padi ia lebih menguntungkan daripada tanam padi dalam negara kita. Maknanya sistem ini boleh dipakai, isunya siapa yang hendak melabur. Saya ingat biar perkara ini dijawab nanti oleh kementerian berkenaan.

Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Penjelasan, sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Sebenarnya, saranan Yang Berhormat bagi Arau itu dia mencedok daripada saranan saya dalam perbahasan Titah Diraja. Yang kita bangkitkan dan kita bahaskan kita tidak menolak bahawa ada faktor luaran dalam menentukan harga komoditi ini naik.

Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Gopeng tadi, masalahnya ialah kita tidak mengambil *pre-emptive measures* dalam menangani masalah-masalah ini. Sebab itu kita mencadangkan beberapa pendekatan baru termasuk mengambil alih beberapa buah syarikat di luar negara, sama ada di kalangan negara ASEAN ataupun di Amerika Syarikat yang mengeluarkan beras dan kalau boleh dengan harga yang murah sekarang ini membolehkan beberapa GLCs, termasuk Khazanah Nasional untuk mengambil alih syarikat-syarikat tersebut.

Kita juga mencadangkan supaya BERNAS tidak memonopoli pasaran beras ini dan kerajaan membuka kepada syarikat-syarikat yang lain, tetapi nampaknya belum ada kesediaan kerajaan untuk mengambil tindakan yang lebih proaktif dalam menangani masalah bahan makanan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Saya akan cepatkan dalam 15 minit, 20 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [Bangun]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tidak apalah Yang Berhormat Padang Serai, sama sahaja isu beras.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sedikit sahaja tentang beras. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini pengeluaran KADA dan MADA adalah di antara jelapang padi yang terbesar di negara ini, dan saya juga membuat kajian di mana Sekinchan, Kuala Selangor, pengeluaran berasnya hampir 9 tan per hektar dan juga dalam dua tahun boleh mengeluarkan lima musim dengan izin, lima *harvest*.

Kalau KADA dan MADA boleh pertingkatkan pengeluaran, keluaran mereka sekarang kurang daripada 5 tan per hektar ataupun di antara 3.5 hingga 5 tan sahaja. Kalau mereka boleh pertingkatkan 5% sahaja, dan gunakan teknologi ataupun gerak kerja seperti Sekinchan, Kuala Selangor, kita boleh dapat lebih daripada 115% dan ini bukan sahaja boleh mencukupkan penggunaan kita malah kita boleh buat pengeluaran. Untuk meningkatkan ini, tidak perlu kita buka ladang-ladang baru, kita cuba perlu perhatian daripada kementerian kurang daripada setahun, itu sahaja. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Dalam hubungan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani tempoh hari telah menyatakan bahawa strategi kita dua.

Satu meningkatkan produktiviti di samping itu kita buka yang baru. Yang Berhormat bagi Kepong ada menyentuh tentang idea beliau supaya kita tumpukan kepada pertanian, begitu juga yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Gopeng tadi. Sebenarnya proses ini telah berlalu. Pada masa itu kita menekankan kepada perindustrian bagaimana China dan India sekarang menekankan kepada perindustrian tidak menekankan kepada pertanian, masa itu kita menekankan kepada perindustrian ataupun sektor pembuatan.

Kita lihat dari segi *comparative advantage* dunia ini bagaikan satu pasaran, jadi kita ada *comparative advantage* dari segi sektor pembuatan kita menghasilkan produk-produk dalam sektor pembuatan. Jumlah nilai pendapatan yang kita perolehi itu kita beli beras. Jadi bila tiba masa kita menghadapi masalah macam ini, baru kita lihat bagaimana pentingnya dan kita patut bagi *priority* kepada beras.

Yang Berhormat bagi Ledang menyentuh tentang kedudukan di Parlimen ini. Ini kita minta pihak Parlimen untuk mengambil perhatian.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat bagi Kepong bangun Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua penjelasan lagi, tambah kerana Yang Berhormat belum lagi menjawab mungkin tidak ada masa. Saya hendak minta penjelasan lagi, saya nampak daripada pengumuman kerajaan dia hendak bukakan 100,000 hektar tanah di Sabah dan Sarawak dan di situ saya diberitahu bahawa sebahagian daripada tanah itu bukan tanah yang cantik, gambut dan sebagainya. Ini yang pertama.

Yang keduanya, apakah terjadi dengan kawasan-kawasan di Kedah, di Kelantan, di Perak, di Selangor, di Johor. Apakah...

Dato' Ismail Kassim [Arau]: Di Arau.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, di Arau juga. Apakah terjadi dengan kawasan jelapang padi kita. Saya tidak nampak ada usaha yang ditambahkan, memang tradisional. Apakah usaha untuk menambahkan pengeluaran padi di kawasan-kawasan jelapang tradisional ini sebelum kita buka tanah yang baru, itu pun tanah gambut sahaja. Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab, kalau hari ini tidak boleh lain hari dapat dijawab.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh minta sekali? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat Yang Berhormat bagi Kepong tidak nampak sebab di Kepong mana ada sawah padi. Ada sawah padi di Kepong? Tempat saya ada sawah padi, Sungai Manik jelapang padi yang kelapan. Jadi di sana banyak kerajaan sudah buat, tetapi belum cukup. Usaha-usaha telah dibuat dari masa ke semasa. Saya hendak tolong Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab sedikit.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Saya sudah kata tadi Yang Berhormat bagi Kepong kawasan yang ada usaha untuk meningkatkan produktiviti peruntukan telah ada, kemudian kita buka kawasan baru. Mungkin Yang Berhormat tidak dengar. Kemudian Yang Berhormat bagi Ledang menyentuh tentang isu *little Napoleon*. *Little Napoleon* ini membawa beberapa takrif.

Satu mengenai dengan birokrasi yang terlibat dalam kerajaan, kita ada PEMUDAH yang melaksanakan proses supaya *efficiency* dalam pelaksanaan, dalam khidmat kerajaan ini dipertingkatkan. Kemudian dari segi individu-individu kita tahu, kita ada badan-badan BPR dan sebagainya dan juga kita mengadakan kursus supaya meningkatkan lagi kekuatan minda, kemahiran dan juga dari segi rohaniah kakitangan kerajaan. Kemudian beliau menyentuh mengenai dengan kesan harga. Ini telah saya sentuh.

Yang Berhormat Sungai Siput menyentuh mengenai dengan *Health Tourism*. *Health Tourism* ini di bawah - kita ada satu jawatankuasa dipanggil *Malaysia Services Council* diletak di situ termasuklah terutama sektor swasta ini dari segi *Health Tourism* dan MATRADE merupakan badan yang mengadakan promosi. Pusat-pusat kesihatan kerajaan tidak akan kompromi dari segi kualiti-kualiti hospital. Kemudian, doktor pakar ini telah banyak kali disentuh oleh kementerian masing-masing.

Yang Berhormat Silam menyentuh mengenai projek hiliran beliau gembira MPOB memainkan peranan untuk mengadakan R&D dan juga meningkatkan *value added* untuk hiliran. Kemudian, beliau bercakap tentang peruntukan untuk kawasan beliau untuk jalan. Saya berpendapat bahawa beliau elok memohon sendiri kepada kerajaan dalam *mid term review* nanti.

Yang Berhormat Kubang Kerian menyentuh tentang *federalism*. Apa yang saya berani nyatakan bahawa di bawah Perlembagaan, ada peruntukan-peruntukan yang akan diberi kepada negeri dalam bentuk:

- (i) pemberian mengikut bilangan orang; dan
- (ii) penyelenggaraan jalan raya.

Beliau juga menyentuh tentang soal Akta Saraan Parlimen dan mahu ia dikoperasikan.

Yang Berhormat Pasir Salak yang ini tidak perlu saya komenlah Yang Berhormat. Kemudian, Yang Berhormat dari Rasah, ada empat perkara yang beliau sentuh. Saya bersetuju dengan pandangan beliau. Keseluruhan isu-isu yang beliau bangkitkan itu saya amat bersetuju. Dari segi soalan bertulis, dapat jawapan dan notis.

Satu perkara yang beliau minta. Oleh kerana soalan ini kita biasanya, kita minta awal, sebelum persidangan. Kalau bulan Disember kita bersidang, lebih kurang dalam dua bulan hantar soalan awal, apabila di tengah ia sudah jadi basi. Jadi, kita serahkan kepada Parlimen bagaimana mekanismenya. Adakah boleh diberi secara *staged*. Itu kita serahkan kepada jawatankuasa pemilihan nanti untuk menetapkannya.

Yang Berhormat Kuala Krai menyentuh mengenai dengan biasiswa kursus kritikal ini telah saya sentuh. Kemudian *outreach program*. Saya bersetuju dengan pandangan beliau supaya banyak lagi *outreach program* dilakukan.

Kemudian Yang Berhormat Hulu Terengganu telah menyentuh antara lain tentang lanjutan umur persaraan. Jadi, atas dasar kesihatan boleh pihak kerajaan tersebut minta supaya beliau berhenti dan mendapatkan semua kemudahan-kemudahan penuh seperti mana dalam terma perkhidmatan beliau.

Isu racun dan baja. Perkara ini diperhatikan oleh kerajaan dalam penyediaan struktur baru subsidi nanti. Perkara ini akan diberi lebih perhatian. Kemudian beliau menyentuh tentang PTPTN. Saya difahamkan pihak Kementerian Pengajian Tinggi sedang mengkaji dan ada kemungkinan akan mengurangkan kos tersebut. Apa yang berlaku, kos yang dikenakan sekarang adalah 4% dan mengapa pihak PTPTN mengenakan faedah 4% kerana PTPTN meminjam wang dari luar dan membayar faedah dalam 5%. Ini akan dikaji dan kemungkinan akan dikurangkan.

Yang Berhormat Bukit Gelugor menyentuh mengenai pertukaran nama *Palace of Justice*, Istana Kehakiman ini telah dimaklumkan kepada beliau. Kerajaan telah membuat keputusan tersebut. Kemudian, beliau membangkitkan isu dua Jemaah Menteri dari Dewan Negara ke sini. Itu adalah keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri.

Yang Berhormat Batang Sadong menyentuh tentang isu-isu di Parlimen. Ini telah diberi komen oleh Tuan Yang di-Pertua dan Tuan Yang di-Pertua bersetuju dengan pandangan beliau.

Yang Berhormat Gombak semalam menyentuh mengenai dengan bajet deposit. Di sini saya ingin menyatakan bahawa bajet akan terus dikekalkan oleh kerajaan. Tidak akan berganjak daripada bajet deposit untuk masa akan datang dalam lingkungan 3%. Kementerian Kesihatan, tentang Hospital Serdang. Yang ini saya tidak ada maklumat Yang Berhormat.

Kemudian tentang pelancongan juga...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi, Yang Berhormat dari Gombak sudah tanya sudah tanya tentang hasil dari *Eye on Malaysia*. Belum dapat dengar jawapan dari Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Itu yang saya kata Yang Berhormat. Saya tidak mempunyai maklumat. Isu itu spesifik ya. Saya tidak mempunyai maklumat pada masa ini. Okey, sila.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat Yang Berhormat Gombak menyebutkan tentang *windfall profit divide tax* kerana perkara itu adalah penting kerana kita bercakap tentang hanya tambahan perbelanjaan. Sementara sumber, sementara *income* yang disebutkan adalah cukup penting kerana itu telah diterima 1998 sehingga hari ini. Apakah kedudukan *divide tax* ini untuk *especially highly profitable industries*. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Saya telah nyatakan tadi semasa saya jawab Yang Berhormat Pokok Sena. Beliau menyentuh perkara ini iaitu tentang *windfall*, saya sudah jawab tadi. Saya kata kita ambil maklum dan perkara ini sedang di *study* oleh kerajaan dari segi kutipan terutama untuk kelapa sawit kerana keuntungan kelapa sawit begitu tinggi...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *Oil and gas industry?*

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Apa dia?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Industri *oil and gas*, ada?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Keseluruhannya, saya tidak punya maklumat.

Yang Berhormat Shah Alam menyentuh tentang bajet akan datang. Okey, yang ini telah saya sentuh. Pembangun koridor..., ini juga telah saya sentuh.

Yang Berhormat Sepanggar menyentuh tentang pembangunan di Sabah dan Sarawak. Ini saya juga telah menyentuhnya dan beliau menyentuh tentang soal *cabotage policy*. Jadi, perkara ini kita ambil maklum. Memang benar cakap beliau bahawa apabila kapal pergi ke Sabah, Sarawak, ia *one way*, jadi akhirnya kos untuk perkhidmatan perkapalan itu tinggi.

Kemudian Yang Berhormat Bachok menyentuh mengenai dengan *Bar Council*. Adakah dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman, saya ingat maklumat ini akan dapat diperoleh dari Jabatan Perdana Menteri. Kemudian, beliau menyentuh tentang 'KasehDia', 'KasehDia' tidak terlibat dalam proses HDC sebut. Ini sebuah badan yang buat *magazine* halal. Dan kemudiannya beliau menyentuh tentang soal kos ujian untuk teksi. Perkara ini kita ambil perhatian.

Yang Berhormat Tenom menyentuh mengenai dengan kakitangan untuk diserap dalam JPA. Kakitangan kontrak, saya dapat maklumat bahawa pihak JPA akan menetapkan jika mengikutkan peraturan-peraturan yang mereka boleh diserapkan.

Yang Berhormat Sik menyentuh tentang perubahan nama kementerian. Yang ini kita ambil maklum. Kemudian Yang Berhormat Labuan, beliau menyentuh tentang kemudahan kesihatan di Labuan. Oleh kerana *oil and gas* akan menjadi hab banyak *expatriate* akan datang, malah Labuan seperti mana kita tahu adalah merupakan satu *offshore centre* tentulah perkara ini perkara yang amat penting.

Yang Berhormat Padang Serai menyentuh mengenai pembangunan kawasan beliau ini. Secara umum saya telah nyatakan, harga beras kemudian dapat 10A. Kemudian Yang Berhormat Tumpat menyentuh tentang kredibiliti Parlimen.

Jadi, itu sahaja Yang Berhormat. Saya mengucapkan banyak terima kasih seperti yang saya nyatakan tadi bahawa belanjawan ini adalah untuk..., yang RM16 bilion, itu bukan merupakan pertambahan perbekalan. Itu adalah *accounting*, bertujuan untuk memindahkan daripada *Consolidated Account* kepada Akaun Pembangunan, itu sahaja. Pertambahan sebenarnya adalah RM1.2 bilion.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Bukankah ada masa depan. Adakan lagi peruntukan untuk perbelanjaan tambahan untuk 2007?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Buat masa ini saya tidak ada maklumat Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sekarang *no more*?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Saya tidak ada maklumat. Saya jangka sahaja. Tidak ada lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibaca kali kedua sekarang hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tujuh puluh empat juta sembilan ratus lima puluh ribu satu ratus lima puluh ringgit (RM74,950,150) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2007, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2007 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2008 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut, hendaklah disahkan.”

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa wang sejumlah tidak lebih daripada RM17,545,171,800 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2007 bagi Maksud-maksud Bekalan B.1, B.7, B.12, B.13, B.21, B.25, B.27, B.31, B.42, B.44, B.60 dan B.62 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual.

Dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM74,950,150 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2007 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.6, P.10, P.13, P.20, P.23, P.26, P.27, P.29, P.44 dan P.46 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Empat Tahun 2008 dan Kertas Perintah Lima Tahun 2008 masing-masing dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2007 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2007 telah pun dibentangkan terdahulu. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Peruntukan Tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4(A) Tahun 2007 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2007 dan Kertas Perintah 5(A), Tahun 2007 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2007.

Oleh itu saya tidak berhajat nak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

Maksud B.1, B.7 [Jadual] -

Maksud P.6 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2007] -

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.1 dan B.7 dan Kepala Pembangunan P.6 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kinabatangan.

8.23 mlm.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. B.1 iaitu Hal Ehwal Parlimen. Saya meminta supaya kerajaan mengkaji relevansi di mana contohnya lojing ataupun Ahli-ahli Parlimen yang tidak tinggal di hotel iaitu tinggal di rumah sewa dan sebagainya. Untuk lojing dibayar RM80 satu malam dan harga ini berpuluh-puluh tahun telah berlaku. Jadi adalah menjadi beban kepada wakil-wakil rakyat yang jauh...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, B.1...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Parlimen.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: ...Anjuran Persidangan dan Forum...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Akan tetapi Hal Ehwal Parlimen...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: ...Kena spesifik dalam Anjuran Forum Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Tidak, jangan lari dari Parlimen. Ini berhubung dengan wakil rakyat dan Parlimen. Wakil rakyat itu Parlimen, jadi ada relevannya. Saya mahu minta pentadbiran Parlimen supaya mengkaji untuk meringankan beban wakil rakyat.

Saya selalu berkata wakil rakyat itu tidak perlu kaya tetapi tidak perlulah dia mengemis. Tidak bolehlah wakil rakyat itu susah sebab kalau wakil rakyat susah, dia tidak boleh mewakili rakyatnya. Jadi untuk mempermudah kemudahan wakil-wakil rakyat, maka perkara ini haruslah dikaji untuk memberi keberkesanan kepada bagaimana wakil rakyat itu boleh berfungsi secara berkesan untuk membantu kerajaan, memantapkan lagi kerajaan dan juga membantu menyelesaikan masalah-masalah rakyat di peringkat bawah. Itu sahaja Yang Berhormat.

8.25 mlm.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan tahniah kepada Parlimen kerana telah dapat mengadakan Forum AIPA pada tahun lepas. Dan saya mohon penjelasan berapa orang Ahli Parlimen yang telah dapat menyertai persidangan tersebut yang telah dianjurkan di Malaysia? Dan untuk pada masa hadapan, berapa orang yang dijangka akan menghadiri forum dan persidangan, sama ada dalam negeri dan luar negara yang boleh diberi kepada Ahli-ahli Parlimen? Mohon penjelasan.

8.26 mlm.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi, mohon untuk B.1 berkaitan dengan *Asian Inter-Parliamentary Assembly*. Saya nak dapat penjelasan daripada pihak menteri, apa kesan-kesan daripada bukan sahaja dalam persidangan ini tetapi dalam pelbagai persidangan penglibatan kita dan lawatan-lawatan yang dibuat?

Apa faedah ataupun pengajaran yang boleh kita ambil daripada pengurusan Parlimen dan juga cara pengendalian yang diadakan di negara-negara luar? Kalau kita hanya sekadar menjadi peserta tetapi tidak dapat mengambil apa-apa buah butiran yang baik daripada negara-negara lain untuk kita mempertingkatkan, memperkasakan lagi Parlimen kita ini walaupun saya lihat bahawa sudah ada pembaharuan-pembaharuan tertentu.

Akan tetapi yang pentingnya ialah apa yang boleh kita pelajari daripada Parlimen-parlimen yang lain, supaya kita lebih memperlihatkan ketelusan dalam membicarakan persoalan-persoalan yang berkaitan dengan kepentingan negara. Khususnya perkara-perkara yang sepatutnya boleh dibawa dalam perbincangan dan jangan ada halangan-halangan yang tertentu.

Kita lihat bahawa ada perkara-perkara dalam sistem kita ini masih lagi terdapat umpamanya laporan-laporan tertentu seperti mana laporan yang berkaitan dengan Petronas dan sebagainya, yang sepatutnya dibincangkan secara yang lebih khusus kerana ini merupakan satu badan yang mempunyai sumber pendapatan negara yang sangat besar. Hampir 40% daripada pendapatan negara kita ini daripada Petronas.

Jadi sebab itu saya minta apa yang telah dapat kita pelajari daripada Parlimen-parlimen yang lain, dan apa pula pandangan-pandangan kita untuk Parlimen-parlimen negara lain yang boleh mereka pelajari daripada apa yang telah kita peroleh.

Yang keduanya saya nak minta walaupun tidak berkaitan, tetapi saya mendapat rungutan daripada staf-staf Parlimen supaya lihat tentang kantin, kafeteria kita ini supaya harga itu lebih rendah untuk kepentingan mereka kerana bagi mereka harga itu agak terlalu tinggi. Jadi saya harap pihak menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang itu tak masuk Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ...Tak, ini minta ihsan daripada Yang Berhormat Menteri kita untuk melihat perkara ini supaya kalau boleh dapatkan kerjasama dari pengendali kafeteria itu untuk memberikan diskaun yang sewajarnya kepada staf-staf Parlimen. Sekian.

8.29 mlm.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. B.1, Parlimen - Penganjuran Forum dan Persidangan. Saya nak minta supaya pihak Parlimen apabila menganjurkan forum dan persidangan supaya perbelanjaan itu hendaklah berhemah.

Saya lihat forum-forum atau persidangan yang dianjurkan oleh Parlimen-parlimen di luar negara kita terutamanya negara-negara maju ataupun negara yang kurang maju di Afrika pun, dia tidak buat perbelanjaan persidangan seperti cara kita berbelanja.

Saya tengok perasmian mereka *simple*. Kita di sini dengan macam-macam perkara, dengan perarakannya, gendangnya, bunga manggarnya dan buku-buku cenderamata yang membazir. Ini semua ada kena mengena dengan wang rakyat. Saya tengok di luar negara *simple* sahaja, Perdana Menteri datang terus ke *rostrum* dan terus berucap. Kita di sini dengan... tidak tahulah, ada mak andam. Saya haraplah supaya dijimatkan perbelanjaan dalam keadaan sekarang ini supaya rakyat boleh tengok cara kita berbelanja itu biar berhemah.

Tuan Pengerusi, ini ada kaitan sedikit. Ini pun untuk hendak menjimatkan kos. Selalunya apabila kita menganjurkan forum atas nama Parlimen, kita buat di hotel-hotel. Kenapa tidak bangunan yang kita ada ini, yang sekarang ini dijadikan pejabat dijadikan *multipurpose*. Maknanya bilik untuk Ahli Parlimen dijadikan semacam bilik hotel, macam di Westminster. *Nothing wrong!* Jadi bila ada persidangan antarabangsa Ahli-ahli Parlimen boleh duduk di sini, ada bilik tidur dan ada kemudahan seperti yang ada sekarang. Persidangan pun boleh diadakan di sini. Jadi kita menjimatkan kos. Kalau tidak bilik-bilik itu ditinggalkan kosong sehingga ada persidangan yang akan datang. Itu pun tidak digunakan sepenuhnya.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya ia diubahsuai menjadi konsepnya seperti di Westminster. Ahli-ahli Parlimen yang duduk di luar sewaktu persidangan boleh duduk di sini, tidak payah duduk di hotel. Terutama sekali bila persidangan kita yang disambung hingga ke waktu malam tidak ada masalah, boleh balik ke bilik, mandi dan tukar pakaian dan kemudian turun pula. Saya rasa banyak faedahnya dan banyak menjimatkan kos. Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kubang Kerian.

8.34 mlm.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Kepala B.1, di bawah Butiran 030200 tentang Penganjuran Forum dan Persidangan. Ini merujuk kepada Persidangan AIPA yang sudah tentu pada pengamatan saya banyaklah pandangan dan pendapat yang telah kita peroleh daripada persidangan tersebut yang boleh kita bawa untuk kebaikan dan untuk meninggikan taraf Parlimen kita.

Mungkin di antara perkara-perkara yang perlu diteliti dari persidangan ini dan kita menganjurkan sekali lagi Persidangan Ahli-ahli Parlimen Komanwel yang saya difahamkan dalam tahun ini di mana saya ingin melanjutkan perbincangan tentang adakah menteri yang menjaga Parlimen ini bersedia untuk lebih banyak lagi *Select Committee* ini ditubuhkan di atas nama Parlimen ini. Sebagai contoh, apabila kita menubuhkan *Select Committee* tentang ekonomi dan kewangan.

Oleh itu banyaklah *bill* atau rang undang-undang yang berkaitan dengan kewangan, yang menyentuh aspek ekonomi ini akan dapat diperbahas oleh *Select Committee* ini. *Select Committee* ini akan lebih bertanggungjawab supaya setiap Rang Undang-undang yang akan di bentang dan dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini sama ada di Dewan Rakyat dan Dewan Negara akan diperbahaskan, diperhalusi, dihadamkan di peringkat *Select Committee* ini.

Demikian juga *Select Committee* di peringkat pendidikan sebagai contohnya yang akan membincangkan banyak isu tentang pendidikan negara, *Select Committee* tentang sosial sebagai contohnya untuk banyak membincangkan tentang perkara-perkara yang perlu diambil tindakan oleh kerajaan dan mana-mana pihak untuk kita menggarap persoalan-persoalan tentang masalah sosial dalam negara kita.

Jadi, saya mengharapkan supaya selepas daripada ini Parlimen ini akan menjadikan budaya memperbanyakkan *Select Committee* ini akan dapat menjadi suatu kenyataan sebagaimana kejayaan-kejayaan yang telah ditempa oleh parlimen-parlimen sama ada di negara maju ataupun parlimen-parlimen negara ketiga yang telah menunjukkan kejayaan mereka di dalam mereka mewujudkan banyaknya *Select Committee* ini.

Di bawah Maksud B.7 di bawah Butiran 020400 dan juga Butiran 030700 yang melibatkan tentang Pembangunan Modal Insan dan Program Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam. Saya juga ingin menyentuh tentang Butiran 030700 - Institut Tadbiran Awam Negara atau nama singkatannya INTAN. Di sini saya ingin mendapat penjelasan daripada menteri yang berkenaan yang bertanggungjawab ke atas Jabatan Perkhidmatan Awam ini.

Perkara pertama yang saya ingin tahu adalah tentang rungutan-rungutan yang saya terima dari maklumat-maklumat yang saya peroleh tentang PR Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang dikatakan tidak "mesra alam"- kalau bahasa itu boleh saya gunakan dengan izin, tidak mesra dengan pegawai-pegawai. Ini sudah tentu akan menyebabkan hubungan beliau dengan pegawai-pegawai tinggi kementerian akan terjejas.

Bagi saya adakah benar rungutan ini? Adakah kompelin yang telah disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri kerana perkara ini jika sekiranya menjadi satu masalah dalam pentadbiran kerajaan sudah tentu akan menjejaskan urusan urus tadbir dalam negara kita.

Perilaku ataupun PR KSN ini pada pandangan saya telah menjadi buah mulut kepada semua kementerian dan ini perlu diatasi dengan segera supaya apabila pegawai-pegawai kerajaan yang mengurus kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan badan berkanun tidak memiliki hubungan mesra antara KSN dan pegawai kerajaan maka masalah sistem penyampaian atau *delivery system*, akan terganggu dan ini sudah tentu akan menyebabkan hubungan yang tidak baik dan memberi kesan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat.

Demikian juga, saya ingin mendapat tahu di bawah Kepala 030700 - Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Saya ingin mendapat penjelasan, adakah kerajaan berpuas hati pada hari ini dengan modul-modul yang sedang dilaksanakan oleh INTAN ini adalah terkini, dalam kita menyediakan dan memberi latihan yang secukupnya kepada pegawai-pegawai tadbir dalam negara kita?

Oleh kerana saya bimbang kalaulah modul-modul yang digunakan ini tidak *up-to-date*, dengan izin, tidak melihat tentang perkembangan-perkembangan yang sedang berlaku dalam negara kita, saya sangat bimbang juga bahawa INTAN tidak mampu menelurkan ataupun melahirkan pegawai-pegawai tadbir negara yang benar-benar profesional, yang dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka untuk rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik. Untuk makluman Yang Berhormat huraian kepada Maksud B.7 itu boleh dilihat di Lampiran A. Kita spesifik kepada huraian tentang belanja yang diperlukan di bawah Lampiran A. Ya, Yang Berhormat Kepong.

8.40 min.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, di bawah Maksud B.1 mengenai *Asean Inter-Parliamentary Assembly* (AIPA). Tahun ini AIPA akan diadakan di Singapura. Ini merupakan satu perhimpunan yang besar untuk menyahut ulang tahun yang ke-20. Di sini saya hendak menanya Yang Berhormat, walaupun nampaknya Yang Berhormat perlukan bantuan daripada orang yang lebih mahir dalam bidang AIPA ini.

AIPA sebelum ini dua tahun yang lepas namanya AIPO - *ASEAN Inter-Parliamentary Organisation*. Dua tahun yang lepas bermulalah usaha untuk menukar kepada AIPA dan pada mulanya hanya ada tujuh negara dan dengan penyertaan tiga lagi negara di dalam ASEAN ini maka kita ada sepuluh negara. Ini memang satu perhimpunan yang bermakna kerana ia bagi peluang untuk Ahli-ahli Parlimen dari semua negara ASEAN itu untuk bercampur gaul.

Di sini, tiap-tiap tahun pihak yang tertentu terutama daripada negara Indonesia dan Filipina yang sentiasa membangkitkan di Parlimen Asia. Apakah dasar kerajaan sekarang mengenai kewujudan Parlimen ASEAN kerana kita boleh nampak ASEAN tidak serupa dengan Eropah. Tidak serupa langsung dan ada pihak Filipina dia memang asyik bertahun-tahun membangkitkan masalah ASEAN *Parliament* kerana dia ada meniru Parlimen Eropah. *EU Parliament*.

Di situ ada 25 negara sekarang dan tiap-tiap kali diadakan persidangan ia ada terjemahan 25 bahasa dan kita boleh bayangkan begitu rumit di dalam Parlimen itu. Begitu juga kalau kita di dalam ASEAN menubuhkan satu Parlimen maka akan wujudlah masalah yang lebih rumit. Bahkan juga Yang Berhormat Padang Terap ini Padang Rengas bukan Terap. Bukan Terap. Dia jadi Rengas. *[Beberapa ahli ketawa]*

Terap tu untuk burung. Padang Rengas itu bukan untuk burung. *[Ketawa]*
Bukan untuk burung.

Seorang Ahli: Dia mengantuk.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Mengantuk. Dia bukan mengantuk tu. Saya pun nak dengar itu perkataan-perkataan yang sopan daripada Padang Rengas. Kadangkala tu... *[Ketawa]* Dia naik berang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Habiskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Keping]: Naik berang jugalah kadangkala. *[Ketawa]* Walau bagaimanapun di dalam - sembilan kita nak balik dah...

Seorang Ahli: Sembilan setengah.

Dr. Tan Seng Giaw [Keping]: Sembilan setengah. Namun dia tidak ada penasihat-penasihat tidak cukup untuk menjawab. *[Ketawa]*

Mengenai AIPA ini memang satu perkara yang penting untuk negara-negara ASEAN. Kita salah satu anggota untuk ASEAN. Kita memang mesti memahami apakah itu cadangan *ASEAN Parliament*. Di dalam Parlimen kita sendiri pun kadangkala susah nak kawal. Kalau Padang Rengas gunakan perkataan lebih halus dan sopan mungkin lebih mudah nak kawal. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Padang Rengas tidak masuk dalam butiran Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Keping]: Tidak ada, tapi dia nak jawab. Dia nak jawab itu soalan-soalan penjelasan ini dia nak jawab.

Seorang Ahli: Menyampuk.

Dr. Tan Seng Giaw [Keping]: Yakah? Dia nak jawab. Memang masuk. Siapa yang nak jawab itu? *[Ketawa]*

Perkara mengenai *ASEAN Parliament* ini memang ada kena mengena dengan AIPA. Memang ada kena mengena dengan AIPA. Saya berharaplah pihak kerajaan boleh memberitahu kita, apakah itu prinsip yang kita gunakan untuk mewujudkan Parlimen ASEAN? Bagaimana kalau wakil-wakil kita di dalam AIPA, misalnya di Singapura pada bulan Ogos atau September ini. Apakah pendirian kita mengenai Parlimen ASEAN Tuan Pengerusi? Itulah satu perkara yang penting bagi AIPA. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Rasah.

8.45 mlm.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sedikit saja berkenaan dengan Maksud B.7 - Jabatan Perkhidmatan Awam. Pertambahan sebanyak RM22,280,000 adalah untuk menampung kenaikan kadar biasiswa dan juga pertambahan bilangan biasiswa.

Saya hanya ingin mengulangi permintaan, supaya dasar untuk memberikan biasiswa JPA ini kepada pemohon-pemohon yang layak. Saya memang sedar bahawa ada ramai pemohon yang layak yang mungkin tidak dapat biasiswa. Saya ingin membuat permintaan sekali lagi kepada pihak kerajaan supaya memastikan semua pelajar yang layak termasuk kes-kes yang telah saya bangkitkan pada petang tadi supaya diberikan pertimbangan yang sewajarnya.

Supaya tidak ada seorang pun pelajar Malaysia yang cemerlang dalam SPM ataupun STPM yang tercicir dalam pemberian biasiswa ini. Supaya mereka semua tanpa mengira kaum dan agama, tanpa mengira negeri asal mereka diberikan peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka, supaya mereka ini diberikan keadilan.

Satu lagi saya juga ingin membuat cadangan kepada kerajaan supaya juga pertimbangan JPA ini memberikan pinjaman. Bukan setakat biasiswa kepada mereka yang layak tetapi juga dalam bentuk pinjaman kepada mereka-mereka yang mungkin belajar dalam kolej swasta yang ingin melanjutkan pelajaran ke luar negara iaitu program 2+1 kah, 2+2 kah. *Twinning program*, yang sekarang ini tidak layak membuat sebarang permohonan kepada JPA.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya memberikan pertimbangan, kalau boleh memberikan pinjaman dengan kadar faedah yang rendah kepada mereka-mereka yang layak ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Machang.

8.48 mlm.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian di bawah Maksud B.7 - Jabatan Perkhidmatan Awam, Butiran 020400 - Pembangunan Modal Insan, Butiran 030000 - Program Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang perlu saya kira kita sentuh untuk mendapat penjelasan di pihak kerajaan ialah berkenaan dengan apabila pelajar-pelajar ini menamatkan pengajian di peringkat universiti dengan sebahagiannya mendapat bantuan kewangan daripada kerajaan dan swasta, akhir sekali mereka akan memasuki pasaran kerja.

Suatu ketika, Parlimen ini pernah dimaklumkan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi berkenaan dengan angka pelajar graduan universiti yang tidak dapat kerja kebanyakannya dalam sektor bidang pengajian agama. Saya kembali menilai jawapan rasmi kerajaan di dalam Parlimen ini juga kira-kira dua tahun yang lepas, saya fikir belumlah data yang *audited*, tatkala timbalan menteri waktu itu, Datuk Abdul Rahman Bakar.

Beliau menyebut, apabila Kementerian yakni kerajaan melakukan pendaftaran semula para graduan yang menamatkan pelajaran, berdaftar dengan *Ministry's Job Clearing System* dengan izin, mendapati bahawa lulusan daripada UiTM adalah yang paling ramai sekali menganggur. Daripada 20,217 graduan yang berdaftar dalam program kemanusiaan ini, UiTM adalah yang paling ramai sekali menganggur diikuti Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia atau Universiti Putra Malaysia maksud saya, Universiti Malaya dan seterusnya.

Manakala kalau dilihat dari segi *break-down* pengajiannya, bidang Pentadbiran Perniagaan adalah yang paling ramai menganggur 13.4%, di ikuti dengan Akauntan - 9.5%, Electric and Telecommunication and Genius - 6%, Human Resources Management - 5%, Civil Engineering - 5% dan seterusnya.

Secara khusus tidak pula disebut di sini bidang Pengajian Agama yang menganggur. Tidak ada catatan di sini. Daripada 20,217 ada dua kemungkinan. Barangkali mereka tidak daftar dengan program kementerian ataupun barangkali mereka dah dapat kerja dengan Program j-QAF barangkali. Cuma saya singgung perkara ini Tuan Pengerusi, sebab saya mohon pihak kerajaan memberikan satu jawapan yang lebih *authoritative* dengan izin.

Di satu sesi, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi menyebut bahawa lulusan agama yang paling ramai menganggur tetapi bila dilakukan proses pendaftaran mahasiswa menganggur oleh kementerian didapati bahawa angka yang menganggur itu ramainya dalam bidang-bidang lain bukan bidang agama. Jadi dari sudut pendirian atau angka rasmi kerajaan, bagaimana sebenarnya? Parlimen ini wajar mendapat penjelasan yang tepat dan bertanggungjawab supaya apabila kita Ahli-ahli Parlimen mendepani masyarakat di luar sana, kita dapat mengguna pakai jawapan yang *authoritative* sifatnya ini dengan izin, bagi memberikan penjelasan yang lebih tepat terhadap persoalan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Subang. Lepas itu menteri menjawab.

8.52 mlm.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya muncul untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di bawah Maksud B.1 Parlimen dan selepas itu saya akan sentuh sedikit tentang B.7.

Berkaitan dengan B.1, saya baru balik daripada satu seminar yang dianjurkan oleh jawatankuasa kecil di bawah *ASEAN Inter-Parliamentary Committee* dengan izin, nama komiti ini adalah *The ASEAN Inter-Parliamentary Sub-Committee on Security Governance*. Dalam seminar yang diadakan di Phuket itu, ia dihadiri juga oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional dan juga Pakatan Rakyat.

Di sana saya ada peluang untuk mengenali Ahli Parlimen daripada negara-negara jiran dan belajar daripada pengalaman Parlimen mereka. Apa yang saya dapat tahu ialah cara pengendalian kita nampaknya sekarang sudah macam terkebelakang sedikit. Parlimen-parlimen mereka sekarang hampir kesemuanya dan saya bagi contoh Indonesia, Filipina, Thailand, Kampuchea juga sekarang berfungsi secara *committees* yang disebut tadi oleh Yang Berhormat daripada Rasah dan juga Yang Berhormat Kubang Kerian *select committee*. Mereka semuanya menggunakan *select committee* supaya berfungsi dengan cara...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat ini dasar.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: ...Yang lebih berkesan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ini menyentuh dasar Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya faham, faham. Saya sebut ini sebagai satu permulaan sahaja. *Point* yang penting yang kedua, saya dapat tahu yang saya belajar daripada seminar ini negara-negara jiran kita menyumbang jauh lebih dana kepada Parlimen mereka dari segi kakitangan yang digajikan.

Yang pertamanya, untuk membantu setiap Ahli Parlimen mereka dan saya bagi contoh di Filipina setiap Ahli Kongres, *each congressmen* dengan izin, diberi tujuh kakitangan sepenuh masa. Dibayar gaji oleh dana mereka. Ini termasuk penyelidik dan sebagainya. Di Indonesia empat lima kakitangan setiap Ahli Parlimen mereka. Kampuchea pun di mana boleh dilihat sebagai satu negara yang tidak boleh dibandingkan dari segi kekayaan dengan Malaysia, mereka pun memberi setiap Ahli Parlimen dua kakitangan penuh dan ini diberi kepada semua tidak kira pemerintah ataupun pembangkang.

Jadi *effectnya* ialah Parlimen mereka berfungsi secara berkesan. Setiap Ahli Parlimen ada *resources*, sumber manusia untuk membantu kerja mereka...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: ...Penyelidik mereka dan sebagainya. Jadi inilah saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini bahawa Dewan yang mulia ini juga menimbang langkah-langkah ini dan kita perlu ikut contoh-contoh yang sekarang diamalkan oleh negara jiran kita. Bukan sahaja mereka memberi kakitangan penuh ini *full time staff* ini dengan izin, kepada setiap Ahli Parlimen, *select committees* atau jawatankuasa kecil mereka pun diberi *backup* dengan *staff* dengan izin ini.

Sebagai contoh The Defence Committee di Filipina diberi sokongan oleh 30 kakitangan sepenuh masa dengan *secretary* sepenuh masa untuk menyokong satu jawatankuasa kecil sahaja supaya kerja dan peranan mereka dalam Parlimen adalah berkesan dan cukup berwibawa. Jadi inilah cadangan saya Tuan Pengerusi kepada Dewan yang mulia ini supaya kita mengkaji semula cara Parlimen kita berfungsi dan kita melihat apakah amalan bukan sahaja di negara-negara hijau ini di negara jiran sahaja dan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: ...Kita belajar daripada mereka. Itulah berkenaan dengan B.1 Tuan Pengerusi. Saya ingin sebut sedikit tentang B.7 sekarang. Ini adalah berkaitan dengan tajuk yang dibawa tadi oleh Yang Berhormat Rasah tentang biasiswa yang sekarang diberikan kepada oleh Jabatan Perkhidmatan Awam kepada *student* kita dengan izin yang baru habis peperiksaan SPM. Saya difahamkan penuntut kita yang lulus SPM ini dengan gred 9A2 dan ke atas lebih kurang 12,000. Di antara 12,000 ini ada 6,200 sekurang-kurangnya dengan 9A1 dan ke atas. Inilah lebih kurang jumlahnya. Sekarang kita difahamkan Jabatan Perkhidmatan Awam akan memberi 2,000 biasiswa untuk pengajian di luar negeri dan khususnya di bidang-bidang profesional.

Jadi saya minta kepada semua yang bertanggungjawab dalam hal ini supaya biasiswa-biasiswa ini diagihkan secara adil kepada semua berdasarkan kelayakan mereka dan sebagainya dan kita kena pastikan yang akan dapat 2,000 biasiswa ini adalah yang layak dan kita tidak mahu mendengar selepas ini bahawa yang ada 3A atau 4A yang dapat biasiswa pergi. Manakala ada 11A dan 12A yang tidak dapat dan

sebagainya. Jadi saya minta bahawa pengagihan atau pemberian biasiswa ini dibuat secara terus dan diberitahu selepas biasiswa ini telah dianugerahkan Dewan yang mulia ini boleh diberitahu apakah *breakdown* dari segi siapa yang dapat dan siapa yang tidak dapat dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Itu sahaja cadangan saya Tuan Pengerusi kepada Dewan yang mulia ini. Sekian.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: [Bangun]

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, saya buat keputusan tadi Yang Berhormat. Ada dua lagi Yang Berhormat. Ada dua orang yang bangun Yang Berhormat. Saya sudah buat keputusan tadi Yang Berhormat pasal saya melihat cuma ada dua orang yang bangun dan saya buat keputusan selepas Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Celah, celah sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Silakan menteri.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Saya pun hendak celah juga.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak suka celah?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya tak suka celah. Saya hendak berbahas kalau boleh tapi oleh kerana menteri suka celah saya okeylah. Saya akan celah. Terima kasih.

8.58 mlm.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sama-samalah kita bercelah. Tuan Pengerusi, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada beberapa Ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam peringkat Jawatankuasa Jabatan Perdana Menteri. Yang Berhormat Kinabatangan terutamanya walaupun tidak ada kaitan di sini dia telah membangkitkan berkenaan dengan elaun Parlimen tapi dia pun sudah celah sudah. [Ketawa]

Pihak Parlimen dalam mesyuarat dengan Bahagian Dasar Saraan Kementerian Kewangan pada 14 Mei 2008 telah bersetuju untuk mengadakan mesyuarat susulan untuk membuat semakan semula terhadap elaun dan kemudahan yang dinikmati oleh Ahli Parlimen. Tarikh cadangan masih belum ditentukan lagi. Besar kemungkinan akan diadakan selepas selesai sidang mesyuarat Parlimen pada kali ini.

Yang Berhormat Lipis bertanya berkenaan dengan berapa MP yang dapat pergi dalam AIPA baru-baru ini dan yang akan datang berapa yang boleh pergi. Saya akan beri jawapannya bertulis kerana saya tidak dapat *feedback* di sini.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Gombak, mencelah?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin merujuk kepada Butiran B.7 Jabatan Perkhidmatan Awam.

Saya percaya kerajaan mempunyai *benchmark* ataupun kriteria untuk menentukan penerima biasiswa di bawah program ini. Cuma saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah kita mungkin *expand benchmark* ini dengan izin, ataupun kita memperluaskan tapak *benchmark* dan kriteria ini dan pada waktu yang sama kita letak urutan keutamaan itu mengikut suasana perkembangan semasa. Sebagai contoh, kita harus memberikan keutamaan kepada *top achievers*, dengan izin ataupun *high achievers* ini berdasarkan dua perkara yang utama.

Pertama, soal pendapatan keluarga tersebut. Yang kedua, kita mahu ia *ratio urban* dan *rural* ini juga dipertimbangkan supaya *top achievers* di kawasan estet, di kampung-kampung dapat diberikan keutamaan dalam mendapatkan biasiswa ini. Kerana kebimbangan kita hari ini ialah ramai anak-anak Malaysia yang berjaya sama ada di estet ataupun di kampung-kampung tetapi tercicir untuk mendapatkan peluang biasiswa ini.

Akhirnya mereka terpaksa merujuk kepada *ASEAN Scholarship* dan kebimbangan kita ialah ramai di antara penerima *scholarship*, biasiswa ASEAN ini akhirnya mereka *settled down* di negara-negara jiran khususnya Singapura dan akhirnya negara kita akan kehilangan *top brains* di kalangan anak-anak Malaysia.

Jadi, kalau kerajaan boleh menimbangkan supaya urutan keutamaan ini diteliti semula dengan memberikan perhatian kepada soal pendapatan dan juga kedudukan *urban* dan *rural* pelajar-pelajar berkenaan. Terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, saya ada perkara yang sama. Boleh celah sedikit tak?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti biar saya jawab dahulu. Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya ingat tidak suka mencelah. Beri peluang, mencelah juga ya. Okey, tidak mengapa.

Saya ingat Yang Berhormat punya pandangan itu baik kerana masalah sekarang ini ialah kita terpaksa seimbang di antara mereka yang latar belakang kurang pendapatan, tetapi dalam hal yang sama juga yang kita kena titik beratkan ialah pelajar itu. Jadi nampaknya kalau pelajar itu dia *top achiever*, tetapi datang dari keluarga yang kaya, maka dia tidak dapat peluang. Saya ingat ini pun tidak adil juga. Jadi, saya bersetuju untuk menyampaikan cadangan Yang Berhormat apabila saya bawakan perkara ini nanti kepada pihak JPA.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Minta penjelasan sedikit.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Belum, belum.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya minta penjelasan mencelah sedikit Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan pemberian biasiswa kepada *high achievers* tetapi saya juga ada mencadangkan, untuk biasiswa di kalangan pelajar-pelajar Melayu. Ini bukan masalah bersifat perkauman.

Untuk *high achievers* saya menyokong, tetapi dalam usaha kita hendak mengimbangi antara kaum dan manakala biasiswa itu pula adalah terjamin dalam Perlembagaan untuk orang Melayu di bawah fasal 153, 154. Ini kita tukar dengan hak kerakyatan dahulu. Saya terpaksa bercakap sebab saya Bebas. Parti-parti lain tidak boleh bercakap, sebab mereka takut, masalah mereka takut hilang undi.

Jadi saya terpaksa bawa perkara ini sebab ini menyentuh perasaan saya. Sebab itu saya menyokong keutamaan yang diberi kepada *high achievers* dan untuk semua kaum untuk kaum-kaum lain, tetapi untuk kaum bumiputera dia mesti ada *benchmark* dia sendiri. Katakanlah 5A, 3A, tetapi kalau dia ungkit atas asas *high achievers*, maka orang Melayu masih lagi banyak yang mundur terutamanya di luar bandar. Yang sekolah-sekolahnya belum lagi ada kemudahan sempurna untuk mencapai sasaran *high achievers* ini berbanding dengan pelajar-pelajar di bandar.

Jadi sebab itu, saya cadangkan sewaktu perbahasan di peringkat dasar sebelum ini, saya mengatakan 10A kita sokong, tetapi untuk pelajar-pelajar bumiputera malah dia patut diberi tanpa mengira berapa dapat A, tetapi atas asas pengukuran *excellent* pencapaian, maka kita tetapkan 5A ataupun 6A dan ini mesti dipertahankan sebab ini hak istimewa orang Melayu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Perlembagaan. Kena faham ini Yang Berhormat. Yang Berhormat belajar undang-undang, kalau tidak faham, belajar dengan saya. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma Yang Berhormat sekarang agak ketinggalan zaman. *High achievers* di kalangan orang-orang Melayu itu pun tinggi. Itu hakikat yang kita kena terima. Kalau 20 atau 30 tahun dahulu, untuk mencukupi jumlah kita hendak hantar, dia tidak mencukupi bumiputera ini, kita ambil yang gred 2 juga hantar.

Itu 30, 40 tahun dahulu, tetapi sekarang yang Melayu bumiputera *high achievers* ini pun, saya rasa berlari kita boleh dapat. Jadi, kenapa saya hendak mengatakan bahawa kita terpaksa menggunakan Dasar Ekonomi Baru kerana hendak membantu pelajar Melayu yang tidak layak, saya ingat tidak berbangkit dah. Yang tidak layak, tidak ada, yang layak itu ramai yang kita kena beri. Itu yang pertama.

Kedua, kalau kita hendak imbangkan tentang perlu kita beri kepada bumiputera mengikut kita mengimbangkan di antara bumiputera dengan bukan bumiputera, tetapi kalau sampai 80% diberikan kepada bumiputera, dan 20% hanya kepada bukan bumiputera, saya ingat hendak suruh saya jawab hendak beritahu statistik ini, saya pun malu. Saya rasa cukup tidak adil, cukup tidak adil.

Sebab itu, saya berusaha untuk memastikan sekurang-kurang kepada yang bukan bumiputera, mereka faham juga tetapi takkanlah sampai 80 kepada 20 nisbahnya. Saya rasa di kalangan bumiputera kalau kita katakan 60:40, mereka boleh terima...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Kalau begitu Yang Berhormat, celah, celah...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi sebab itu...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Kalau begitu, okeylah. Saya pun sama juga dengan Yang Berhormat. Bukanlah 60:40, cuma bila disebut, 3A, 4A itu macam seolah-olah orang-orang Melayu ini tidak ada pencapaian.

Cuba Yang Berhormat baca, laporan hasil daripada Kongres Cendekiawan Melayu di Johor baru-baru ini. Selepas itu, persidangan yang dibuat oleh GABEM. Ada angka-angka statistik yang menunjukkan kedudukan kaum bumiputera dalam bidang profesional pendidikan ini jauh ketinggalan lagi. Jadi, itu yang saya maksudkan. Bukan saya hendak menidakkan kepentingan kaum lain, tetapi janganlah meletakkan kaum bumiputera sama dengan kaum lain dalam banyak perkara sebab ini soal dalam Perlembagaan, kita tukar dengan kerakyatan dahulu. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Saya faham apa Yang Berhormat...

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Pohon saya mencelah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Pontian.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, Pontian?

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: *[Mengangkat kedua-dua belah tangan]*
[Ketawa]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Pontian, hendak tanya apa pula? Tidak habis lagi ini...

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Pusing sini...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Pontian, biar saya jalan sedikit. Biar saya jalan, sekejap lagi saya bagi. Saya pun tahu Yang Berhormat Pontian, suka mencelah juga. Ini baru ada keputusan yang terakhir, macam pilihan raya pula.

Ini berkenaan dengan Yang Berhormat Lipis, kehadiran AIPA. Yang Berhormat Lipis dekat belakang sana. Yang lepas ini, Ahli Parlimen daripada Malaysia yang hadir ialah 14 orang termasuk Yang Berhormat Kepong. Tidurkan Yang Berhormat? *[Ketawa]* Saya menjawab, janganlah tidur. Ya? Tidak tidur? Tidur? Ha, tengok!!

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Menganggukkan kepala]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, saya beritahu yang hadir AIPA baru-baru ini, yang dahulunya AIPO, hari ini dia menjadi AIPA, yang hadir 14 orang Ahli Parlimen Malaysia termasuk Yang Berhormat Kepong. Betulkan? Dengan Tumpat. Saya kena minta maaf, saya sebenarnya lembut menjawab, tetapi dia kata saya kasar. Mungkin Yang Berhormat ini lelaki lembut kot. Jadi, saya akan cuba *be gentle*, lembut lagi.

Setiap negara menghantar lebih kurang 17, 17 Yang Berhormat Lipis. Insya-Allah di Singapura ini, kalau dibenarkan untuk hantar lebih, kita hantarlh Singapura dekat sahaja. Hendak hantar 20 pun boleh, terpulanglah kalau Yang Berhormat Lipis hendak pergi tolong beritahu saya ya. Kita boleh hantar.

Kemudian, Yang Berhormat dari Pokok Sena, *ASEAN Parliamentary Forum* ini. Yang Berhormat, forum ini sebenarnya ia merupakan satu forum di mana kita mengadakan forum ini di antara lain ialah untuk berkenalan di antara sesama lain, *exchange your views*. Sebenarnya, arwah bapa saya tahun 76 dahulu sudah hadir, *ASEAN Parliamentary Meeting*, tahun 76 dahulu.

Jadi bermakna tahun demi tahun kita adakan dan inilah tujuannya supaya kita apabila ASEAN itu ditubuhkan maka dimahukan supaya di setiap *level* mesti ada interaksi, peniaga-peniaganya, pegawai-pegawainya, kementeriannya, tenteranya, belianya maka termasuklah kita Ahli-ahli Parlimen. Jadi sebab itulah, kita adakan berapa kali Yang Berhormat Kepong, setiap tahunkah AIPA ini?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Anggukkan kepala*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Setiap tahun, dia pakar, pakar rujuk. Jadi kita adakan setiap tahun, maka tujuannya adalah untuk kita senantiasia ada hubungan di antara satu negara di kalangan *law makers*.

Jadi kalau Yang Berhormat tanya, apakah sebenarnya kesan forum ini, saya rasa kesannya sudah tentulah baik kerana dia akan memberikan kita lebih persefahaman di antara satu sama lain dan sudah tentu, kalau ada apa-apa masalah yang dihadapi di antara negara-negara kita, kerajaan-kerajaan negara berkenaan mungkin ianya juga boleh diselesaikan menerusi *the law makers* yang berjumpa pada setiap tahun ini. Yang Berhormat hendak pergilah itu, tidak apa, kita pastikan di Singapura Yang Berhormat pergi selepas ini ya, terima kasih.

Kemudian harga kantin mahal, saya akan bagi tahu kepada operator. Janganlah, orang datang bekerja jangan *charge* mahal sangat. Lagi pun saya rasa sewa pun tidak tinggi sangat, *air-cond* pun kita bayar. Jadi di mana *cost* dia. Saya amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Pokok Sena yang prihatin terhadap mereka yang menggunakan kantin.

Kemudian Yang Berhormat bagi Pasir Mas, saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Kalau kita hadir ke mana-mana majlis forum antarabangsa, *simple* biasa sahaja datang. Kemudian dia umum Perdana Menteri atau Presiden datang selepas itu mungkin lagu Negaraku, selepas itu berucap, jabat-jabat tangan kemudian dia pun celah. Okeylah macam itu, benda ini dibuat selalu, macam AIPA, Yang Berhormat bagi Kepong, ASEAN ada berapa orang? Tinggal berapa orang ahli kita, 14?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: 12 orang.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidur ke Yang Berhormat bagi Kepong? 14? [*Ketawa*]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: 12.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: 12, betul? Kalau 12, 12 tahun sekali kita buat. Jadi, saya pun setuju sebab bukan seminar itu yang kita buat, ini hendak buat Komanwel lagi. Kita buat biasa sudahlah. Tidak payahlah *elaborate* sangat. Akan tetapi kadang-kadang kita ini orang Malaysia memang kita ini hendak tunjuk kita...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Menunjuk kepada orang.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hendak bunuh orang?

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Menunjuk kepada orang.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ah, kita selalu hendak tunjuk kepada orang. Sebab mungkin kita bersaing, tetapi saya akan mencadangkan supaya kita belanja berhemah kepada jawatankuasa yang akan mengadakan *Conference CPA* tidak berapa lama lagi pada bulan Ogos di Kuala Lumpur. Ya, Yang Berhormat, sebenarnya kita dalam perancangan...

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat, mohon mencelah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Siapa hendak mencelah? [Sambil mencari Ahli Yang Berhormat yang bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat bagi Kuantan Yang Berhormat. [Ketawa]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Allah...

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Boleh saya ke belakang sedikit?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat lain kali jangan kata hendak mencelah Yang Berhormat. [Ketawa]

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: *Sorry, sorry.* [Ketawa] Saya bermaksud *intervene*. Saya mohon maaf. Terpulang kepada Yang Berhormat hendak *interpret* macam mana.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, ya.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih. Saya hendak ke belakang sedikit, boleh?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat...

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Maksud saya berkenaan dengan kantin, makanan tadi. Saya tidak sempat hendak bertanya pada ketika itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, okey, boleh.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Dalam satu soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan tender terbuka sama ada ianya dilakukan dalam penyelenggaraan Parlimen. Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa tender terbuka hanya kepada penyelenggaraan kolam, yang lain tidak. Jadi berbalik kepada soalan kantin tadi, saya tengok di *serviettes* itu bahawa *caterers* kita adalah PWTC.

Saya hendak tanya di sini, tadi ada mengatakan bahawa mahal, maka soalan saya keuntungan itu pergi kepada tuan punya PWTC yang kita tahu adalah UMNO. Jadi bukankah di situ sesuatu yang tidak kena. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, Parlimen ini bebas, dia bukan UMNO punya, Parlimen ini bebas kita punya semua. Jadi kalau hendak dikatakan kita keluarkan tender dan kita beri kepada PWTC ada kaitan, sebenarnya tidak. Sebab saya sebagai Menteri saya tidak duduk sebagai Pengerusi Tender. Jadi tidak ada *conflict of interest*. Sebenarnya semua ini dilakukan oleh Pentadbir Parlimen. Jadi di situ tidak ada *conflict of interest* kerana mereka bebas. Jadi kalau saya sebagai Menteri, saya duduk sudah tentu mungkin Yang Berhormat ada sedikit betul dalam perkara itu.

Sebenarnya yang mengeluarkan tender dan memutuskan adalah Parlimen pentadbirannya. Kemudian untuk kita ada perancangan sebenarnya, kita tidak akan keluarkan Parlimen ini daripada kawasan ini. Kita ada perancangan untuk membesarkan bangunan Parlimen ini supaya ianya akan lebih dapat memenuhi keperluan Parlimen pada tahun 2008 dan yang akan datang.

Jadi oleh sebab itu kita ada perancangan untuk mengadakan satu kompleks Parlimen dan apa Yang Berhormat bagi Pasir Mas sebut itu, saya kira kita akan ambil pertimbangan mungkin daripada kita pada hari ini belanja wang, bagi tempat kepada orang-orang kita untuk duduk di hotel pilihan mereka, lebih baik mungkin kita ada hotel yang sederhana, yang boleh diduduki oleh Ahli-ahli Parlimen dengan *entrance* yang asing dari sini.

Ini semua dari perancangan, oleh kerana dalam perancangan kita akan ambil kira pandangan Yang Berhormat itu supaya lain kali kalau kita ada Majlis Parlimen, kita boleh adakan di situ dan jika Parlimen tidak bersidang kita juga mungkin boleh sewakan Dewan itu kepada orang ramai. Mungkin boleh dipanggil Parlimen Hotel. Itu satu cadangan yang cukup baik daripada Yang Berhormat bagi Pasir Mas, dan sudah tentu saya pastikan minta kepada pihak pentadbir untuk mengambil kira cadangan yang cukup bernas itu.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mahukan kepada *select committee*. Saya tidak ada halangan sebenarnya.

Sebenarnya dalam pembentukan *standing committee* kita sudah lantik *selection committee*, kemudian kita akan lantik kita punya *standing committee*. Untuk mereka membuat pindaan yang tertentu, mengubahkan peraturan mesyuarat dan tentukan skop *standing committee* tersebut, dan ini terpulanglah kepada majlis untuk diputuskan nanti.

Kita minta supaya kita punya *selection committee* pilih dia punya *standing committee*, *house committee* semua dan pada ketika itu kita suruh mereka pinda *standing order* semua untuk membolehkan kita membesarkan skop *select committee*. Itu terpulang semuanya kepada kita dan saya harap supaya Ahli-ahli Parlimen akan dapat memainkan peranan untuk memberikan *feed back* kepada *selection committee* kita yang terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen yang telah kita lantik semalam.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat bagi Machang.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Menyentuh hal Parlimen, bukan sahaja soal kemudahan fizikalnya, Parlimen juga akan lebih dilihat dari sudut keupayaannya berfungsi memenuhi tujuan sebenarnya.

Saya cuma mahu mendengar pendirian kerajaan sementara kita mempunyai pelbagai persidangan yang melibatkan kita boleh bercampur gaul mengenali Ahli-ahli Parlimen yang lain, kita juga berpeluang untuk mengikuti perjalanan sistem Parlimen sesebuah negara jiran. Saya mengambil contoh, misalnya pengalaman saya dan Yang Berhormat bagi Batu, tatkala dilantik untuk menduduki Jawatankuasa Hal Ehwal Hubungan Luar Parlimen Thailand.

Pada ketika itu terjadi peristiwa pembunuhan beramai-ramai di Keresek dan juga di Takbai. Parlimen Thailand menubuhkan sebuah jawatankuasa khusus untuk menangani peristiwa tersebut dan kumpulan *civil society* dan juga wakil-wakil dari negara jiran. Dalam kes ini saya dan Yang Berhormat bagi Batu berpeluang dan mekanismenya itu saya fikir barangkali boleh juga kerajaan kita fikirkan, di mana kita berpeluang misi *fact finding* atas nama Parlimen Thailand biarpun kita tidak mewakili Parlimen mereka. Kita ke kampung di mana peristiwa berlaku, kita menemui keluarga mangsa terbabit.

Kita berdepan dengan pasukan polis, *patrol border team*, *pasukan military*. Kita berdebat dan berhujah berapa ramai sebenarnya *casualties*, kenapa berlaku demikian, ditembak di depan ataupun di belakang. Kita berpeluang ke penjara Thailand, Antara *missing list* yang dilaporkan secara rasmi dan mengikut *fact finding* diberitahu oleh keluarga mangsa bahawa jauh lebih besar daripada itu. Keterbukaan itu sehingga membolehkan jawatankuasa ini mengemukakan cadangan sampai ke peringkat Perdana Menteri.

Jadi, apakah pendirian kerajaan kita dalam kes-kes yang sebegini? Apakah kita boleh pergi sampai ke tahap itu selain kita memperkatakan tentang kehebatan bangunan dan lain-lain? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dalam suasana pentadbiran sekarang, di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang nampak lebih terbuka dan sanggup untuk menerima pandangan daripada rakyat jelata, sehinggakan pada hari ini dia juga sanggup untuk ada keterbukaan dan mengadakan reformasi dalam soal kehakiman (*judiciary*) dan juga dalam bidang rasuah akan dijadikan satu badan kepada suruhanjaya.

Jadi, dalam suasana keterbukaan yang wujud pada hari ini, ia sudah tentu menjanjikan kepada suatu masa hadapan yang cukup terbuka, *why not?* Sampai masanya nanti kita akan cuba apa yang telah Yang Berhormat cadangkan, juga cadangan yang baik daripada Yang Berhormat Machang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kubang Kerian juga bertanya tentang INTAN. Dia membangkitkan berkenaan dengan Ketua Setiausaha Negara yang tidak mesra. Dalam hal ini, saya rasa andaian terhadap Ketua Setiausaha Negara ini tidak berapa syok sedikitlah. Saya rasa sesetengah orang itu mungkin disebabkan fil dan perangnya. Sebagai contohnya, saya tengok seperti Yang Berhormat Sungai Siput, dia seorang yang serius.

Begitu juga dengan Yang Berhormat Kuala Selangor, dia serius tetapi tidak bermakna dia tidak mesra. Ya, saya tengok Yang Berhormat Siput, kalau saya lihat kepadanya mungkin saya rasa hendak tegur dia pun tidak berani tetapi dia adalah seorang yang lemah lembut apabila kita kenal dia. Begitu juga Kuala Selangor, saya tengok dia macam serabut, pening dan selalu memikir.

Jadi kita tidak boleh, daripada apa yang kita lihat terus membuat andaian bahawa dia tidak mesra. Tuhan bagi kita masing-masing wajah yang tertentu. Macam saya sudah tentulah, daripada jauh pun orang sudah benci. Ramai yang marahkan saya tetapi sebenarnya saya ini seperti orang Melayu kata, tidak kenal maka tidak cinta. Kalau sudah kenal baru cinta. Jadi, saya rasa *it's not fair* bagi saya, tetapi tidak mengapa Yang Berhormat, bagus juga dibangkitkan perkara ini.

Walaupun begitu, dalam keadaan dia nampak tidak mesra dengan wajahnya tetapi yang pentingnya kepada kita ialah *delivery system* yang dijanjikan itu mesti berjalan. Tidak ada gunanya seorang yang ada *PR*, bila berjumpa dengan dia semuanya boleh, "okey, okey". Bila jumpa dia, "KSN boleh buat ini?" "Okey!". Okey, okey, bila pusing tidak ada yang okey.

Saya lebih suka seorang yang mungkin serius tetapi *delivery system* yang dijanjikan itu berjalan dengan baik. Sebagai contohnya, ada peningkatan daripada segi penyampaian perkhidmatan awam ini. Bagi kontraktor-kontraktor dan pembekal-pembekal, segala pembayaran bil yang mereka tuntutan itu dalam masa 14 hari sahaja mereka hantar, sudah dapat. Dalam masa 14 hari *claim* sudah dapat.

Saya ingat dalam soal ini keberkesanan seseorang itu sebagai ketua banyak bergantung pada *result* dia, *not so much PR*. Maklumlah di bawahnya mungkin beratus ribu pekerja dan dia menjadi ketuanya. Jadi kadangkala dia kena serius sikit dan kadangkala dia boleh senyum. Itu sudah tentu perkara-perkara yang difahamkan oleh beliau. Namun saya akan cuba juga sampaikan kepada KSN mengatakan Yang Berhormat Kubang Kerian minta kalau boleh senyumlah sikit. Itu sahaja, tetapi saya rasa yang penting keberkesanan kerjanya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga bertanya tentang INTAN. INTAN sentiasa mengikut perkembangan semasa di dalam memberikan latihan kepada penjawat awam. Penekanan utama adalah dari aspek sikap (*attitude*), kemahiran (*skill*) dan pengetahuan (*knowledge*). INTAN telah menetapkan misinya untuk membangunkan anggota perkhidmatan awam yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan serta nilai-nilai akauntabiliti, integriti dan etika kerja yang tinggi.

Kursus-kursus terkini seperti *decision making, coaching and mentoring, critical thinking, strategic management* dan sebagainya telah dilaksanakan. INTAN turut menjemput pakar-pakar dalam bidang tertentu seperti dari Havard University di dalam programnya. Semua ini telah dibuat oleh INTAN untuk memajukan perkhidmatan awam.

Yang Berhormat Kepong... Yang Berhormat, bangunlah - tidur! Saya hendak jawab soalan Yang Berhormat. Saya faham Yang Berhormat ini doktor kulit, ya? Yang Berhormat janganlah marah saya. Padang Rengas ini, pokok rengas ini gatal. Jadi kalau orang gatal kulit dia boleh berjumpa Yang Berhormat, *business* boleh tinggi lagi. Jangan hina saya.

Yang Berhormat Kepong cuma menyebut mengenai Parlimen ASEAN. Parlimen ASEAN ini saya kira satu perkara yang selalu dibangkitkan. Yang Berhormat betul, Indonesia, Filipina - pertamanya sudah tentulah Indonesia merupakan sebuah negara yang besar, dia ada berfikir untuk hendak *terminate ASEAN Parliament* ini.

Filipina juga merupakan negara yang besar, tetapi Yang Berhormat saya kira ini merupakan satu perkara yang agak jauh lagi untuk kita memikirkannya. Namun tidak salah untuk dalam setiap kali kita berjumpa kita membangkitkan perkara ini dan untuk mendapatkan jawapan yang lebih tepat saya akan merujuk kepada Menteri Luar Negara untuk memberi jawapan kepada Yang Berhormat Kepong.

ASEAN Parliament ini memang masih dalam peringkat perbincangan di antara negara-negara anggota-anggota AIPA, belum ada sebarang resolusi dalam perkara ini. Yang Berhormat pun tahu kerana selalu hadir.

Yang Berhormat Rasah bertanya berkenaan dengan pinjaman kepada pelajar-pelajar yang cemerlang di dalam negara atau belajar di IPTS. Yang Berhormat pun tahu bahawa pinjaman untuk mereka di dalam negara diberi oleh PTPTN - itu ada. Maknanya pinjaman untuk diberikan kepada mereka yang mahu belajar di dalam negara diberi oleh PTPTN.

JPA ada menyediakan skim pinjaman yuran pengajian yang memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar di luar negara. Pinjaman ini adalah untuk membayar yuran pengajian dari jumlah maksimum pinjaman iaitu sebanyak RM200,000. Pelajar boleh dipertimbangkan untuk diberi pinjaman sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam laman web JPA. Jadi, untuk pinjaman pelajar di luar negara maksimumnya RM200,000 boleh kita berikan asalkan dia memenuhi syarat dan syarat-syarat ini semua ada dalam laman web JPA.

Tuan Pengerusi, boleh saya sambung esok?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi, Rabu, 28 Mei 2008.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.30 malam.